



SIRI 2 2021

# ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB & KETAMADUNAN



PENYUNTING:

MOHD ZAKI AHMAD  
NORMAH HUSIN  
ZAINAB HASSAN  
NOR AZHAN NORUL 'AZMI

**ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM  
PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB DAN  
KETAMADUNAN**

**SIRI (2) 2021**

# **ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB DAN KETAMADUNAN**

## **SIRI (2) 2021**



**PENYUNTING**

MOHD ZAKI AHMAD  
NOR AZHAN NORUL 'AZMI  
NORMAH HUSIN  
ZAINAB HASSAN

**PENERBIT FPPI**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
2021

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2021

Hak Cipta / *Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2021

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bandar Seri  
Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>

03-8911700 ext: 7167

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB DAN  
KETAMADUNAN. SIRI II 2021 /

PENYUNTING: MOHD ZAKI AHMAD, NOR AZHAN NORUL 'AZMI,  
NORMAH HUSIN, ZAINAB HASSAN.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2808-10-7

1. Arabic language--Study and teaching.
  2. Language and languages--Study and teaching.
  3. Islamic education--Malaysia.
  4. Islamic religious education--Malaysia.
  5. Electronic books.
- I. Mohd Zaki Ahmad. II. Nor Azhan Norul 'Azmi. III. Normah Husin.  
IV. Zainab Hassan.  
92.7071

## KATA ALU-ALUAN

Segala pujian dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Ahli Keluarga Baginda dan Para sahabat. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkan sepatchah dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak pengurusan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).

Ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan Jawatankuasa Penganjur International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2021) yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong Fakulti dan KUIS meneruskan jihad pendidikan bagi menggalas tanggungjawab ummah. Tahniah juga kerana berjaya menerbitkan buku digital yang berjudul *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan Siri (2) 2021* bersempena dengan penganjuran Seminar Antarabangsa Pengajian Peradaban Islam (*International Conference on Islamic Civilisational Studies/IConICS 2021*) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2021. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku digital ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel.

Islam merupakan agama yang bertujuan untuk mengatur kehidupan manusia (*way of life*) dalam setiap dimensi kehidupan dan peredaran zaman. Islam menjadi instrumen yang amat penting dalam pembangunan ummah dan pendidikan walaupun ketika ini kita sedang berhadapan dengan pandemik Covid 19. Islam yang bersifat dengan kesempurnaan dan kesejagatannya sangat relevan dalam mendepani pandemik ini.

Terdapat pelbagai isu-isu kontemporari dalam dunia masa kini khususnya berkaitan dengan pandemik covid 19 dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu, di samping kaedah dan pendekatan semasa dalam penyampaian dan penerapan ilmu dalam kalangan pelajar dalam keadaan pengaruh teknologi yang sangat memberi kesan kepada mereka. Selain itu, isu-isu lain seperti pemisahan antara ilmu aqli dan naqli, proses pengajaran yang berkonsep *knowledge transfer* tanpa elemen pendidikan (*tarbiyah*) dan lain-lain juga perlu diberikan perhatian serius.

Diharapkan dengan penerbitan buku digital (e-book) ini dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Islam. Semoga usaha ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi demi memperkasa usaha dakwah di jalan Allah SWT.

Sekian, Salam hormat.

### **DR. MD NOOR BIN HUSSIN**

Dekan,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

## SEULAS BICARA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi sebaik-baik nikmat berupa iman dan Islam. Selawat dan salam diucapkan selalu kepada Nabi agung Muhammad SAW beserta keluarga dan para sahabat baginda semuanya. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan e-buku ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukarkan sepatuh dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak pengurusan fakulti. Pemahaman dan penghayatan sebenar nilai-nilai Islam dalam aspek pendidikan diyakini mampu untuk menangani isu-isu kontemporari yang timbul dalam menterjemahkan maksud sebenar pendidikan dalam Islam. Antara solusi yang terpenting ialah pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu semasa dengan ilmu-ilmu turath yang berteraskan kepada kefahaman yang jelas terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Kepelbagaiannya teknologi baharu yang mencorakkan landskap kehidupan moden perlu dikuasai di samping asas-asas penting aqidah, fiqh, dakwah, akhlak, bahasa arab dan sebagainya. Saidina Ali RA berpesan

*“Didiklah (persiapkanlah) anak-anakmu atas hal yang berbeza dengan keadaanmu (sekarang) kerana mereka adalah manusia yang hidup untuk satu zaman yang bukan zamanmu (sekarang).”*

Semoga penerbitan e-buku ini akan memberi impak yang sangat besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara berteraskan pengajian Islam. Buku ini juga diharap mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

USTAZ MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD  
Pengarah IConICS 2021,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## PRAKATA

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Al-hamdulillah*, segala pujian bagi Allah SWT Pencipta alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat untuk sekalian alam.

Buku digital ini merupakan hasil daripada himpunan beberapa buah artikel terpilih daripada pembentangan Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS) 2021 anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Buku ini bertemakan *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab Dan Ketamadunan Siri (2) 2021* yang mengandungi isu-isu kontemporari berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang bahasa dan linguistik Arab, kesusasteraan Arab, dan isu-isu ketamadunan Islam sebagai fokus kajian.

Tema tersebut dipilih untuk memberi kebebasan kepada para akademia dan linguis untuk membincangkan isu-isu yang berkait rapat dengan dunia profesion dan akademik mereka. Penganjuran seminar pada kali ini telah diadakan buat kali kedua secara dalam talian pada 26 hb Ogos 2021. Sebanyak 23 artikel dipilih untuk didokumentasikan secara digital. Kerja-kerja penyusunan dan penyuntingan artikel-artikel tersebut dilaksanakan oleh Mohd Zaki Ahmad, Nor Azhan Norul 'Azmi, Normah Husin, dan Zainab Hassan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ustaz Mohamad Redha Mohamad, Pengarah IConICS 2021 kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk menyunting karya ini bagi manfaat para akademia, liuguis, pengkaji dan pelajar, khusus untuk warga KUIS. Kami juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada para penyumbang artikel tempatan dan luar negara atas usaha murni dalam menerbitkan buku digital ini. Sehubungan dengan itu, kepelbagaian tema-tema penulisan artikel mereka akan memberikan manfaat kepada para pembaca alam maya.

Sekian, selamat membaca.

MOHD ZAKI AHMAD  
NOR AZHAN NORUL 'AZMI  
NORMAH HUSIN  
ZAINAB HASSAN

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
KUIS

## ISI KANDUNGAN

Halaman

KATA ALU-ALUAN	iv
SEULAS BICARA	v
PRAKATA	vi
ISI KANDUNGAN	vii
PENDAHULUAN	xii

BAB 1	<b>PENGGUNAAN BAHASA ARAB SEMASA PDPC MATA PELAJRAN KBD DALAM KALANGAN GURU SABK</b>	1-9
	Muhammad Haron Husaini, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Shafiq Mat Razali & Diyak Ulrahman Mat Saad	
BAB 2	<b>بین التأهیل المهني والمهارة اللغوية عند مدرسي اللغة العربية الملايویین في المدارس الدينية المالیزیة</b>	10-13
	Yaakob Hasan, Abdul Razif Zaini & Norfaezah Mohd Hamidin	
BAB 3	<b>PENGAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN TUGASAN (KPBABT) DALAM TALIAN</b>	14-24
	Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abdul Rahman & Wazzainab Ismail	
BAB 4	<b>PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN: PERSEPSI PELAJAR SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (BAHASA ARAB TERJEMAHAN) DI KUIS</b>	25-35
	Nasimah Abdullah & Mohd @ Mohamed Mohamed Zin	
BAB 5	<b>مدى تفاعلية التعليم والتعلم عن بعد لدى الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنخور</b>	36-41
	نورمه بنت حسين	
BAB 6	<b>PENERAPAN MOTIVASI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB: SATU SOLUSI</b>	42-51
	Mohd Zaki Ahmad & Ithar Hanani Mohd Zaki	
BAB 7	<b>PANDANGAN PELAJAR DAN PENSYARAH MENGENAI ASPEK CORAK PEMBELAJARAN PELAJAR DALAM MENGUASAI KEMAHIRAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PSMBA DI IPTA MALAYSIA</b>	52-61
	Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali & Mohd Rofian Ismail	

BAB 8	<b>PANDANGAN PELAJAR DIPLOMA BAHASA ARAB TERHADAP PERSEKITARAN PEMBELAJARAN SEBAGAI FAKTOR PENINGKATAN KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA</b>	62-70
	Mohd Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Maromar & Saupi Man	
BAB 9	<b>ANALISIS LATIHAN SUB-SUB KEMAHIRAN MEMBACA DI DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB TINGKATAN 2 KSSM</b>	71-78
	Muhammad Fahim Najmi Nasharuddin & Nik. Mohd Rahimi Nik Yusoff	
BAB 10	أثر استخدام استراتيجية النمذجة في تنمية مهارات التفكير الناقد في مادة اللغة العربية لدى طلبة جامعة العلوم الإسلامية الماليزية روسيلاواتي بنت رملن & غزالى بن زين الدين	79-98
BAB 11	تقييم قابلية استخدام تطبيق i-Rehlah لبناء على منهجية فاري دلفي محمد عمران بن أحمد، محمد نجيب بن جعفر، نقيبة بنت منصور & أحمد شكري بن عدنان	99-110
BAB 12	<b>PENGUASAAN ISTILAH BAHASA ARAB DALAM BIDANG FEQAH DI KALANGAN PELAJAR</b>	111-118
	Md Noor Hussin & Husni Abdullah	
BAB 13	<b>SAIZ KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PENUTUR BUKAN PENUTUR JATI DI MALAYSIA DAN INDONESIA</b>	119-127
	Abdul Razif Zaini, Yoyo, Yaakob Hasan, Muhammad Harun Husaini & Naqibah Mansor	
BAB 14	الدراسة الوصفية في التوظيف النحوی محمد نور بن حسين	128-136
BAB 15	أهمية الدراسة البلاغية في فهم النصوص القرآنية مريم بنت داود	137-146

BAB 16	<b>TERJEMAHAN AYAT BERUNSUR HADHF AL-JUMLAH DALAM SŪRAH YĀSĪN</b>	147-153
	Mohamad Syukri Abdul Rahman, Md Noor Hussin, Muhammad Daoh, Ahmad, Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Salman Zainal Abidin & Sri Andayani Mahdi Yusuf	
BAB 17	<b>PENTERJEMAHAN ELEMEN FIGURATIF BAGI ISTILAH SUFI “WARID” DALAM KITAB AL-HIKAM IBN ‘ATA’ILLAH AL-SAKANDARIY</b>	154-165
	Adnan Mat Ali, Husni Abdullah & Saifulah Samsudin	
BAB 18	<b>IMEJ PARA PEMIMPIN BANI UMAYYAH DARI SISI PUASI AL-NAQA’ID</b>	166-178
	Saifulah Samsudin, Abdul Manan Yusof & Adnan Mat Ali	
BAB 19	<b>قصة سيدنا يوسف عليه السلام بين الأدبين العربي والملايوi:</b> <b>دراسة مقارنة</b>	179-187
	روسما بنت دين، عدلي بن يعقوب & محمد أنوار بن أحمد	
BAB 20	<b>SISTEM PEREKRUTAN PASUKAN JANISSARI DALAM KETENTERAAN UTHMANIYYAH</b>	188-195
	Ezad Azraai Jamsari, Suhaimi Sidek, Zamri Ab Rahman, Adibah Sulaiman & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari	
BAB 21	<b>PERTIKAJAN PERMOHONAN CERAI TALAK TANPA PERSETUJUAN BERSAMA: PENYELESAIANNYA MENURUT UNDANG-UNDANG</b>	196-206
	Zanariah Dimon, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Sharifah Hana Abdul Rahman & Nurhidayah Azahari	
BAB 22	<b>PERTIKAJAN PIHAK-PIHAK TERHADAP KEPUTUSAN HAKAM DALAM KONTEKS PERSELISIHAN KEKELUARGAAN</b>	207-213
	Sharifah Hana Abd Rahman, Zanariah Dimon, Zaini Yusnita Mat Jusoh & Nurhidayah Azahari	
BAB 23	<b>التأمين الإسلامي التكافلي في دولة الإمارات العربية المتحدة:</b> <b>(تجربة قانونية تطبيقية)</b> <b>أحمد محمد سعيد الخلفاوي</b>	214-216

## PENDAHULUAN

Era globalisasi kini memperlihatkan perkembangan ilmu yang begitu pantas. Kemajuan dalam ledakan teknologi maklumat memberi kesan secara langsung atau tidak langsung dalam sektor pengurusan, sistem pendidikan negara dan kehidupan komuniti dunia. Perubahan demi perubahan yang berlaku itu turut membawa bersama isu dan cabaran terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa dan linguistik Arab, kesusasteraan Arab, dan pengajian ketamadunan Islam di pelbagai peringkat pendidikan negara.

Buku digital ini merupakan salah satu warkah ilmiah yang diketengahkan untuk merungkai pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh para akademia dan linguis sebagai usaha memartabatkan ilmu dan pengetahuan umat Islam tanpa batasan sekaligus mengajak pembaca memahaminya dengan acuan saintifik dan berlandaskan teoritis. Untuk meraikan minat pembaca, buku digital ini menyajikan rangkuman artikel dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Namun begitu, penyusunan bab di dalam buku ini tidak terpisah mengikut bahasa supaya naratifnya terus menjalar tanpa sekatan dalam akaliah pembaca.

Buku yang memuatkan dua puluh tiga bab disusun secara sistematik bermula dengan perbincangan isu-isu linguistik am dan gunaan yang meliputi pelbagai aspek, seperti pengajaran dan pembelajaran bahasa, kemahiran bahasa, leksikal, sintaksis, balaghah, terjemahan, kesusasteraan dan diakhiri dengan isu-isu tentang pengajian ketamadunan Islam, seperti sistem perekutan ketenteraan Uthmaniyah, hakam atau timbangtara, dan pelaksanaan undang-undang di mahkamah Syariah, serta insurans takaful Islam.

Bab 1 sehingga Bab 6 merupakan penulisan artikel berkisar tentang isu-isu pendidikan bahasa Arab. Ia merangkumi pelbagai isu dan cabaran tentang tenaga pengajar, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini membincangkan penggunaan bahasa Arab kini digunakan dalam pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran dalam penaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Seterusnya, isu kelayakan profesi sebagai guru bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Malaysia turut menjadi tumpuan kajian. Pengajaran bahasa Arab berdasarkan tugas (KPBABT) dalam talian pula mempunyai matlamat yang sama seperti pengajaran bersemuka, iaitu memastikan pelajar dapat memahami dan menguasai empat kemahiran asas bahasa Arab, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kini, bidang pendidikan telah melalui satu proses perubahan dari bersemuka kepada pendidikan dalam talian. Banyak kekuatan dan kelemahan yang terdapat melalui cara ini. Oleh itu, kajian tentang pembelajaran dalam talian telah dilakukan dengan melihat persepsi pelajar sarjana muda pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) di KUIS. Selain itu, kajian juga dilakukan terhadap sejauh mana pengajaran dan pembelajaran dalam talian menjadi satu pengajaran dan pembelajaran yang interaktif bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran, KUIS. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini merupakan pendidikan norma baharu pada abad 21. Dalam buku ini turut membincangkan penerapan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab sebagai satu penyelesaian. Setiap manusia memerlukan dorongan intrinsik dan ekstrinsik dalam melakukan apa jua perkara. Oleh itu, motivasi sangat diperlukan dalam meneruskan pembelajaran dalam bidang Bahasa Arab khususnya.

Seterusnya, dalam Bab 7 sehingga Bab 10 membincangkan kajian tentang kemahiran bahasa Arab. Penguasaan yang baik dalam kemahiran bahasa dan disiplin ilmu bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. Pandangan pelajar dan pensyarah mengenai aspek corak pembelajaran pelajar dalam menguasai kemahiran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar PSMBA di IPTA Malaysia telah diambil kira. Selain itu, pandangan pelajar diploma bahasa Arab terhadap persekitaran pembelajaran sebagai faktor peningkatan kemahiran menulis bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia turut dikupas.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, salah satu cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan adalah melalui kemahiran membaca. Membaca ini merupakan satu perbuatan seseorang membuat pengecaman bentuk visual dan menggunakan pengalaman untuk mentafsirkan maksud gabungan antara bentuk dengan bunyi. Kajian mengenai latihan sub-sub kemahiran membaca di dalam buku teks bahasa Arab tingkatan 2 KSSM telah dijalankan. Selain itu, isu tentang memartabatkan kemahiran berfikir kritis melalui penggunaan strategi *al-Namdhajah* dalam kalangan pelajar bahasa Arab, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diketengahkan oleh penulis. Seterusnya pada Bab 11 telah membincangkan penilaian kebolehgunaan aplikasi *i-Rehlah* oleh pakar berdasarkan metodologi Delphi. Metodologi delphi merupakan proses yang dilakukan dalam kelompok untuk tinjauan dan mengumpulkan pendapat dari ahli yang berkait.

Bab 12 dan Bab 13 pula telah menumpukan pada isu penggunaan istilah dan kosa kata bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bahasa yang kaya dengan penggunaan istilah dalam semua cabang disiplin ilmu agama seperti fikah, hadis, tafsir dan lain-lain. Dalam buku ini, isu tentang penggunaan istilah dikenangkan kepada pembaca untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar-pelajar terhadap istilah-istilah bahasa Arab yang digunakan dalam bidang Fikah melalui pendekatan kajian literasi. Selain itu, saiz kosa kata bahasa Arab turut dibahaskan oleh penulis bagi merungkai permasalahan penguasaan kosa kata dalam kalangan penutur bukan penutur jati di Malaysia dan Indonesia.

Dalam Bab 14 sehingga Bab 17 memaparkan kajian isu-isu dalam bidang sintaksis, balaghah, dan terjemahan. Kajian deskriptif sintaksis Arab dari aspek penggunaannya telah menjelaskan tatabahasa itu bukan sekadar tatabahasa tetapi turut digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu lain, termasuk ilmu syariah. Kepentingan kajian ilmu balaghah dalam memahami teks al-Quran dilakukan bertujuan bagi menunjukkan pengajaran balaghah adalah untuk memberi pelajar pemahaman tentang balaghah al-Quran secara teori dan praktikal. Dari aspek terjemahan, isu tertumpu pada pemahaman makna di sebalik terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Jumlah* melalui surah Yasin dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks, dan penterjemahan elemen figuratif bagi istilah sufi “Warid” dalam kitab al-Hikam Ibn ‘Ata’illah al-Sakandariy turut sama dibahaskan. Bab 18 hingga 19 pula, mengkhususkan perbincangan kesusasteraan Arab yang dikaitkan dengan imej para pemimpin bani Umayyah dari sisi puisi *al-Naqa’id* dan kisah Nabi Yusuf, antara sastera Arab dengan Melayu melalui pendekatan kajian perbandingan.

Bab 20 sehingga Bab 23 berkaitan dengan kajian sistem perekutan pasukan Janissari dalam ketenteraan Uthmaniyyah. Ia melibatkan tadbir urus ketenteraan dan pengurusan organisasi ketenteraan. Kajian ini juga membincangkan pelaksanaan undang-undang syariah, keputusan hakam dan insurans takaful. Penyelesaian mengikut undang-undang mengenai pertikaian permohonan cerai talak tanpa persetujuan bersama dari aspek undang-undang Islam. Seterusnya pertikaian pihak-pihak terhadap keputusan hakam dalam konteks perselisihan kekeluargaan telah menimbulkan persoalan mengenai keharusan pihak-pihak untuk mempertikaikan keputusan yang telah dicapai dan diputuskan selepas menjalani prosedur hakim.

Kajian berkaitan insurans takaful Islam dari segi perundangan dijalankan bagi membahas konsep kontrak insurans takaful dan skop definisinya, secara linguistik dan idiomatik sebagai kontrak sah, pernyataan mengenai peraturan perundangan dan undang-undang yang mengaturnya, penjelasan mengenai penyesuaian undang-undang insurans takaful, jenisnya kontrak syarikat insurans takaful, kesan keperluan perundangan terhadap insurans takaful sebagai sistem perundangan, dan menunjukkan semua halangan dan cabaran perundangan.

## BAB 1

### PENGGUNAAN BAHASA ARAB SEMASA PdPc MATA PELAJARAN KBD DALAM KALANGAN GURU SABK

Muhammad Haron Husaini<sup>1</sup>, Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>1</sup>, Ahmad Shafiq Mat Razali<sup>1</sup> & Diyak Ulrahman Mat Saad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### Pendahuluan

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ini merupakan suatu usaha kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Sesetengah Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Program ini pernah dicadangkan oleh YB Menteri Pelajaran pada tahun 2002 dan kemudian ia dicadangkan semula oleh Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan adalah sekolah yang didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun begitu, pemilikan tanah dan bangunan dikekalkan seperti sedia ada. SABK ditadbir oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan penerimaan status SABK ini telah memberi peluang dan manfaat kepada pihak sekolah, guru, murid ke arah yang lebih baik (JAPIM 2007).

Secara asasnya, kurikulum yang digunakan di SABK terbahagi kepada dua bentuk iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan Kurikulum Bu'uth al-Azhar atau kini dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Dini. Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di sekolah tersebut adalah kerana ia di bawah tadbir Kementerian Pelajaran Malaysia manakala pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini pula adalah kerana mengambil kira kurikulum asal yang dipakai oleh sekolah tersebut sebelum pertukaran status kepada SABK (Awatif, Mohd Shafie, Muhammad Hashimee, Mohd Zaquwan, Ainon & Muafah 2018).

Melihat kepada aspek kurikulum, kebanyakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) menggunakan kurikulum al-Azhar atau Kurikulum Bersepadu Dini. Oleh sebab itu, hampir semua sekolah yang berstatus SABK menggunakan pakai kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia serta mengekalkan Kurikulum al-Azhar tersebut yang diambil secara langsung dari Universiti al-Azhar Mesir. Berdasarkan perjanjian persefahaman (MoU) antara KPM dan kerajaan negeri yang ditandangani pada 2008 sehingga 2010, terdapat sebanyak 139 buah sekolah berstatus SABK di seluruh negara dan 23 daripadanya ketika itu adalah sekolah yang terletak di negeri Selangor (Maimun, Zaffi & Hanis 2014).

Secara keseluruhannya, SABK menawarkan sebanyak 40 mata pelajaran kepada para pelajar dan ia terdiri daripada mata pelajaran teras peperiksaan umum, mata pelajaran agama dan mata pelajaran Bahasa Arab. Namun begitu, pengelasan dari segi keupayaan setiap sekolah membezakan mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah tersebut. Menurut Ali (2012), daripada 139 buah SABK yang direkodkan sehingga tahun 2010 tersebut, terdapat SABK yang setaraf dengan Sekolah Berasrama Penuh Agama (SBP) seperti Kolej Islam Sultan Alam Shah dan SMAP Kajang, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). SABK yang dikatakan setaraf dengan sekolah-sekolah tersebut antaranya adalah Sekolah Menengah Imtiyaz, Sekolah Menengah Atas Sultan Zainal Abidin, Sekolah Menengah Agama Bestari dan lain-lain (Maimun, Zaffi & Hanis 2014).

Secara dasarnya, SABK boleh dikategorikan kepada 3 kategori iaitu SABK kelas 1, kelas 2 dan kelas 3. SABK kelas 1 adalah pengambilan pelajar tingkatan 1 dengan melihat kepada pencapaian 5A dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), fasih membaca al-Quran dan menulis jawi. Bagi kelas 2 pula, melihat kepada pencapaian yang sama namun syarat pencapaian minimum bagi peperiksaan UPSR adalah 3A. Kelas 3 pula, SABK tidak meletakkan syarat minimum peperiksaan UPSR, bacaan al-Quran dan tulisan jawi. SABK menerima kehadiran pelajar tingkatan 1 yang berminat untuk memasuki sekolah agama dan kategori kelas 3 ini juga menerima kemasukan pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis jawi, buta al-Quran dan kadang-kadang terdapat juga pelajar yang tidak mahir dalam membaca dan menulis rumi dalam kategori kelas 3 ini (Maimun, Zaffi & Hanis 2014). Kewujudan kategori sebegini di SABK membuka ruang kepada pelajar untuk memasuki sekolah agama dan mendapat pendidikan agama secara formal walaupun kepada pelajar yang keputusan peperiksaannya sebelum ini kurang memberangsangkan. Adanya kategori seperti ini di SABK membuka peluang lebih ramai pelajar untuk memasuki sekolah agama.

Kurikulum Bersepadu Dini atau Bu'uth Azhari ini hanya digunakan di SAR dan SABK sahaja (Maimun, Zaffi & Hanis 2014). Oleh itu, penggunaan bahasa Arab adalah sangat dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu, penggunaan bahasa Arab juga penting dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka kerana subjek dalam kurikulum ini melibatkan komponen-komponen pengajian Islam dan bahasa Arab.

## Sorotan Kajian

Terdapat beberapa kajian terdahulu berkenaan dengan pelaksanaan dan penggunaan bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth al-Azhar atau Kurikulum Bersepadu Dini yang dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, antaranya kajian Maimun Aqsha et al., (2014). Kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru bahasa Arab di SABK, mengenal pasti teknik P&P bahasa Arab serta kekerapan penggunaan bahan P&P dalam bilik darjah dan mengenal pasti kandungan kurikulum bahasa Arab di SABK.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan teknik yang betul ketika menjalankan proses PdP bahasa Arab dalam bilik darjah. Ia menunjukkan keselarian dengan kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim (2004), bahawa keberkesanan PdP bahasa Arab di sekolah lebih banyak bergantung kepada kreativiti dan keupayaan guru di dalam dan di luar bilik darjah. Selain itu, hasil kajian tersebut juga menunjukkan bahawa amalan pelaksanaan PdP Bahasa Arab yang positif berlaku di dalam bilik darjah dari perspektif guru dan pelajar juga memberikan pandangan yang sangat positif terhadap teknik pelaksanaan PdP Bahasa Arab di bilik darjah yang digunakan oleh guru mereka. Namun begitu, dalam aspek kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar pula, hasil kajian mendapati ia berada pada tahap yang rendah.

Kajian tersebut berkait rapat dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu berkenaan penggunaan bahasa Arab, Kurikulum Bersepadu Dini dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Namun begitu, kajian tersebut lebih tertumpu kepada teknik dan amalan pengajaran dalam bilik darjah serta bahan bantu mengajar dan ianya melibatkan pelajar dan guru manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dari perspektif guru sahaja.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif dan tinjauan. Kajian deskriptif adalah kajian yang menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005 :96- 98 & Azhar Harun dan Nawi Abdullah) dan kajian tinjauan pula bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkait dengan suatu fenomena tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah tersebut wujud (Mohd.Majid Konting, 2005: 101-102).

Instrumen kajian ini ialah set borang soal selidik yang telah dibina bagi melihat tahap penggunaan bahasa Arab oleh guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Malaysia semasa mengajar mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Kajian ini telah memilih untuk menggunakan 8 item bagi latar belakang responden dan 24 item berkaitan tahap penggunaan bahasa Arab semasa PdP.

Seramai 354 orang guru Dini di SABK dipilih sebagai responden. Pemilihan sekolah dilakukan berdasarkan kepada pembahagian negeri. Bilangan responden bergantung kepada populasi guru Dini yang terdapat di negeri tersebut. Kaedah yang dipilih adalah menggunakan persampelan rawak sistematik. Hal ini kerana prosedur persampelan ini dimulakan dengan menyenaraikan populasi dengan menggunakan angka dan disusun secara rawak. Penentuan nilai gandaan dilakukan dengan membahagikan jumlah ahli populasi dengan saiz sampel sebenar. Seterusnya, pemilihan responden dilakukan di kawasan-kawasan kajian yang dipilih secara rawak dan kesemua guru Dini di SABK yang terdapat dalam kawasan yang dipilih diambil sebagai subjek kajian. Kajian rintis yang merupakan sebahagian daripada kajian lapangan juga telah dijalankan pada 24 oktober 2018 sehingga 28 oktober 2018 di SABK yang terdapat di daerah Hulu Langat dan Sepang.

## Dapatan Kajian

Berikut adalah paparan analisis berdasarkan item-item yang disusun dalam instrumen kajian:

Bil	Item	Kekerapan & peratus (N=322)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CB1	Saya menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran dan pembelajaran KBD.	1 (0.3%)	2 (0.6%)	61 (17.2%)	201 (56.6%)	90 (25.4%)	4.06	0.69	T
CB2	Saya menggalakkan murid menggunakan bahasa Arab semasa proses PdP.	1 (0.3%)	0 (0.0%)	22 (6.2%)	208 (58.6%)	124 (34.9%)	4.28	0.60	T
CB3	Saya rasa selesa semasa mengajar mata pelajaran KBD menggunakan bahasa Arab.	1 (0.3%)	3 (0.8%)	64 (18.0%)	179 (50.4%)	108 (30.4%)	4.10	0.73	T
CB4	Saya menggunakan bahasa Melayu untuk menerangkan konsep yang sukar difahami semasa proses PdP KBD.	1 (0.3%)	2 (0.6%)	29 (8.2%)	176 (49.6%)	147 (41.4%)	4.31	0.67	T
CB5	Saya menggunakan skrip pengajaran dalam bahasa Arab sepenuhnya semasa PdP.	5 (1.4%)	15 (4.2%)	112 (31.5%)	149 (42.0%)	73 (20.6%)	3.76	0.87	ST
CB6	Saya membetulkan ayat atau sebutan perkataan bahasa Arab murid	1 (0.3%)	2 (0.6%)	13 (3.7%)	208 (58.6%)	131 (36.9%)	4.31	0.60	T

	semasa PdP berlangsung.					
CB7	Saya megalakkan soal jawab dalam bahasa Arab ketika proses PdP sedang dijalankan.	0 (0.0%)	2 (0.6%)	32 (9.0%)	203 (57.2%)	118 (33.2%)
CB8	Saya menjawab pertanyaan murid dalam bahasa Arab secara spontan semasa PdP berlangsung.	1 (0.3%)	3 (0.8%)	59 (16.6%)	196 (55.2%)	96 (27.0%)
CB9	Saya akan mengulang kembali isi pengajaran dalam bahasa Arab jika mendapati murid tidak faham semasa pengajaran saya.	1 (0.3%)	5 (1.4%)	39 (11.0%)	186 (52.4%)	124 (34.9%)
CB10	Saya berbincang bersama murid bagi melaksanakan tugasan mata pelajaran KBD menggunakan bahasa Arab semasa PdP dijalankan.	1 (0.3%)	5 (1.4%)	48 (13.5%)	201 (56.6%)	100 (28.2%)
CB11	Saya menerangkan tugasan kelas kepada murid dalam bahasa Arab semasa PdP dijalankan.	2 (0.6%)	5 (1.4%)	57 (16.1%)	200 (56.3%)	90 (25.4%)
CB12	Saya memberikan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks kepada murid semasa PdP dijalankan.	0 (0.0%)	1 (0.3%)	25 (7.0%)	208 (58.6%)	120 (33.8%)
CB13	Saya menyebut perkataan Arab dengan betul tanpa dipengaruhi oleh bahasa pertama (bahasa Melayu) semasa PdP dijalankan.	2 (0.6%)	5 (1.4%)	51 (14.4%)	198 (55.8%)	98 (27.6%)
CB14	Saya suka mengajar menggunakan bahasa Melayu semasa PdP dijalankan.	53 (14.9%)	31 (8.7%)	91 (25.6%)	117 (33.0%)	62 (17.5%)
CB15	Saya menggunakan teknik soal jawab dalam bahasa Arab semasa pengajaran KBD.	2 (0.6%)	3 (0.8%)	37 (10.4%)	218 (61.4%)	95 (26.8%)
CB16	Saya menjawab pertanyaan murid menggunakan bahasa Arab semasa PdP berlangsung.	2 (0.6%)	2 (0.6%)	68 (19.2%)	194 (54.6%)	89 (25.1%)
CB17	Saya menyoal murid mengenai tajuk/topik yang diajarkan dalam bahasa Arab semasa PdP berlangsung.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	36 (19.5%)	217 (30.7%)	102 (33.0%)
CB18	Saya menggunakan teknik simulasi semasa	1 (0.3%)	5 (1.4%)	66 (18.6%)	203 (57.2%)	79 (22.3%)

	pengajaran KBD dengan menggunakan bahasa Arab.					
CB19	Saya menggunakan perkataan baharu semasa pengajaran KBD supaya dapat memperbanyakkan perbendaharaan kata.	1 (0.3%)	2 (0.6%)	48 (13.5%)	201 (56.6%)	103 (29.0%)
CB20	Saya tidak menggunakan kaedah terjemahan semasa PdP berlangsung.	16 (4.5%)	33 (9.3%)	126 (35.5%)	113 (31.8%)	67 (18.9%)
CB21	Saya menerangkan konsep penting dalam buku teks kepada murid menggunakan bahasa Arab semasa PdP berlangsung.	2 (0.6%)	9 (2.5%)	62 (17.5%)	208 (58.6%)	74 (20.8%)
CB22	Saya menjalankan proses PdP dalam kelas (perbincangan/soal jawab/mengkategorisasi/perbandingan dll.) menggunakan bahasa Arab.	0 (0.0%)	2 (0.6%)	65 (18.3%)	208 (58.6%)	80 (22.5%)
CB23	Saya menerapkan nilai murni semasa pengajaran KBD menggunakan bahasa Arab.	1 (0.3%)	4 (1.1%)	24 (6.8%)	215 (60.6%)	111 (31.3%)
CB24	Saya mengadakan perbincangan aktif bersama murid berkaitan sesuatu topik KBD menggunakan bahasa Arab.	1 (5.6%)	0 (0.0%)	52 (14.6%)	209 (58.9%)	93 (26.2%)
Min keseluruhan Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc					4.06	0.44
						T

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min paling tertinggi bagi konstruk Tahap Penggunaan bahasa Arab Semasa PdPc adalah pada kadar 4.31 bagi item CB4 iaitu "Saya menggunakan bahasa Melayu untuk menerangkan konsep yang sukar difahami semasa proses PdP KBD". 91.0% atau 323 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 9.1% atau 32 responden menyatakan tidak bersetuju.

Seramai 339 responden atau 95.5% bersetuju dengan pernyataan pada item CB6 iaitu "Saya membentulkan ayat atau sebutan perkataan bahasa Arab murid semasa PdP berlangsung", manakala 16 responden yang lain atau 4.6% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 4.31 dengan berkongsi kedudukannya sebagai min paling tinggi bersama item CB4 dalam konstruk Tahap Penggunaan bahasa Arab Semasa PdPc ini.

Nilai min kedua tertinggi pula adalah pada kadar 4.28 untuk item CB2 iaitu "Saya menggalakkan murid menggunakan bahasa Arab semasa proses PdP.". 93.5% atau 332 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 6.5% atau 32 responden sahaja menyatakan sebaliknya. 328 responden atau 92.4% bersetuju dengan pernyataan pada item CB12 iaitu "Saya memberikan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks kepada murid semasa PdP dijalankan", manakala 26 responden yang lain atau 7.3% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar

4.26 dengan kedudukannya sebagai min ketiga tertinggi dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc.

Bagi kedudukan nilai ke empat tertinggi dalam konstruk ini diraih oleh item CB7 dengan pernyataan "Saya menggalakkan soal jawab dalam bahasa Arab ketika proses PdP sedang dijalankan". 90.4% atau 321 responden setuju atau sangat setuju dengan pernyataan ini, namun terdapat 34 orang atau kira-kira 9.6% sahaja daripada mereka menyatakan tidak atau kurang setuju dengan pernyataan sedemikian.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa nilai min paling terendah bagi konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc adalah pada kadar 3.29 bagi item CB14 iaitu "Saya suka mengajar menggunakan bahasa Melayu semasa PdP dijalankan". 50.5% atau 179 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 49.2% atau 175 responden menyatakan tidak bersetuju. Seramai 180 responden atau 50.7% bersetuju dengan pernyataan pada item CB20 iaitu "Saya tidak menggunakan kaedah terjemahan semasa PdP berlangsung", manakala 175 responden yang lain atau 49.3% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 3.53 dengan kedudukannya sebagai min kedua terendah dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc ini.

Nilai min ketiga terendah pula adalah pada kadar 3.76 untuk item CB5 iaitu "Saya menggunakan skrip pengajaran dalam bahasa Arab sepenuhnya semasa PdP". 62.6% atau 222 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 37.1% atau 132 responden sahaja menyatakan sebaliknya. 282 responden atau 79.4% bersetuju dengan pernyataan pada item CB21 iaitu "Saya memberikan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks kepada murid semasa PdP dijalankan Saya menerangkan konsep penting dalam buku teks kepada murid menggunakan bahasa Arab semasa PdP berlangsung", manakala 73 responden yang lain atau 20.6% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 3.96 dengan kedudukannya sebagai min ke empat terendah dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc.

Bagi kedudukan nilai ke lima terendah dalam konstruk ini diraih oleh item CB18 dengan pernyataan " Saya menggunakan teknik simulasi semasa pengajaran KBD dengan menggunakan bahasa Arab". 79.5% atau 282 responden setuju atau sangat setuju dengan pernyataan ini, namun terdapat 72 orang atau kira-kira 20.3% sahaja daripada mereka menyatakan tidak atau kurang setuju dengan pernyataan sedemikian. Dengan paparan di atas dapatlah dirumuskan bahawa Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa proses PdPc dijalankan secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan kedudukan nilai min pada kadar 4.06.

## Perbincangan dan Rumusan

Jika diteliti item-item dalam konstruk tahap penggunaan bahasa Arab semasa pengajaran, antara item yang memperoleh nilai min rendah adalah item yang mempunyai perkaitan dengan penggunaan skrip pengajaran. Kadar min untuk item ini adalah pada kadar 3.76 sahaja. Kadar ini menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dengan pengajaran mata pelajaran KBD kurang menggunakan skrip pengajaran semasa pengajaran mata pelajaran dijalankan.

Penggunaan skrip pengajaran dapat menyumbang kepada peningkatan tahap penggunaan bahasa Arab semasa PdPc mata pelajaran KBD. Hal ini kerana skrip pengajaran adalah merupakan panduan untuk menyebut atau menggunakan perkataan tertentu untuk berinteraksi dengan para pelajar semasa kelas dijalankan. Skrip ini disediakan sebelum kelas dilaksanakan. Skrip pengajaran seharusnya disediakan ungkapan guru yang hendak digunakan bermula daripada set induksi, fasa-fasa seterusnya sehingga ke penutup pengajaran untuk satu-satu kelas atau pertemuan. Penyediaan skrip pengajaran dalam bahasa Arab yang betul untuk kegunaan semasa PdPc mata pelajaran KBD sangat membantu serta memandu guru KBD untuk menyebut

perkataan sesuai semasa dalam kelas sekaligus dapat mengelak daripada terjerumus kepada kesilapan penggunaan bahasa.

Penyediaan skrip pengajaran ada kaitan rapat dengan penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH). Guru-guru KBD sebaik-baiknya dapat menyediakan RPH juga dalam bahasa Arab. Penyediaan RPH dalam bahasa Arab banyak membantu penyediaan skrip pengajaran dalam bahasa Arab. Sebagai seorang guru, penyediaan RPH adalah sangat penting kerana RPH merupakan terjemahan rancangan pelajaran tahunan yang mengandungi sekurang-kurangnya objektif, cara dan bagaimana pelaksanaan supaya objektif dapat dicapai. Penyediaan dan penggunaan RPH adalah penyediaan dan penggunaan rangka kerja aktiviti daripada pihak guru untuk beberapa waktu pelajaran. Ianya merupakan pelan perancangan yang tersusun dan terperinci, elemen-elemen yang tertulis di dalamnya sudah tentu memudahkan guru untuk merealisasi objektif yang telah ditetapkan serta membantu guru untuk mengukur sejauh mana objektif itu dicapai atau sebaliknya.

## Penggunaan Teknik Simulasi

Kadar min 3.99 untuk item berhubung penggunaan teknik simulasi yang diperolehi kajian ini agak rendah berbanding item-item lain. Kebanyakkannya guru KBD menyatakan kurang penggunaan mereka meskipun ia dianggap suatu kaedah yang berkesan dan seharusnya diguna semasa proses PdPc dijalankan.

Teknik simulasi merujuk kepada penggunaan situasi tiruan untuk memahami tentang konsep, prinsip atau keterampilan tertentu. Dalam teknik ini pelajar-pelajar juga memerlukan penggunaan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, menjalankan temu ramah dengan individu dan mencatat isi-isi penting. Melalui teknik ini, guru perlu mewujudkan satu situasi yang menyerupai keadaan sebenar dan ia melibatkan para pelajar melakukan sesuatu perkara secara pura-pura dalam suasana terancang. Antara topik dan tema yang boleh digunakan ialah lakonan, drama, perbahasan dan permainan (Arigusrini Agus dan Mohamda Johdi Salleh, 2009).

Pelaksanaan teknik simulasi seharusnya didasari prinsip-prinsip seperti menghasilkan domain efektif seperti menyenangkan, meghairahkan, suka, sedih, terharu, simpati dan gotong-royong. Penghasilan domain kognitif dan domain psikomotor seperti keterampilan berbicara, mengemukakan pendapat dan memimpin.

Penggunaan teknik simulasi dalam pengajaran dapat menghasilkan pelbagai kebaikan antaranya para pelajar dapat menunjukkan minat yang sangat memberangsangkan, pelajar akan lebih aktif serta cerdas, peningkatan motivasi serta perhatian terhadap isu yang sedang berlaku di dalam masyarakat juga dapat memahami tentang adanya perbezaan antara dirinya dengan orang lain (Afiful Ikhwan, 2017).

## Penggunaan Bahasa Ibunda atau Bahasa Melayu

Perbincangan berhubung penggunaan bahasa ibunda atau bahasa Melayu dalam konstruk tahap penggunaan bahasa Arab semasa proses PdPc berlangsung boleh dibahagikan kepada dua perbincangan iaitu penggunaan bahasa ibunda/Melayu untuk menerangkan konsep penting dan penggunaan bahasa ibunda/Melayu sebagai kaedah Tatabahasa-Terjemahan (*Grammar-Translation*) atau lebih dikenali sebagai kaedah terjemahan.

Terdapat dua item dalam konstruk ini yang merujuk kepada penerangan konsep. Item no. 4 merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu untuk menerangkan konsep yang sukar difahami dan item no. 21 yang merujuk kepada penerangan konsep penting dalam buku teks kepada murid dengan menggunakan bahasa Arab.

Purata kadar min yang diperolehi menunjukkan penggunaan bahasa Melayu semasa penerangan konsep yang sukar difahami adalah tinggi iaitu 4.31, manakala penggunaan bahasa

Arab semasa penerangan konsep penting dalam buku teks pula pada kadar min 3.96. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan bahasa ibunda atau bahasa Melayu yang dilakukan semasa guru KBD menerangkan konsep yang sukar difahami pelajar atau rendahnya tahap penggunaan bahasa Arab dalam situasi tersebut ada kerelevannya dan boleh dikategorikan sebagai situasi yang sukar untuk dielak.

Dalam konstruk tahap penggunaan bahasa Arab semasa proses PdPc berlangsung terdapat dua item yang boleh dikaitkan dengan penggunaan bahasa Melayu iaitu kecenderungan untuk menggunakan semasa pengajaran dan penggunaan kaedah terjemahan sebagai kaedah pengajaran. Kedua-dua item terlibat ialah item no. 14 dan item no. 20. Kadar min untuk item berkaitan kegemaran guru KBD untuk mengguna bahasa Melayu semasa PdPc dijalankan ialah 3.29, manakala untuk item penafian penggunaan kaedah terjemahan semasa proses PdPc pula adalah pada kadar 3.53.

Kebimbangan pengkaji lebih tertumpu kepada isu penggunaan bahasa ibunda atau bahasa Melayu sebagai kaedah pengajaran kerana implikasi pembiasaan penggunaan kaedah terjemahan ini sebagai kaedah pengajaran dalam KBD lebih menyumbang kepada hasil yang negatif berbanding positif. Hal ini kerana, KBD mementingkan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan misinya adalah untuk mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa.

Kajian-kajian terdahulu mendapati amalan pengajaran yang digunakan oleh guru menerusi kaedah ini telah memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan pembelajaran pelajar. Pelajar-pelajar menjadi tidak aktif khususnya semasa menyuarakan pendapat dan memberikan pandangan disebabkan oleh kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Mereka sekadar menerima dan bergantung sepenuhnya kepada amalan pengajaran guru. Kesan daripada amalan ini juga telah menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan dalam memahami pelajaran yang dipelajari secara kendiri. Kesan buruk yang diperoleh adalah kurangnya kemahiran berkomunikasi dan keterampilan diri.

Berhubung kaedah pengajaran, kebanyakan kajian yang telah dijalankan oleh beberapa pengkaji terdahulu mendapati kaedah terjemahan merupakan kaedah yang sangat popular. Namun, penggunaan kaedah tersebut masih meluas dan berada pada tahap yang tinggi. Pengajaran di sekolah agama lebih tertumpu kepada kaedah terjemahan kerana subjek yang diajar adalah dalam bahasa Arab. Justeru itu, guru-guru mengambil jalan mudah untuk memberi kefahaman kepada pelajar dengan menterjemah satu-persatu perkataan atau ayat yang terdapat di dalam buku teks.

Konsep kaedah terjemahan adalah konsep pengajaran berpusatkan guru, pembelajaran bahasa menerusi hafalan kosa kata, kata-kata sering kali diberi dalam bentuk terasing daripada konteks. Terdapat pelbagai kritikan terhadap kaedah ini antaranya ialah bahasa penterjemahan mengganggu proses semula jadi pembelajaran bahasa asing. Ia juga memberi pengaruh negatif kepada penggunaan aktif sesuatu bahasa asing yang dipelajari. Konsep ini dapat mempengaruhi pelajar untuk mempercayai wujudnya padanan satu lawan satu dari sudut makna antara leksikal dalam bahasa ibunda dan bahasa asing juga menghalang perkembangan empat kemahiran asas pembelajaran bahasa. Penterjemahan yang berasaskan bahasa bertulis tidak relevan bagi mencapai tujuan utama pembelajaran bahasa iaitu kemahiran komunikasi lisan (Nik Norimah Tuan Mat dan Maheram Ahmad, 2014).

## Pengajaran yang Menggalakkan Penglibatan Pelajar

Penelitian terhadap item-item dalam konstruk ini mendapati bahawa sekurang-sekurangnya lima item yang boleh dikaitkan dengan aktiviti pengajaran yang menggalakkan penglibatan pelajar. Item-item tersebut adalah item no. 7 yang mengaitkan penggalakan soal jawab, no. 8 menjawab pertanyaan secara spontan, no. 10 perbincangan untuk melaksanakan tugas, no. 15 menggunakan teknik soal jawab dan no. 24 mengadakan perbincangan aktif berkaitan sesuatu topik. Item-item tersebut mencatatkan kadar min tahap tinggi iaitu 4.23, 4.08, 4.11, 4.13 dan 4.11.

Para sarjana telah menyenaraikan beberapa ciri dan keperibadian guru yang berkesan, boleh melahirkan anak bangsa yang berguna. Antaranya ialah melayan pelajar dengan perasaan hormat, pengajaran secara aktif, ikut serta dalam pembelajaran pelajar, kerap memberi maklum balas, berkomunikasi dengan pelajar dari pelbagai peringkat, berkomunikasi dengan penuh kasih sayang dan menerapkan motivasi dan menanamkan niat yang baik (Kamarul Azmi Jasmi et. al: 2012).

Guru juga seharusnya mempunyai tahap efikasi atau keyakinan yang tinggi terhadap kebolehan diri untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Tahap efikasi guru akan mempengaruhi tindakan dan pengendalian tingkah laku guru, membuat pilihan untuk mendekati sesuatu situasi dan ketekunan melakukan tugas.

Menurut Noor Najihah Jaafar (2014), pengukuran tahap efikasi guru boleh dilakukan menerusi pelbagai dimensi. Dimensi pertama yang diukur ialah dimensi berhubung dengan penglibatan pelajar. Pelajar akan terdorong untuk melibatkan diri dengan aktiviti dalam dan luar kelas apabila mereka sering diberi dorongan serta galakan daripada guru. Pelajar akan teruja apabila guru kerap memberikan galakan dan seterusnya mereka akan bersaing antara satu sama lain untuk mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti. Tahap penglibatan pelajar pula boleh diukur melalui kesediaan mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin sekolah, menghadiri kelas, memberi respons terhadap tugas, menjawab soalan yang diajukan, terlibat dalam perbincangan. Ringkasnya, guru perlu yakin dengan kemampuan diri untuk memastikan pelajar terlibat secara aktif dalam kelas sama ada dari segi kognitif, tingkah laku dan afektif.

Walaupun dengan persiapan yang agak rapi untuk hadirkan diri ke kelas, guru juga perlu mempersiapkan diri untuk soalan yang tidak diduga dan tidak mampu memberi jawapan pada waktu itu. Guru perlu mengelak daripada menampakkan diri berada dalam keadaan serabut atau gelisah dalam situasi tersebut. Terdapat beberapa panduan yang disarankan antaranya mengaku tidak tahu akan jawapan bagi soalan yang diaju serta memberikan penghargaan kepada pelajar yang menyoal, bertanyakan kepada pelajar yang lain sama ada mereka mempunyai idea atau jawapan dan berjanji untuk mendapatkan jawapan juga memaklumkannya dalam kelas akan datang (Kamarul Azmi Jasmi et. Al, 2012).

## Rujukan

- Ahmad Sabri Noh. (2017). *Ciri-ciri linguistik dalam kebolehbacaan buku teks berbahasa arab dalam kurikulum Dini*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. (2008). Hubungan malaysia dan mesir dalam membangunkan kurikulum diniah di sekolah agama rakyat: suatu kajian perkembangan dan cabaran di Kelantan. Seminar Kebangsaan "Malaysia-West Asia Relations: Prospect & Challenges", UKM, Bangi.
- Fry, E. (2002). Readability versus leveling. *The Reading Teacher* 56 (3): 286-291.
- Hamilton, C. & Shinn, M. (2003). Characteristics of word callers: An investigation of the accuracy of teachers' judgments of reading comprehension and oral reading skills. *School Psychology Review* 32: 228-240.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). *Kebolehbacaan buku teks bahasa arab tinggi tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan agama*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, Hanis Najwa Shaharuddin (2014). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kurikulum buuuth al-azhar di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39 (1): 51-61.
- Sperling, R. (2006). Assessing reading materials for students who are learning disabled. *Intervention in School and Clinic* 41:138-143.
- Zulazhan Ab. Halim. (2012). *Kebolehbacaan buku teks Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia di sekolah-sekolah menengah agama negeri*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## BAB 2

### بين التأهيل المهني والمهارة اللغوية عند مدرسي اللغة العربية الملايوين في المدارس الدينية الماليزية

Yaakob Hasan<sup>1</sup>, Abdul Razif Zaini<sup>1</sup> & Norfaezah Mohd Hamidin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### مقدمة

اهتمت الدول الإسلامية بتعليم أبنائها اللغة العربية لكونها لغة دينهم وقد خصصت ميزانية كبيرة لتصميم برامج تعليم اللغة العربية وتأليف المناهج والكتب التعليمية وتوفير جميع مستلزمات الأدوات التعليمية من كتب وفصول دراسية وأجهزة سمعية وبصرية... ومن ناحية أخرى فقد وفرت مدرسياً اللغة العربية دورات مكثفة في تعليم اللغة العربية منها ما يتعلق بكيفية استخدام الوسائل الحديثة في تعليم اللغة الأجنبية ومنها ما يتعلق بكيفية إعداد التدريجيات والنشاطات اللغوية ولعل الهدف من ذلك هو تحسين مستوى اللغة العربية لدى طلبتها. مما يجدر الاهتمام به أيضاً هو مهارة اللغة العربية لدى مدرسيها لأنهم يقومون بعملية توجيه المتعلمين ومساعدتهم بتقديم النموذج اللغوي الأنسب من كلمات وجمل وعبارات ذات طابع ثقافية عربية وكما قيل أنّ اللغة والثقافة وجهان لعملة واحدة، ولن يتم ذلك إلا بتكمّن المعلمين من اللغة العربية، لذلك نرى الاهتمام بالمهارة اللغوية لدى معلمي اللغة العربية وطلبّيتهم في إنجاح عملية تعليم اللغة العربية.

#### عناصر عملية تعليم اللغة الثانية

تشترك في نجاح عملية تعليم اللغة الثانية عناصر متعددة منها الأهداف، والمناهج، والمواد التعليمية، والمتعلم، والمعلم، والوسائل التعليمية، والبيئة التعليمية، وطرق التدريس، والأنشطة اللاصفية.

أما المعلم فهو المستفيد من عملية تعليم اللغة الثانية، وينبغي أن يكون محور العملية، وأن يساعد المعلم على التقدم نحو إتقان المهارة اللغوية الضرورية التي تشهد على حصوله على مبتغاه من تعلم اللغة. (Salam, 2006)

أما المعلم فهو موجه لعملية تعليم اللغة الثانية وتعلمها، ومساعد للمتعلم على إجادتها بتقديم النموذج اللغوي الأنسب، واستخدام الوسيلة المناسبة، و اختيار المواد التعليمية السليمة المناسبة، وإجراء تقويم سليم ييدي للمتعلم مستوى الحقيقى. ومن الممكن أن يهتمي للمتعلم فرصة التعلم الذاتي، ولا ينبغي له أن يجعل نفسه محور عملية تعليم اللغة، إذ يندر أن يعود إليه المتكلم من أجل أن يتكلم اللغة في المواقف الاتصالية الحقيقة (Salam, 2006).

## تأهيل المدرسين

ما يلزم الاهتمام به في تعليم العربية للناطقين بلغات أخرى، تأهيل المدرسين لتنفيذ البرنامج قبل الشروع فيه، ومتابعة تدريبيهم أثناء التنفيذ. وبحدر الإشارة إلى وجود جوانب ثلاثة لتأهيل معلمي اللغة لغير أهلها هي : التأهيل المعرفي، والتأهيل اللغوي، والتأهيل المهني. وينبغي أن تتوفر الجوانب الثلاثة في أي معلم للغة العربية للناطقين بلغات أخرى، سواء أكان من الناطقين الأصليين باللغة العربية أم من غيرهم، وسواء أكان من أبناء المجتمع الذي تعلم العربية فيه، أم من أبناء مجتمعات أخرى. فالتأهيل المعرفي هو إعداد المعلم وتزويده بالمعلومات التخصصية الضرورية عن أصوات اللغة التي يدرسها ومفرداتها، وتراتيبها، وأساليبها، وأوجه استخدامها، ومضامينها الثقافية، والمسائل النفسية والاجتماعية المتعلقة بها، وتوفير المعلومات عن الخلقيات اللغوية والثقافية للمتعلمين. والتأهيل اللغوي يعني تدريبيه تدريباً لغوياً متقدماً على كل المهارات اللغوية الأساسية والثانوية، وعلى مواقف استخدام اللغة الخاصة والعامة، والتأكد من أنه يقدم النموذج اللغوي الصحيح السليم ل المتعلمي اللغة. والتأهيل المهني يعني إعداده ليكون قادراً على مزاولة مهنة تعليم اللغة العربية للناطقين بلغات أخرى، ويشمل ذلك معرفته وتدربيه على المداخل والطرق التعليمية اللغوية الشائعة والضرورية، على تصميم المناهج والدروس، وتقويمها، وتصميم الاختبارات وتقويمها، واستخدام الوسائل التعليمية المعينة وإعداد المواد الالزمة لاستخدامها، ومروره بالتدريب العملي والتطبيق الميداني الموجه في هذا المجال، وتوفير المعلومات الضرورية تمكنه من مساعدة المتعلمين على التغلب لصعوبات اللغة التي يمكن أن تواجههم في التعلم . (Salam, 2006)

## نتائج الدراسات عن كفاءة معلمي اللغة العربية في المدارس الدينية

يحتاج المعلمون الذين يدرسون مواد STAM الشهادة الدينية العالية الماليزية إلى إتقان اللغة العربية والتمكن منها لكي يقدم نماذج لغوية سليمة من أصوات وتنعيمات وكلمات وجمل وعبارات وهو يشرع في تعليم اللغة العربية سواء في الأنشطة الصحفية واللاصفية على الطلاب. ومن المؤسف أن نرى ما يحدث أن مدرسي اللغة العربية في كثير من الأحيان يستخدمون اللغة الملايو كلغة للتعليم في تدريس المواد العربية (Muhammad Haron, H., Abdul Manan, Y., Adnan, M. A., Mohd Izzuddin, M. P., Ahmad Shafiq, M. R., Diyak Ulrahman, M. S., ... Jamaliah, R, 2018)

ولعل استخدام معلمي اللغة العربية اللغة الملايوية في تعليم اللغة العربية مؤشر على عدم تمكنهم من اللغة العربية بشكل كافٍ ويعود سبب ذلك لأنهم أنو من مجالات مختلفة؛ حيث أظهرت العديد من الدراسات السابقة أنّ قدرة وكفاءة معلمي اللغة العربية محدودة لذلك نجدهم دائماً ما يترجمون النصوص العربية إلى الإنجليزية لتعليم الطلاب .(Muhammad, 2006)

وتشير أيضًا دراسة قام بها هزرول أفندي في المدراس المتوسطة الدينية التابعة للولاية والتابعة للشعب -إن صح التعبير- **Sekolah Menengah Agama Rakyat SMAR dan SMAN** من نتائجها أن مدرسيها غير مدربين ليس لديهم خبرات في التعليم؛ حيث زاولوا مهنة التدريس بدون الالتحاق بالتأهيل المهني (Hazrul, Shuhairimi, A. & Affendi, M. R., Zamri, A., Hakim, Z., Mohd Nizho, A. R. ٢٠١٦).

وفي دراسة أخرى تؤكد على ضرورة تدريب معلمي اللغة العربية في المدارس الأهلية والحكومية على إتقان اللغة العربية حتى يتمكنوا من مساعدة الطلاب على تطوير إمكاناتهم الحقيقة. وعدم تقدم دارسي اللغة العربية وخاصة في مهارة الكلام سببه عدم كفاءة معلمي اللغة بالإضافة على عدم وجود وحدات تعليمية أو وسائل تعليمية كافية أدت إلى ضعف مستوى طلبة اللغة العربية في المهارات اللغوية (Ismail, M., Hazwan, A. R. & Azman, C. M. ٢٠١٤). كما أن مناهج الكتب التعليمية التي تقدمها الشهادة الدينية العالية **STAM** مأخوذة من جامعة الأزهر ومدرسي هذه الكتب لا يزالون ضعفاء في استخدام الأدوات التعليمية بشكل أوسع (Hazrul, Shuhairimi, A. & Affendi, M. R., Zamri, A., Hakim, Z., Mohd Nizho, A. R. ٢٠١٦). وما يتعلق بجوانب تمكن معلمي اللغة العربية من القواعد النحوية ذكرت دراسة أنها جيدة (Hazrul, Affendi, M. R., Shuhairimi, A. & Zamri, A., Hakim, Z., Mohd Nizho, A. R. ٢٠١٦). وما يتعلق بمهارة الكتابة لدى المدرسين نجد أن نسبة ٢٦ % في مستوى جيد ونسبة ٧٣ % في مستوى متوسط ومن ناحية التمكّن من مهارة الكلام نجد نسبة ٣٢ % في مستوى جيد والباقي في مستوى متوسط. (Hazrul, Affendi, M. R., Zamri, A. & Hakim, Z., Mohd Nizho, A. R. ٢٠١٦).

## الاقتراح

من نتائج التحليل للدراسات حول كفاءة معلمي اللغة العربية في المدارس الدينية نلاحظ أنه يجب من المسؤولين توفير برامج ودورات في التأهيل المهني والمعرفي وخاصة اللغوي لأن المعلم يلعب دوراً مهماً في توجيهه ومساعدة الطلاب، وتمكن المعلم من الجانب اللغوي والمعرفي والمهني يتتيح للطلاب الحصول على النماذج اللغوية السليمة من جمل وعبارات ونصوص في المواقف المختلفة التي تعكس المسار الصحيح للوصول إلى الهدف المرجو وإلا استحالة تحقيق الهدف إذا كان قدرة المعلم في نطاق محدود.

## RUJUKAN

- Hazrul Affendi, M. R., Zamri, A., Hakim, Z., Mohd Nizho, A. R., & Shuhairimi, A. (2016). Lima Tahap Penguasaan Ilmu Nahu dalam Kalangan Guru- Guru Sijil Tinggi Agama Malaysia ( STAM ). . *Journal of Human Development and Communication*, 5,, 179–208.
- Hazrul Affendi, M. R., Zamri, A., Hakim, Z., Mohd Nizho, A. R., & Shuhairimi, A. (2016). Lima Tahap Penguasaan Ilmu Nahu dalam Kalangan Guru- Guru Sijil Tinggi Agama Malaysia ( STAM ). *Journal of Human Development and Communication*, 5,, 179– 208.
- Ismail, M., Hazwan, A. R., & Azman, C. M. (2014). The Arabic Language Level of Candidates for Malaysia Religion High Certificate (MRHC): Reading and Grammar. . *Asian Social Science*, 10(22),, 156–164.
- Muhammad Haron, H., Abdul Manan, Y., Adnan, M. A., Mohd Izzuddin, M. P., Ahmad Shafiq, M. R., Diyak Ulrahman, M. S., ... Jamaliah, R. (2018). Kurikulum Bersepadu Dini :. *Pelaksanaan Dan Cabaran. 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018*, (pp. 913– 921).
- Muhammad, A. (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia : Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya.
- Salam, A. S. (2006). *Muqaddima Fi Il Al-lughah Al-taybiqi*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM.

## BAB 3

### PENGAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN TUGASAN (KPBABT) DALAM TALIAN

Hairun Najuwah Jamali<sup>1</sup>, Ku Fatahiyah Ku Azizan<sup>1</sup>, Awatif Abdul Rahman<sup>1</sup> & Wazzainab Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pengenalan

Pandemik Covid-19 telah mengubah pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran di semua institusi Pendidikan di Malaysia. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian adalah satu keperluan berbanding pertemuan bersemuka bagi mengelakkan penularan pandemik Covid-19. Mulai Mac 2020, semua institusi diminta oleh kerajaan supaya menjalankan pengajaran dan pembelajaran melalui maya atau dalam talian. Secara tidak langsung ia sejajar dengan lonjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malasia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang ingin mencapai matlamat pembelajaran dalam talian tahap global. Pengajaran dalam talian merupakan antara kaedah utama meluaskan akses pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, di samping membolehkan pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan pelajar. Bagi tujuan tersebut, inovasi strategi pengajaran dan pembelajaran diperlukan bagi memenuhi cara pembelajaran yang disukai oleh pelajar. Hal ini juga memberi kesan kepada strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di era globalisasi. Lubis (2019) melalui kajiannya mendapati bahawa inovasi sistem pendidikan dan strategi pengajaran amat diperlukan dalam pengajaran bahasa Arab terutama kepada pelajar yang terdiri daripada bukan penutur jati bahasa Arab bagi menguasai bahasa Arab.

Pengajaran bahasa Arab dalam talian sudah pasti berbeza pendekatannya berbanding pengajaran secara bersemuka. Namun begitu, matlamatnya tetap sama iaitu memastikan pelajar dapat memahami dan menguasai empat kemahiran asas bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bagi mencapai matlamat ini, pensyarah perlu melaksanakan kaedah pengajaran dalam talian yang sesuai dengan situasi dan kebolehan pelajar terutamanya sewaktu pandemik Covid-19. Menurut Ehwan Ngadi (2020), kaedah cuba jaya merupakan antara pilihan yang ada ketika melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran kini.

Bagi menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian, kaedah pengajaran bahasa Arab berdasarkan tugasan (KPBABT) telah dipilih untuk dilaksanakan di Pusat Pengajian Teras, KUIS terhadap pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam. KPBABT merupakan satu kaedah pengajaran bahasa melalui tugasan kepada pelajar bagi memastikan pelajar memahami dan menguasai empat kemahiran asas bahasa Arab melalui tugasan yang dilaksanakan. Kaedah ini diadaptasi daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan tugasan (PBBT) yang diperkenalkan oleh Willis (1996), Ellis (2003) dan Nunan (2010).

Beberapa kajian KPBBT telah dijalankan dalam bidang bahasa Inggeris dan komunikasi berdasarkan perspektif guru dan pelajar. Dapatan kajian M. Mojibur Rahman (2010), Noor Abdullah Fattash (2013) dan Asma Musazay (2013) menunjukkan peningkatan positif terhadap pencapaian pelajar. Manakala dalam bidang bahasa Arab, kajian KPBBT telah dijalankan oleh Nor Syahida (2015) terhadap pelajar dan pensyarah di Pusat Asasi UIAM. Penemuan kajian beliau menunjukkan bahawa pensyarah dan pelajar menunjukkan maklum balas positif dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan KPBBT.

## Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Memperkenalkan pengajaran bahasa Arab yang menggunakan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Berasaskan Tugasan (KPBABT) dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di KUIS.
2. Mengenal pasti maklum balas pelajar terhadap pengajaran Pensyarah bahasa Arab yang menggunakan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Berasaskan Tugasan (KPBABT) di KUIS.

## Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugasan (PPBT) merupakan satu kaedah pengajaran bahasa yang berkait rapat dengan pengajaran komunikatif. PPBT didefinisikan sebagai satu pendekatan yang menggunakan tugas bermakna sebagai asas tugas pengajaran dan pembelajaran bahasa seterusnya dapat menggunakan bahasa mengikut konteks yang sesuai dan betul. Richards dan Rodgers (2006) dan Ellis (2003) dalam Omar, Z et.al (2020). Melalui PBBT, pelajar ditekankan supaya menggunakan bahasa untuk menyampaikan tujuan komunikasi dan bukan hanya berfokus kepada penggunaan tatabahasa yang betul sahaja. PBBT juga menggalakkan penglibatan pelajar menggunakan bahasa sasaran seterusnya mengukuhkan penguasaan bahasa. Khalili Sabet & Tahriri (2014).

Kaedah PBBT ini dilihat sebagai satu kaedah yang memberi kesan positif kepada para pelajar bagi memastikan pemerolehan bahasa Arab yang lebih baik. Oleh itu, satu kajian pengajaran yang menggunakan kaedah ini telah dijalankan di KUIS. Kajian ini menggunakan akronim KPBABT iaitu Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Berasaskan Tugasan. KPBABT dilaksanakan dalam pengajaran pensyarah bahasa Arab terhadap pelajar yang mengambil dua kursus bahasa Arab bertaraf wajib universiti. Kursus-kursus ini mendedahkan kepada pelajar empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pelajar juga didedahkan dengan ilmu sintak untuk dipraktikkan dalam bidang pengkhususan pelajar.

Kajian ini dijalankan kerana perubahan kaedah pengajaran bahasa Arab daripada berorientasikan peperiksaan kepada penilaian berterusan melalui kerja kursus atau tugasan. Kaedah ini digunakan bagi menyesuaikan situasi pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam talian ketika berdepan dengan pandemik Covid-19. KPBABT yang dilaksanakan terhadap peserta kajian berfokus kepada hasil pembelajaran kursus (HPK). Setiap HPK menjurus kepada mengaplikasi empat kemahiran asas bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kursus-kursus ini berfokus kepada domain kognitif dan afektif sebagai asas HPK yang perlu dicapai oleh peserta kajian. Peserta kajian diminta mengaplikasi kemahiran-kemahiran tersebut dalam tugasan yang dihasilkan. Mereka adalah para pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mengambil kursus NBWU1022 Al Arabiah Al ‘Aliyah Li Dirasat Islamiyah I dan NBWU1062 Al Arabiah Al ‘Aliyah Li Dirasat Islamiyah II.

Pengajaran bahasa Arab menggunakan kaedah KPBABT ini dijalankan secara dalam talian. Medium dalam talian yang diaplikasi ialah pengajaran selari (*synchronous*) melalui *Google Meet*. Manakala aplikasi *Whatsapp* adalah wadah komunikasi utama antara sesama pelajar dan pensyarah. Platform *Google Classroom* dan *KUIS Learning Management System (KLMS)* pula digunakan sebagai

pusat maklumat yang terkandung di dalamnya senarai tugasan yang boleh dirujuk oleh pelajar bila-bila masa diperlukan. Selain berfungsi sebagai pusat pengumpulan tugasan yang perlu dihantar untuk penilaian pensyarah.

Melalui KPBABT, tugasan yang diberikan melalui fasa-fasa berikut:

### 3.1 Fasa pengenalan tugasan

Fasa ini merupakan fasa pengenalan arahan tugasan kepada pelajar. Pensyarah menjelaskan kepada pelajar berkaitan tema, idea-idea utama tugasan dan jangka masa tugasan perlu diserahkan. Selain itu, pensyarah turut memberikan contoh-contoh tugasan lain yang hampir sama bagi membolehkan pelajar memahami arahan tugasan yang diberikan.

### 3.2 Fasa pelaksanaan tugasan.

Tugasan yang diberikan mempunyai dua kaedah pelaksanaan iaitu secara individu dan berkumpulan. Bagi kesemua kemahiran bahasa Arab, setiap pelajar dikehendaki menyiapkan tugasan secara individu dan berkumpulan terutamanya kemahiran bertutur dan menulis. Manakala kemahiran mendengar dan membaca dijalankan dalam kebanyakan aktiviti tugasan latihan berterusan secara berkala.

Melalui fasa ini, pensyarah akan membimbing dan berbincang dengan pelajar melalui apa jua aplikasi secara dalam talian iaitu *WhatsApp*, *Telegram*, panggilan video dan *Google Classroom*. Pensyarah memberi penekanan terhadap kualiti tugasan yang bakal dihasilkan terutamanya penggunaan kosa kata, frasa dan fungsi bahasa yang sesuai. Pelajar dibenarkan membuat penambahaikan tugasan sebelum dihantar pada tarikh yang ditetapkan.

### 3.3 Fasa laporan tugasan.

Laporan tugasan terpilih akan dibentangkan dalam kelas secara selari (*synchronous*) melalui *google meet*. Hasil tugasan yang dibentangkan akan melalui proses komen penambahbaikan oleh rakan-rakan sekelas dan pensyarah. Namun begitu, komen dan penambahbaikan tidak perlu kepada pembetulan yang keterlaluan.

Fasa ini dapat membantu ahli kelas yang lain memperbaiki hasil tugasan masing-masing sebelum menghantar sepenuhnya kepada pensyarah untuk dinilai dan pemarkahan akhir. Hasil daripada fasa tugasan yang dinyatakan di atas, KPBABT yang dilaksanakan adalah berpusatkan kepada pelajar dan pensyarah bertindak sebagai pembimbing membantu pelajar memahami dan melaksanakan tugasan. Melalui KPBABT, pelajar diberi ruang dan peluang menggunakan minda mereka secara aktif dan berkreativiti menggunakan kemahiran bahasa Arab yang dimiliki ketika menghasilkan tugasan.

Oleh itu, KPBABT merupakan satu alternatif yang boleh membantu pengajaran bahasa Arab ketika dikendalikan sepenuhnya dalam talian. Pelajar secara kendiri mampu meneroka idea-idea baharu bagi menyiapkan tugasan melalui laman web yang sesuai. Proses penerokaan dan pencarian maklumat bagi melengkapkan tugasan akan membawa kepada pemerolehan bahasa secara tidak langsung.

Menurut Ibn Khaldun dalam Rosni (2020), pembelajaran bahasa merupakan satu kemahiran seperti kemahiran-kemahiran lain yang boleh dikuasai melalui latihan dan amali. Selain itu, pengajaran bahasa juga perlu kepada strategi dan tingkah laku perbuatan bagi membolehkan pelajar mengumpul bahasa daripada pelbagai sumber serta membina kemahiran melalui interaksi pelbagai aktiviti dan persekitaran bahasa. Justeru KPBABT adalah satu kaedah pengajaran yang

menggalakkan pelajar berinteraksi dengan pelbagai sumber untuk menghasilkan tugas yang terbaik berdasarkan arahan tugas.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif yang menggunakan kaedah pengumpulan data secara reka bentuk tinjauan melibatkan edaran soal selidik dalam talian *google form*. Borang soal selidik yang digunakan terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A adalah mewakili maklumat demografi pelajar. Bahagian B memfokuskan kepada maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran bahasa Arab berdasarkan tugas (KPBABT) dalam talian. *Skala Likert* bagi setiap item ialah 1 hingga 5 bagi mewakili 1 (sangat tidak setuju) dan 5 (sangat setuju). Peserta kajian adalah seramai 183 orang mewakili para pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengajian Peradaban Islam dan Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## Dapatan Kajian

### 5.1 Demografi

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

Item		Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	65	35.5%
	Perempuan	118	64.5%
Jumlah		183	100%
Umur	17-20 Tahun	79	43.2%
	21-30 Tahun	104	56.8%
Jumlah		183	100%

Jadual 2: Semester Pengajian Peserta Kajian

Item		Kekerapan (f)	Peratus (%)
Semester Pengajian	Semester 1	51	27.9%
	Semester 2	111	60.7%
	Semester 3	21	11.5%
Jumlah		183	100%

Jadual 3: Kursus Bahasa Arab dan Program pengajian Peserta Kajian

Item	Kekerapan (f)	Peratus (%)
------	---------------	-------------

Kursus Bahasa Arab yang dipelajari sesi terkini	NBWU1022 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah I	54	29.5%
	NBWU1062 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II	129	70.5%
Jumlah		183	100%
BI01: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang (Kepujian)		43	23.5%
BS02: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Muamalat (Kepujian)		29	15.8%
BC01: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian)		16	8.7%
BC03: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) (Kepujian)		6	3.3%
BI02: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Sunnah Dengan Komunikasi (Kepujian)		32	17.5%
BI03: Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Multimedia (Kepujian)		18	9.8%
BI04: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al Qiraat (Kepujian)		10	5.5%
BI05: Ijazah Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan (Kepujian)		11	6.0%
BI06: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Multimedia (Kepujian)		0	0%
BE02: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia (Kepujian)		18	9.8%
Jumlah		183	100%

## 5.2 Pandangan peserta kajian terhadap kursus bahasa Arab di PPT

Jadual 4: Pandangan terhadap kursus bahasa Arab di PPT

Item		Kekerapan(f)	Peratus(100%)
Apakah pandangan anda terhadap Kursus Bahasa Arab di Pusat pengajian Teras, KUIS?	Amat susah	0	0%
	Susah	14	7.7%
	Sederhana	132	72.1%
	Senang	30	16.4%
	Amat senang	7	3.8%
Jumlah		183	100%

Sumber: Soal Selidik (2021)

Dapatan demografi ini penting bagi mengetahui latar belakang peserta kajian. Demografi dalam sesebuah kajian dianggap signifikan kerana peserta kajian adalah fokus perbincangan dalam kajian yang telah dijalankan (Hairol Anuar et. al 2016). Berdasarkan demografi kajian ini, peserta kajian telah dikelaskan kepada 1) jantina 2) umur 3) semester pengajian 4) kursus yang diambil 5) program pengajian 6) pandangan terhadap kursus bahasa Arab yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Teras, KUIS.

Jadual 1 menunjukkan majoriti daripada responden adalah perempuan iaitu seramai 118 (64.5%) manakala lelaki adalah seramai 65 (35.5%). Berdasarkan umur pula, majoriti responden adalah berumur 21-30 tahun iaitu seramai 104 orang (56.8%), diikuti 17-20 tahun iaitu seramai 79 orang (43.2%).

Dari sudut semester pengajian berdasarkan jadual 2, semester 1 seramai 51 orang (27.9%), diikuti semester 2 seramai 111 (60.7%) manakala semester 3 seramai 21 (11.5%). Bagi Kursus Bahasa Arab yang dipelajari sesi terkini pula, jadual 3 menunjukkan seramai 54 orang pelajar yang mengambil subjek NBWU1022 Al Arabia Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah I bersamaan (29.5%), kemudian seramai 129 orang pelajar mengambil subjek NBWU1062 Al Arabia Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II bersamaan (70.5%).

Berdasarkan program pengajian pula, BI01: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang (Kepujian) seramai 43 orang pelajar bersamaan (23.5%), BS02: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Muamalat (Kepujian) seramai 29 orang pelajar bersamaan (15.8%), BC01: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) seramai 16 orang pelajar bersamaan (8.7%), BC03: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) (Kepujian) seramai 6 orang pelajar bersamaan (3.3%), BI02: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Sunnah Dengan Komunikasi (Kepujian) seramai 32 orang pelajar bersamaan (17.5%), BI03: Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Multimedia (Kepujian) seramai 18 orang pelajar bersamaan (9.8%), BI04: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al Qiraat (Kepujian) seramai 10 orang pelajar bersamaan (5.5%), BI05: Ijazah Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan (Kepujian) seramai 11 orang pelajar bersamaan (6.0%), BI06: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Multimedia (Kepujian) 0 pelajar bersamaan (0%) dan diikuti BE02: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia (Kepujian) seramai 18 orang pelajar bersamaan (9.8%).

Manakala jadual 4 pula adalah dapatan pandangan pelajar terhadap kursus bahasa Arab di Pusat pengajian Teras, KUIS. 14 orang pelajar menjawab susah bersamaan (7.7%), diikuti yang menjawab sederhana seramai 132 orang pelajar bersamaan (72.1%), manakala 30 orang pelajar

bersamaan (16.4%) menjawab senang dan 7 orang pelajar menjawab amat senang bersamaan (3.8%).

Pandangan pelajar terhadap kursus bahasa Arab di Pusat pengajian Teras, KUIS didominasi dengan menjawab sederhana iaitu sebanyak 72.1%. Hasil dapatan kajian ini menjelaskan kepada kita bahawa walaupun mereka telah mempelajari bahasa Arab sedari peringkat sekolah rendah hingga menengah, pandangan mereka terhadap kursus bahasa Arab yang dipelajari masih belum boleh dikategorikan sebagai senang dan amat senang. Secara umumnya, mereka masih belum mencapai tahap menguasai sepenuhnya kursus bahasa Arab yang dipelajari.

### 5.3 Analisis maklum balas peserta kajian terhadap KPBABT.

Hasil dapatan kajian ini diambil daripada data analisis deskriptif yang melibatkan min bagi menentukan maklum balas peserta kajian terhadap KPBABT yang telah dilaksanakan oleh pensyarah bahasa Arab. Bilangan item yang mewakili konstruk ini ialah 7 item. Item ini diadaptasi daripada soal selidik yang dibangunkan oleh Nor Syahida (2015).

Set soal selidik yang diedarkan dalam kajian ini telah menggunakan 5 skala iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Pengukuran bagi menilai interpretasi nilai min adalah seperti yang digambarkan dalam jadual berikut:

**Jadual 5: Parameter Pengukuran Min**

Skor min		Interpretasi
4.01 - 5.00		Sangat Tinggi
3.01 – 4.00		Tinggi
2.01 – 3.00		Sederhana
1.00 – 2.00		Rendah
Sumber: Azhar Ahmad (2006)		

Hasil dapatan soal selidik maklum balas peserta kajian terhadap pelaksanaan KPBABT oleh pensyarah bahasa Arab adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 6: Maklum balas peserta kajian terhadap pengajaran Pensyarah BA yang menggunakan kaedah pengajaran bahasa Arab berdasarkan tugas (KPABAT)**

Bil.	Perkara	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
B1	Pensyarah saya mengguna- kan KPABAT dalam pengajaran	0 (0%)	5 (2.7%)	43 (23.5%)	75 (41%)	60 (32.8%)	4.04	Sangat Tinggi

---

Bahasa Arab.

B2	Pensyarah saya membantu saya memahami tugasan yang diberikan.	0 (0%)	3 (1.6%)	21 (11.5%)	76 (41.5%)	83 (45.4%)	<b>Sangat Tinggi</b>	4.31
B3	Pensyarah saya memberi soalan / arahan tugasan yang jelas.	0 (0%)	3 (1.6%)	28 (15.3%)	58 (31.7%)	94 (51.4%)	<b>Sangat Tinggi</b>	4.33
B4	Pensyarah memberikan senarai perkataan dan frasa yang sesuai dengan tugasan.	0 (0%)	2 (1.1%)	22 (12.0%)	73 (39.9%)	86 (47.0%)	<b>Sangat Tinggi</b>	4.33
B5	Pensyarah saya memberi semangat dan motivasi bagi menyiapkan tugasan.	0 (0%)	0 (0%)	23 (12.6%)	66 (36.1%)	94 (51.4%)	<b>Sangat Tinggi</b>	4.39
B6	Pensyarah memberi tunjuk ajar semasa melakukan tugasan berkumpulan.	0 (0%)	2 (1.1%)	24 (13.1%)	56 (30.6%)	101 (55.2%)	<b>Sangat Tinggi</b>	4.40
B7	Pensyarah memberi tunjuk ajar semasa melakukan tugasan individu.	1 (0.5%)	4 (2.2%)	30 (16.4%)	54 (29.5%)	94 (51.4%)	<b>Sangat Tinggi</b>	4.29

---

<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.29</b>	<b>Sangat Tinggi</b>
----------------------------	-------------	--------------------------

Sumber: Soal Selidik (2021)

Jadual 6 menunjukkan taburan maklum balas peserta kajian terhadap KPBABT yang telah dilaksanakan sepanjang satu sesi pengajian. Data menemukan taburan min peserta kajian yang diperolehi ialah 4.29. Berdasarkan parameter pengukuran min Azhar Ahmad (2006) yang digunakan, skor 4.01-5.00 adalah sangat tinggi. Jadual 6 juga menunjukkan taburan min bagi kesemua tujuh item adalah sangat tinggi. Item B6 *pensyarah memberi tunjuk ajar semasa melakukan tugas berkumpulan* mendapat skor min tertinggi pada tahap sangat tinggi iaitu 4.40. Manakala item B1 *pensyarah saya menggunakan KPBABT dalam pengajaran Bahasa Arab* mendapat skor min yang 4.04 tetapi masih di tahap sangat tinggi.

### Perbincangan Kajian

Berdasarkan analisis data, kajian merumuskan bahawa peserta kajian memberikan maklum balas yang amat positif terhadap kaedah pengajaran pensyarah bahasa Arab yang mengaplikasi KPBABT. Dapatan data kajian menunjukkan skor min yang sangat tinggi. Ini bermaksud pensyarah yang mengajar telah melaksanakan KPBABT dan pelajar memahami kaedah yang dilaksanakan. Melalui kaedah ini juga pelajar dilihat mendapat manfaat dengan bersetuju menyatakan bahawa pensyarah yang melaksanakan KPBABT telah memberi motivasi kepada mereka untuk menyiapkan tugas.

Kajian Omar, Z. et.al (2020) menemukan PBBT merupakan kaedah pengajaran yang memberi impak positif terhadap motivasi pelajar. Kesemua peserta kajian beliau bersetuju mengulangi tugasannya diberi peluang kerana dapat berinteraksi dengan rakan-rakan ketika melakukan tugas. Faktor motivasi amat penting ketika menyelesaikan satu-satu tugas. Menurut Samuda & Bygates (2008), pelajar yang mempelajari bahasa menggunakan kaedah PBBT lebih bermotivasi kerana melakukan tugas secara amali secara langsung dan mempraktikkan bahasa dengan lebih bersepadu.

Dapatan kajian ini masih selari dengan dapatan kajian Nor Syahida (2015) yang telah dijalankan dalam kalangan pelajar Pusat Asasi UIAM iaitu mendapat skor min melebihi 4 yang menunjukkan maklum balas positif. Walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan dapatan melalui item B6 *Pensyarah memberi tunjuk ajar semasa melakukan tugas berkumpulan*. Kajian Nor Syahida (2015) mendapati segelintir pelajar masih kurang berpuas hati dengan tunjuk ajar pensyarah semasa melakukan tugas berkumpulan. Manakala dapatan kajian dalam kalangan pelajar di KUIS, item B6 mendapat skor min tertinggi iaitu 4.40. Ini bermakna pelajar amat berpuas hati dengan tunjuk ajar pensyarah bahasa Arab yang melaksanakan KPBABT. Bimbingan dan tunjuk ajar pensyarah bahasa Arab ini telah mencapai kehendak dan keperluan pelajar ketika melaksanakan tugas berkumpulan.

Cabarannya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian tidak dapat dinafikan. Ia bergantung dengan keadaan kesediaan talian dalam kalangan pelajar selain di pihak pensyarah sendiri. Kajian Md. Noor et.al (2021) terhadap mahasiswa KUIS yang telah melalui pembelajaran dalam talian mendapati bahawa persepsi mereka di tahap sederhana. Mereka juga mencadangkan agar tugas kerja kursus diberikan lebih awal bagi memudahkan perancangan mahasiswa menyiapkan tugas. Justeru pengajaran melalui KPBABT boleh dicadangkan untuk diaplikasi bagi memberi ruang kepada pelajar menyusun atur masa menyiapkan tugas bagi satu-satu kursus yang dipelajari. Dalam masa yang sama pensyarah juga terlibat sebagai pembimbing ketika tugas dilaksanakan.

Skor min bagi 2 item yang menyatakan pensyarah memberi tunjuk ajar semasa tugasan berkumpulan dan individu dilaksanakan, adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan persepsi peserta kajian terhadap kebersamaan pensyarah dalam setiap tugasan yang diberikan. Ia juga memberi gambaran bahawa bimbingan dan tunjuk ajar pensyarah kepada pelajar amat penting memandangkan mereka memberikan persepsi sederhana terhadap kursus bahasa Arab yang dipelajari. Kajian Muhammad Suhaimi et. al (2014) mendapat aspek bimbingan guru adalah penting bagi menambahkan motivasi intrinsik kepada pelajar. Bimbingan ini membolehkan pelajar melaksanakan pembelajaran terarah kendiri dengan lebih baik dan berkesan. Pembelajaran kendiri merupakan salah satu praktik ketika mendepani cabaran pembelajaran dalam talian. Situasinya amat berbeza berbanding pembelajaran bersemuka yang membolehkan komunikasi dua hala secara terus antara pensyarah dan pelajar.

Pelaksanaan KPBABT juga bergantung kepada pemahaman pelajar terhadap arahan tugasan yang jelas di samping diberikan pendedahan kepada perkataan dan frasa yang sesuai untuk tugasan yang diberikan. Skor bagi item ini juga sangat tinggi dengan mendapat 4.33. Ini bermakna pensyarah bahasa Arab yang melaksanakan KPBABT sedaya upaya membantu pelajar menguasai arahan tugasan bagi menghasilkan tugasan yang dimaksudkan. Fasa memahami tugasan adalah peringkat asas kepada pelaksanaan menyiapkan tugasan. Model PBBT oleh Willis (1996) dan Ellis (2003) telah meletakkan pengenalan tugasan sebagai fasa pertama apabila kaedah PBBT dilaksanakan. (Omar Z et. al, 2020).

Pensyarah bahasa Arab merupakan elemen penting yang melaksanakan KPBABT dalam kajian ini. Kaedah ini mungkin tidak dibincangkan secara khusus dalam perbincangan berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab oleh Mustari, M.I et.al, (2012) dan Masyitah et.al (2015) yang memfokuskan kepada kaedah pengajaran bahasa Arab iaitu *al-Qawaaid wal Tarjamah*, *al-Mubasharah*, *al-sam'iyyah al-shafawiyyah* dan *al-Intiqaiyyah*. Namun begitu apabila KPBABT dilaksanakan, ia merangkumkan semua kaedah-kaedah pengajaran bahasa Arab yang telah dibincangkan oleh para pengkaji kaedah pengajaran bahasa Arab sebelum ini. Pensyarah bahasa Arab telah memberikan bimbingan, membantu pelajar, memberikan motivasi, dan tunjuk ajar yang baik sepanjang KPBABT dilaksanakan. Secara tidak langsung pensyarah bahasa Arab sebenarnya telah mempraktikkan kaedah-kaedah *al-Qawaaid wal Tarjamah*, *al-Mubasharah*, *al-sam'iyyah al-shafawiyyah* dan *al-Intiqaiyyah* yang melengkapi antara satu sama lain. Tidak lain tidak bukan ialah membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih baik lagi.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan KPBABT oleh pensyarah bahasa Arab di Pusat Pengajian Teras, KUIS telah diterima dengan amat baik oleh peserta kajian. Skor min keseluruhan yang menunjukkan sangat tinggi telah menjadi satu tanda aras bahasa pelaksanaan KPBABT sebagai satu kaedah yang baru diperkenalkan boleh dilanjutkan pada masa akan datang. Meskipun persepsi peserta kajian terhadap kursus bahasa Arab di PPT, KUIS di tahap sederhana, pembelajaran bahasa Arab melalui KPBABT mendapat maklum balas yang sangat positif dalam kalangan peserta kajian. Oleh itu, KPBABT boleh diperkenalkan pelaksanaannya kepada kursus-kursus yang lain yang dirasakan sesuai terutamanya ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang masih diperlakukan kini. Adalah diharapkan kajian ini menyumbang kepada satu kaedah pilihan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada masa akan datang.

## Rujukan

- Ahmad, A. (2006). *Startegi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak.* (Tesis PhD tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ellis, R. (2003). *Task-based language learning and teaching.* Oxford University Press.
- Hamzan, M., Baharuddin, H & Hamzah, M.I. (2015). Kaedah pengajaran Bahasa Arab Berpandukan Tiga Ulama' Bahasa. *Prosiding Seminar Kebangsaan Bahasa Arab 2015.* pp: 41-51
- Hussin, M.N, Wazir, R. & Rahman, KAA. (2021). Kajian Awal Tentang Perlaksanaan Pembelajaran Atas Talian Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Jurnal Pengajian Islam* Vol. 14, No. 1, pp: 148-159.
- Lubis, M. et.al. (2019). Inovasi Sistem Pendidikan Dan Strategi Pengajaran Bahasa Arab Di Era Milenial 4.0. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 9 Volume 3(2) Sep 2019, pp: 9-20.
- Mak Din, H. A, Ismail, A.M. & Yusuf A.M (2016). Signifikan Nilai Dalam Geografi Politik: Tinjauan Awal Demografi Kelas Menengah Melayu, *e-Bangi Journal od Social Sciences and Humanities Special Issue 3* (November 2016) pp:111-122.
- Mustari, M.I, Jasmi K.A., Muhammad, A & Yahya, R. (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Prosiding Seminar SEAPP2012.* Pp:867-878.
- Ngadi, E. (2020). *Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran atas talian.* <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19>
- Nunan, D. (2010). *Task based language teaching.* Cambridge. Cambridge University Press.
- Omar, Z., Arshad, M., & Jamaludin, N. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugasan Meningkatkan Motivasi dan Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Sekolah Rendah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature,* 11(1), 122-132.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia. pp:198-208.
- Syahida, N. (2015). Pengajaran Bahasa Arab: *Kajian terhadap kaedah pengajaran bahasa berdasarkan tugas* (KPBBT) di Pusat Asasi UIAM. (Tesis Master tidak diterbitkan) Universiti Malaya.
- Samah, R. Isahak, A & Ahmad, WAW (2020). Amalan guru cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa dan sastera Arab mengikut strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education,* 35(1), 37–54.
- Taat, M.S, Abdullah, M.Y. & Talip, R. (2014). Motivasi Sebagai 'Mediator' antara Proses Pengajaran dan Bimbingan Guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan 'Model SEM/AMOS'. *Sains Humanika.* Universiti Teknologi Malaysia.
- Willis, D. (1996). *A framework for task-based learning.* Longman.

## BAB 4

### PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN: PERSEPSI PELAJAR SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (BAHASA ARAB TERJEMAHAN) DI KUIS

Nasimah Abdullah<sup>1</sup> & Mohd @ Mohamed Mohamed Zin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup>Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute

#### Pendahuluan

Pandemik Covid-19 atau dikenali juga sebagai wabak koronavirus telah melanda dunia pada akhir tahun 2019. Wabak ini berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini telah mula dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 (“Pandemik Covid-19”, 2021). Pandemik Covid-19 ini masih lagi berterusan berlaku secara global di seluruh dunia sehingga pertengahan tahun 2021. Malaysia tidak terkecuali daripada wabak tersebut dan telah mencatatkan tiga kes pertama pada 23 Januari 2020 (“Kronologi Covid-19 di Malaysia”, 2020). Sehingga 21 Julai 2021 sebanyak 951,884 kes keseluruhan dicatatkan di Malaysia.

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia ini memaksa masyarakat menghadapi situasi VUCA yang lebih mencabar daripada sebelumnya bukan sahaja dari sudut geopolitik, ekonomi dan sosial, malah juga dari segi pendidikan. VUCA merupakan akronim yang merujuk kepada *volatility* iaitu kerentanan, *uncertainty* iaitu ketidakpastian, *complexity* iaitu kerumitan dan *ambiguity* iaitu kekaburan (“Mendepani cabaran dunia empat dimensi”, 2017). VUCA awalnya diciptakan oleh ketenteraan Amerika Syarikat untuk menggambarkan situasi geopolitik dunia abad ini yang penuh dengan kerentanan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan (“Volatility, uncertainty, complexity and ambiguity (VUCA)”, 2021). Namun kemudiannya istilah VUCA diadaptasikan oleh dunia ekonomi, sosial dan pendidikan hasil daripada kesamaan makna.

VUCA ialah gambaran situasi di dunia yang sangat mencabar dan penuh ancaman kepada kestabilan ekonomi dunia akibat wujudnya pelbagai cabaran yang melanda pasaran kewangan global (“Pelabur perlu bijak atasi cabaran global”, 2019). Persaingan ekonomi antara kuasa-kuasa besar dunia seperti antara Amerika Syarikat dengan China mencetuskan implikasi kepada wujudnya ketidakstabilan politik secara tidak langsung. Ironinya, perebutan kuasa ekonomi akan memberikan kesan kepada perubahan polisi politik sesebuah negara. Sebagai contoh, Asia Tenggara menjadi salah satu tempat yang mempunyai risiko besar pertembungan antara kuasa-kuasa besar dunia akibat kekayaan hasil mahsul kawasan persekitaran seperti minyak mentah, gas, kepelbagai sumber mineral dan lain-lain lagi (“Hubungan Malaysia-Indonesia: Pertembungan Amerika-China”, 2021). Selain itu, hubungan politik yang sangat baik antara Amerika Syarikat dengan sekutunya negara haram Israel bukan sahaja menimbulkan ketegangan politik di Timur Tengah (“Antara nuklear dan minyak”, 2021), malah mencetuskan pelbagai isu kemanusiaan dan hak asasi manusia sejagat. Tekanan ekonomi dan politik dunia secara tidak langsung akan menimbulkan masalah kepada survival kehidupan sosial manusia sejagat.

Dengan pelbagai cabaran semasa tersebut sama ada dari segi geopolitik, ekonomi atau sosial, masyarakat seantero dunia perlu bijak menyediakan dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemungkinan agar dapat menghadapi dan mengawal kesan dan risiko kepada cabaran tersebut dengan merancang strategi menguruskan kehidupan jangka pendek dan jangka panjang

yang di luar jangkaan. Bidang pendidikan tidak sunyi daripada menghadapi situasi VUCA tersebut, malah bidang pendidikan merupakan antara sektor yang paling terkesan lebih-lebih lagi dengan melandanya pandemik Covid-19 ini.

## Pengaruh Revolusi Industri 4.0 Kepada Sektor Pendidikan

Sekitar tahun 2016 Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) rancak dibincangkan hasil penemuan pelbagai teknologi baharu seperti menggunakan automasi, analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotic, cloud dan Internet of Things (IoT) (Kamaruddin Ilias & Che Aleha Ladin, 2018). Namun sebenarnya, matlamat IR 4.0 ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2011 lagi (Akmal Ariff Jamhari, Siti Hajar Abd Razah & Nur Anis Karim Mohamad, 2020). Di Malaysia sendiri kerajaan telah memperuntukan bajet khas untuk memberikan tumpuan kepada IR 4.0 dalam usaha menjayakan Dasar Digital Malaysia (Kamaruddin Ilias & Che Aleha Ladin, 2018).

Perubahan yang berlaku dalam sektor industri dan teknologi secara langsung memberi impak kepada keperluan perubahan dalam sektor pendidikan negara. Ini bermakna era pendidikan negara sekarang dipengaruhi oleh Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) hinggakan lanskap inovasi dalam pendidikan juga berubah dan berkembang dengan begitu pantas (Aida Aryani Shahroom & Norhayati Hussin, 2018). Sektor pendidikan negara sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi sangat terkesan dengan kewujudan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) ini kerana kehidupan masyarakat telah didominasikan oleh penggunaan teknologi seperti telefon pintar dan TV pintar yang setiap masa mempunyai pembaharuan dalam ciptaan dan persembahannya. Rakyat Malaysia bergantung sepenuhnya kepada penggunaan peralatan pintar tersebut dalam kehidupan seharian. Dengan erti kata lain, masyarakat di abad ke-21 ini umumnya dimonopoli oleh penggunaan multimedia dan teknologi maklumat dengan moto dunia tanpa sempadan (Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah, 2017). Pakar ekonomi berpandangan bahawa Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) ini boleh memberi impak yang baik kepada bidang pendidikan dan pekerjaan di Malaysia (Akmal Ariff Jamhari, Siti Hajar Abd Razah & Nur Anis Karim Mohamad, 2020).

Walau bagaimanapun, pendidikan di zaman IR 4.0 ini mendesak guru berinovasi dan memanfaatkan teknologi canggih terkini kerana proses pembelajaran dan pengajaran ditandai dengan penggunaan teknologi digital (Agus Supandi, Sara Sahrazad, Arief Nugroho Wibowo & Sigit Widiyarto, 2020). Guru bukan sahaja lagi perlu mahir dengan pengendalian dan pengurusan dalam bilik darjah atau dewan kuliah, malah juga perlu bersedia dengan kemahiran teknologi maklumat dan multimedia demi mewujudkan strategi pembelajaran yang komprehensif dan kompetatif. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah (2017), didapati bahawa tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan multimedia di sekolah menengah daerah Selangor adalah berada di tahap tinggi dengan  $\text{min}= 4.24$  dan sisihan piawai= 0.38, tetapi tahap kesediaan guru tersebut berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai  $\text{min}= 3.92$  dan sisihan piawai= 0.43. Ini bermakna Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Bahagian Pendidikan Islam (BPI) masih perlu mengusahakan program ke arah penyediaan guru yang bukan sahaja berpengetahuan malah juga perlu kepada berkemahiran dan kesediaan untuk melaksanakan tugas P&P berlandaskan penggunaan teknologi maklumat dan multimedia.

Begitu juga para pelajar perlu mengubah paradigma berfikir ke arah memanfaatkan seluas-luasnya akses daripada internet dan multimedia agar dapat membantu mereka lebih bersedia dengan gelombang IR 4.0 (Kamaruddin Ilias & Che Aleha Ladin, 2018). Ini bermakna pelajar perlu mendepani cabaran revolusi industri ini dengan menyediakan diri dengan kemahiran penggunaan teknologi terkini, menguasainya dan memanfaatkannya semasa proses pembelajaran dan pengajaran agar terlahirnya modal insan yang berkemahiran tinggi dari segi teknologi. Oleh itu, internet adalah satu keperluan, bukan lagi pilihan. Penggunaan internet bukanlah baru bermula tetapi telah lama menjengah dunia. Keadaan ini terbukti pada tahun 2001 lagi sejumrah

500 juta manusia telah berhubung di atas talian dan 200 billion emel dihantar setiap hari (“Mendepani cabaran dunia empat dimensi”, 2017).

Keadaan kerentanan dalam bidang teknologi, multimedia dan komunikasi kemudiannya bergerak dengan lebih rancak dan pantas lagi dengan kemunculan pandemik Covid-19 di akhir tahun 2019 kerana masyarakat terpaksa memanfaatkan semaksima mungkin penggunaan teknologi dan multimedia dalam proses pembelajaran dan pengajaran di semua peringkat pendidikan. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha menyebar luaskan kesedaran di kalangan guru dan pensyarah agar persiapan dapat dibuat untuk menghadapi perubahan dinamik yang sangat laju terutamanya dalam bidang teknologi dan komunikasi yang sudah pasti boleh memberikan impak yang sangat besar kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran di masa hadapan.

Apabila berlakunya pandemik Covid-19, Malaysia terpaksa akur dengan perubahan kepada kaedah pendidikan negara daripada kaedah secara konvensional iaitu bersemuka antara pelajar dengan guru, kepada kaedah pembelajaran secara atas talian yang perlu menggunakan sepenuhnya kemahiran teknologi dan multimedia. Ironinya, kaedah pendidikan negara berubah dengan begitu drastik sekali sekitar awal tahun 2021 kerana sesi pengajian sama ada peringkat rendah, menengah atau tinggi perlu menggunakan platform atas talian.

## **Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Di KUIS**

Kemunculan pandemik Covid-19 pada akhir tahun 2019 telah menukar spektrum kehidupan masyarakat Malaysia sama ada dari segi ekonomi, politik, sosial dan pendidikan menjadi serba-serbi tidak menentu dan terganggu. Begitulah dengan gambaran empat (4) dimensi VUCA iaitu kerentanan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan. Pada 18 mac 2020, Malaysia buat pertama kalinya mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak koronavirus yang melanda (Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-21, 2021). Maka bermulalah norma hidup baharu kerana semua institusi pengajian tinggi (IPT) terpaksa mendepani cabaran pengajaran dengan mod atau kaedah yang berbeza sama sekali daripada sebelumnya iaitu pembelajaran dan pengajaran secara atas talian sepenuhnya. Begitulah hubungan yang signifikan antara pandemik Covid-19 dengan VUCA.

Pandemik covid-19 telah mengubah landskap pendidikan negara amnya dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) khususnya dari sudut pengajaran dan pembelajaran. KUIS selaku sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang bermotokan peneraju tradisi ilmu perlu meneruskan kelangsungan survivalnya demi ummah dalam usaha melahirkan modal insan yang akan melahirkan da'i, ulama dan umara'. Sinergi antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan KUIS terus ampuh walaupun dalam suasana serba tidak menentu. Keadaan ini terbukti dengan usaha KUIS secara berterusan mematuhi semua garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam isu menangani kaedah pembelajaran dan pengajaran semasa pandemik covid-19 melanda.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dahulunya berteraskan kepada pembelajaran secara bersemuka telah diganti dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sepenuhnya di KUIS bermula sesi I 2020 iaitu sekitar Jun 2020. Malah terdapat sebahagian daripada kertas peperiksaan akhir bagi sesi II 2019/2020 yang sepatutnya berlangsung pada 17 hingga 20 Mac 2020 terpaksa diubah kaedah pengendaliannya daripada bersemuka di dewan peperiksaan kepada atas talian sepenuhnya. Bukan sekadar kaedah pengendalian peperiksaan yang terpaksa diubah sepenuhnya kepada atas talian, malah kaedah penilaian bagi sebahagian

kertas peperiksaan juga ada yang terpaksa diubah daripada berbentuk peperiksaan kepada tugas.

Sehingga kini, telah berlangsung tiga (3) sesi pengajian secara atas talian sepenuhnya iaitu sesi I 2020/2021 (Jun 2020), sesi II 2020/2021 (November 2020) dan sesi I 2021/2022 (Julai 2021). KUIS tidak menetapkan platform atau medium tertentu kepada pensyarah dalam menjalankan proses P&P secara atas talian. Oleh itu, pensyarah menggunakan pelbagai platform seperti *Googlemeet*, *Google Classroom*, *Microsoft Teams*, *Webex*, *Zoom Education*, *Kahoot*, *Seesaw*, *Edmodo*, *Scratch*, *Prezi*, *Quizlet* dan lain-lain. Namun, KUIS juga mempunyai platform rasmi untuk proses P&P secara atas talian iaitu *KLMS*.

Walaupun pembelajaran dan pengajaran secara atas talian tidak dapat dinafikan boleh merangsang kemahiran teknologi maklumat dan multimedia sama ada di pihak guru atau pun pelajar, namun pembelajaran dan pengajaran ketika pandemik bukanlah mudah (Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah, 2020). Hal ini sedemikian kerana pelajar akan menghadapi cabaran dari segi capaian internet, peralatan pembelajaran dan sumber talian internet. Begitu juga dengan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam waktu yang sama terpaksa mendepani cabaran dari segi kelangsungan pengoperasian, kemudahan sumber dan prasarana yang perlu disediakan, kesediaan tenaga pengajar dari segi kemahiran teknologi maklumat dan multimedia serta kesediaan menyediakan latihan yang mencukupi kepada tenaga pengajar.

Dengan segala cabaran yang terpaksa dihadapi oleh semua pihak sama ada pelajar, tenaga pengajar, staf pentadbiran dan pengurusan tertinggi universiti, perubahan tetap terpaksa dilakukan bagi memastikan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terencat dan sentiasa berterusan tanpa tergugat dalam membina warga pelajar KUIS yang berpengetahuan. Perubahan ini bukan sahaja memberi cabaran baharu kepada tenaga pengajar KUIS, malah juga memberi tamparan hebat kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan kaedah baharu dalam pengajaran dan pembelajaran. Tidak keterlaluan jika terdapat di awal pelaksanaan kaedah ini suara keluhan dan ketidakpuasan pelajar dalam proses pembelajaran dengan norma baharu ini.

Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif dilakukan bertujuan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian. Sebenarnya pelbagai istilah digunakan bagi merujuk pembelajaran atas talian. Antara istilah tersebut ialah e-pembelajaran, pembelajaran internet, pembelajaran tersebar, pembelajaran rangkaian, tele-pembelajaran, pembelajaran maya, pembelajaran berbantuan komputer, pembelajaran berasaskan sesawang dan pembelajaran jarak jauh (Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat, 2020). Semua istilah tersebut memberi gambaran bahawa pembelajaran tersebut akan berlaku di mana sahaja dan di dalam keadaan yang pelbagai. Pembelajaran secara atas talian sudah pasti perlu kepada pengubahsuaian dari segi kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta juga kaedah penilaian.

Pembelajaran secara atas talian sebagai satu norma baharu dalam proses pembelajaran dan pengajaran di KUIS sudah pasti mencetuskan implikasi yang sangat besar terhadap pengalaman individu yang melaluinya sama ada yang berada di bandar mahu pun di kawasan pendalaman. Terdapat pelajar yang perlu membantu ekonomi keluarga yang terkesan dengan pandemik covid-19 yang menjadikan keadaan sekeliling tidak kondusif untuk belajar. Keadaan ini bertambah buruk lagi jika pelajar tersebut tidak mempunyai capaian internet yang baik bagi mengikuti sesi pembelajaran dan mengakses bahan pembelajaran. Berkemungkinan juga pelajar tidak memiliki telefon pintar, komputer dan aksesori peranti yang berteknologi untuk menyokong pembelajarannya.

Kesemua situasi tersebut secara tidak langsung akan mempengaruhi motivasi pelajar untuk meneruskan proses pembelajaran dan pengajaran dengan baik. Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian sebenarnya mendesak pelajar lebih berdikari dan lebih aktif atau

dengan kata lain perlu berpusatkan pelajar. Dalam situasi sebegini, tenaga pengajar bukan sahaja lagi perlu lebih mendekati teknologi dan meneliti jenis platform dan alat bantu mengajar yang sesuai, malah juga perlu lebih memahami sedalam-dalamnya latar sosio ekonomi dan keupayaan pembelajaran setiap pelajar kerana pembelajaran secara atas talian hakikatnya bukanlah mudah (Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah, 2020). Oleh itu kajian ini memberikan tumpuan kepada mengenalpasti persepsi pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) di KUIS terhadap pembelajaran secara atas talian.

### **Persepsi Pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) di KUIS**

Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian ketika pandemik covid-19 bukanlah perkara yang mudah (Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah, 2020) kerana pelajar akan menghadapi pelbagai cabaran dari segi capaian internet, peralatan pembelajaran dan sumber talian internet. Cabaran-cabaran yang dihadapi secara tidak langsung akan membina persepsi pelajar terhadap P&P secara atas talian. Persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu atau tanggapan (Kamus Dewan, 2015). Persepsi sama ada positif atau negatif akan mempengaruhi minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran secara atas talian.

Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif dilakukan bertujuan mengenalpasti persepsi pelajar KUIS terhadap pembelajaran secara atas talian. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) di KUIS. *Sampel kajian ini melibatkan 56 orang responden daripada 5 kumpulan pelajar berbeza iaitu daripada kursus Analisis Wacana (IBAT3203) pada sesi I 2021/2022, sesi II 2020/2021 dan sesi I 2020/2021, kursus Terjemahan Teks Keagamaan (IBAT2133) pada sesi I 2021/2022 dan kursus Manahij al-Bahth li al-Tarjamah (IBAT3212) pada sesi I 2021/2022.*

*Kajian ini berbentuk kuantitatif dan berdasarkan kaedah tinjauan yang mensasarkan hanya pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) di KUIS. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibina melalui google form dalam mendapatkan maklum balas tentang persepsi pelajar tersebut. Soal selidik tersebut diagihkan melalui kumpulan WhatsApp kursus antara pelajar dengan pensyarah kursus. Instrumen soal selidik mengandungi dua (2) bahagian sahaja iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden dan memuatkan enam (6) soalan iaitu i) semester pengajian, ii) kursus yang diikuti, iii) jantina, iv) umur, v) tempat tinggal semasa sesi pembelajaran atas talian berlangsung dan vi) pembiayaan pengajian. Data demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1.*

*Manakala bahagian B mengandungi dua belas (12) soalan berkenaan persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian. Format maklum balas adalah merujuk kepada lima (5) mata skala likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju*

*Tatacara penganalisan data adalah dengan menggunakan IBM SPSS versi 25.0. Analisis deskriptif digunakan bagi mengumpul data berbentuk min, sisihan piawai dan interpretasi. Bagi tujuan deskriptif, kajian menggunakan skala sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Semua tahap tersebut diinterpretasikan berdasarkan nilai min yang dikumpulkan. Jika nilai min berada antara 1.00-1.80, maka tahap ini menunjukkan sangat rendah, 1.81-2.60 berada pada tahap rendah, 2.61-3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41-4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21-5.00 adalah tahap sangat tinggi (Tschanne-Moran, M. & Gareis, C.R., 2004; Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. Journal of Educational Administration. 42(5), 573-585).*

Bagi menentukan respondan yang dipilih mestilah mewakili populasi kajian, penulis menggunakan kaedah persampelan rawak mudah iaitu melibatkan para pelajar yang mendaftar kursus *Analisis Wacana (IBAT3203)*, *kursus Terjemahan Teks Keagamaan (IBAT2133)* dan *kursus Manahij al-Bahth li al-Tarjamah (IBAT3212)*. Ketiga-tiga kursus ini menggunakan medium bahasa Arab sepenuhnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

<b>Demografi Responden</b>	<b>Jumlah responden (N: 56)</b>	
	<b>N</b>	<b>%</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	20	35.7
Perempuan	36	64.3
<b>Umur</b>		
18 ke 21	12	21.4
22 ke 25	43	76.8
26 ke atas	1	1.8
<b>Kursus Diikuti</b>		
IBAT3203 Analisis Wacana	36	64.3
IBAT2133 Terjemahan Teks Keagamaan	4	7.1
IBAT3212 Manahij al-Bahth li al-Tarjamah	16	28.6
<b>Semester Pengajian</b>		
Semester 1	0	0
Semester 2	0	0
Semester 3	0	0
Semester 4	2	3.6
Semester 5	14	25.0
Semester 6	40	71.4
<b>Tempat tinggal semasa sesi pembelajaran secara atas talian berlangsung</b>		
Asrama	2	3.6
Rumah Sewa	2	3.6
Rumah Keluarga	52	92.9
<b>Pembentangan pengajian</b>		
Sendiri	7	12.5
Keluarga	10	17.9
Zakat	5	8.9
PTPTN	19	33.9
Zakat & Keluarga	1	1.8
PTPTN & Keluarga	12	21.4
Lain-lain	2	3.6

**Jadual 1: Demografi Responden**

### *Analisis Profil Responden*

Taburan sampel kajian terdiri daripada 56 orang pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, KUIS. Sampel terdiri daripada 20 orang lelaki yang menyamai 35.7% dan 36 orang perempuan dengan peratusan 64.3%. Dari segi umur pelajar, 12 orang berumur antara 18 hingga 21 tahun iaitu menyamai 21.4%, 43 orang berumur antara 22 hingga 25 tahun iaitu menyamai 76.8% dan 1 orang berumur 26 tahun ke atas dengan peratusan 1.8% sahaja. Dari segi kursus yang diikuti, 36 orang yang menyamai 64.3%

adalah dari kursus *Analisis Wacana (IBAT3203)*, 4 orang yang menyamai 7.1% sahaja adalah dari kursus *Terjemahan Teks Keagamaan (IBAT2133)* dan 16 orang yang menyamai 28.6% adalah dari kursus *Manahij al-Bahth li al-Tarjamah (IBAT3212)*. Daripada 56 orang responden, 40 orang (iaitu 71.4%) adalah berada di semester 6 pengajian iaitu semester akhir, 14 orang (iaitu 25%) adalah di semester 5 pengajian dan 2 orang (iaitu 3.6%) adalah di semester 4 pengajian.

Dari segi tempat tinggal semasa sesi pembelajaran secara atas talian berlangsung, 52 orang daripada responden iaitu menyamai 92.9% tinggal di rumah keluarga, 2 orang iaitu menyamai 3.6% tinggal di rumah sewa dan baki lagi 2 orang yang juga menyamai 3.6% tinggal di asrama dalam kampus KUIS. Manakala, dari segi pembiayaan pengajian didapati pembiayaan daripada PTPTN adalah paling tinggi peratusannya iaitu 33.9% iaitu seramai 19 orang, diikuti dengan pembiayaan secara bersama daripada PTPTN dan keluarga dengan peratusan 21.4% iaitu seramai 12 orang dan kemudian diikuti dengan pembiayaan keluarga sepenuhnya dengan peratusan 17.9% iaitu seramai 10 orang. Kemudian diikuti dengan pembiayaan sendiri sepenuhnya seramai 7 orang (iaitu 12.5%) dan pembiayaan zakat seramai 5 orang (iaitu 8.9%). Didapati baki 1 orang adalah daripada pembiayaan zakat dan keluarga serta 2 orang lagi memberi maklum balas mendapat pembiayaan lain-lain.

### *Analisis Deskriptif*

Bahagian ini akan membincangkan persepsi pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan), KUIS terhadap pembelajaran secara atas talian. Persepsi pelajar dibahagikan kepada beberapa sudut iaitu i) medium pembelajaran atas talian yang melibatkan item 1, ii) lokasi pembelajaran atas talian yang melibatkan item 2 hingga 5, iii) cabaran pembelajaran atas talian yang melibatkan item 6 hingga 9, iv) persepsi umum pelajar tentang kaedah pembelajaran atas talian yang melibatkan item 10 dan v) keperluan dan kehendak pelajar tentang pembelajaran atas talian yang melibatkan item 11 dan 12. Laporan dapatan dipaparkan dalam bentuk min, sisihan piawai dan interpretasi.

Berdasarkan Jadual 2, hasil analisis mendapati persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian yang merangkumi medium, lokasi dan cabaran pembelajaran, serta kehendak pelajar berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan = 3.41 dengan sisihan piawai = 0.395. Penulis akan membincangkan secara terperinci setiap item atau penyataan 1 hingga 12 yang boleh dianalisis berdasarkan pelbagai sudut persepsi.

Penyataan 1 dalam Jadual 2 adalah melibatkan persepsi pelajar terhadap medium pembelajaran atas talian melalui *Googlemeet* dan *KLMS*. Hal ini adalah kerana semua 56 responden mengikuti pembelajaran melalui dua medium tersebut. Penyataan ini mendapat nilai min 3.25 iaitu tahap sederhana dengan sisihan piawai 1.08. Ini menunjukkan bahawa tahap keseronokan dan kegembiraan pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah sederhana. Dapatkan ini disokong oleh penyataan 10 dalam Jadual 2, malah kelihatan seiring kerana pelajar menyatakan lebih selesa mengikuti kelas pembelajaran menggunakan kaedah secara bersemuka berbanding dengan pembelajaran secara atas talian. Hal ini sedemikian kerana nilai min yang diperolehi oleh penyataan 10 ialah 4.32 iaitu tahap sangat tinggi dan sisihan piawai 0.855.

Penyataan 2 hingga 5 dalam Jadual 2 adalah berkait dengan persepsi pelajar terhadap keselesaan lokasi pembelajaran atas talian yang menjadi pilihan pelajar sama ada di asrama bersama rakan-rakan, di rumah bersama keluarga, di rumah sewa bersama rakan-rakan atau di tempat awam seperti kedai Mamak, KFC, McD dan lain-lain. Penyataan 2 iaitu “mengikuti pembelajaran atas talian di asrama bersama rakan-rakan” memperolehi nilai min 3.44 iaitu tahap

tinggi dan sisihan piawai 1.18. Maklum balas ini kelihatan seiring dengan pernyataan 5 iaitu “mengikuti pembelajaran atas talian di tempat awam” yang berada pada tahap rendah dengan nilai min 1.92 dan sisihan piawai 1.02. Begitu juga pernyataan 3 iaitu “mengikuti pembelajaran atas talian di rumah bersama keluarga” yang berada pada tahap rendah dengan nilai min 2.30 dan sisihan piawai 0.892. Ini menunjukkan pelajar lebih selesa berada di asrama bersama rakan-rakan untuk mengikuti pembelajaran atas talian berbanding dengan berada di tempat awam atau bersama keluarga di rumah. Manakala, pernyataan 4 iaitu “mengikuti pembelajaran atas talian di rumah sewa bersama rakan-rakan” berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.96 dan sisihan piawai 1.20. Namun nilai ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Pernyataan 6 hingga 9 dalam Jadual 2 adalah berkait dengan persepsi pelajar terhadap cabaran pembelajaran atas talian. Kesemua empat pernyataan tersebut berada pada tahap tinggi, di mana pernyataan 6 mendapat nilai min 3.46 dengan sisihan piawai 1.02, pernyataan 7 mendapat nilai min 3.50 dengan sisihan piawai 0.914, pernyataan 8 mendapat nilai min 3.67 dengan sisihan piawai 0.992 dan pernyataan 9 mendapat nilai min 3.62 dengan sisihan piawai 1.07. Dapatkan ini menunjukkan pelajar mempunyai persepsi negatif terhadap pembelajaran atas talian kerana mereka menganggapnya membosankan, memenatkan, tidak menarik, tidak dapat fokus, sukar memberikan tumpuan, rasa terganggu dengan kehadiran ahli keluarga di rumah dan menghadapi banyak masalah untuk mengikuti sesi pembelajaran. Pelbagai faktor mungkin mempengaruhi persepsi negatif pelajar yang tidak dikaji dalam kajian ini seperti cabaran capaian internet yang tidak maksima dan juga infrastruktur sedia ada.

**Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Persepsi Mengenai Pembelajaran Secara Atas Talian**

Pernyataan/Item	Skala					Mean	SP	Interpretasi
	STS	TS	TP	S	SS			
1. Anda rasa seronok dan gembira mengikuti pembelajaran secara atas talian melalui Googlemeet dan KLMS.	5.4 (3)	21.4 (12)	26.8 (15)	35.7 (20)	10.7 (6)	3.25	1.08	Sederhana
2. Anda rasa lebih selesa mengikuti pembelajaran secara atas talian di ASRAMA bersama rakan-rakan.	5.4 (3)	17.9 (10)	26.8 (15)	26.8 (15)	23.2 (13)	3.44	1.18	Tinggi
3. Anda rasa tidak selesa mengikuti pembelajaran secara atas talian di RUMAH bersama keluarga.	19.6 (11)	37.5 (21)	37.5 (21)	3.6 (2)	1.8 (1)	2.30	.892	Rendah
4. Anda rasa lebih selesa mengikuti pembelajaran secara atas talian di RUMAH SEWA bersama rakan-rakan.	10.7 (6)	30.4 (17)	21.4 (12)	26.8 (15)	10.7 (6)	2.96	1.20	Sederhana
5. Anda rasa lebih selesa mengikuti pembelajaran secara atas talian di tempat awam seperti kedai Mamak, KFC, McD dan lain-lain.	41.1 (23)	35.7 (20)	16.1 (9)	3.6 (2)	3.6 (2)	1.92	1.02	Rendah
6. Anda menghadapi banyak masalah untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian.	3.6 (2)	14.3 (8)	28.6 (16)	39.3 (22)	14.3 (8)	3.46	1.02	Tinggi
7. Pembelajaran secara atas talian membosankan, memenatkan dan tidak menarik.	1.8 (1)	8.9 (5)	41.1 (23)	33.9 (19)	14.3 (8)	3.50	.914	Tinggi
8. Anda seringkali tidak dapat	1.8	12.5	21.4	44.6	19.6	3.67	.992	Tinggi

	fokus dan gagal memberikan tumpuan penuh sewaktu pembelajaran secara atas talian.	(1)	(7)	(12)	(25)	(11)		
9	Anda sering rasa terganggu oleh ahli keluarga di RUMAH atau rakan-rakan di rumah sewa sewaktu pembelajaran secara atas talian.	1.8 (1)	19.6 (11)	12.5 (7)	46.4 (26)	19.6 (11)	3.62	1.07 Tinggi
10	Anda lebih selesa mengikuti kelas pembelajaran menggunakan kaedah secara BERSEMUKA (face to face) berbanding pembelajaran secara atas talian.	0	5.4 (3)	8.9 (5)	33.9 (19)	51.8 (29)	4.32	.855 Sangat Tinggi
11	Universiti sepatutnya menyediakan komputer riba (laptop) secara percuma kepada pelajar yang layak (B40) untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian.	0	0	12.5 (7)	39.3 (22)	48.2 (27)	4.35	.698 Sangat Tinggi
12	Universiti sepatutnya memberikan keizinan kepada pelajar berkeperluan mengikuti pembelajaran secara atas talian di dalam kampus.	0	1.8 (1)	21.4 (12)	39.3 (22)	37.5 (21)	4.12	.810 Tinggi
		<b>Keseluruhan</b>		<b>3.41</b>		<b>.395</b>	<b>Tinggi</b>	

STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju

Penyataan 11 dan 12 dalam Jadual 2 adalah berkenaan persepsi pelajar terhadap keperluan dan kehendak tentang pembelajaran atas talian. Penyataan 11 iaitu “penyediaan komputer riba secara percuma kepada pelajar yang layak” memperolehi nilai min 4.35 iaitu tahap sangat tinggi dengan sisihan piawai 0.698. Maklum balas ini sangat relevan kerana 33.9% responden iaitu seramai 19 orang adalah di bawah pembiayaan PTPTN. Manakala, penyataan 12 iaitu “keperluan mengikuti pembelajaran secara atas talian di dalam kampus” berada pada tahap tinggi dengan memperolehi nilai min 4.12 dan sisihan piawai 0.81. Ini menunjukkan pelajar merasa lebih selesa berada di dalam kampus bersama rakan-rakan berbanding dengan berada di rumah bersama keluarga.

### Korelasi

Penulis mengguna pakai korelasi Pearson dalam melihat hubungkait antara penyataan 10 dengan penyataan 7, 8 dan 9. Kajian ini mendapati wujud korelasi antara penyataan 10 iaitu “keselesaan mengikuti kelas pembelajaran menggunakan kaedah secara bersemuka (face to face) berbanding pembelajaran secara atas talian” dengan penyataan 7, 8 dan 9.

Hal ini sedemikian kerana hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara item no 10 dengan item no 7 dengan nilai  $r = .349$ ,  $p = .008$ , item no 8 dengan nilai  $r = .424$ ,  $p = .001$ , dan item no 9 dengan nilai  $r = .432$ ,  $p = .001$ . Berdasarkan jadual nilai pekali koefisien korelasi ‘r’ maka dapatlah dinyatakan di sini bahawa ketiga-tiga hubungan tersebut berada pada tahap hubungan yang sederhana sahaja.

Oleh kerana hubungan antara penyataan 7, 8 dan 9 dengan penyataan 10 adalah hubungan yang positif maka ia membawa makna semakin tinggi kekangan yang dihadapi ketika belajar secara atas talian, maka semakin tinggi rasa untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka.

**Jadual 3: Korelasi antara pernyataan 10 dengan pernyataan 7, 8 dan 9**

Anda lebih selesa mengikuti kelas pembelajaran menggunakan kaedah secara BERSEMUKA (face to face) berbanding pembelajaran secara atas talian.	Pembelajaran secara atas talian membosankan, memenatkan dan tidak menarik.	Anda seringkali tidak dapat fokus dan gagal memberikan tumpuan penuh sewaktu pembelajaran secara atas talian.	Anda sering rasa terganggu oleh ahli keluarga di RUMAH atau rakan-rakan di rumah sewa sewaktu pembelajaran secara atas talian.
	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.349** .008	.424** .001
	N	56	56
			56

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## Cadangan Dan Rumusan

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan persepsi negatif pelajar terhadap kekangan dan cabaran mengikuti pembelajaran atas talian adalah pada tahap tinggi yang menyebabkan mereka lebih cenderung kepada pembelajaran secara bersemuka. Namun, dengan situasi pandemik covid-19 yang masih tidak pulih, mereka perlu membuat penyesuaian diri dari sudut persepsi agar dapat memotivasi diri dalam menerima konsep pembelajaran secara atas talian demi kesinambungan pemerolehan ilmu pengetahuan yang berterusan. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan mendorong dirinya untuk terus mengikuti pembelajaran tanpa gagal walaupun secara tidak bersemuka. Dengan erti kata lain, kesediaan pelajar dari sudut mental bagi menerima pengalaman baharu melalui pembelajaran atas talian adalah amat penting untuk memastikan kejayaan proses pembelajaran.

Seterusnya, dalam usaha memperkasakan proses P&P secara atas talian disarankan agar konteks infrastruktur dan infostruktur perlu menyokong kaedah tersebut dengan memperbanyak penyediaan komputer riba secara percuma kepada pelajar yang layak selain pengurusan sistem maklumat dan informasi yang sentiasa diperkemaskan dari semasa ke semasa. Pihak KUIS juga mungkin perlu mempertimbangkan keizinan kepada pelajar yang berkeperluan mengikuti pembelajaran secara atas talian di dalam kampus untuk melestarikan proses P&P.

Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi gambaran mengenai persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian dan seterusnya kajian lanjut mengenai pengalaman pelajar yang mengikuti pembelajaran atas talian mungkin boleh dilaksanakan dan digembelengkan dalam menangani pembangunan yang drastik dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

## Rujukan

Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. (2020). *Pembelajaran atas Talian: Tinjauan terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian*

- Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(4). 68-82. Dicapai dari: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/11772>.
- Aida Aryani Shahroom & Norhayati Hussin. (2018). Industrial Revolution 4.0 and Education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 8(9). September. 314-319. Dicapai dari: <https://pdfs.semanticscholar.org/12fb/a84f89c7d3bc9faf1a7402e1f6f741680354.pdf>.
- Akmal Ariff Jamhari, Siti Hajar Abd Razah & Nur Anis Karim Mohamad. (2020). Persediaan Rakyat Malaysia dalam Merealisasikan Matlamat Revolusi Industri 4.0. *Malaysian Journal of Social and Humanities*. 5(10). October. 75-82. Dicapai dari: <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/510>.
- Agus Supandi, Sara Sahrazad, Arief Nugroho Wibowo & Sigit Widiyarto. (2020). *Analisis Kompetensi Guru: Pembelajaran Revolusi Industri 4.0*. Prosiding SAMASTA Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia. Dicapai dari: <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/SAMASTA/article/view/6692>.
- Antara nuclear dan minyak*. (2021). Dicapai pada Julai 9, 2021 daripada <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/02/678324/antara-nuklear-minyak>
- Hubungan Malaysia-Indonesia: Pertembungan Amerika-China*. (2021). Dicapai pada Julai 9, 2021 daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2021/01/30/hubungan-malaysia-indonesia-pertembungan-amerika-china/>
- Kamaruddin Ilias & Che Aleha Ladin. (2018). Pengetahuan dan Kesediaan Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *The Online Journal of Islamic Education*. 6(2). November. 18-26. Dicapai dari: <https://mjes.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/14787>.
- Kamus Dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Keempat.
- Kronologi Covid-19 di Malaysia*. (2020). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilizatin*. 1(1). Januari. 1-13. Dicapai daripada <http://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/3>.
- Mendepani cabaran dunia empat dimensi*. (2017). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/09/321156/mendepani-cabaran-dunia-empat-dimensi>.
- Pandemik Covid-19*. (2021). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik\\_COVID-19](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19).
- Pelabur perlu bijak atasi cabaran global*. (2019). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/07/580957/pelabur-perlu-bijak-atasi-cabaran-global>.
- Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah*. (2020). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/12/769924/pengajaran-pembelajaran-ketika-pandemik-bukan-mudah>.
- Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-21*. (2021). Dicapai pada Julai 16, 2021 daripada [https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah\\_Kawalan\\_Pergerakan\\_Malaysia\\_2020-21](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah_Kawalan_Pergerakan_Malaysia_2020-21).
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R. (2004). Principle's Sense of Efficacy: *Assesing a Promising Construct*. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585.
- Volatility, uncertainty, complexity and ambiguity (VUCA)*. (2021). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <http://binakarir.com/volatility-uncertainty-complexity-ambiguity-vuca/>.

## BAB 5

### مدى تفاعلية التعليم والتعلم عن بعد لدى الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنجر

نورمه بنت حسين<sup>١</sup>

<sup>١</sup>الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنجر

#### المقدمة

سعى هذا البحث عبر المنهج الوصفي، هدفه معرفة مدى تفاعلية التعليم والتعلم عن بعد لدى الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنجر. حقيقة، تغيرت دورة حياة الإنسان بشكل عام بعد أصيب العالم بوباء كورونا في مارس السنة ٢٠٢٠. وحدثت التغيرات في تنفيذ التعليم والتعلم سواءً أكانت في المؤسسات الابتدائية أو الثانوية أو الجامعية. نُقِّلت الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سلامنجر عملية تعليم وتعلّمها عبر الإنترن特 بداية من الفترة الأولى ٢٠٢١/٢٠٢٠ في شهر يوليوليو ٢٠٢٠. لغرض جمع البيانات للحصول على المعلومات، اعتمدت الباحثة على توزيع الاستبانة عن بعد من قبل ٣٠ طالباً عشوائياً في البكالوريوس في دراسات لغة القرآن.

وكشفت الباحثة بأنّ التعليم والتعلم عن بعد له تأثيرات إيجابية منها: أكدّ ٥٥٥ طالباً بأنه سهل وسرع بغض النظر عن مكان تواجده، وهذا الرأي حصل على النسبة المئوية الأعلى. والدراسة تكون مرنّة بلا حدود: ٤٣٪، واستخدام الكتّولوجيا المعلوماتية الحديثة: ٤١٪، وإبداع الفكرة الجديدة: ٣٨٪، واستطاعة الطالب مراجعة الدراسة أكثر من مرات من تسجيل الصوت والفيديو الجاهزة: ٣٧٪. بينما النواحي السلبية الموجودة من تطبيق التعليم والتعلم عن بعد هي: مشكلة الإنترنرت في أماكن معينة حصل على النسبة المئوية الأعلى ٦٦٪، وعدم اهتمام الطلبة في الدراسة: ٤٩٪، وعدم تمكّن ومهارات غير كافية في استخدام الكتّولوجيا المعلوماتية سواءً أكانوا الطلبة والأساتذة: ٤٧٪، وحدوث الخداع والخيانة في تأدية الواجبات وكذلك إجابة الامتحانات: ٤٦٪، ومن جانب النفسيّة، اضطراب العواطف: ٤٢٪.

تقترح الدراسة عدة اقتراحات حل المشكلات التي يواجهها الطلاب خلال التعليم والتعلم عن بعد مثل توفير ميزانية الإنترن特 بقيمة ٥٠ رنجت ماليزي شهريًا، خاصة للطلاب في المناطق الريفية الذين يواجهون من مشاكل الوصول إلى الإنترنط، إعطاء الإنترنط مجانا لا سيما للتعليم والتعلم عن بعد، رفع مستوى الوصول إلى الإنترنط في جميع أنحاء البلاد وخاصة في المناطق الريفية، التعليم والتعلم غير متزامنين (asynchronous) أي أن التعلم لا يحدث في الوقت الحالي، وأخيراً تفتح الجامعة للطلاب الذين يحتاجون إلى الإقامة في مساكن الطلبة.

لا يعد التعليم والتعلم عن بعد ظاهرة جديدة في واقع التعليم في القرن الحادي والعشرين، حتى أن بعض مؤسسات التعليمية العالية التي تركز على التعليم والتعلم عن بعد بدوام جزئي والتي تفتح فرصة للموظفين والمعلمين لمواصلة دراستهم العليا. أصبح التعليم والتعلم وجهاً لوجه الذي تم تنفيذه في مجال التعليم سواء في المرحلة الابتدائية أو الثانوية أو مؤسسات التعليمية العالية متکاملاً وأصبح نقطة البداية للعلاقة الأكاديمية بين المعلمين والطلاب. ولكن في الطبيعة الجديدة، فإن تحديد الوباء غير المرئي بالعين المجردة قد غير جميع جوانب حياة المجتمع العالمي، حتى الحالات التعليمية ليست لها استثناءً.


يتطلب تنفيذ هذا التعلم عبر الإنترنط من الطلاب بناء مهارات التعلم مدى الحياة. لم يعد بإمكان الطلاب استخدام مجموعة الأفكار القديمة، وهي انتظار المعلم أو الحاضر للتحدث أو المعاشرة قبل البدء في التعلم. يحتاج الطلاب إلى تحديد ما يجب تعلمه، والعنور على المواد التي وضعها المعلمون أو الحاضرون على منصات التعلم الافتراضية مثل Google Classroom والتعليم الإلكتروني بالجامعة، ثم تنظيم وقتهم الخاص للبحث في المواد ثم إكمالها. يحتاج الطلاب إلى تعلم كيفية تنظيم الوقت والأولويات، والممواد التي يجب دراستها وإكمالها أولاً، وأيها لاحقاً. (فاتن عليه فانج: ٢٠٢٠)

يعد التعليم والتعلم عن بعد أحد المؤشرات التي تنفذها ما يقرب من ١٠٠ في المائة من المؤسسات التعليمية في ماليزيا، وكذلك الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية سلانجور.


يعتبر إتقان اللغة العربية لدى الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية سلانجور من غير الناطقين بهذه اللغة على أنها لا تزال العديد من أوجه القصور التي تحتاج إلى تحسين. علاوة على ذلك، فإن تنفيذ التعليم والتعلم عن بعد هو التحدي الأكبر لمعرفة معدل فعاليته.

أعلنت منظمة الصحة العالمية، في يناير ٢٠٢٠، انتشار نوع جديد من فيروس كورونا تسبب وباء كovid ١٩ . تماشيا مع الإعلان عن هذا الوباء، أغلقت جميع الدول جميع القطاعات بما في ذلك قطاع التعليم. أدى إغلاق قطاع التعليم إلى إغلاق جميع المدارس ومؤسسات التعليمية العالمية لكسر سلسلة انتقال هذا الوباء الخطير. نتيجة على ذلك، كان لابد من إيقاف عملية التعليم والتعلم وجهاً لوجه التي كانت تمارس منذ العصور القديمة أثناء أمر مراقبة الحركة (إيهوان نجادي: ٢٠٢٠) لذلك من خلال هذه الدراسة، حاولت الباحثة تحليل الجوانب الإيجابية والسلبية التعليم والتعلم عن بعد لدى الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية سلانجور. واقترحت الباحثة عدة اقتراحات حل المشكلات التي يواجهها الطلاب خلال التعليم والتعلم عن بعد.

في هذه البحث، جمعت الباحثة البيانات المحصلة من خلال المقابلة الشخصية التي تمت عقدها مع ٢٨ طالبا في الفترة الأخيرة والملحوظات ومشاركة الآراء مع زملاء في الكلية الجامعية هي:




بالإشارة إلى الجوانب الإيجابية في تنفيذ التعليم والتعلم عن بعد، فإن الرأي سهل وسريع بعض النظر عن مكان تواجده الذي تفوق فيه مع ٥٥٪ من الطلاب يوافقون بشدة على تنفيذ التعليم والتعلم عن بعد، يليه والتعلم بلا حدود ، ووافق ٤٣٪ على ذلك ، وأظهر استخدام الأساليب الجديدة في تكنولوجيا المعلومات أن ٤١٪ من الطلاب يوافقون بشدة. مما لا شك فيه أن العقلية والتفكير الأكثر إبداعاً أصبح جانباً إيجابياً في تنفيذ التعليم والتعلم عبر الإنترن特 حيث وافق ٣٨٪ من الطلاب بشدة. علاوة على ذلك، فإن الجانب الإيجابي الذي لا يمكن إنكاره هو أنه يمكن للطلاب مراجعة كل موضوع في دورات معينة بشكل متكرر من خلال التسجيلات، ووافق ٣٧٪ من الطلاب على هذا.



بالإشارة إلى الجوانب السلبية لتطبيق التدريس والتعلم عبر الإنترن特، يرى ٦٦٪ من الطلاب أن مشكلة خط الإنترن特 هي العامل الرئيسي الذي يدعو إلى هذا الجانب السلبي، والطلاب أقل تركيزاً وأقل انضباطاً هو جانب لا يمكن إنكاره في تنفيذ التدريس والتعلم عبر الإنترن特 بدعم ٤٩٪ من الطلاب. وافق ٤٧٪ من الطلاب بعدم تمكن ومهارات غير كافية في استخدام التكنولوجيا

المعلوماتية سواء أكانوا الطلبة والأساتذة، وحدوث الخداع والخيانة في تأدية الواجبات وكذلك إجابة الامتحانات، وافق ٤٦٪ من الطلاب بشدة على هذا الرأي، ومن جانب النفسية، يؤدي تنفيذ التعليم والتعلم عن بعد إلى اضطراب مشاعر الطلاب، يحدث هذا العامل لأن الطلاب يشعرون بالدونية ويفتقرون إلى الثقة بالنفس ولم يعد لديهم الدعم والتشجيع من أقرانهم، ووافق ٤٢٪ من الطلاب.



نظرًا لأن هذه الدراسة هي دراسة أولية، يأمل الباحث أن يتم تنفيذ دراسة تجريبية أكثر تعميقًا على تنفيذ التعليم والتعلم عن بعد. يمكن أن يؤدي ذلك أيضًا إلى تحسين طرق التدريس والتعلم وفقًا

للمعايير الجديدة التي أصبحت مشتركة بين جميع المشاركين في تحديد نتائج التعلم الممتازة لاستمرارية التعليم والتعلم عن بعد. بشكل عام، يمكن تنفيذ التعليم والتعلم عن بعد في نظام التعليم في ماليزيا لأنها خدمة ومنشأة توفر للمستخدمين معلومات إلكترونية بشكل عام ومحفوظ تعليمي يساعد في البحث بغض النظر عن الزمان والمكان.

## المراجع

سالم ورائدة، (٢٠٠٨). *تكنولوجيَا التعليم*، عمان: مكتبة المجتمع العربي والرياض: دار النجد: الطبعة الأولى.

محمد علي الخولي، (١٩٨٦). *أساليب تدريس اللغة العربية*، رياض: المملكة العربية السعودية.  
معمر ومجي، (٢٠٠٥). *استخدام الحاسوب في التعليم*، فلسطين: وزارة التربية والتعليم العالي.  
مختار وإبراهيم سليمان أحمد، (٢٠٠٦). *تعليم اللغة العربية عبر الشبكة الإعلامية*: مركز البحث  
الجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا.

Abd Hadi Bin Harun (2014), *Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Atas Talian Ke Atas Sikap, Pengetahuan Dan Tingkah Laku Pelajar Terhadap Tenaga Diperbaharui*, USM.

Fitri Nurulain Nordin & Tg Ainul Farha Bt Tg Abdul Rahman (2020), *Strategi Pembelajaran Bahasa Atas Talian Pasca COVID19*, UITM. Prosiding International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2020) Kolej Universiti Islam Antarabangs Selangor (KUIS).

Muhammad Sabri Sahrir (2013), *Al-Al'ab Al-Lughawiyah Al-Muhwasahah fi Ta'alum Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Al-Natiqin bighayriha bayna Al-Nazariyyah wa Al-Tatbiq: Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah bi Maliziya Namuzajan* (Permainan Bahasa Berkomputer dalam Pembelajaran Bahasa Arab bagi Penutur Bukan Arab di antara Teori dan Aplikasi: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN 2014) Batu Pahat, Johor.

Muzaffar Syah Mallow (2020), *Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian*, USIM. Tinta Minda, Kolumnis BERNAMA.

Norliza Binti A. Rahim (2013), *Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM*, UTHM.

Rafiza Bt Abdul Razak. (2013). *Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu*, UM, Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.

Zalika Adam (2020), <https://today.salamweb.com/ms/pelajar-dan-kaedah-pembelajaran-dalam-talian/>

## BAB 6

### PENERAPAN MOTIVASI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB: SATU SOLUSI

Mohd Zaki Ahmad<sup>1</sup> & Ithar Hanani Mohd Zaki<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab kini telah berkembang pesat dan menjadi satu pembelajaran bahasa yang penting bagi masyarakat Malaysia yang beragama Islam khususnya. Pembelajaran yang bermula di pondok-pondok ini telah berkembang dan telah dijadikan subjek penting di sekolah-sekolah. Pada awalnya pembelajaran bahasa Arab di pondok adalah untuk memahami, mendalami dan menghayati agama Islam (Mohd Zaki, 2009). Kini ia bukan sekadar itu, malah pembelajaran bahasa Arab ini adalah untuk menguasai, memahami dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian. Pelajar yang menguasai bidang bahasa Arab berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke negara Arab dan berpeluang mendapatkan pekerjaan dalam bidang bahasa Arab seperti guru, pensyarah, penterjemah dan sebagainya.

Setiap pembelajaran pasti ada cabaran yang tersendiri. Begitu juga dalam pembelajaran bidang bahasa seperti bahasa Arab telah mendapat cabaran daripada beberapa sudut seperti pelajar, suasana, motivasi, dorongan dan sebagainya. Setiap cabaran yang datang pasti terdapat pendekatan untuk menghadapinya. Oleh itu, keinginan, tujuan, dorongan, keperluan dan motivasi pelajar merupakan pengaruh besar dalam pembelajaran bahasa Arab agar proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Pendekatan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab dapat menjadi satu tenaga dan dorongan yang boleh merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam usaha menguasai bahasa Arab dalam pembelajaran.

#### Pembelajaran Bahasa Arab

Pembelajaran merupakan proses belajar (Kamus Dewan, 2017). Pembelajaran tidak lengkap tanpa adanya guru, pelajar dan ilmu. Tugas utama seorang guru adalah memudahkan proses pembelajaran pelajar (Mohd Ismail Mustari et. al, 2012). Oleh itu, guru perlu mengenal pasti faktor dan kaedah pendekatan yang terbaik kepada pelajar dalam memenuhi tuntutan sebagai tugas seorang guru yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan efektif. Guru juga perlu mewujudkan suasana yang dapat merangsang minat pelajar terhadap pembelajaran tersebut.

Pembelajaran yang berkesan akan membawa kepada perubahan tingkah laku yang baik. Ia akan membawa kepada penyesuaian suasana pembelajaran dan memberi hasil yang positif. Walau bagaimanapun, guru berhadapan dengan cabaran kebolehan dan tingkah laku pelajar. Oleh yang

demikian, guru memerlukan strategi pendekatan yang betul agar cabaran dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya dapat diatasi dan diperbaiki. Sebelum merancang strategi yang betul, guru perlu mengenalpasti masalah yang timbul daripada pelajar. Banyak cabaran yang datang daripada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab seperti keyakinan, minat, motivasi dalam dan luaran, sikap dan persepsi.

Kajian Muhammad Najib Jaafar et. al (2018) menyatakan faktor yang mempengaruhi keyakinan dalam pembelajaran bahasa Arab adalah sikap pelajar, motivasi, persepsi pelajar, kebolehpasaran, kesukaran, sokongan keluarga, suasana persekitaran, dorongan luar dan menghafal kosa kata. Pelajar perlu meningkatkan tahap motivasi dalam dalam pembelajaran bahasa Arab seperti berani dan yakin dalam berkomunikasi dengan guru dan rakan, aktif dalam aktiviti Bahasa Arab dan rajin dalam mendalami dan meneroka pembelajaran bahasa menggunakan elektronik mahupun media cetak.

Terdapat pembelajaran berkesan yang berjaya dihasilkan oleh guru tetapi ada juga yang gagal. Kegagalan ini disebabkan kurang penekanan terhadap kognitif, personal, sosial, psikomotor dan psikologi pelajar. Penerapan aspek psikologi seperti motivasi mampu menjadi pendorong dalam proses pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar. Melalui dorongan motivasi yang efektif sudah pasti akan mendorong dan merangsang pembelajaran bahasa Arab sekaligus sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah kemerosotan pencapaian mata pelajaran bahasa Arab serta mengatasi kelesuan bagi kelangsungan proses pembelajaran bahasa itu. Pada masa yang sama, dorongan motivasi ini dapat mengekalkan kekuatan intrinsik pelajar yang berterusan sepanjang hayat dalam konteks pendidikan bahasa yang kompleks khasnya bahasa Arab.

Rasionalnya, perkembangan pembelajaran bahasa Arab pada masa kini telah mendapat tempat di negara kita. Pembelajaran bahasa Arab telah berkembang dan mendapat perhatian dalam kalangan lapisan masyarakat selari dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan penekanan perancangan program pendidikan bahasa Arab pula telah bermula dari prasekolah dan sekolah rendah lagi. Sejakar dengan itu, sukanan pelajaran, buku teks, perancangan program pengajaran dan pembelajaran disusun semula dengan mengambil kira keperluan dan matlamat serta aspek-aspek lain seperti psikologi dalam pendidikan, iaitu dari segi kecenderungan dan motivasi pelajar sebagai asas ke arah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua di negara kita.

Di samping itu, pendekatan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan suatu dorongan dan tenaga yang boleh merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dan menjadi tonggak utama dalam usaha menjana dan menyuburkan keupayaan penguasaan bahasa Arab dalam situasi pembelajaran bahasa kedua di negara kita. Ini akan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada para pelajar dan guru tentang peri pentingnya penggunaan pendekatan motivasi untuk membangkitkan rangsangan, keinginan, minat dan rasa keperluan terhadap pembelajaran bahasa Arab dan sekaligus akan mencapai matlamat pembelajaran.

## Motivasi

Motivasi secara amnya dianggap sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk

mencapai kejayaan; dorongan yang timbul pada diri seseorang secara sedar atau tidak sedar untuk melakukan sesuatu tindakan dengan tujuan tertentu. Motivasi juga merujuk kepada satu kuasa dalaman dan luaran yang menggerakkan tingkah laku pelajar atau apa sahaja yang berkaitan dengan proses dan prinsip pembelajaran bahasa Arab dan memutuskan bentuk, arah, dan tujuan dalam tempoh pembelajaran yang dilalui oleh pelajar.

Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *move* yang bermakna bergerak. Dalam Kamus Besar Arab-Melayu (2006:754) pula, motivasi disebut dengan kata tunggal *dafi'* dan kata jamak pula *dawafi'* yang bererti dorongan. Ainon Mohd. (2003:3), menegaskan bahawa istilah motivasi memberi makna mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Oleh itu, ia bertepatan dengan dua kata yang membentuk istilah *motivation* iaitu *motive* dan *action*. Justeru, motivasi boleh diertikan sebagai sebagai dorongan untuk melakukan tindakan bagi tujuan tertentu.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan serta sikap terhadap pembelajaran sesuatu bahasa merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan seseorang pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa.

Yohanes Joko Saptono (2016) mengatakan definisi motivasi yang merupakan suatu perubahan tenaga dalam diri seseorang yang tandai oleh dorongan efektif dan reaksi bagi mencapai tujuan adalah menekan aspek fisiologi dan psikologi serta menjelaskan bahawa di dalam motivasi terdapat tiga elemen yang saling berinteraksi dan saling berkait iaitu keperluan, dorongan dan tujuan. Motivasi juga merupakan seluruh aktiviti mental yang dilalui dan dirasakan yang memberi sesuatu keadaan sehingga terjadinya perilaku.

Motivasi menurut pandangan Mariam et. al (2015) ialah suatu usaha gerakan tindakan atau tingkah laku seseorang yang berorientasi kepada sesuatu matlamat yang disasarkan. Ia berpengaruh terhadap tingkah laku seseorang manusia sama ada ia wujud, kekal atau diabaikan. Proses motivasi bermula dengan lahirnya keinginan atau wujudnya keperluan diri seorang manusia yang bertindak untuk memenuhi keperluan tersebut. Keperluan yang wujud dapat menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh seseorang manusia.


Walau bagaimanapun, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004:3-4) merumuskan pentakrifan motivasi yang dikemukakan oleh pakar-pakar psikologi motivasi kepada tiga persoalan penting, iaitu:

- i- Darjah Keamatan: Pakar-pakar psikologi melihat sejauh mana individu itu sanggup menggunakan tenaganya melakukan sesuatu perbuatan. Daripada sudut pandangan ini, mereka mengkaji mengapakah individu itu melakukan perbuatan itu dengan sedaya upaya ataupun sebaliknya. Aspek ini disebut keamatan atau intensiti.
- ii- Arah Perbuatan: Pakar-pakar mengkaji apakah arah atau matlamat individu itu melakukan apa yang dilakukannya. Mengapakah perbuatan itu dilakukan menghala satu arah, bukan arah yang lain. Misalnya mengapakah seseorang

pelajar yang beberapa kali gagal dalam peperiksaan, berazam mengulangi peperiksaan tersebut.

- iii- Ketekunan: Selama manakah individu itu terus melakukan perbuatan yang dilakukannya. Maksudnya mengapakah perbuatan itu terus diulang-ulang ataupun sebaliknya. Sebagai contoh, mengapakah sesetengah individu, selepas beberapa kali berjaya atau gagal dalam sesuatu perkara, mereka terus mencuba dan mencuba lagi, tidak mahu berhenti. Aspek ini disebut persisten atau ketekunan penerusan.

Daripada pandangan-pandangan dan pengertian sebelum ini, konsep motivasi boleh digambarkan sebagai sebuah kitaran yang terdapat pada Rajah 1.



Rajah 1  
Lingkaran Konsep Motivasi  
(Sumber Rohaty Mohd. Majzub)

Rajah 1 menunjukkan sebuah lingkaran konsep motivasi yang bermula daripada pelbagai keperluan, kemahanan, atau keinginan yang mengakibatkan timbul desakan motif dalam diri individu. Desakan pula menghasilkan ketegangan dan kerisauan. Ketegangan melahirkan tingkah laku bermotivasi yang akan mengarah kepada sesuatu matlamat tertentu. Pencapaian matlamat akan memenuhi keperluan dan menghasilkan kepuasan. Apabila seseorang pelajar sampai kepada matlamatnya dia akan mendapat peneguhan. Oleh demikian, peneguhan dalam bentuk intrinsik atau ganjaran yang berbentuk ekstrinsik akan menyebabkan pelajar itu bertindak selanjutnya untuk mengulangi tingkah laku yang bermotivasi dalam mengekalkan kecemerlangan hidup.

## **Tujuan Motivasi**

Antara tujuan utama mengkaji motivasi adalah seperti berikut:

- i- Membina dan menghasilkan teori-teori dan prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada motivasi untuk memahami tingkah laku pelajar dalam bidang pendidikan.
- ii- Penyelidikan motivasi dalam profesionalisme pendidikan menambah pengetahuan kepada pendidik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Begitu juga motivasi mendapat input daripada psikologi pendidikan.
- iii- Motivasi dalam pembelajaran bahasa menggalakkan penyelidikan sesuatu isu secara saintifik. Pendidik boleh membuat keputusan mengenai sesuatu dorongan pelajar secara lebih objektif dan sistematis.

## **Solusi Menggunakan Pendekatan Motivasi**

Terdapat beberapa solusi menggunakan pendekatan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab yang diketengahkan iaitu pertama, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Kedua, motivasi integrasi dan motivasi instrumental. Ketiga, motivasi berdasarkan keperluan, emosi dan motif. Berikut ialah interpretasi dan penghuraian yang menyentuh ketiga-tiga motivasi tersebut.

### **1. Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik**

Mahyy al-Din Tuq et. al. (2003:207) mengklasifikasikan motivasi kepada motivasi fisiologi dan motivasi psikologi. Motivasi psikologi pula dikaitkan dengan dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang masing-masing dikenali sebagai *dawafi' nafsiyyat dakhiliyyat* iaitu motivasi intrinsik dan *dawafi' nafsiyyat kharjiyyat* iaitu motivasi ekstrinsik. Dua jenis motivasi yang berdasarkan domain dalaman dan domain luaran diinterpretasi seperti berikut:

#### a. Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik ialah dikenali motivasi dalaman. Dorongan intrinsik timbul kerana memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Rohaty Mohd. Majzub, 1992:29). Ia juga merupakan ciri semula jadi manusia untuk mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu yang diingininya. Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan kendiri dan lain-lain.

Apabila seseorang pelajar mempunyai keinginan intrinsik, dia tidak memerlukan apa-apa bentuk insentif atau hukuman untuk melakukan perkara tersebut kerana aktiviti itu sendiri telah dapat memenuhi kepuasan dan keperluan dalaman pelajar itu. Penyataan ini menjelaskan bahawa tidak semua tingkah laku boleh dibentuk melalui skema peneguhan. Ini kerana terdapat sesetengah tingkah laku itu dilakukan kerana individu berkenaan mendapat satu bentuk kepuasan dalaman atau satu motivasi intrinsik hasil daripadanya (Mahmood Nazar Mohamed, 1990:294).

#### b. Motivasi Ekstrinsik

Motivasi Ekstrinsik adalah berlawanan dengan Motivasi Intrinsik. Motivasi jenis ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luar diri external individu (Mohammad Shatar Sabran, 2005:9). Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan kendiri.

Oleh demikian, motivasi jenis ini wujud dan terjadi disebabkan oleh keinginan kepada pengiktirafan dan persetujuan semata-mata. Jika motivasi ekstrinsik berlaku, pelajar akan berasa diri mereka dimanipulasikan untuk mendapat pujian dan ganjaran (Rohaty Mohd. Majzub, 1992:29). Kedua, seolah-olah pembelajaran hanyalah merupakan jambatan untuk memperoleh matlamat. Juga dipercayai pemindahan pembelajaran sukar berlaku kerana selepas sahaja ganjaran ekstrinsik diterima, pelajar mudah dan akan lupa apa yang telah dipelajari. Ketiga pelajar terlalu bergantung pada guru untuk menepa kejayaan. Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati dan bijaksana apabila dirangsang oleh motivasi jenis ini dengan pelbagai bentuk ganjaran dalam situasi pembelajaran di dalam bilik darjah.

## 2. Motivasi Integrasi dan Motivasi Instrumental

Mahmud Kamil al-Naqat (1985:30) menggolongkan motivasi dalam pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua kepada dua jenis iaitu *dawafi' takamuliyyat* iaitu motivasi integrasi dan *dawafi' wasilat* iaitu motivasi Instrumental.

#### a. Motivasi Integrasi

Motivasi Integrasi berlawanan dengan motivasi konsep kendiri. Motivasi jenis ini bertujuan untuk menguasai mana-mana bahasa kedua supaya dapat berkomunikasi dengan bahasa masyarakat tersebut dengan jayanya. Malah, menurut Mahmud Kamil al-Naqat (1985:30), motivasi integrasi adalah berkait rapat dengan minat seseorang dalam pembelajaran bahasa tersebut. Gardner dan Lambert dalam Brown (1994:145), mengatakan bahawa seseorang itu dikatakan bermotivasi integrasi jika motif beliau mempelajari sesuatu bahasa kedua adalah bagi membolehkannya mengintegrasikan dirinya ke dalam masyarakat bahasa tersebut serta dapat mengidentifikasi dirinya sebagai sebahagian daripada masyarakat itu.


#### b. Motivasi Instrumental

Motivasi Instrumental ialah minat seseorang untuk memperoleh bahasa kedua kerana didorong oleh motif-motif yang mendatangkan manfaat. Menurut Gardner dan Lambert dalam Brown (1994:145), seseorang itu dikatakan bermotivasi instrumental sekiranya tujuan beliau untuk menguasai sesuatu bahasa kedua adalah untuk membolehkannya menggunakan bahasa tersebut untuk mencapai matlamat-matlamat yang lain daripada matlamat integrasi seperti menyambung pengajian tinggi, membolehkannya membaca bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa tersebut, penterjemahan dan sebagainya.

Menurut Mahmud Kamil al-Naqat (1985:31) jenis motivasi ini mempunyai peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa. Oleh demikian, beliau menyarankan bahawa perlu dikenal pasti terlebih dahulu jenis motivasi mana yang boleh mempengaruhi penutur-penutur natif bahasa Arab. Di samping itu, beliau menegaskan bahawa ilmu pengetahuan bahasa Arab adalah suatu ilmu yang amat berguna dan bermanfaat dari pelbagai aspek terutamanya untuk pengajian Islam kepada para pelajar muslim.

### 3. Motivasi Berdasarkan Keperluan, Emosi dan Motif

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah pula, paradigma motivasi dapat digolongkan kepada tiga jenis, iaitu keperluan, emosi dan motif. Untuk penguraian jenis motivasi ini, penulis memetik daripada Kamarudin Hj. Husin (1997:116) dan Lee Shok Mee (1997:60). Tiap-tiap jenis yang tersebut itu mencakupi unsur-unsur seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2  
Jenis-Jenis Motivasi Berasaskan Keperluan, Emosi dan Motif Pelajar

Berikut ialah tiga jenis motivasi yang dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran:

#### a. Motivasi Berdasarkan Keperluan

Motivasi jenis ini merujuk kepada dua keperluan asas bagi manusia iaitu fisiologi dan psikologi (Shabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, 2004:5). Pelajar dapat dimotivasikan untuk belajar dengan sempurna sekiranya keperluan-keperluan ini dapat dipenuhi.

Makanan dan kesihatan merupakan dua prasyarat untuk membolehkan seseorang itu turut serta dalam proses pembelajaran. Dari segi aktiviti pula, pelajar harus dilibatkan dalam pelbagai aktiviti yang menyeronokkan seperti, bercerita, berlakon, bernasyid, memaparkan demonstrasi, projek dan sebagainya di samping kerehatan.

Di samping itu, Kamarudin Hj. Husin (1997) dan Lee Shok Mee (1997) bersetuju bahawa dalam proses pembelajaran, pelajar juga memerlukan keperluan psikologi. Pertamanya hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kasih sayang. Pelajar akan terdorong untuk belajar dengan sempurna apabila mereka merasakan diri mereka selamat dan menerima kasih sayang sepenuhnya daripada rakan sebaya dan guru-guru, sebaliknya unsur-unsur permulauan akan menyebabkan mereka mengasingkan diri dan mengelakkan pembelajaran.

Kedua, dengan adanya galakan dan penghargaan, pelajar akan berusaha memenuhi keperluan potensi dan kesempurnaan diri, terutamanya apabila mereka dapat menunjukkan sesuatu pencapaian atau prestasi yang baik dalam proses pembelajaran. Dengan itu mereka akan berusaha mencapai matlamat dan kecemerlangan yang lebih tinggi serta memikirkan cara untuk memberi sumbangan kepada kelas, sekolah dan komuniti.

Ketiganya, dari aspek pengetahuan dan pemahaman. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru haruslah menggunakan sifat naluri ingin tahu pelajar untuk mendorong mereka belajar bagi memperoleh pengetahuan, di samping mengatur, menyusun dan menganalisis perhubungan dalam pelbagai perkara supaya mereka mendapat kefahaman yang kukuh. Akhirnya dari segi estetik, pelajar perlu dibimbing untuk menghargai keindahan alam sekitar. Dengan demikian, mereka dapat menghayati dan memelihara keindahan alam yang dapat merangsang minat dalam pembelajaran.

### b. Motivasi Berdasarkan Emosi

Motivasi jenis ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan pelajar. Motivasi berasaskan emosi mempengaruhi tanggapan seseorang pelajar terhadap alam sekelilingnya termasuk orang lain dan situasi fizikal luar. Perkembangan emosi adalah hasil daripada kematangan dan proses pembelajaran. Emosi juga menambahkan keseronokan kepada pengalaman belajar sehari-hari, menjadi penggerak kepada tindakan dan memberikan warna kepada bentuk tindakan yang diambil oleh pelajar (Kamarudin Hj. Husin, 1997:118).

Dalam bilik darjah, guru sewajarnya sentiasa meninjau emosi pelajar untuk menarik minat dalam pembelajaran. Kebiasaannya, emosi seronok dan keriangan menimbulkan keselesaan, sebaliknya emosi sindiran, cercaan, penghinaan dan lain-lain tingkah laku yang negatif mengakibatkan timbul kesakitan dan gangguan serta mencacatkan perkembangan emosi pelajar. Oleh yang demikian, guru hendaklah memahami keadaan emosi pelajar di samping menunjukkan sikap kasih sayang, bertimbang rasa dan sanggup mengawal perasaan sendiri (Lee Shok Mee, 1997:61). Usaha seperti ini akan melindungi emosi yang negatif supaya pelajar sentiasa berada dalam keriangan untuk meneruskan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan.

Dalam menghuraikan perbezaan individu di kalangan pelajar berdasarkan emosi, Rohaty Mohd. Majzub (1992:126), berpandangan bahawa ada individu yang tidak boleh menumpukan

perhatiannya dalam peperiksaan kerana terlalu bimbang akan gagal, dan ada pula individu yang berjaya menduduki peperiksaan dengan tabah, tenang dan tenteram.

### c. Motivasi Berdasarkan Motif

Motivasi jenis ini pula biasanya menggerakkan seseorang pelajar bertindak ke arah sesuatu motif yang diingini. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1997: 199) dalam pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan digerakkan belajar bagi mencapai motif tertentu sama ada dalam bentuk matlamat dan objektif, insentif dan ganjaran, memenuhi minat atau rasa ingin tahu atau menghargai sistem nilai.

Dari segi matlamat dan objektif, guru sewajarnya menjelaskan kepada pelajar-pelajar, supaya mereka menyedari dan memahami erti dan faedah pembelajaran itu serta kaitannya dengan matlamat kehidupan dan jenis kerjaya. Oleh itu, konsep yang jelas terhadap matlamat dan objektif akan mendorong pelajar-pelajar untuk berusaha ke arah tujuan yang murni itu. Dalam hal insentif dan ganjaran pula, guru boleh menyatakan markah dan gred yang akan diperolehi oleh pelajar. Malah ganjaran dalam bentuk pujian, hadiah, mewakili sekolah dalam pertandingan pidato bahasa Arab, menganggotai kelab bahasa Arab dan sebagainya turut membina motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Di samping itu, pelajar seharusnya diberi peluang belajar mengikut minat dan kecenderungan mereka yang berlainan. Dalam hubungannya dengan nilai dan ideal, guru perlulah menyedarkan pelajar betapa pentingnya menghayati nilai-nilai agama, kemanusiaan, komuniti, sains, ekonomi dan sebagainya.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, solusi dalam pembelajaran bahasa Arab yang diketengahkan adalah Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik, Motivasi Integrasi dan Motivasi Instrumental dan Motivasi berdasarkan keperluan, emosi dan motif. Ini turut menggambarkan bahawa para pelajar Bahasa Arab menggunakan jenis-jenis motivasi yang dianggap sebagai salah satu daripada fasa dan prinsip yang penting dalam proses pembelajaran mereka. Hal ini juga menunjukkan elemen motivasi memainkan peranan yang penting untuk membangkit para pelajar bahasa Arab meneruskan kelangsungan proses pembelajaran mereka. Ini bertepatan dengan pendapat Atkinson et al. (1983:283) yang mengatakan seseorang individu yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan dengan lebih berkesan berbanding dengan individu yang tidak bermotivasi. Motivasi yang berterusan dapat membantu pelajar menumpukan perhatian terhadap sukanan pelajaran bahasa Arab yang diajar kepada mereka. Hal ini selaras dengan pendapat Crow & Crow (1983:298) yang menyatakan bahawa motivasi yang berterusan diperlukan supaya dapat menolong pelajar menumpukan perhatian terhadap bahan belajar.

## Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainan Mohd. (2004). *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ainan Mohd. (2003). *Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Bentong: Pts Publications & Disrtibutor Sdn. Bhd.
- Atkinson, Rita L., Atkinson, Richard C. & Hilgard E.R. (1983). *Introduction to Psychology*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Brown, H. Douglas. (1994). *Usus Ta'allum al-Lughat wa Ta'limiha*. (trj 'Abduh al-Rajihi & 'Aliyy 'Aliyy Ahmad Sha'ban). Beirut: Dar al-Nahdat al-'Arabiyyat.
- Crow, Lester D. & Crow Alice. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. (trj. Habibah Elias). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin. (1997). *Pedagogi 3 Penggunaan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa*. (2017). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lee Shok Mee. (1997). *Teori Dan Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Kamil al-Naqat. (1985). *Baramij Ta'alim al-'Arabiyat li al-Muslimin al-Natiqin bi al-Lughat al-Ukhra fi Dan' Dawafihim*. Ummulqura Ma'had al-Lughat al-'Arabiyat bi Jami'at Umm al-Qura
- Mahyy al-Din Tuq, Yusuf al-Qatamiyy & 'Abd al-Rahman 'Adas. (2003). *Usus Ilm al-Nafs al-Tarbiyy*. Amman: Dar al-Fikr li al-Tiba'at wa al-Nashr wa al-Tauzi:
- Mariam Abdul Majid dan Zanariah Dimon. (2015). *Peranan Motivasi Terhadap Pembentukan Tingkahlaku Manusia*. Artikel 2: 15-23. KUIS.
- Mohamad Shatar Sabran. (2005). *Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Ismail, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya. (2012). *Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab* in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]: Johor Darul Takzim.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). *Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Muhammad Najib Jaafar, Zulkipli Md Isa, Wahida Mansr, Arnida Abu Bakar dan Zainal Abidin Hajib. (2018). *Cabar dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah*. Ulum Islamiyyah, Vol: 23: USIM.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan. (2004). *Psikologi Pendidikan*. Bentong: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yohanes Joko Saptono. (2016). *Motivasi dan Keberbasilan Belajar Siswa*. Jurnal Pendidikan. Vol 1: No 1.

## BAB 7

# PANDANGAN PELAJAR DAN PENSYARAH MENGENAI ASPEK CORAK PEMBELAJARAN PELAJAR DALAM MENGUASAI KEMAHIRAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PSMBA DI IPTA MALAYSIA

Khairatul Akmar Ab Latif<sup>1</sup>, Ahmad Redzaudin Ghazali<sup>1</sup> & Mohd Rofian Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### Pengenalan

Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa dan ilmu-ilmu bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. Ini kerana pelajar menghabiskan tempoh masa yang lama iaitu hampir empat hingga lima tahun untuk menyempurnakan pengajian mereka sehingga akhirnya dianugerahkan sekeping sijil menandakan keupaya mereka yang khusus dalam bahasa Arab. Dengan sijil ini juga pelajar berpeluang untuk melangkah lebih jauh kehadapan bersetujuan dengan kemahiran yang mereka miliki.

Di dalam pembelajaran pelajar, faktor utama yang dilihat adalah pencapaian mereka di dalam setiap subjek pembelajaran. Namun setiap subjek yang dipelajari atau yang diajari mempunyai reka bentuk yang tertentu yang disesuaikan dengan matlamat program pengajian dan juga matlamat yang telah digariskan terdahulunya oleh pihak fakulti dan universiti.

### Corak Pembelajaran Pelajar

Dalam kajian ini, corak pembelajaran merujuk kepada perlakuan pelajar semasa proses pembelajaran berlaku. Terdapat banyak corak pembelajaran yang dibincangkan di dalam buku-buku psikologi pendidikan. Namun, hanya beberapa corak pengajian sahaja yang dipilih berdasarkan reaksi semula jadi pelajar. Corak tersebut akan diuraikan sebagai berikut.

### Interaksi

Atan Long (1989) menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah merupakan satu interaksi antara 3 faktor penting. Ianya interaksi antara pelajar, guru dan isi pelajaran. Ketiga-tiga faktor dikelilingi oleh persekitaran pelajaran. Tujuan utama pengajaran dan pelajaran iaitu menjadikan pelajar menguasai suatu pelajaran atau ilmu. Secara umumnya, pencapaian akademik adalah hasil atau peralihan dari sesuatu yang mengandungi ilmu pengetahuan tinggi dan mendalam.

Pencapaian akademik juga sering dikaitkan dengan faktor pembelajaran. Fokus utama adalah pelajar, ibu bapa atau pun pihak pentadbir sesebuah institusi pendidikan. Kecemerlangan dalam bidang akademik tidak akan dapat diperoleh sekiranya ada faktor negatif yang boleh merencatkan keberkesanan dalam proses pembelajaran. Oleh itu, dengan pencapaian akademik yang baik menjadi petanda bahawa pelajar telah menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ditentukan. Antara punca kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab iaitu kurangnya interaksi antara guru dengan pelajar (Ab. Rahim 1994). Apabila perkara tersebut berlaku, apa-apa proses dan pendekatan pengajaran yang digunakan tidak dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya dengan lebih lanjut (Zulqarnain Mohamad & Zamri Arifin 1999).

Nik Rahimi dan Kamarulzaman (1999) pula mengaitkan antara interaksi antara guru dengan pelajar. Interaksi tidak hanya terbatas melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran.

Bahkan ia juga berkaitan dengan persepaduan antara pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan yang ingin dipelajari. Kesinambungan kedua-dua pengetahuan tersebut membangkitkan rasa minat pelajar terhadap ilmu yang dipelajari. Ia boleh merangsang ke arah penumpuan pelajar semasa proses pembelajaran berlaku.

### **Rakan-rakan dan Persekutaran**

Pemikiran pelajar sangat mudah dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling dan minda. Ia diubah kepada satu keadaan yang akan menjadi satu tabiat yang akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Selain daripada sikap negatif dan kurang minat, faktor rakan sebaya juga banyak mempengaruhi dan memberi kesan terhadap pencapaian akademik. Ia bergantung sepenuhnya kepada sejauh manakah kebijaksanaan pelajar memilih rakan.

Pengaruh kawan-kawan sememangnya menyumbang dan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang. Ini kerana jika kawan baik, maka mereka akan menjadi baik begitu juga sebaliknya. Jika sekiranya kawan lebih menjurus melakukan perkara yang kurang baik akan menjelaskan pencapaian akademik. Perkara salah laku seperti melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang, penyalahgunaan dadah, melepak, pergaulan bebas, mencuri dan sebagainya tidak mustahil mempengaruhi mereka dalam pencapaian akademik. Pelajar mesti didedahkan dengan suasana pembelajaran interaksi rakan yang baik. Ia perlu didedahkan dengan pelbagai dan gerak kerja secara berkumpulan (Muwwafak 1998). Ia dapat memastikan pembentukan kemahiran komunikasi yang lebih berkesan dan mendorong mereka ke arah semangat pembelajaran serta bersaing antara satu sama lain.

### **Peruntukan masa yang sesuai**

Peruntukan masa yang mencukupi juga amat diperlukan. Menurut Burden-Allen (1982), pelajar sepatutnya menghabiskan separuh dari masa persekolahan iaitu selama enam bulan untuk melatih dan memahirkan diri mereka dalam kemahiran mendengar. Manakala tempoh selama dua belas bulan diperlukan untuk kemahiran menulis, membaca dan bertutur. Masa pengajaran yang tidak sesuai dan tidak fleksibel adalah antara faktor yang menyebabkan kegagalan sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Arab (Mustafa 2004). Penggunaan masa yang statik akan menyebabkan penggunaan kaedah pengajaran tidak berkembang (Sayyed 1996).

### **Penekanan guru semasa proses pembelajaran berlaku**

Latihan secara formal di dalam kelas amat berkesan membantu pelajar dalam menguasai kemahiran bahasa dan berbahasa (Barr et al. 2002). Penekanan yang seimbang terhadap semua kemahiran-kemahiran di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian (Llyod 1994; Nunan 1999; Paul Rankin 19983). Penggunaan bahasa Arab dalam bilik darjah tanpa menterjemahkan bahasa tersebut dalam bahasa pertuturan harian pelajar dapat membantu mereka menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih cepat. Ini kerana pengajaran melalui teknik penterjemahan melemahkan mereka dalam menguasai kemahiran berbahasa (Ab. Rahim 1993; Dahab 1997; Ishak Rejab 1992; Syed Omar 1997).

Kamaliah Mohamad (2000) menegaskan bahawa penekanan pensyarah dalam proses pengajaran mesti melalui penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai. Beliau berpendapat bahawa penggunaan kaedah tradisional tidak lagi sesuai. Ia juga tidak berupaya menggarap kebolehan pelajar secara maksimum. Dengan demikian mengakibatkan pelajar akan berasa cepat jemu dengan proses pembelajaran. Peranan pensyarah sebenarnya adalah amat besar dan luas. Kegagalan untuk mendorong minat belajar di dalam kelas menunjukkan kegagalan pensyarah dalam pengurusan kelas dengan baik (Kamarulzaman et al. 2002).

## Pendekatan pembelajaran

Menurut Biggs (1990) (dalam Lim Tzyy Chyun 2007), pendekatan pembelajaran yang sesuai bergantung kepada niat dan strategi yang digunakan oleh seseorang. Ini kerana pada dasarnya, seseorang pelajar dipengaruhi oleh sifat peribadinya untuk mengamalkan sesuatu pendekatan.

## Persoalan Kajian

Kajian ini ingin menjelaskan lagi pandangan para pensyarah dan pelajar berkaitan dengan corak pembelajaran pelajar yang terdapat dalam PSMBA. Tumpuan kajian ini dapat dilihat dalam beberapa persoalan kajian yang telah digariskan iaitu:

1. Apakah pendapat para pensyarah tentang corak pembelajaran pelajar PSMBA.
2. Apakah peratusan tertinggi tentang corak pembelajaran pelajar PSMBA.
3. Apakah peratusan terendah tentang corak pembelajaran pelajar PSMBA.
4. Apakah cadangan ke arah penambahan kaedah pengajaran terhadap PSMBA.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif yang melibatkan nilai peratusan dalam penggunaan perisian SPSS versi 20. Para responden terdiri daripada para pensyarah yang mengajar PSMBA di tahun akhir pengajian di 5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia yang menawarkan program bahasa Arab iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Data-data diperolehi melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran set soalan soal selidik kepada para responden terbabit seramai 37 orang pensyarah yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat. Mengikut taburan data yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat didapati bahawa secara keseluruhannya peratus responden (pensyarah) yang tertinggi datang dari Universiti Sains Islam Malaysia dengan 24.3 peratus. Kemudian diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia 21.6 peratus. Pensyarah dari Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu sebanyak 18.9 peratus serta Universiti Putera Malaysia sebanyak 16.2 peratus. Manakala pembahagian dari segi jantina pula didapati sebanyak 56.8 peratus adalah lelaki dan selebihnya iaitu 43.2 peratus adalah perempuan.

Dari segi umur pula, 13.5 peratus responden terdiri daripada mereka yang berumur 25 hingga 30 tahun. Terdapat 56.8 peratus pula terdiri daripada mereka yang berumur 31 hingga 35 tahun. Sebanyak 29.7 peratus pensyarah umurnya 36 tahun ke atas. Mengenai pengalaman mereka dalam mengajar bahasa Arab pula, peratusan tertinggi adalah sebanyak 59.6 peratus iaitu mereka berpengalaman dalam mengajar bahasa Arab selama 9 hingga 11 tahun. Sebanyak 24.3 peratus yang berpengalaman mengajar selama 6 hingga 8 tahun.

Pensyarah yang paling sedikit iaitu sebanyak 10.4 peratus merupakan mereka yang mengajar bahasa Arab 3 hingga 5 tahun dan 5.2 peratus pula mereka yang mengajar kurang dari 2 tahun. Dalam segi bahasa pertuturan responden di rumah, didapati sebanyak 43.2 peratus mereka berhubung dengan menggunakan bahasa Arab. Manakala 27 peratus menggunakan bahasa campuran antara Arab dan Melayu. Sebanyak 16.2 peratus menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Terdapat 8.1 peratus pensyarah menggunakan bahasa campuran Arab, Melayu dan Inggeris serta 2.7 peratus menggunakan lain-lain bahasa di rumah.

Ditinjau dari penggunaan bahasa pertuturan di universiti pula, sebanyak 45.9 peratus yang menggunakan bahasa Melayu. Seramai 18.9 peratus menggunakan bahasa campuran Melayu, Inggeris, Arab dan Jawa. Selebihnya, pensyarah berbahasa campuran Arab, Inggeris, Melayu peratus yang menggunakan bahasa Arab di universiti. Mengenai latar belakang keluarga pula,

sebanyak 70.3 peratus dari kalangan keluarga yang bukan berpendidikan Arab. Selebihnya iaitu sebanyak 29.7 peratus para responden datang daripada kalangan keluarga yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab.

Dalam kajian ini nilai jawapan pensyarah diberi dalam bentuk peratusan. Nilai tersebut memberikan indikator bahawa semakin tinggi peratusan yang diberi, menunjukkan semakin positif jawapan sukanan pelajaran tersebut. Manakala jika peratusan yang kurang dari 50 peratus akan menunjukkan jawapan pensyarah yang semakin negatif. Aras perbezaan dan kayu ukur antara keduanya adalah 50.

## **Penemuan Kajian dan Perbincangan**

Disertakan di sini jadual perbezaan jawapan pelajar dan pandangan pensyarah dari aspek corak pembelajaran pelajar

Untuk melihat perbezaan jawapan pelajar dan pandangan pensyarah dari aspek corak-corak pembelajaran, ia dapat dilihat dalam Jadual 1, 2 dan 3 berikut.

**Jadual 1**

Data kekerapan dan peratus jawapan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar

No.	Pernyataan	PELAJAR				
		Sangat Setuju/ %	Setuju/ %	Tidak pasti/ %	Tidak setuju/ %	Sangat tidak setuju/ %
1	Datang awal ke kelas	52/34.7	<u>71/47.3</u>	20/13.3	5/3.3	<u>2/1.3</u>
2	Ulangkaji pelajaran lepas	41/27.3	66/44	<u>30/20</u>	<u>10/6.7</u>	<u>3/2</u>
3	Membuat latihan yang diarahkan	51/34	<u>87/58</u>	9/6	0/0	<u>3/2</u>
4	Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar	49/32.7	<u>71/47.3</u>	<u>21/14</u>	<u>7/4.7</u>	<u>2/1.3</u>
5	Belajar berkumpulan	41/27.3	<u>75/50</u>	<u>23/15.3</u>	<u>9/6</u>	<u>2/1.2</u>
6	Bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran	61/40.7	66/44	18/12	3/2	<u>2/1.3</u>
7	Menghormati pensyarah	<u>85/56.7</u>	58/38.7	5/3.3	1/0.7	1/0.7
8	Menjaga perhubungan baik antara rakan sekelas	<u>75/50</u>	66/44	6/4	1/0.7	<u>2/1.3</u>
9	Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran	66/44	63/42	17/11.3	2/1.3	<u>2/1.3</u>
10	Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana pembelajaran	<u>69/46</u>	68/45.3	9/6	2/1.3	<u>2/1.3</u>
<b>Purata keseluruhan</b>		<b>59/39.3</b>	<b>69/46</b>	<b>16/10.5</b>	<b>4/2.7</b>	<b>2/1.5</b>

Nota: Nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan corak pembelajaran positif (1 = Sangat Setuju, 2 = Setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Tidak setuju, 5 = Sangat tidak setuju).

## **Keterangan**

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pelajar dalam item corak pembelajaran pelajar, secara umumnya menunjukkan purata seramai 59 pelajar yang telah menjawab *sangat setuju* dengan purata peratus antara 39.3 peratus, 69 pelajar telah menjawab *setuju* dengan mewakili sebanyak 46 peratus, 16 pelajar telah menjawab *tidak pasti* yang mewakili sebanyak 10.5 peratus, 4 pelajar menjawab *tidak setuju* yang mewakili sebanyak 2.7 peratus dan 2 pelajar telah menjawab *sangat tidak setuju* yang mewakili sebanyak 1.5 peratus.

Jawapan *sangat setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Menghormati pensyarah* dengan jumlah seramai 85 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 56.7 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Menjaga perhubungan baik antara rakan sekelas* dengan jumlah seramai 75 orang pelajar dengan 50 peratus dan kenyataan *Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana pembelajaran* dengan jumlah seramai 69 pelajar dengan 46 peratus.

Manakala jawapan *setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Membuat latihan yang diarahkan* dengan jumlah seramai 87 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 58 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Belajar berkumpulan* dengan jumlah seramai 75 orang pelajar dengan 50 peratus dan kenyataan *Datang awal ke kelas* dan *Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar* dengan jumlah jawapan seramai 71 orang pelajar dengan 47 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *tidak pasti* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Ulangkaji pelajaran lepas* dengan jumlah seramai 30 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 20 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Belajar berkumpulan* dengan jumlah seramai 23 orang pelajar dengan 15.3 peratus dan kenyataan *Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar* dengan jumlah jawapan seramai 21 orang pelajar dengan 14 peratus.

Demikian pula jawapan *tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Ulangkaji pelajaran lepas* dengan jumlah seramai 10 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 6.7 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Belajar berkumpulan* dengan jumlah seramai 9 orang pelajar dengan 6 peratus serta *Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar* seramai 7 dengan nilai 4.7 peratus.

Akhir sekali, jawapan *sangat tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Ulangkaji pelajaran lepas* dan *Membuat latihan yang diarahkan* dengan jumlah seramai 3 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 2 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Datang awal ke kelas*, *Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar*, *Belajar berkumpulan*, *Bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran*, *Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran* dan *Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana pembelajaran* dengan jumlah seramai 2 orang pelajar dengan 1.3 peratus.

**Jadual 2**

Data kekerapan dan peratus pandangan pensyarah dari aspek corak pembelajaran pelajar

No.	Pernyataan	PENSYARAH				
		Sangat Setuju/ %	Setuju/ %	Tidak pasti/ %	Tidak setuju/ %	Sangat tidak setuju/ %
1	Datang awal ke kelas	5/13.5	<u>24/64.9</u>	7/18.9	0/0	<u>1/2.7</u>
2	Ulangkaji pelajaran lepas	4/10.8	14/37.8	<u>14/37.8</u>	<u>4/10.8</u>	<u>1/2.7</u>
3	Membuat latihan yang diarahkan	7/18.9	<u>17/45.9</u>	11/29.7	2/5.4	0/0
4	Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar	<u>9/24.3</u>	15/40.5	9/24.3	<u>4/10.8</u>	0/0
5	Belajar berkumpulan	5/13.5	16/43.2	<u>14/37.8</u>	2/5.4	0/0
6	Bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran	6/16.2	14/37.8	12/32.4	<u>4/10.8</u>	<u>1/2.7</u>
7	Menghormati pensyarah	<u>12/32.4</u>	16/43.2	7/18.9	2/5.4	0/0
8	Menjaga perhubungan baik antara rakan sekelas	<u>10/27</u>	<u>20/54.1</u>	6/16.2	1/2.7	0/0
9	Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran	6/16.2	12/32.4	<u>16/43.2</u>	2/5.4	<u>1/2.7</u>
10	Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana pembelajaran	7/18.9	14/37.8	13/35.1	2/5.4	<u>1/2.7</u>
<b>Purata keseluruhan</b>		<b>7/19.2</b>	<b>16/43.8</b>	<b>11/29.4</b>	<b>2/6.2</b>	<b>1/1.4</b>

Nota: Nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan corak pembelajaran positif  
(Nota : 1 = Sangat Setuju, 2 = Setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Tidak setuju, 5 = Sangat tidak setuju).

**Keterangan**

Melalui data yang diperoleh daripada pandangan pensyarah dalam item corak pembelajaran pelajar, secara umumnya menunjukkan purata sebanyak 7 pensyarah yang telah menjawab *sangat setuju* dengan purata peratus antara 19.2 peratus, 16 pensyarah telah menjawab *setuju* dengan mewakili sebanyak 43.8 peratus, 11 pensyarah telah menjawab *tidak pasti* yang mewakili sebanyak 29.4 peratus, 2 pensyarah menjawab *tidak setuju* yang mewakili sebanyak 6.2 peratus dan 1 pensyarah telah menjawab *sangat tidak setuju* yang mewakili sebanyak 1.4 peratus.

Jawapan *sangat setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Menghormati pensyarah* dengan jumlah seramai 12 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 32.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Menjaga perhubungan baik antara rakan sekelas* dengan jumlah seramai 12 orang pensyarah telah menjawab jawapan dalam jumlah yang sama menyamai 32.4 peratus serta kenyataan *Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar* seramai 9 orang dengan 24.3 peratus.

Manakala jawapan *setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Datang awal ke kelas* dengan jumlah seramai 24 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 64.9 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Menjaga perhubungan baik*

antara rakan sekelas dengan jumlah seramai 20 orang pensyarah dengan 48.6 peratus serta *Membuat latihan yang diarahkan* seramai 17 pensyarah dengan 45.9 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *tidak pasti* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran* dengan jumlah seramai 16 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 43.2 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Belajar berkumpulan* dan *Ulangkaji pelajaran lepas* dengan jumlah seramai 14 orang pensyarah dengan 37.8 peratus.

Demikian pula jawapan *tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Ulangkaji pelajaran lepas*, *Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar* dan *Bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran* dengan jumlah seramai 4 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 10.8 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Membuat latihan yang diarahkan*, *Belajar berkumpulan*, *Menghormati pensyarah*, *Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran* dan *Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana pembelajaran* dengan jumlah seramai 2 orang pensyarah dengan 5.4 peratus.

Akhir sekali, jawapan *sangat tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Datang awal ke kelas*, *Ulangkaji pelajaran lepas*, *Bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran*, *Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran* dan *Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana pembelajaran* dengan jumlah seramai 1 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 2.7 peratus.

### Jadual 3

Ujian t-berpasangan perbezaan jawapan pelajar dan pandangan pensyarah dari aspek corak pembelajaran pelajar

No	Corak-corak pembelajaran pelajar	PELAJAR		PENSYARAH		Nilai t	Nilai Signifikan
		Purata	Sisihan Piawai	Purata	Sisihan Piawai		
1	Datang awal ke kelas	1.89	0.853	2.13	0.751	- 1.615	0.115
2	Ulangkaji pelajaran lepas	2.12	0.955	2.56	0.929	- 3.151	0.003
3	Membuat latihan yang diarahkan	1.78	0.732	2.21	0.821	- 2.344	0.025
4	Menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar	1.95	0.881	2.21	0.946	- 1.086	0.285
5	Belajar berkumpulan	2.04	0.889	2.35	0.789	- 1.186	0.243
6	Bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran	1.79	0.830	2.45	0.988	- 2.568	0.015
7	Menghormati pensyarah	1.50	0.663	1.97	0.865	- 2.372	0.023
8	Menjaga Perkaitan baik antara rakan sekelas	1.59	0.724	1.94	0.743	- 1.917	0.063
9	Membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran	1.74	0.815	2.45	0.930	- 3.264	0.002
10	Memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dgn suasana	1.67	0.766	2.35	0.949	- 2.778	0.009

pembelajaran						
<b>Purata keseluruhan</b>	<b>1.80</b>	<b>0.810</b>	<b>2.26</b>	<b>0.871</b>	<b>-</b>	<b>0.006</b>
					<b>2.943</b>	

Nota: Nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan corak pembelajaran positif  
 (Nota : 1 = Sangat Setuju, 2 = Setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Tidak setuju, 5 = Sangat tidak setuju).

a. Huraian mengikut perspektif pelajar

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa corak pembelajaran pelajar dalam mempelajari bahasa Arab ini adalah positif. Peratus keseluruhan yang dicapai oleh jawapan para pelajar menunjukkan purata sebanyak 1.80. Kajian menunjukkan bahawa corak pembelajaran pelajar yang paling positif adalah mereka amat menghormati pensyarah (purata = 1.50). Ia diikuti pula oleh kenyataan bahawa mereka amat menjaga Perkaitan baik antara rakan sekelas (purata = 1.59). Mereka juga akan memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dengan suasana pembelajaran (purata = 1.67).

Manakala purata yang paling sedikit dalam coral pembelajaran pelajar ini diperoleh daripada kenyataan bahawa mereka tekun dalam membuat ulangkaji pelajaran lepas (purata = 2.12). Ini diikuti pula dengan kenyataan bahawa mereka sentiasa menekan konsep belajar secara berkumpulan (purata = 2.04). Mereka juga sentiasa menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar (purata = 1.95). Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan corak pembelajaran pelajar dalam kajian ini terhadap bahasa Arab adalah positif.

b. Huraian mengikut perspektif pensyarah

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa corak pembelajaran pelajar dalam mempelajari bahasa Arab ini mengikut pandangan pensyarah adalah positif. Peratus keseluruhan yang dicapai oleh jawapan para pensyarah menunjukkan purata sebanyak 2.267. Secara terperinci, pada pandangan pensyarah menunjukkan bahawa corak pembelajaran pelajar yang paling positif adalah menjaga Perkaitan baik antara rakan sekelas (purata = 1.945). Ia diikuti pula oleh sikap pelajar dalam menghormati pensyarah (purata = 1.973) dan datang awal ke kelas (purata = 2.135).

Manakala purata yang paling sedikit dalam coral pembelajaran pelajar ini diperoleh daripada pandangan pensyarah tentang ulangkaji pelajaran lepas (purata = 2.567). Ini diikuti pula dengan bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran dan membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran (purata = 2.459). Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan corak pembelajaran pelajar dalam kajian ini mengikut pandangan pensyarah terhadap bahasa Arab adalah positif.

c. Nilai Signifikan

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-3.151$ ,  $p=0.003$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar iaitu mengulang kaji pelajaran lepas. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min = 2.12) dan percaya bahawa mereka sering mengulang kaji pelajaran lepas berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min = 2.56).

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.344$ ,  $p=0.025$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar iaitu membuat latihan yang diarahkan. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min = 1.78) dan percaya bahawa mereka sering membuat latihan yang diarahkan berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min = 2.216).

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.568$ ,  $p=0.015$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar iaitu bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =1.79) dan percaya bahawa mereka sering bertanyakan pensyarah jika tidak memahami pelajaran berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =2.459).

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.372$ ,  $p=0.023$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar iaitu menghormati pensyarah. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =1.50) dan percaya bahawa mereka sentiasa menghormati pensyarah berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =1.973).

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-3.264$ ,  $p=0.002$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar iaitu membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =1.74) dan percaya bahawa mereka sering membantu rakan-rakan yang lemah di dalam pelajaran berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =2.459).

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.778$ ,  $p=0.009$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar iaitu memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dengan suasana pembelajaran. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =1.69) dan percaya bahawa mereka sering memastikan keadaan pembelajaran dalam kelas selesa dan sesuai dengan suasana pembelajaran berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =2.351).

Secara keseluruhan, terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.943$ ,  $p=0.006$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek corak pembelajaran pelajar. Ini bermakna bahawa hipotesis  $H_03$  yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar mengenai corak pembelajaran berjaya ditolak.

## Kesimpulan dan Penutup

Sebagai penutupnya dinyatakan bahawa tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sumbangsahtan corak pembelajaran para pelajar dalam PSMBM di 5 IPTA di Malaysia yang mengikuti program tersebut, mengikut pandangan sisi para pensyarah dan pelajar.

Jelas sekali proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah menepati dengan objektif pembelajaran serta sukatannya akan memberi kesan dan sumbangsahtan yang besar terhadap kemajuan dan kejayaan para pelajar dalam membantu kefahaman mereka dalam bidang pembelajaran. Para pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran yang baik dan terancang serta mempunyai keazaman yang kuat dalam melaksanakan tugas dan tanggung-jawab mereka dalam bidang pengajaran, pasti akan mencapai sesuatu yang diusahainya iaitu kecemerlangan anak didik mereka dalam pelajaran. Pada sisi pihak pelajar pula mereka bertanggungjawab menekuni pelajaran yang dilalui mereka yang telah diaturkan mengikut bagi silibus pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi penambahbaikan dalam corak pembelajaran pelajar bagi kurikulum PSMBM ini antaranya adalah penekanan terhadap corak berinteraksi yang baik para pelajar sesama mereka atau bersama dengan para pensyarah. Sememangnya kunci kejayaan berlaku apabila kedua-dua pihak apabila saling memainkan peranan masing-masing di dalam sistem pendidikan. Sebagaimana pada awal sistem pendidikan dahulu dibangunkan, dilihat sistem talaqqi memainkan peranan penting bagi proses pembelajaran apabila murid dan guru akan berada di tempat yang sama semasa proses pembelajaran, namun kini sistem yang sama juga berlaku tetapi di dalam jarak yang berbeza iaitu melalui pendidikan maya. Namun demikian

sistem interaksi ini masih pelu diteruskan demi meningkatkan kemahiran berbahasa di samping menguasai ilmu-ilmu asas bahasa Arab dalam kurikulum program bahasa Arab di peringkat Sarjana Muda.

Walaupun terdapat kelemahan yang dikesan dalam beberapa aspek pengajaran dan pembelajaran, tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai usaha telah digunakan oleh para pensyarah dan para pelajar sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan mutu kefahaman para pelajar. Demi melestarikan mutu pembelajaran, tidak dapat tidak perlukan kerjasama antara para pensyarah dan para pelajar untuk berganding bahu untuk bersama berusaha meningkatkan mutu penguasaan bahasa Arab yang sedang mereka pelajari.

## Rujukan

- Abdul Halim Mohamed. (2009). *Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Journal of Islamic and Arabic Education 1(1)*. 1-14. UKM.
- Ahmad Atory Hussain. (2002) *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Crow, L.D. & Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husaini, Muhsin Harun. (2007). *Tahlil Kutub Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah Bil Muassasat At-Ta'limiah Al-'Ulya Al-Khassah*. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.
- Ismail Suardi Wekke. (2008). *Amalan pendidikan bahasa Arab berdasarkan kepelbagaian budaya di pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia*. Tesis Dr Fal. UKM.
- Jaseem, Ali Jaseem. (1992). *Fi Turuqta'lim Al-Arabiah Li Ghai An-Natiqinbiha*. Kuala Lumpur
- Rahimi, Nik Mohd. (2005). *Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di Sekolah-sekolah Agama kerajaan negeri*. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah & Ab. Halim. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2) 2010 53 – 64*.

## BAB 8

### PANDANGAN PELAJAR DIPLOMA BAHASA ARAB TERHADAP PERSEKITARAN PEMBELAJARAN SEBAGAI FAKTOR PENINGKATAN KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Mohamad Rofian Ismail<sup>1</sup>, Ahmad Redzaudin Ghazali<sup>1</sup>, Khairatul Akmar Abdul Latif<sup>1</sup>, Fahed Maromar<sup>1</sup> & Saupi Man<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup> Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

#### Pengenalan

Keberkesanan sesuatu kemahiran bahasa seringkali dikaitkan dengan keadaan persekitaran yang membantu proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa seseorang pelajar. Persekutaran pembelajaran bahasa yang baik dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa yang dipelajari khususnya bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Kemahiran bahasa yang biasanya sukar dikuasai oleh pelajar seperti kemahiran mendengar, bertutur dan menulis memerlukan persekitaran pembelajaran yang dapat memberi implikasi yang positif ke arah kemenjadian pelajar selain bimbingan dan tunjuk ajar guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua di Malaysia.

Pengajian bahasa Arab di peringkat asasi, diploma mahupun sarjana muda di universiti menekankan faktor persekitaran melalui penggunaan bahasa Arab yang optimum dalam urusan pengajaran dan pembelajaran serta hubungan komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Pelajar yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa berkomunikasi dengan pensyarah sama ada secara lisan mahupun bertulis dapat memperoleh dan menguasai bahasa Arab dengan cepat. Menurut Riqza dan Muassomah (2020) pemerolehan bahasa Arab pelajar dilihat positif sekiranya mereka benar-benar mengaplikasikan bahasa tersebut dalam bentuk penulisan melalui aplikasi media sosial seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan sebagainya. Pernyataan ini disokong oleh Nufus (2020) dengan berpendapat bahawa pelajar tidak berasa malu menggunakan bahasa Arab walaupun salah ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan dan pensyarah kerana mereka hanya perlu menaip sahaja tulisan dalam aplikasi media sosial tanpa perlu bercakap secara langsung dengan mereka. Hal ini secara tidak langsung telah menggalakkan satu persekitaran bahasa yang positif dalam kalangan pelajar di universiti.

Selain itu, berdasarkan Osman (2010) elemen persekitaran bahasa yang dibentuk dalam universiti seperti penganjuran program-program berorientasikan bahasa, pertandingan-pertandingan bahasa dan penglibatan aktiviti-aktiviti persatuan bahasa sedikit sebanyak menyumbang kepada meningkatnya penguasaan kemahiran bahasa pelajar. Namun begitu, sikap pelajar universiti itu sendiri yang kurang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti luar kampus telah merencatkan perancangan pihak universiti untuk menjadikan persekitaran pembelajaran bahasa sebagai salah satu faktor penyumbang kepada meningkatnya tahap penguasaan kemahiran bahasa pelajar.

Justeru, pada hemat pengkaji, faktor persekitaran bahasa di institusi pengajian tinggi Malaysia dalam mempengaruhi peningkatan kemahiran bahasa pelajar khususnya kemahiran menulis perlu dilihat secara menyeluruh lantaran terdapat kajian-kajian lepas yang melaporkan bahawa sikap pasif pelajar di universiti dalam program-program bahasa telah menyebabkan kemerosotan mereka dalam pembelajaran dan pemerolehan bahasa.

## Latar Belakang Kajian

Kajian berkaitan faktor persekitaran pembelajaran pelajar peringkat diploma Bahasa Arab dalam mempengaruhi kemahiran menulis ini merupakan antara dapatan akhir yang diambil daripada geran penyelidikan dan inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada tahun 2018. Kajian ini antara lain berfungsi bagi menyokong dan memperkuatkan dapatan sedia ada di bawah tajuk faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar diploma bahasa Arab dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

Faktor persekitaran (**البيئة المصاحبة**) menurut Shahatah (1993) memainkan peranan penting dalam pemilihan corak pengajaran yang berkesan. Persekitaran yang baik dapat membantu pensyarah dan pelajar menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersama, terancang dan bersistematis. Fasiliti dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti dewan seminar, studio, makmal bahasa dan seumpamanya menjadi penyumbang kepada kelancaran perancangan pihak universiti dalam memastikan setiap pensyarah dan pelajar dapat memanfaatkan penggunaannya bagi tujuan meningkatkan profesionalisme pengajaran pensyarah dan keberkesanannya pembelajaran bahasa pelajar. Namun begitu, jika keadaan fasiliti dan kemudahan pengajaran bahasa tidak diberi penekanan bahkan diabaikan sudah pasti perkara ini mengganggu proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa di sebuah universiti.

Penglibatan pelajar dalam program bahasa Arab sangat penting dalam mendedahkan kepada mereka penggunaan bahasa dalam konteks persekitaran yang hidup. Ini ditambah pula dengan kehadiran pelajar dari Timur Tengah di sebuah universiti yang pastinya memaksa pelajar tempatan bergaul dan berinteraksi menggunakan bahasa Arab sama ada melalui medium lisan dan penulisan. Kajian-kajian lepas melaporkan pelajar universiti kurang bermotivasi menyertai program bahasa (Fadzil et al., 2020) dan (Samsuiman et al., 2014), ada dalam kalangan mereka yang hanya mementingkan akademik semata-mata tanpa keluar melibatkan diri dalam kelab dan persatuan (Ibrahim et al., 2015). Lebih memerlukan menurut Mohamad (2009) terdapat pelajar yang tidak mencapai tahap minimum penguasaan bahasa Arab di peringkat kolej universiti dalam tempoh dua tahun pengajian. Kajian Suryandari et al. (2017) pula menunjukkan pelajar dari Timur Tengah kurang didekati oleh pelajar tempatan di universiti disebabkan oleh faktor sikap iaitu malu berinteraksi menggunakan bahasa Arab. Mereka lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Arab. Hal ini sekiranya tidak dibendung dari awal boleh mempengaruhi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tempatan.

Justeru, berdasarkan isu-isu yang telah dinyatakan tadi, pengkaji merasakan perlunya dijalankan satu kajian bagi melihat adakah faktor persekitaran pembelajaran di peringkat pengajian diploma Bahasa Arab di Malaysia dapat membantu pelajar tempatan meningkatkan kemahiran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis.

## Perbincangan Literatur

Kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat universiti dapat ditingkatkan penguasaannya dalam kalangan pelajar melalui banyak faktor antaranya ialah faktor persekitaran pembelajaran.

Persekitaran juga memberi kesan dan impak dalam isu pendidikan bahasa Arab. Melalui kajian-kajian lampau menunjukkan kemerosotan subjek bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi adalah berpunca dari aspek persekitaran itu sendiri. Zawawi (2001) dalam Azman Che Mat dan Goh Ying Soon (2010) mendapati kebanyakan pelajar berpandangan bahawa bahasa Arab ialah bahasa asing dan penggunaannya di peringkat pengajian tidak meluas. Hal ini membawa kesan yang negatif terhadap pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Mereka didapati tidak berupaya dan tidak mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan baik.

Zaini et al. (2019) dalam kajiannya bertajuk pengajaran bahasa Arab di Malaysia menegaskan permasalahan utama yang dihadapi oleh guru bahasa Arab banyak bertumpu kepada

faktor guru, faktor bahan bantu mengajar dan faktor persekitaran. Faktor persekitaran berkait bahasa Arab yang ada di Malaysia sebenarnya tidak banyak membantu para pendidik meningkatkan kompetensi mereka dalam pedagogi bahasa Arab. Hal ini telah pun terbukti dalam kajian Nik Rahimi (1999) yang mendapati persekitaran bahasa Arab yang dibina di Malaysia tidak menyeluruh dan hanya terbatas di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja. Selain itu, didapati para guru juga tidak menggunakan dan mengaplikasikan bahasa Arab dengan baik semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Kajian ini selari dengan kajian Nik Rahimi et al. (2006). Menurut Ghazali Yusri et al. (2010) guru-guru yang menjadikan pertuturan bahasa Arab sebagai amalan dalam pengajaran bahasa Arab secara berterusan mampu memberi impak dan kesan yang sangat positif terhadap pembelajaran bahasa Arab pelajar.

Menurut Kamaruddin (1997) persekitaran yang ‘hidup’ dengan suasana bahasa Arab itu sendiri sangat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, perkara ini mampu meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar terutama dalam menguasai dan memperoleh Bahasa Arab. Sekiranya, persekitaran ini dapat dibentuk, sudah tentu matlamat pengajaran dan hasil pembelajaran dapat dicapai dengan baik dan sempurna seiring dengan perancangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berbeza dengan kajian Abdullah et al. (2015) faktor persekitaran pembelajaran bahasa yang kondusif dapat membentuk motivasi yang baik dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah (SMKA) Naim Lilbanat. Namun sebaliknya berlaku apabila terdapat kajian yang menunjukkan persekitaran juga boleh memberi kesan yang negatif kepada kemahiran penulisan pelajar. Dapatan kajian Abdullah et al. (2016) menunjukkan bahawa faktor-faktor utama yang mempengaruhi penulisan karangan pelajar ialah faktor persekitaran dengan min 3.00 iaitu pada tahap interpretasi sederhana. Implikasi kajian ini ialah faktor pengajaran dan pembelajaran, individu, persekitaran dan jantina tidak mempengaruhi penulisan karangan pelajar di peringkat sekolah menengah.

Persekitaran pembelajaran bahasa Arab dalam kelas didapati kurang berkesan sekiranya terdapat perasaan bimbang dan takut dalam diri pelajar di peringkat pengajian tinggi. Kajian Hamzah et al. (2017) meninjau mengapa guru pelatih bimbang untuk bertutur dalam kelas bahasa Arab. Seramai 11 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) yang sedang mengikuti kelas (BAMB3013) dipilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian mendapati kebimbangan untuk bertutur melibatkan keresahan komunikasi, takut penilaian negatif, serta kebimbangan ujian. Kebimbangan ini berlaku berpunca dari dalam diri guru pelatih, bentuk aktiviti bertutur yang dijalankan serta tingkah laku yang ditunjukkan oleh rakan-rakan dan juga pensyarah.

Aktiviti pembelajaran bahasa Arab di luar kelas merupakan salah satu bentuk pembelajaran yang bersifat aktif dan santai. Teknik pembelajaran bahasa Arab di luar kelas ini dapat mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang efektif seterusnya membantu pelajar mempelajari dan memperoleh kemahiran bahasa secara tidak formal. Kajian Yahaya (2014) melaporkan aktiviti pembelajaran di luar kelas yang diberi nama “*Jawlah Lughawiyah*” mampu meningkatkan tahap kemahiran menulis pelajar khususnya melibatkan aspek penggunaan kosa kata. Kajian berbentuk eksperimen ini dijalankan melibatkan 15 pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu menggunakan data hasil daripada ujian pra dan ujian pasca. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pada tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis. Justeru, aktiviti pembelajaran luar kelas harus diberi keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kerana aktiviti ini menjadi penyumbang kepada keberkesanan pembelajaran bahasa yang berasaskan persekitaran.

Teknik pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab secara interaktif perlu diperaktikkan dalam kalangan tenaga pengajar agar pelajar dapat memanfaat pelbagai aktiviti pembelajaran bersifat persekitaran. Kajian Febrian et al. (2017) mendapati amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih berada di tahap yang belum memuaskan. Justeru, beliau telah

mengkaji satu strategi yang relevan untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu melalui program dan aktiviti melalui kurikulum bersepadu, serta metod interaktif yang dijalankan oleh Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS). Dapatkan kajian mendapati program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PBAS seperti penggunaan kaedah *Direct Method* dalam pengajaran bahasa Arab, penganjuran pertandingan nasyid bahasa Arab, pertandingan kemahiran bahasa Arab dan aktiviti bahasa Arab berdasarkan ICT yang berinovasi dan kreatif telah memberi kesan yang positif dalam meningkatkan kemahiran bahasa Arab pelajar di sekolah-sekolah negeri Selangor.

Dalam kajian yang lain pula, faktor persekitaran melalui aktiviti-aktiviti luar seperti penganjuran program dan pertandingan didapati mampu mempengaruhi peningkatan pelajar berbahasa Arab. Kajian Aflisia dan Harahap (2019) bertajuk eksistensi *Bi'ah Lughawiyah* sebagai media berbahasa Arab dalam meningkatkan kemampuan *muhadathah* mahasiswa Prodi Pendidikan Bahasa Arab di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Curup mendapati persepsi mahasiswa mengenai keberadaan *Bi'ah Lughawiyah* sebagai media berbahasa Arab adalah sangat baik sehingga mereka berpandangan bahawa *Bi'ah Lughawiyah* merupakan wadah untuk meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab sebagai bahasa pengantar sehari-hari di IAIN Curup.

Persekutaran pembelajaran juga boleh berlaku sekiranya terdapat interaksi atau pergaulan antara pelajar tempatan dengan pelajar Timur Tengah yang menggunakan bahasa Arab *Fusha* semasa berkomunikasi. Universiti-universiti bersifat antarabangsa seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan seumpamanya mempunyai ramai pelajar dari Timur Tengah yang pasti telah mencorak dan menggalakkan persekitaran universiti dengan komunikasi bahasa Arab. Pelajar-pelajar tempatan pastinya bertuah kerana dapat mempraktikkan bahasa Arab dengan penutur jati bahasa Arab secara langsung dan pada bila-bila masa sahaja. Fenomena ini tanpa disedari dapat memberi peluang dan kelebihan kepada pelajar tempatan menguasai dan meningkatkan kemahiran berbahasa khususnya kemahiran bertutur dan menulis.

Rentetan daripada isu yang dibincangkan di atas, Persekutaran bahasa atau *Bi'ah lughawiyah* memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan pelajar menguasai seterusnya meningkatkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Pengaruh persekitaran pembelajaran bahasa Arab dalam meningkatkan penguasaan kemahiran pelajar peringkat universiti sememangnya diperlukan dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkepentingan. Kajian Zaid et al. (2019) mendapati *bi'ah lughawiyah* mempengaruhi pencapaian pelajar serta peranan sikap mereka sebagai mediator dalam hubungan di antara *bi'ah lughawiyah* dan pencapaian. Kajian yang melibatkan 494 orang pelajar di lapan buah universiti awam Malaysia yang menawarkan kursus sarjana muda Bahasa Arab ini telah menemukan beberapa dapatan antaranya ialah faktor *bi'ah lughawiyah* di bawah komponen psikososial dan fizikal secara positif dan signifikan telah mempengaruhi pencapaian pelajar dan sikap pelajar yang berperanan sebagai mediator dalam hubungan di antara *bi'ah lughawiyah* (komponen psikososial) dan pencapaian pelajar.

Berdasarkan isu-isu berkaitan persekitaran pembelajaran bahasa yang telah dibincangkan dapat disimpulkan di sini bahawa pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa Arab kadang-kadang bergantung kepada faktor persekitaran bahasa yang efektif dan terancang selain sikap positif dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dengan adanya elemen-elemen persekitaran bahasa seperti kemudahan dan fasiliti bahasa yang mencukupi, penganjuran program dan pertandingan bahasa sebagai aktiviti di luar kampus, membudayakan pergaulan dan interaksi antara pelajar Timur Tengah dan tempatan serta sikap pelajar dan motivasi mereka dalam mempelajari kemahiran bahasa Arab secara tidak langsung dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam pembelajaran bahasa Arab.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 140 orang responden dipilih sebagai sampel kajian daripada empat buah universiti awam iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (90 orang), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 orang), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 orang), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 orang). Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Product and Service Solutions (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu *skor min analisis*. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang biasa digunakan oleh Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis, seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.0 berikut.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala *Likert*

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

## Analisis Kajian

Analisis skor min telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan domain faktor persekitaran pembelajaran pelajar Diploma Bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran menulis. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan kekerapan, peratusan dan nilai min yang diperoleh untuk setiap 10 item yang dikaji.

Jadual 1.1: Min Dan Sisihan Piawai Faktor Persekitaran Pembelajaran Pelajar

Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Persekutuan universiti membantu saya menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.	6 4.3%	18 12.9%	55 39.3%	43 30.7%	18 12.9%	3.350	1.003	Sederhana
Kemudahan yang disediakan dapat membantu pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Arab saya.	0 0%	13 9.3%	35 25%	77 55.7%	15 10%	3.671	.790	Tinggi
Melalui kemahiran menulis ini saya mampu untuk berinteraksi dengan pelajar dan pensyarah dari negara Arab melalui media sosial dengan lebih berkesan dengan penuh keyakinan.	4 2.9%	8 5.7%	46 32.9%	66 47.1%	16 11.4%	3.585	.873	Sederhana
Universiti saya ada menganjurkan pertandingan kemahiran menulis bahasa Arab.	1 0.7%	6 4.3%	55 39.3%	64 45.7%	14 10%	3.600	.756	Sederhana
Saya melibatkan diri dalam program kemahiran menulis bahasa Arab peringkat universiti.	7 5%	35 25%	63 45%	28 20%	7 5%	2.950	.923	Sederhana

Saya melibatkan diri dalam program kemahiran menulis bahasa Arab peringkat luar universiti.	8 5.7%	38 27.1%	59 42.1%	29 20.7%	6 4.3%	2.907	.936	Sederhana
Universiti saya mempunyai pelajar dari timur tengah yang membantu saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab.	11 7.9%	17 12.1%	45 32.1%	54 38.6%	13 9.3%	3.292	1.055	Sederhana
Universiti saya menyediakan perpustakaan yang dilengkapi dengan pelbagai sumber rujukan dan fasiliti terkini untuk saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab.	2 1.4%	7 5%	25 17.9%	71 50.7%	35 25%	3.928	.870	Tinggi
Universiti saya menyediakan platform khusus seperti makmal/klinik bahasa kepada pelajar yang ingin menguasai kemahiran menulis.	5 3.6%	11 7.9%	53 37.9%	50 35.7%	21 15%	3.507	.963	Sederhana
Persatuan bahasa Arab di Universiti saya sangat aktif mengadakan program berbentuk kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis	3 2.1%	12 8.6%	44 31.4%	62 44.3%	19 13.6%	3.585	.905	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.43</b>	<b>0.907</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 1.1 memaparkan setiap item bagi domain faktor persekitaran pembelajaran pelajar Diploma Bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran menulis berada pada tahap yang sederhana. Nilai skor min keseluruhan untuk domain yang mengandungi 10 item yang dikaji ini berada pada interpretasi min yang sederhana iaitu 3.43 (SP=0.907).

Terdapat hanya dua item memperoleh nilai skor min yang tinggi iaitu universiti saya menyediakan perpustakaan yang dilengkapi dengan pelbagai sumber rujukan dan fasiliti terkini untuk saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab (Min=3.928, SP=0.870) dan Kemudahan yang disediakan dapat membantu pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Arab saya (Min=3.671, SP=0.790).

Manakala lapan item yang berikutnya berada pada tahap intepretasi min sederhana. Item-item tersebut bermula dari nilai yang paling tinggi kepada nilai yang paling rendah pada tahap sederhana adalah universiti saya ada menganjurkan pertandingan kemahiran menulis bahasa Arab (Min=3.600, SP=0.756), persatuan bahasa Arab di universiti saya sangat aktif mengadakan program berbentuk kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis (Min=3.585, SP=0.905), melalui kemahiran menulis ini saya mampu untuk berinteraksi dengan pelajar dan pensyarah dari negara Arab melalui media sosial dengan lebih berkesan dengan penuh keyakinan. (Min=3.585, SP=0.873), universiti saya menyediakan platform khusus seperti makmal/klinik bahasa kepada pelajar yang ingin menguasai kemahiran menulis (Min=3.507, SP=0.963), persekitaran universiti membantu saya menguasai kemahiran menulis bahasa Arab (Min=3.350, SP=1.003) universiti saya mempunyai pelajar dari Timur Tengah yang membantu saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab (Min=3.292, SP=1.055), saya melibatkan diri dalam program kemahiran

menulis bahasa Arab peringkat universiti ( $\text{Min}=2.950$ ,  $\text{SP}=0.923$ ) dan saya melibatkan diri dalam program kemahiran menulis bahasa Arab peringkat luar universiti ( $\text{Min}=2.907$ ,  $\text{SP}=0.936$ ).

Dari sudut peratusan persetujuan pelajar pula menunjukkan hanya satu item mencapai tahap peratusan 70% ke atas iaitu universiti saya menyediakan perpustakaan yang dilengkapi dengan pelbagai sumber rujukan dan fasiliti terkini untuk saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab. Hal ini bermaksud kebanyakannya pelajar diploma Bahasa Arab dari empat IPT yang mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab mempunyai akses kepada sumber rujukan yang mencukupi di perpustakaan universiti masing-masing dalam membantu mereka meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik.

Selain itu, terdapat lima item yang mendapat peratusan persetujuan pelajar melebihi 50% iaitu kemudahan yang disediakan dapat membantu pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Arab saya (65.7%), melalui kemahiran menulis ini saya mampu untuk berinteraksi dengan pelajar dan pensyarah dari negara Arab melalui media sosial dengan lebih berkesan dengan penuh keyakinan (58.5%), persatuan bahasa Arab di universiti saya sangat aktif mengadakan program berbentuk kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis (57.9%), universiti saya ada menganjurkan pertandingan kemahiran menulis bahasa Arab (55.7%), dan item yang terakhir iaitu universiti saya menyediakan platform khusus seperti makmal/klinik bahasa kepada pelajar yang ingin menguasai kemahiran menulis (50.7%). Peratusan ini menunjukkan pandangan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab di universiti berada pada tahap yang memuaskan. Situasi ini menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran menulis di luar kampus tidak begitu menyerlah seterusnya memperlakukan proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa Arab mereka terutama dalam kemahiran menulis.

Analisis kajian juga memaparkan terdapat empat item yang tidak mencapai nilai peratusan sebanyak 50 peratus iaitu universiti saya mempunyai pelajar dari Timur Tengah yang membantu saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab (47.9%), Persekutuan universiti membantu saya menguasai kemahiran menulis bahasa Arab (43.6), Saya melibatkan diri dalam program kemahiran menulis bahasa Arab peringkat luar universiti (25%) dan saya melibatkan diri dalam program kemahiran menulis bahasa Arab peringkat luar universiti (25%). Sikap pelajar yang kurang melibatkan diri dalam aktiviti dalam dan luar universiti melalui nilai peratusan rendah yang diperoleh menunjukkan pelajar kurang berminat dan bermotivasi dalam menyertai sebarang aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab yang dianjurkan oleh pihak universiti dan pihak-pihak yang lain di luar kampus.

Justeru, melalui analisis kajian yang telah dibuat dapatlah disimpulkan bahawa persekitaran pembelajaran bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi kurang mempengaruhi pelajar diploma Bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran mereka dalam kemahiran penulisan bahasa Arab. Mereka berpandangan bahawa persekitaran pembelajaran bahasa Arab di universiti berada pada tahap sederhana dan memuaskan.

## **Dapatan dan Rumusan Kajian**

Dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis yang dijalankan merumuskan bahawa min keseluruhan konstruk faktor persekitaran pembelajaran pelajar bagi kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar diploma Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi Malaysia berada pada tahap interpretasi min yang sederhana iaitu 3.437 dengan sisihan piawaian 0.907.

Sebanyak dua item berada pada tahap intepretasi min yang paling tinggi berbanding lapan item yang lain iaitu universiti saya menyediakan perpustakaan yang dilengkapi dengan pelbagai sumber rujukan dan fasiliti terkini untuk saya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab ( $\text{Min}=3.928$ ,  $\text{SP}=0.8703$ ) dan kemudahan yang disediakan dapat membantu pembelajaran kemahiran menulisan bahasa Arab saya. ( $\text{Min}=3.671$ ,  $\text{SP}=0.7906$ ). Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan persekitaran pembelajaran pelajar diploma Bahasa Arab di universiti di

Malaysia berada pada tahap yang sederhana dan memuaskan. Antara lapan item yang mencapai tahap interpretasi min yang sangat sederhana ialah penglibatan pelajar dalam program kemahiran menulis bahasa Arab peringkat universiti ( $Min=2.950$ ,  $SP=0.923$ ) dan peringkat luar universiti ( $Min=2.907$ ,  $SP=0.936$ ). Pelajar peringkat diploma agak kurang melibatkan diri dalam program yang dianjurkan oleh pihak universiti dan luar universiti adalah berkemungkinan mereka menghadapi masalah dari sudut pengurusan masa sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Azman (2013) dan juga sikap mereka yang malas dan kurang berminat dengan aktiviti-aktiviti luar kampus sebagaimana yang disebut dalam kajian Noor (2016). Namun begitu, kemudahan yang terdapat di universiti seperti perpustakaan yang dilengkapi dengan pelbagai sumber rujukan dan fasiliti yang terkini sekurang-kurangnya menjadi sebahagian daripada faktor yang dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab pelajar.

Secara kesimpulannya, dapatan yang diperoleh ini secara tidak langsung memperihalkan fenomena sebenar berkaitan persekitaran pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang kurang memberangsangkan dalam kalangan pelajar diploma bahasa Arab di universiti Malaysia. Pelbagai pihak sama ada daripada pihak universiti, pensyarah dan juga pelajar perlulah bekerjasama antara satu sama lain dalam menjayakan sesuatu program atau aktiviti bahasa agar persekitaran pembelajaran bahasa pelajar dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Arab.

## Rujukan

- Abdullah, A. H. B., Sulaiman, A. A. B., & Abdullah, W. I. B. W. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 82-97.
- Abdullah, N. A., Mahamod, Z., & Shaid, N. A. H. N. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.
- Aflisia, N., & Harahap, P. (2019). Eksisten *bi'ah lughawiyah* sebagai media berbahasa arab dalam meningkatkan kemampuan muhadatsah mahasiswa prodi pendidikan bahasa arab IAIN Curup. *Lisanul'Arab: Journal of Arabic Learning and Teaching*, 8(1), 40-55.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: perbandingan antara bahasa arab, bahasa mandarin dan bahasa perancis. *AJTLHE* Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- Azman, N. (2013). Perkaitan antara pengurusan masa dan stres dalam kalangan pelajar siswazah di IPTA. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 5(1), 34-49.
- Fadzil, N. A., Zahidi, M. D. A., Norbit, A. N., & Jaafar, N. (2020). Hubungan di antara persepsi dengan sikap dan minat pelajar tafsir bestari dalam pembelajaran bahasa arab. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 48-63.
- Febrian, D., Lubis, M. A., Yasim, I. M. M., & Wahab, N. S. A. (2017). Teknik pengajaran bahasa arab interaktif di pusat bahasa arab negeri Selangor. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam And Civilization (Acer-J)*. Eissn2600-769x, 1(1), 78-93.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa arab di universiti teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 10(3) 2010: 15-33.
- Hamzah, A., Mustapha, N. F., Pauzi, C. R. M., & Sulong, W. M. W. (2017). Mengapa guru pelatih bimbang untuk bertutur dalam kelas bahasa arab?. *Jurnal Kemanusiaan*.12(2)2017:1-8.

- Ibrahim, M., Ibrahim, A. Z., Maamor, S., & Samsi, A. (2015). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. *Journal of Holistic Student Development*, 2(1), 12-22.
- Jamil Ahmad. (1993). *Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah negeri Kedah Darul Aman*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamaruddin Hj Husin. (1997). *Pedagogi bahasa (perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohamad, A. H. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Nik Mohd Rahimi, Kamarulzaman Abdul Ghani & Al-Khusyairi Muwafak Abdullah Ahmad. (1999). *Kaedah pengajaran bahasa asing*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, Kamarulzaman Abdul Ghani & Zawawi Ismail. (2006). Tahap kemahiran kefahaman mendengar di kalangan pelajar sekolah menengah agama negeri. *Jurnal Teknologi*, 45 (E) Dis. Hlm. 83-98. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Noor, K. M., Husain, M. A., Suriani, S., Othman, A. A. H. S., & Mutalib, M. A. (2016). Keterlibatan pelajar-pelajar luar kampus Universiti Sains Islam Malaysia dalam memangkin aktiviti keagamaan dan sosial bersama masyarakat setempat. *Journal 'Abqari~ Vol*, 7, 112.
- Nufus, H. (2020). Peranan Bi'ah Lughawaiyyah dalam Meningkatkan Kemahiran Berbahasa Arab Santri Ma'had Dar Al-Quran Tulehu Maluku Tengah. *Lingue: Jurnal Bahasa, Budaya, dan Sastra*, 1(1), 68-82.
- Osman, M. R. (2010). Peranan kursus pengajian umum dalam pembangunan kemahiran insaniah: pengalaman UiTM. *MALIM-Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 11.
- Riqza, M. S., & Muassomah, M. (2020). Media sosial untuk pembelajaran bahasa arab pada masa pandemik: kajian kualitatif penggunaan WhatsApp pada sekolah dasar di Indonesia. *Alsina: Journal of Arabic Studies*, 2(1), 71-94.
- Samsuiman, M. A., Benjamin, M. A., & Arifin, Z. (2014). Hubungan antara kualiti guru bahasa arab dan kecenderungan minat pelajar dalam bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan*, 12(1).
- Suryandari, R. Y., Jaafar, M. N., & Hamzah, N. H. (2017). Mengantara bangsaan ruang pendidikan tinggi Malaysia: Pengalaman sosio-budaya pelajar-pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. *Geografi-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3).
- Yahaya, M. F. (2014). Kemahiran menulis dalam bahasa arab menerusi aktiviti 'Jawlah Lughawaiyyah'. *Issues in Language Studies*, 3(1)
- Zaid, C. M., Ismail, Z., Al Jarrah, M. I., Ab Majid, M. R., Othman, M. A. U., & Salleh, A. W. (2019). Bi'ah Lughawaiyyah dan pencapaian pelajar di universiti awam Malaysia: Peranan Sikap Pelajar Sebagai Mediator. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 70-100.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajaran Islam*, 12(1), 47-57.

## BAB 9

### ANALISIS LATIHAN SUB-SUB KEMAHIRAN MEMBACA DI DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB TINGKATAN 2 KSSM

Muhammad Fahim Najmi Nasharuddin<sup>1</sup> & Nik. Mohd Rahimi Nik Yusoff<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Pengenalan

Pada masa kini, hampir semua negara sedang bersaing antara satu sama lain untuk menuju ke arah kemajuan. Aspek pendidikan merupakan salah satu elemen yang diusahakan kerana ia dapat membantu meningkatkan kemajuan negara. Sistem pendidikan ini sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa mengikut kepada keperluan tertentu. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, salah satu cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan adalah melalui kemahiran membaca. Membaca ini merupakan satu perbuatan di mana seseorang membuat pengecaman bentuk visual dan menggunakan pengalaman untuk mentafsirkan maksud gabungan antara bentuk dengan bunyi. Tambahnya lagi, beberapa aspek seperti pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca diperlukan dalam menentukan tahap pemahaman bacaan (Ku Azizan, Abd Rahman & Jamali, 2014). Berdasarkan kepada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan membaca membawa maksud membunyikan huruf-huruf yang ditulis, melihat dan memahami tulisan tersebut. Justeru, maksud membaca dapat didefinisikan sebagai mengeja atau menyebut tulisan pada kertas dan buku untuk memahami isi kandungan tulisan (Abdul Hamid, Johari, Zulhaimi, Sapan & Ramli, 2020).

Dalam penguasaan kemahiran membaca, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran membaca ini. Contohnya ialah pembaca yang berterusan melakukan kesalahan dalam menyebut atau membaca teks bahasa Arab menjadi faktor pembelajaran bahasa itu tidak dapat dikuasai. Selain itu, kesalahan yang terjadi ini bukan sahaja berlaku pada individu yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab, akan tetapi individu yang sudah memiliki pengalaman dalam mempelajari bahasa Arab juga mengalami masalah yang sama (Abdul Hamid et al., 2020). Dalam mempelajari bahasa Arab, para pelajar perlu mendapatkan bantuan daripada guru bahasa Arab mereka.

Sehubungan dengan itu, kemahiran membaca ini mempunyai senarai sub kemahiran yang tersendiri. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, definisi bagi istilah sub-sub ialah bahagian kecil atau separuh daripada sesuatu. Justeru, sub-sub kemahiran ini membawa makna beberapa pecahan daripada kemahiran membaca yang perlu dikuasai oleh para pelajar agar dapat mengukuhkan lagi kefahaman mereka terhadap kemahiran tersebut. Contohnya, terdapat beberapa kaedah berkaitan dengan kemahiran kefahaman membaca perkataan. Antara kaedah tersebut ialah memahami makna kalimah secara leksikal dan kontekstual serta memahami makna teks secara literal dan inferential (Rahimi & Abd. Ghani, 2000). *Dokumen Malay Language Teaching and Learning Syllabus Primary One to Six* (2015) dijadikan sebagai rujukan bagi mengenal pasti latihan sub-sub kemahiran membaca yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Berikut merupakan senarai sub kemahiran yang terdapat dalam kemahiran membaca:

<b>SUB-SUB KEMAHIRAN MEMBACA</b>			
1	Membaca, menyebut dan mengeluarkan bunyi huruf dengan betul dan tepat.	10	Membaca dan memahami informasi yang tersembunyi.
2	Membaca dan menyebut cantuman bunyi huruf vokal dan konsonan supaya suku kata terbuka dan suku kata tertutup menjadi betul.	11	Membaca dan merumuskan idea atau tema.
3	Membaca dan menyebut bunyi diftong (dua bunyi vokal) dan bunyi sengau dengan betul.	12	Membaca dan mengaitkan dengan pengalaman sendiri.
4	Membaca perkataan, frasa dan ayat dalam sebutan baku yang betul.	13	Membaca dan menyampaikan pendapat sendiri.
5	Membaca jenis teks yang pelbagai dengan sebutan dan kelancaran yang betul.	14	Membaca dan melakukan rumusan.
6	Membaca jenis teks yang pelbagai dengan nada suara dan gaya yang betul.	15	Membaca dan melakukan sangkaan.
7	Membaca dan menentukan isi penting.	16	Membaca dan membuat kesimpulan daripada fakta yang ada (inferens).
8	Membaca dan menentukan maklumat khusus dan pembahagian teks.	17	Membaca dan menjelaskan maklumat.
9	Membaca dan menentukan turutan kejadian atau idea.	18	Membaca dan menaksir maklumat.

Hasan, Sapar & Siraj (2020) mengatakan bahawa buku teks merupakan rujukan utama guru dan pelajar dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan. Buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ini merupakan salah satu terbitan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di mana Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dijadikan sebagai rujukan dalam proses PdP. Buku teks Bahasa Arab yang telah memenuhi segala ketetapan daripada DSKP tersebut, telah menyediakan latihan-latihan pengukuhan bagi meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap kemahiran membaca. Namun demikian, masalah yang timbul ialah arahan latihan-latihan yang telah disediakan itu tidak menunjukkan sub-sub kemahiran yang khusus, di mana ia menjadi punca guru tidak memahami dan tidak dapat melaksanakan sesi latihan dengan baik dan lancar. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti latihan sub-sub kemahiran membaca yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Hasil dapatkan kajian diharapkan supaya guru dapat memahami sub-sub kemahiran membaca dan melaksanakan latihan-latihan di dalam buku teks tersebut dengan baik walaupun sesi PdP berjalan secara atas talian.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen untuk mengumpulkan data kajian. Subjek dokumen kajian ini ialah buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM yang bertujuan untuk mengenal pasti latihan sub-sub kemahiran membaca yang terdapat di dalam buku teks tersebut. Sehubungan dengan itu, borang Analisis Latihan Sub-Sub Kemahiran Membaca Bahasa Arab telah digunakan sebagai protokol kajian bagi mengumpulkan data-data yang diperlukan. Melalui borang analisis tersebut, pengkaji menyenaraikan latihan-latihan kemahiran membaca yang terdapat di dalam buku teks dan kemudian menetapkan sub kemahiran bagi setiap latihan kemahiran membaca itu. Pengkaji menggunakan dokumen *Malay Language Teaching and Learning Syllabus Primary One to Six (2015)* sebagai panduan untuk

menentukan sub-sub kemahiran membaca di dalam buku teks Bahasa Arab tersebut (Nik Yusoff, 2018).

Seterusnya, pengkaji mendapatkan semakan dan pengesahan pakar terhadap instrumen kajian, di mana ia bertujuan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Pakar yang dipilih merupakan guru yang mengajar subjek Bahasa Arab. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan satu metode dalam menganalisis data yang diperolehi iaitu melalui metode deduktif. Abd. Rahman, Abdullah, Ibrahim, Azizan, Dimon & Abu Bakar (2015) menjelaskan bahawa metode ini merupakan proses yang telah menetapkan perkara-perkara seperti struktur, kerangka atau teori tidak terlibat semasa penganalisisan data dijalankan. Selain itu, pendekatan ini bersifat menyeluruh dan selalu digunakan dalam proses penganalisisan data kualitatif. Antara kaedah yang selalu digunakan dalam pengaplikasian pendekatan ini ialah penggunaan analisis kandungan mengikut tema (*thematic content analysis*).

Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan pendekatan deduktif bagi mengenal pasti latihan sub-sub kemahiran membaca yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Metode deduktif ini memberi peluang kepada pengkaji untuk membuat kesimpulan dan mengemukakan sebarang cadangan atau implikasi. Hasil daripada analisis dokumen ini, para guru dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap sub-sub kemahiran membaca di dalam buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Seterusnya, mereka dapat menjalankan sesi latihan dengan baik walaupun PdP berlangsung secara atas talian.

## Dapatan Kajian

### Analisis Latihan Sub-Sub Kemahiran Membaca dan Kekerapannya

Jadual 1: Senarai sub kemahiran membaca dan jumlah kekerapan

No.	Sub Kemahiran	التدريّبات	Kekerapan
2	<u>Memahami makna kalimah secara leksikal</u>	أقرَّ الكلمات ثم أشيرُ إلى الصور المناسبة	3
		أقرَّ التراكيب ثم أشيرُ إلى الصور المناسبة	2
3	<u>Membaca dan menaksir maklumat</u>	أقرَّ الكلمات ثم أعينُ إسماً أو فعلًا	1
		أقرَّ الكلمات ثم أصنِّفها	3
		أقرَّ الكلمات ثم أرسمُها	1
		أقرَّ الأفعال ثم أصنِّفها	1

4	<u>Membaca dan melakukan sangkaan</u>	أَفْرَأَتُمْ أُوقِّعَ أَفْرَأَتُمْ أُرْبِطَ أَفْرَأَ التَّرَاكِيبُ تُمْ أُوْقِعُهَا أَفْرَأَ التَّرَاكِيبُ تُمْ أَعْيَنُ الصُّورَ أَفْرَأَ التَّرَاكِيبُ السَّابِقَةُ تُمْ أَصْبِقُهَا أَفْرَأَ الْجَمْلَ تُمْ أُوْقِعُ بَيْنَهَا وَبَيْنَ الصُّورِ أَفْرَأَ الْجَمْلَ تُمْ أَعْيَنُهَا أَفْرَأَ الْجَمْلَ تُمْ أَعْيَنُ الاسمَ أَوِ الفعلَ أَوِ الحرفَ أَفْرَأَ الْجَمْلَ تُمْ أَصْبَعُ عَلَامَةً (✓) أَفْرَأَ الْجَمْلَ تُمْ أَصْبَعُ رُقْمًا صَحِيحًا	1 1 3 2 4 4 1 1 2 1
5	<u>Membaca dan menyampaikan pendapat sendiri</u>	أَفْرَأَتُمْ أَسْتَخْلِصُ أَفْرَأَ الْكَلِمَاتُ وَأَسْتَخْلِصُ أَفْرَأَتُمْ أَسْتَخْلِصُ أَفْرَأَ الْأَفْعَالَ تُمْ أَمْبِيزُهَا أَفْرَأَتُمْ أَمْبِيزَ أَفْرَأَ التَّرَاكِيبُ تُمْ أَعْيَنُهَا أَفْرَأَ التَّرَاكِيبُ السَّابِقَةُ تُمْ أَمْبِيزُهَا أَفْرَأَتُمْ أَصْبِفُ أَفْرَأَ الْجَمْلَ تُمْ أَعْيَنُ نَوْعَ الْكَلِمة	1 1 3 1 3 1 1 1 1 1

	أَقْرَأَ وَأَلْحِظُ وَأَسْتَخْلِصُ	1
	أَقْرَأَ الْجَمْلَ ثُمَّ أَسْتَخْلِصُ	2
	أَقْرَأَ الْجَمْلَ الْمُتَرَابِطَةَ ثُمَّ أَجِيبَ عَنِ الْأَسْئِلَةِ	6
	أَقْرَأَ التَّوْجِيهَاتِ ثُمَّ أَجِيبَ عَنِ الْأَسْئِلَةِ	1

### Penerangan Analisis Latihan Sub-Sub Kemahiran Membaca

- Membaca perkataan, frasa dan ayat dengan sebutan baku yang betul.

Sub kemahiran ini melatih para pelajar untuk membaca perkataan, frasa dan ayat dengan sebutan baku yang betul. Terdapat dua cara bagi menjalankan latihan ini. Pertama, guru membaca sesuatu perkataan, frasa atau ayat, kemudian diikuti para pelajar yang mengulangi apa yang telah disebutkan oleh guru. Kedua pula ialah para pelajar membaca sesuatu perkataan, frasa atau ayat dengan sendiri, kemudian guru menegur dan memperbaiki jika terdapat kesalahan yang dilakukan. Contoh jadual 1 di atas, terdapat soalan yang meminta para pelajar untuk menyebut perkataan yang disediakan dengan sebutan yang betul. Guru akan mendengar dan menegur jika pelajar melakukan kesalahan seperti salah baris perkataan.

- Memahami makna kalimah secara leksikal.

Penggunaan istilah ‘leksikal’ bermaksud makna perkataan itu sendiri. Sub kemahiran ini memerlukan para pelajar untuk memahami setiap perkataan yang dibaca dalam soalan yang telah disediakan. Berdasarkan kepada jadual 1 di atas, terdapat soalan di mana para pelajar diminta untuk membaca perkataan tersebut dan kemudian memilih gambar yang bersesuaian dengan perkataan yang telah dibaca. Justeru, para pelajar perlu memahami makna perkataan itu sendiri supaya dapat memilih gambar yang betul.

- Membaca dan menaksir maklumat.

Sub kemahiran membaca yang seterusnya memerlukan para pelajar untuk membaca dan menaksir sesuatu maklumat. Maklumat yang dibaca bersifat tidak jelas. Sebagai contoh, terdapat soalan di mana para pelajar perlu membaca perkataan yang disediakan dan menetapkan sama ada perkataan tersebut merupakan kata nama atau kata kerja. Menaksir di sini membawa maksud menilai sesuatu maklumat yang tidak jelas supaya ia menjadi jelas.

- Membaca dan melakukan sangkaan.

Selain sub kemahiran menaksir maklumat, terdapat juga soalan-soalan yang meminta para pelajar untuk membaca dan melakukan sangkaan. Sangkaan ini membawa maksud andaian atau tekaan. Justeru, para pelajar perlu membaca sesuatu maklumat dan kemudian membuat sangkaan terhadap maklumat yang telah dibacakan itu. Berdasarkan kepada jadual 1 di atas, terdapat soalan yang memerlukan para pelajar membaca maklumat dalam soalan tersebut dan kemudian membuat sangkaan dengan menyusun maklumat-maklumat yang ada supaya berada dalam susunan ayat yang teratur.

- Membaca dan menyampaikan pendapat sendiri.

Sub kemahiran membaca yang terakhir ini ialah membaca dan menyampaikan pendapat sendiri. Para pelajar diminta untuk membaca apa yang terkandung dalam soalan dan memberikan pendapat sendiri. Contohnya, terdapat soalan pada jadual 1 di atas yang memerlukan para pelajar untuk memberikan pendapat sendiri dengan menjawab soalan-soalan yang ditanyakan berkaitan dengan maklumat tersebut.

## Perbincangan Kajian

### A. Latihan yang berterusan.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, jumlah soalan yang terdapat dalam latihan kemahiran membaca adalah sebanyak 99 soalan. Justeru, jumlah latihan yang banyak itu memerlukan para pelajar untuk meluangkan masa lebih lama dan konsisten dalam menyelesaikan kesemua soalan yang terdapat dalam latihan kemahiran membaca tersebut. Sehubungan dengan itu, terdapat satu metode pembelajaran yang boleh dikaitkan dengan kemahiran membaca ini. Metode pembelajaran tersebut ialah metode *drill and practice*. Menurut Ariyani (2019), metode *drill* ini merupakan metode yang memberi latihan kepada para pelajar secara berterusan. Langkah ini dilakukan adalah untuk memastikan para pelajar memahami dan mempraktikkan ilmu pengetahuan yang dipelajari. Oleh yang demikian, jumlah latihan kemahiran membaca sebanyak 99 soalan itu mampu untuk membantu para pelajar dalam penguasaan mereka terhadap kemahiran membaca. Apabila para pelajar telah menguasai kemahiran membaca dengan baik, maka proses untuk menguasai kemahiran-kemahiran bahasa yang lain akan menjadi mudah.

Seterusnya, perbandingan sub-sub kemahiran membaca telah dibuat antara analisis latihan kemahiran membaca buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM dengan buku terbitan Kementerian Pendidikan Singapura (KPS) yang bertajuk “*Malay Language Teaching and Learning Syllabus Primary One to Six*”. Buku ini telah dijadikan sebagai rujukan utama dalam menyenaraikan sub-sub kemahiran membaca. Berdasarkan kepada dapatan kajian, terdapat beberapa sub kemahiran sahaja yang digunakan daripada buku terbitan KPS ini selepas proses penganalisisan dibuat terhadap latihan-latihan kemahiran membaca di dalam buku teks Bahasa Arab tersebut. Berikut merupakan sub-sub kemahiran membaca yang telah digunakan daripada buku terbitan KPS:

- Membaca perkataan, frasa dan ayat dengan sebutan baku yang betul.
- Memahami makna kalimah secara leksikal.
- Membaca dan menaksir maklumat.
- Membaca dan melakukan sangkaan.
- Membaca dan menyampaikan pendapat sendiri.

Bertitik tolak daripada itu, satu persoalan yang timbul adalah berkaitan dengan lebihan sub kemahiran yang tidak digunakan daripada jadual sub kemahiran membaca buku KPS ini. Persoalan tersebut ialah perlu atau tidak sub kemahiran membaca yang berlebihan itu diaplikasikan ke dalam buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Berdasarkan kepada analisis dokumen yang telah dilakukan, sub-sub kemahiran yang berlebihan itu tidak perlu dimasukkan ke dalam buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Hal ini demikian, terdapat beberapa sub kemahiran membaca dalam buku KPS tersebut yang mempunyai persamaan dari segi definisi sub kemahirannya. Contohnya, terdapat sub-sub kemahiran membaca yang memerlukan para pelajar untuk membuat keputusan. Antara sub kemahiran tersebut ialah menyampaikan pendapat sendiri, melakukan rumusan, membuat sangkaan dan membuat kesimpulan daripada fakta yang ada. Oleh yang demikian, sub-sub kemahiran yang berlebihan itu tidak perlu diterapkan ke dalam

buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM disebabkan terdapat sub-sub kemahiran yang mempunyai definisi sub yang sama.

### **B. Perbandingan antara latihan buku teks Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)**

Berdasarkan kepada jadual latihan sub-sub kemahiran membaca dalam dapatan kajian, terdapat beberapa perkara yang boleh dikaitkan dengan DSKP bagi subjek Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Perkaitan ini dilakukan adalah untuk melihat sama ada penyediaan latihan-latihan di dalam buku teks ini menepati atau tidak kehendak yang telah ditetapkan oleh pihak KPM. Antara perkara yang ingin dilihat adalah seperti matlamat, objektif dan fokus yang ditetapkan oleh Kurikulum Standard Bahasa Arab. Berikut diterangkan setiap perkara yang telah disebutkan di atas mengenai keselarasan kandungan antara buku teks dengan DSKP bagi subjek Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM.

Pihak KPM telah menetapkan satu matlamat yang ingin dicapai oleh Kurikulum Standard Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Matlamat tersebut adalah untuk memperkuatkan kemahiran berbahasa dalam diri pelajar supaya dapat berinteraksi dengan orang ramai, memperolehi pengetahuan yang banyak dan membina keperibadian diri dengan nilai-nilai murni yang diperlukan. Bertitik tolak daripada itu, elemen penting yang terkandung dalam matlamat tersebut ialah pengukuhan terhadap kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar. Pengukuhan ini merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Justeru, latihan kemahiran membaca yang telah disediakan di dalam buku teks tersebut sememangnya mengikuti kepada kehendak matlamat yang ditetapkan oleh KPM. Hal ini demikian, latihan-latihan yang terdapat di dalam buku teks tersebut ada menyediakan latihan untuk memantapkan lagi kemahiran membaca dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, terdapat lima objektif yang telah disenaraikan oleh pihak KPM dalam DSKP bagi subjek Bahasa Arab Tingkatan 2 KSSM. Antara objektif tersebut ialah:

- Mendengar perkataan, struktur kata, ayat dan perenggan yang biasa didengari serta memahami dan memberi respon yang betul.
- Bertutur dalam pelbagai konteks yang menjadi kebiasaan dengan sebutan yang lancar serta menggunakan perkataan, struktur kata, ayat dan perenggan yang betul.
- Membaca pelbagai bahan yang pendek dan senang mengenai topik yang dilazimi serta memahami dan memberi respon yang betul.
- Menulis mengenai topik yang dilazimi dengan menggunakan perkataan, struktur kata, ayat dan perenggan yang betul.
- Sistem bahasa diaplikasikan ke dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan dengan betul.

Berdasarkan kepada senarai objektif di atas, terdapat satu objektif yang menyentuh mengenai kemahiran membaca, di mana ia telah diaplakasikan ke dalam penyediaan latihan-latihan kemahiran membaca di dalam buku teks. Objektif ketiga di atas yang berkaitan dengan kemahiran membaca, meminta pelajar melakukan tiga perkara iaitu membaca, memahami dan memberi respon terhadap bahan yang dibaca. Oleh itu, susunan latihan kemahiran membaca di dalam buku teks adalah selaras dengan objektif kemahiran berbahasa Arab dalam DSKP.

Akhir sekali, fokus penggubalan Kurikulum Standard Bahasa Arab ini adalah berkaitan dengan penguasaan terhadap empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, sistem tatabahasa diaplikasikan secara implisit iaitu aplikasi secara menyeluruh sepanjang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Fokus pertama ialah para pelajar mampu untuk memahami idea utama sesuatu maklumat yang jelas berkaitan dengan perkara yang telah mereka lazimi. Oleh yang demikian, fokus pertama ini merujuk kepada latihan-latihan kemahiran mendengar dan membaca yang terkandung di dalam buku teks Bahasa Arab

Tingkatan 2 KSSM.

## Kesimpulan

Kata adalah gabungan atau kesatuan bunyi dalam sesuatu bahasa yang disebutkan atau dituliskan dengan menggunakan huruf-huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:684). Kata atau *kalimat* ditakrifkan sebagai lafadz yang dibentuk daripada satu atau beberapa huruf yang mempunyai makna. Dari sudut linguistik, kata ditakrifkan sebagai satu unit bahasa yang kecil dan boleh membentuk ujaran.”Kata adalah unit leksikal terkecil yang mampu membentuk ayat secara tunggal” (Baalbakiy, 1990:537).

Kata merupakan “elemen terkecil dalam sebuah bahasa yang diucapkan atau tertulis dan realisasi kesatuan perasaan dan fikiran yang dapat digunakan dalam bahasa”. Ia juga dirujuk sebagai unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna, yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa.” (Kamus Besar Indonesia, 2008). Perkataan dimulai dan diakhiri oleh sempadan perkataan. Sempadan perkataan ini bersifat abstrak, wujud dalam fikiran dan tidak ditandai apabila kita menggunakan perkataan, baik dalam tulisan ataupun pertuturan (Tatabahasa Dewan, 1996).

#### Permasalahan Kajian

Pembelajaran bahasa Arab di Nusantara berhadapan permasalahan yang hampir sama. Penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab di rantau ini dilaporkan pada tahap yang kurang memuaskan (Hawatemeh, 1999; Ab. Halim; Nik Mohd Rahimi; Zawawi; Mohd Aderi; Kamarulzaman; Zulkifli; Abu Khufafah, 2010; Mat Taib Pa, 2009). Hal ini berlaku disebabkan pembelajarannya berbentuk pengetahuan dan tidak dilihat sebagai aspek kemahiran untuk menyampaikan idea dan maklumat (Said Deraman, 2006).

Banyak faktor turut dilapor memberi kesan kepada permasalahan ini, antaranya kelemahan tatabahasa (Azman & Goh, 2010; Mohamed, Muhammad, & Jasmi, 2012), kelemahan menulis (Noor Anida, Norhayati, Nurazan, 2014), kelemahan membina struktur ayat (Azani, Azman & Mat Taib, 2012), kelemahan bertutur (Nadwah & Nadhilah, 2014) dan beberapa masalah lain. Permasalahan ini banyak didorong oleh kekurangan kosa kata. Kelemahan pelajar menguasai kosa kata berlaku dalam bentuk pemilihan kata kurang tepat, salah penggunaan, penguasaan aspek morfologi yang lemah dan sebagainya (Azani, Azman & Mat Taib; 2012, Sar'an, 2019). Kekurangan kata menghalang penguasaan kemahiran bahasa (Gan, 2012) sekaligus merencat usaha menguasai bahasa secara keseluruhannya.

Masalah penguasaan kosa kata merupakan antara permasalahan asas yang dihadapi pelajar di Nusantara khususnya Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia, Kekurangan kosa kata yang menjadi permasalahan pokok dalam penguasaan pelajar dilaporkan oleh beberapa kajian (Nadwah & Nadhilah, 2014) mempunyai keutamaan untuk dizahirkan dalam bentuk angka.

Begitu juga di Indonesia, permasalahan berkaitan kosa kata dilapor sering menyekat penguasaan kemahiran di pelbagai peringkat (Sar'an, 2019; Fakhrur Rahman, 2019; Supratman 2019; Zaky Baisa, 2015). Permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Indonesia meliputi aspek linguistik dan non linguistik. Permasalahan linguistik banyak berkisar tentang aspek fonologi, morfologi dan sintaksis yang berkaitan langsung dengan kata (Zaky Baisa, 2015).

Sehingga kajian ini dijalankan, tidak banyak kajian dijalankan khususnya dalam membanding penguasaan kata dalam kalangan penuntut di negara-negara Nusantara terutama di Malaysia dan Indonesia. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai perbezaan dan persamaan yang signifikan antara kedua-dua negara dalam konteks penguasaan kata.

## Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan:

1. mengukur saiz kosa kata reseptif pelajar Indonesia dan Malaysia peringkat universiti.
2. menilai perbezaan penguasaan kata dalam kalangan pelajar Indonesia dan Malaysia.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan untuk mengukur saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sebagai agen peramal kepada tahap kecekapan bahasa mereka. Populasi kajian terdiri daripada 46 orang pelajar dari Indonesia dan 45 orang pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda. Semua responden yang terlibat merupakan pelajar jurusan bahasa Arab dari tahun pertama hingga tiga. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Dua instrumen digunakan dalam kajian ini. Satu set soal selidik beserta ujian pengukuran saiz kosa kata bahasa Arab - aVLT (berdasarkan format *Vocabulary Level Test - VLT*) digunakan untuk tujuan dinyatakan. Set soal selidik yang digunakan mengandungi maklumat demografi responden khususnya yang melibatkan latar belakang pendidikan terdahulu. Manakala ujian Saiz Kosa Kata Bahasa Arab (aVLT) dibentuk dan diadaptasi dari format *Vocabulary Level Test (VLT)* oleh Nation (1983, 1990).

Ujian Penentuan Saiz Kosa Kata Bahasa Arab (*Arabic Vocabulary Level Test -aVLT*) ini berbentuk padanan definisi perkataan. Responden dikehendaki memadankan perkataan yang disenaraikan dengan item yang didatangkan dalam bentuk definisi perkataan. aVLT menguji dua tahap kata iaitu saiz 1K (mengandungi 1000 kata kerap yang pertama), saiz 2K (mengandungi 1000 kata kerap yang kedua) dan saiz 3k (mengandungi 1000 kata kerap yang ketiga). Setiap tahap mengandungi 18 soalan dengan 36 pilihan jawapan. Jumlah keseluruhan perkataan yang diuji adalah 54 kata beserta 108 pilihan jawapan. Kesemua item yang diuji ditentukan menerusi kaedah persampelan rawak mudah daripada senarai kata *al-Mufradat al-Sya'i'at fi al-Lughat al-'Arabiyyat* oleh Abdurrahman (1979).

## Prosedur Penganalisisan Dapatan

Bagi menentukan saiz kosa kata pelajar, skor kriteria ditentukan terlebih dahulu. Skor kriteria yang dicadangkan oleh Read (2000) adalah 16 dan ke atas. Dengan penentuan skor kriteria ini, responden yang memperoleh skor 16 dan ke atas daripada 18 item yang diuji bagi setiap tahap dianggap telah menguasai tahap tersebut sekaligus memiliki 1000 perkataan yang terkandung di dalamnya. Read (2000) mencadangkan penggunaan analisis skalogram Guttman bagi menentukan had penguasaan.

Data yang diperolehi disusun semula berdasarkan keputusan tertinggi yang dicapai oleh responden dalam tahap 1000 kata dan seterusnya. Kriteria penguasaan kemudiannya ditentukan pada skor 16 dan ke atas menggunakan simbol (+). Dengan kata lain, pelajar yang mendapat skor 16 dan ke atas dianggap telah menguasai tahap tersebut. Skala ini juga menjelaskan bahawa pelajar tidak akan melepas tahap kata berfrekuensi rendah (2K) tanpa melepas tahap kata berfrekuensi tinggi (1K) terlebih dahulu. Ia boleh juga disimpulkan bahawa skor pelajar adalah lebih tinggi pada tahap kata yang berfrekuensi tinggi (1K) berbanding tahap kata yang berfrekuensi lebih rendah (2K) dan taburan ini dianggap sebagai menepati skala implikasi yang sempurna (*implicational scale*). Realitinya, taburan sempurna ini tidak mungkin diperolehi setiap masa. Namun ia tidak mengganggu dapatan secara keseluruhannya kerana perbezaan antara dua tahap adalah terlalu kecil (Pringprom & Obchuae, 2011).

## Sorotan Literatur

Saiz kosa kata merupakan jumlah atau kuantiti kata yang dikuasai oleh seseorang individu dalam sesuatu bahasa (Abdul Razif, 2015). Ia merujuk kepada berapa banyak patah perkataan yang diketahui oleh seseorang (Harun & Zawawi, 2014). Secara istilahnya, saiz kosa kata merujuk kepada bilangan perkataan yang diketahui oleh pelajar pada satu tahap kecekapan bahasa yang tertentu (Nation, 2001).

Saiz kosa kata mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan penguasaan bahasa. Dalam masyarakat kita, seseorang individu yang memiliki saiz kosa kata yang luas kebiasaananya dianggap mempunyai tahap keintelektualan yang tinggi dan sering dikaitkan dengan luas pengetahuan serta sikap rajin membaca (Abdul Razif, 2015).

### Saiz Kata Bagi Penutur Jati dan Penutur Bukan Jati

Penutur jati dianggarkan memiliki antara 12,000 hingga 20,000 perkataan secara purata (McCarten, 2007; 'Abd al-Bari, 2011; Goulden, Nation dan Read, 1990). Bagi penuntut bahasa kedua dan asing, jumlah ini dianggap besar dan kajian berdasarkan frekuensi memberikan petunjuk yang jelas bahawa hanya sebahagian perkataan sahaja mempunyai nilai penggunaan yang tinggi berbanding perkataan-perkataan yang lain (McKeown & Beck, 2004; Nation, 2001; McCarthy, 1992). Menurut Nation (2001:9) "... *studies of native speakers' vocabulary growth see all words as being of equal value to the learner. Frequency based studies show very strikingly that this is not so, and that some words are much more useful than other.*"

Penguasaan 2000 perkataan berfrekuensi tinggi dipersetujui oleh ramai pengkaji sebagai jumlah minimum yang perlu dikuasai oleh penutur bahasa kedua/asing. Jumlah ini adalah had yang perlu dilepasi oleh pelajar bagi melayakkan diri untuk mengikuti pengajian di peringkat tinggi (Nation, 2001; Schmitt, 2000; Meara, 1996; Hwang & Nation, 1995). Dengan penguasaan ini, lapan daripada sepuluh perkataan yang ditemui dalam sesuatu interaksi bahasa difahami maksudnya dan ia membantu kefahaman.

### Pengukuran Saiz Kata Penutur Bukan Jati

Pelajar atau penuntut yang terdiri dari penutur bukan jati disaran untuk menguasai sebanyak mungkin perkataan. Beberapa jam perlu diperuntukkan setiap hari untuk pembelajaran kata, khususnya di peringkat awal pembelajaran bahasa kedua atau asing. Malah peruntukkan masa sebanyak 15 minit sehari dikatakan relevan untuk membina asas linguistik yang kukuh bagi penguasaan bahasa pada masa hadapan (Dominican University of California, 2017).

Ujian merupakan satu mekanisme yang sering digunakan bagi mendapatkan maklumat dan menilai penguasaan bahasa pelajar. Ujian khusus terhadap aspek kata sangat bermanfaat untuk guru dan pelajar. Dari perspektif pelajar, ujian ini mampu menjelaskan matlamat pembelajarannya serta memberikan isyarat kepada mereka bahawa tumpuan perlu diberikan kepada aspek ini secara eksplisit. Bagi guru, keputusan ujian membantu mereka mengenal pasti penguasaan pelajar dalam pembelajaran semasa (Ivana, 2009).

Ujian kata ditadbir dengan pelbagai matlamat. Ia boleh dilaksanakan dengan tujuan menilai kefahaman asas pelajar terhadap kata sama ada dalam bentuk bertulis mahupun pertuturan, makna, perkataan aktif, perkataan pasif, kolokasi, derivasi dan sebagainya (Ivana, 2009). Jenis ujian kata perlu dipelbagaikan bagi mendapatkan dimensi yang menyeluruh dalam aspek penguasaan kata. Ujian penentuan saiz kata sangat signifikan dengan diagnostik. Ujian kata boleh digunakan untuk tujuan mengenal pasti tahap kecekapan dan penguasaan bahasa seseorang. Apatah lagi saiz kosa kata telah dibuktikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kecekapan bahasa (Abdul Razif, 2015). Ujian ini boleh dilakukan pada permulaan sesuatu tahap pembelajaran atau di akhir sesuatu sesi pengajian (Thornbury, 2002).

## Dapatan Kajian

Umumnya, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa saiz kosa kata pelajar secara purata melepas jumlah minimum kata yang disyorkan oleh beberapa pengkaji iaitu pada jumlah 2000 perkataan. Namun, penelitian terhadap aspek saiz menunjukkan hanya beberapa individu sahaja yang mencapai tahap saiz kata menepati kriteria yang ditentukan oleh para sarjana.

### Saiz Kosa Kata Arab Pelajar Indonesia

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa secara purata, setiap pelajar Indonesia menguasai 679 perkataan daripada kelompok 1000 kata pertama, 624 perkataan daripada kelompok 1000 kata kedua dan 502 perkataan daripada kelompok 1000 kata ketiga. Data menunjukkan penurunan saiz kata yang konsisten dengan peningkatan tahap kata. Data ini juga menjelaskan bahawa purata perkataan yang dikuasai oleh pelajar secara keseluruhannya adalah 1806 kata dari 3000 kata berfrekuensi tinggi yang diuji.

Bagi memperoleh interpretasi yang lebih tepat berkaitan penguasaan kata, data yang diperolehi disusun mengikut kriteria penguasaan. Kriteria penguasaan ditentukan pada skor 16 dan ke atas menggunakan simbol (+). Dengan kata lain, pelajar yang mendapat skor 16 dan ke atas dianggap telah menguasai tahap tersebut. Skala ini juga menjelaskan bahawa pelajar tidak akan melepas tahap kata berfrekuensi rendah tanpa melepas tahap kata berfrekuensi tinggi terlebih dahulu. Ia juga boleh juga disimpulkan bahawa skor pelajar adalah lebih tinggi pada tahap kata yang berfrekuensi tinggi berbanding tahap kata yang berfrekuensi lebih rendah dan taburan ini dianggap sebagai menepati skala implikasi yang sempurna (*implicational scale*). Jadual berikut dipersembahkan dalam bentuk analisis skalogram Guttman seperti yang dicadangkan oleh Read (2000).

Jadual 1. 1: Saiz Kosa Responden Indonesia Berpandukan Skala Implikasi Sempurna (Perfect Implicational Scale)

No	ID Responden	Tahap Kosa Kata	Saiz Kata Dikuasai		
		1K	2K	3K	
1	25	18 (+)	18 (+)	18 (+)	3k

2	18	18 (+)	18 (+)	17 (+)	3k
3	40	18 (+)	17 (+)	18 (+)	3k
4	35	17 (+)	16 (+)	18 (+)	3k
5	14	16 (+)	16 (+)	17 (+)	3k
6	42	18 (+)	17 (+)	15	2k
7	2	16 (+)	17 (+)	10	2k
8	23	16(+)	15	18 (+)	2k
9	45	16 (+)	15	16 (+)	2k
10	16	17 (+)	17	15	1k
11	20	17 (+)	14	6	1k
11	5	17 (+)	15	9	1k
12	1	15	17(+)	15	1k
13	3	17 (+)	12	12	1k
14	34	13	17 (+)	7	1k

Berdasarkan data di atas, dapat dijelaskan bahawa lima orang pelajar Indonesia telah menguasai saiz kata 3K yang memberikan isyarat bahawa ia melepas syarat minimum 2000 perkataan telah dikuasai. Jumlah ini mewakili 13% daripada keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian. Manakala empat orang pelajar yang mewakili 9% daripada keseluruhan responden telah mencapai saiz kata 2K dan 6 orang mewakili 13% memiliki saiz 1k. Manakala 65% responden yang selebihnya tidak menguasai mana-mana kelas kata yang ditentukan dalam kajian.

### Saiz Kosa Kata Pelajar Malaysia

Dapatan yang diperolehi juga menjelaskan bahawa secara purata, setiap pelajar Malaysia menguasai 806 perkataan daripada kelompok 1000 kata pertama, dan 729 perkataan daripada kelompok 1000 kata kedua dan 697 kata daripada kelompok 1000 kata ketiga. Data menunjukkan penurunan saiz kata yang konsisten dengan peningkatan tahap kata. Data ini juga menjelaskan bahawa purata perkataan yang dikuasai oleh pelajar secara keseluruhannya adalah 2223 kata.

Jadual 1. 2: Saiz Kata Responden Pelajar Malaysia Berpandukan Skala Implikasi Sempurna (Perfect Implicational Scale)

No	ID Responden	Tahap Kosa Kata			Saiz Kata Dikuasai
		1K	2K	3K	
1	02	17 (+)	16 (+)	17 (+)	3k
2	23	17 (+)	16 (+)	18 (+)	3k
3	26	16 (+)	17 (+)	18 (+)	3k
4	17	17 (+)	16 (+)	15	2k
5	24	16 (+)	16 (+)	15	2k
6	08	17 (+)	15	16 (+)	2k
7	30	17 (+)	17	17 (+)	2k
8	03	15	16 (+)	16 (+)	2k
9	01	18 (+)	14	15	1k
10	07	18 (+)	15	12	1k
11	18	16 (+)	13	12	1k
11	21	17(+)	15	15	1k
12	25	16 (+)	15	15	1k
13	28	18 (+)	15	15	1k

Seperti sebelumnya, data di atas diperolehi dengan menyusun semula responden kajian berdasarkan keputusan tertinggi yang dicapai mengikut tahap 1000 kata dan seterusnya. Kriteria penguasaan kemudiannya ditentukan pada skor 16 dan ke atas menggunakan simbol (+). Dengan kata lain, pelajar yang mendapat skor 16 dan ke atas dianggap telah menguasai tahap tersebut. Skala ini juga menjelaskan bahawa pelajar tidak akan melepasii tahap kata berfrekuensi rendah tanpa melepasii tahap kata berfrekuensi tinggi terlebih dahulu. Ia boleh juga disimpulkan bahawa skor pelajar adalah lebih tinggi pada tahap kata yang berfrekuensi tinggi berbanding tahap kata yang berfrekuensi lebih rendah dan taburan ini dianggap sebagai menepati skala implikasi yang sempurna (*implicational scale*).

Berdasarkan data di atas, dapat dijelaskan bahawa hanya terdapat 14 orang pelajar telah menguasai saiz kata 1K yang memberikan isyarat bahawa 1000 perkataan telah dikuasai. Jumlah ini mewakili 31% daripada keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian. Sebanyak 6 orang daripada mereka menguasai saiz kata 2k dan begitu juga saiz kata 3k yang masing-masing mewakili 13% dari jumlah keseluruhan. Daripada jumlah ini 5 orang menguasai kata berdasarkan skala implikasi sempurna dan dikenal pasti mempunyai keupayaan penguasaan kata yang baik.

## Perbandingan Saiz Kosa Kata Antara Pelajar Malaysia dan Indonesia

Perbandingan yang dibuat ke atas data yang diperolehi memberikan isyarat bahawa permasalahan yang dihadapi dari kedua-dua buah negara yang dikaji adalah signifikan. Dengan kata lain, penuntut bahasa Arab di Malaysia dan Indonesia berhadapan masalah penguasaan kata yang hampir sama.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah kosa kata yang dimiliki oleh penuntut dari Malaysia dan Indonesia berada sekitar 1806 hingga 2223 perkataan. Dari sudut purata jumlah kata yang dikuasi, penuntut Malaysia mendahului penuntut dari Indonesia secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, sekiranya penguasaan saiz kata dilihat secara individu dan berdasarkan kriteria penguasaan, penuntut Indonesia mendahului penuntut Malaysia. Jika penguasaan minimum saiz kata ditentukan pada sekurang-kurangnya penguasaan pada tahap 2k, jumlah penuntut Indonesia yang menguasai tahap ini nyata lebih ramai. Jumlah penuntut Indonesia yang menguasai saiz 2k ke atas berjumlah sembilan orang berbanding hanya lapan orang bagi penuntut Malaysia. Walaupun jumlahnya tidak jauh berbeza, namun penelitian secara rapi menunjukkan bahawa penuntut Indonesia yang menguasai ketiga-tiga saiz kata diuji lebih ramai iaitu lima orang berbanding hanya tiga dari Malaysia.

## Perbincangan

Dapatan kajian yang diperolehi mengesahkan senario yang dilapor oleh kebanyakan kajian terdahulu. Kekurangan kosa kata yang menjadi salah satu punca kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab sangat perlu diberikan perhatian sewajarnya (lihat Ab. Halim et. al, 2010; Abdul Rahman, 2009; Wan Mohd Abrisam, 2002; Dahab, 1999; Hawatemeh, 1999; Ismail, 1999; Rusniza, 1998; Hamzah, 1997; Tarmizi, 1997; Ahmad Fikri, 1995; Sohair, 1990).

Data statistik yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah kosa kata bahasa Arab bagi pelajar Indonesia secara purata berada dalam lingkungan 1202 patah perkataan, manakala jumlah kosa kata bahasa Arab bagi pelajar Malaysia secara purata berada dalam lingkungan 2223 patah perkataan. Jumlah kata yang dikuasai oleh pelajar di kedua-dua buah negara melepasii had minimum yang ditentukan sarjana secara kelompok (Meara, 2001; Nation, 2001; Schmitt, 2000; Read, 2000 & Carter, 1998), namun secara individu tidak ramai yang melepasii tahap tersebut

khususnya jika skala implikasi sempurna dijadikan instrument dalam penentuan penguasaan kata secara individu. Majoriti pelajar sama ada dari Indonesia maupun dari Malaysia masih belum mencapai tahap 2000 perkataan dan dijangka kurang berkemampuan untuk mencapai had kecekapan umum bahasa (Meara, 2001; Nation, 2001) khususnya dalam aspek pertuturan.

Saiz kosa kata pelajar mempunyai hubungan langsung dengan kecekapan pertuturannya. Saiz kata pelajar berkorelasi secara signifikan dengan kecekapan lisan pelajar dan aras positif menunjukkan apabila saiz kata pelajar meningkat kecekapan lisan mereka juga bakal meningkat (Llach & Gallego, 2009; Staehr, 2009; Read, 2000; Nation, 2001; Meara, 1996; Laufer, 1996, 1998). Jika perkara ini diambil kira, maka apa yang boleh disimpulkan adalah keupayaan dan penguasaan pelajar di kedua-dua buah negara dalam aspek kemahiran berhadapan isu penguasaan. Ia memberikan isyarat yang cukup jelas bahawa aspek penguasaan kata perlu dibangunkan secara holistik.

Jadual 1.3: Peratusan Kefahaman Terhadap Teks Berasaskan Saiz Kata (Nation, 2001)

Tahap	Komunikasi	Fiksyen	Akhbar	Teks Akademik
1K (1000 kata berfrekuensi pertama)	84.3%	82.3%	75.6%	73.5%
2K (1000 kata berfrekuensi kedua)	6 %	5.1 %	4.7 %	4.6 %
Kosa kata Akademik	1.9 %	1.7 %	3.9 %	8.5 %
Lain-lain	7.8 %	10.9 %	15.7%	13.3%

Pelajar yang mempunyai saiz kosa kata yang tinggi juga mempunyai keupayaan untuk memahami setiap perkataan yang didengarinya. Semakin tinggi saiz kata yang dimiliki, maka semakin besar liputan kefahamannya terhadap perkataan dan ungkapan yang didengar, seterusnya memberikan refleksi yang baik dalam komunikasi. Penguasaan sekurang-kurangnya pada tahap 2K (kata berfrekuensi tinggi) akan membekalkan 84.3% liputan kefahaman terhadap teks berbentuk lisan dan ia menjamin interaksi bahasa yang baik (Nation, 2001).

## Penutup

Dapatan ini memberikan isyarat bahawa saiz kosa kata pelajar mempunyai keperluan untuk dibangunkan khususnya sebelum graduasi. Pembangunan saiz kosa kata pelajar dilihat meningkatkan keyakinan sekaligus membangunkan kecekapan berbahasa mereka. Faktor linguistik dan psikologi yang mengiringi penguasaan saiz kosa kata seperti dijelaskan Meara (2001) dilihat mampu dimanfaatkan dalam proses seterusnya iaitu perluasan kosa kata.

Saiz kosa kata bukanlah penentu mutlak bagi penguasaan kemahiran bahasa, namun, saiz kosa kata dan keupayaan menggunakan kata menjadi intipati dalam penguasaan bahasa itu sendiri. Dalam konteks kemahiran bertutur, pelajar mempunyai keutamaan membangunkan saiz kosa kata dan ia perlu disertai dengan keupayaan menggunakanannya dengan baik dalam situasi-situasi komunikasi. Begitu juga dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Bagi tujuan pembangunan saiz kosa kata, pelajar disarankan untuk memperoleh sebesar mungkin perkataan dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu aspek kecukupan, tahap kerelevan kata dan keupayaan mengguna kata yang dikuasai (Taemah, 2005; Sutarsyah, Nation & Kennedy, 1994). Pelajar-pelajar di Nusantara berhadapan isu yang sama dan ia perlu ditangani khususnya bagi mempersiap pelajar dengan saiz kata yang relevan sebelum mereka bergraduasi.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri., Nik Mohd Rahimi., Zawawi., Mohd Aderi., Kamarulzaman. & Zulkifli, Abu Khufafah. (2010). Kajian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa arab di sekolah-sekolah menengah di bawah kementerian pelajaran malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abd al-Bari & Maher Sya'ban. (2011). *Ta'lîm al-mufradat al-lughâiyât*, Amman: Dar al-Masirah.
- Abdul Razif Zaini. (2015). Penguasaan kosa kata bahasa arab dalam kalangan pelajar melayu di peringkat kolej universiti, PhD thesis, University of Malaya.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 325-337.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *AJTLHE*, Vol. 2, No. 2.
- Baalbakiy & Ramzi Munir. (1990). *Dictionary of linguistic terms: English – Arabic with sixteen Arabic glossaries*. Beirut: Dar el-Ilm Lilmalayin.
- Carter, Ronald. (1998). *Vocabulary applied linguistic perspectives*. Second Edition, London and New York: Routledge.
- Dominican University of California, (2017). Five Tips for Improving Student Vocabulary, Dipetik dari <https://dominicanaonline.com/classroom-management/5-tips-improving-student-vocabulary/> [10/07/2020].
- Farid M. Onn, H. H. (1996). *Tatabahasa dewan: edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goulden, R., Nation, I.S.P. and Read, J. (1990). *How large can a receptive vocabulary be? Applied Linguistics* 11, 4: 341-363. Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1990> [10/06/ 2014].
- Harun, B. & Zawawi, I. (2014). Aspek saiz dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Majlis Ugama Islam Sabah.
- Hawatemeh & Ahmad Hassan Raja. (1999). *Factors Influencing The Effectiveness Of Teaching Arabic As Foreign Language at The Federal Government Islamic Higher Secondary Schools in the State of Selangor, Malaysia*. (Disertasi). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hwang, K. & Nation, I.S.P. (1995). *Where would general service vocabulary stop and special purposes vocabulary begin*. System 23, 1: 35-41 Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1990> [10/06/ 2014].
- Ivana, P. (2009). *Testing vocabulary*. Masaryk University Brno.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Llach, M. P. A., & Gallego, M. T. (2009). Examining the relationship between receptive vocabulary size and written skills of primary school learners. *Atlantis* (0210-6124), 31(1).
- Laufer, B. (1996). The lexical threshold of second language reading comprehension: what it is and how it relates to L1 reading ability. *Approaches to second language Acquisition*, 55-62.
- Laufer, B. (1998). The development of passive and active vocabulary in a second language: same or different?. *Applied Linguistics*, 19/2, 255-271.
- McCarthy, M. (1992). *Vocabulary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- McKeown, M. G., & Beck, I. L. (2004). *Direct and rich vocabulary instruction*. Vocabulary Instruction, (eds) J. F. Baumann and E. J. Kame'enui, 13-27. New York: Guilford Press.
- Meara, PM (2001). *The importance of an early emphasis on L2 vocabulary*, Dipetik dari <http://www.jalt-publications.org/tlt/files/95/feb/meara.htm> [26/05/2014].

- Meara, PM (1996). The Dimensions of Lexical Competence. This paper first appeared in: G Brown, K Malmkjaer & J Williams (eds.) *Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press. 35-53.
- Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2012). Permasalahan pengajaran nahu bahasa arab kepada pelajar sarjana muda sains serta pendidikan (pengajian Islam) UTM in *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* at Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi on 26 March 2003, pp. 1-12.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 117 Volume 14(1), February 2014 ISSN: 1675-8021 <http://jurnalarticle.ukm.my/7003/1/3374-13531-1-PB.pdf>.
- Nation, I.S.P. (1990). *Teaching and learning vocabulary*. New York: Newbury House.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nation, I.S.P. (1983). *Testing and teaching vocabulary. Guidelines* 5, 1: 12-25. Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1980> [10/10/2011].
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat & Nurazan Mohammad Rouyan, (2014). Analisa kelemahan kemahiran menulis bahasa arab dalam kalangan pelajar UNISZA. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA • ISBN 978-967-5478-78-9
- Pringprom, P., & Obchuae, B. (2011). Relationship between vocabulary size and reading comprehension. *Proceeding 2nd International Conference of The Foreign Language Learning and Teaching*.
- Read, J. (2000). *Assesing vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Said Deraman. (2006). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab berbantukan komputer: persepsi guru-guru bahasa Arab di daerah Hulu Langat*. (Disertasi). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in language teaching*. United States of America: Cambridge University Press.
- Staehr Lars Stenius. (2009). Vocabulary knowledge and advanced listening comprehension in English as a foreign language. *Studies in Second Language Acquisition*, 31, pp 577-607 doi:10.1017/S0272263109990039
- Supratman. (2019). *Problematika pembelajaran bahasa Arab pada siswa kelas XI Ma Hidayatullah Dasan Sari Mataram tahun pelajaran 2019/2020*. Disertasi Sarjana Universitas Islam Negeri (UIN) Mataram.
- Sutarsyah, C., Nation, I. S. P. & Kennedy, G. (1994). How useful is EAP vocabulary for ESP? a corpus based case study. *RELC Journal* 25, 2: 34-50.
- Thornbury, S. (2002). *How to teach vocabulary*. England: Longman.
- Ta'emah, Rushdee. (2005). *al-Kitab al-Jami'iyy, Mauqi'uh wa Ma'ayiruh wa Musykilatuh*. al-Qahirat.
- Zaky Baisa. (2015). *Problematika linguistik dan non-linguistik pembelajaran bahasa Arab di MA Darul Ulum Muhammadiyah Galur Kulon Progo Yogyakarta*. Disertasi MA. Universiti Sunan Kalijaga, Yogyakarta.

## BAB 14

### الدراسة الوصفية في التوظيف النحوي

محمد نور بن حسين<sup>١</sup>

<sup>١</sup> الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنجر

#### المقدمة

النحو العربي يتضور تطويراً جلياً، والباحثون والدارسون المحدثون يهتمون بالجانب التوظيفي أو التطبيقي أكثر من الجانب النظري؛ حيث ينطلق هذا الاهتمام من محاولة النحاة المحدثين تحديد النحو العربي وتسويقه، وتقديم النحو العربي بوصفه وسيلة ليست غاية؛ أي دراسة النحو ليست لأجل النحو ذاته، بل لخدمة العلوم الأخرى. ومن المستحسن، الإشارة إلى مفهوم النحو وأهدافه وتطوراته بشكلٍ مختصرٍ قبل الحديث عن التوظيف النحوي.

#### مفهوم النحو وأهدافه

قد وردت تعريفات كثيرة للنحو العربي، ومنها ما تناولها الإمام السيوطي (١٩٩٨م) في كتاب الاقتراح، مثل التعريف للفرغاني (٤٢٠هـ):<sup>١</sup> "النحو صناعة علمية ينظر لها أصحابها في ألفاظ العرب من جهة ما يتآلف بحسب استعمالهم لتعرف النسبة بين صيغة النظم، وصورة المعنى فيتوصل بإحداثها إلى الأخرى"، والتعريف للريعي (٤٢٠هـ):<sup>٢</sup> "صناعة علمية يعرف بها أحوال كلام العرب من جهة ما يصح ويفسد في التأليف ليعرف الصحيح من الفاسد".

وهناك تعريفات أخرى، وهي "دراسة العلاقات بين الأبواب النحوية ممثلة في الكلمات التي تستعمل في النص" (حنفي، ٢٠٠٤م)، أو "علم يبحث فيه عن أحوال أواخر الكلم إعراباً وبناءً، وموضعه الكلم العربي من حيث ما يعرض له من الإعراب والبناء" (حماسة عبد اللطيف، ٢٠٠٠م)، أو أنه "هو العلم بالأحكام النحوية الجزئية المستنبطة من أدلةها التفصيلية" (السعدي، ٢٠٠٩م).

وهناك مفهوم آخر يعدّ حديثاً يتجه إلى القول بأنه العلم بالقواعد التي يعرف بها أحكام أواخر الكلمات العربية في حالة تركيبها من حيث الإعراب والبناء. وذلك في ضوء موقعها من الجملة، نتيجة العوامل الدالة

<sup>١</sup> هو أبو سعيد كمال الدين بن مسعود الفرغاني (٤٢٠هـ).

<sup>٢</sup> هو أبو الحسن علي بن عيسى بن الفرج الريعي (٤٢٠هـ).

عليه. وهذا ما اصطلح عليه العلماء حديثاً (عبد الغني،...). وتشتمل القواعد النحوية على معانٍ الأنماط البنوية، واللواحق التصريفية، والمورفيمات الاشتقة (نور عزلينا، ٢٠١١م). كما تتسم بالموضوعية والشمول والتماسك بعنصرٍ: عدم التناقض والتتصنيف (قام حسن، ١٩٨١م).

ويرشد النحو العربي إلى الكتابة الصحيحة والكلام الصحيح، بل يوضع علم النحو العربي ليس هادفاً إلى معرفة الصواب والخطأ في ضبط أواخر الكلم أو متجنبًا سوء الاستخدام اللغوي فقط؛ بل معرفة المعانٍ الخفية الجمالية، ومعرفة أسرار التركيب القرآني، وكل هذا يقتضي تمييز التراكيب بعضها من بعض ومعرفة خصائصها وأكتناء أسرارها.

ويرى أحمد شيخ (٢٠٠٦م) أن علم النحو العربي يؤدي وظيفتين رئيسيتين؛ أولاً: تمييز الجمل الصالحة نحوياً المتواقة مع القاعدة النحوية للغة معينة عن تلك الجمل غير الصحيحة نحوياً المخالفة لهذه القاعدة، وثانياً: تقديم وصف لكل الجمل المتواقة مع القاعدة وتبيين أساليب نطقها، وتركيبها، ودلائلها، والعلاقات القائمة بين مكوناتها.

واستنتج الباحث مما تقدم ذكره، أن دراسة النحو العربي ليست غاية في ذاتها فقط، بل هي وسيلة ضرورية لأهداف علمية تطبيقية كثيرة، منها لإتقان المهارات القرائية والاستماعية والتعبيرية ولخدمة العلوم الدينية الأخرى. فهي لم تكن علمًا مستقلًا عن اللغة وتطبيقاتها، بل هي من صلبها وأساسها (نایف معروف، ...).

## دراسة النحو العربي

تناول دراسة النحو العربي مجالين؛ أولاً: نظام الجملة؛ ويشمل حد الجملة، ودراسة كيفية تأليفها، وأنماطها، وأحوالها، وترتيب العناصر فيها وصور العلاقة بينها، وما يعرض لهذه العناصر من التقديم والتأخير والمحذف، وما يتعرض لها من الاستفهام والتعجب وغيرهما. وثانياً: نظام الإعراب؛ إذ انطلق النحاة في النظر إلى طبيعة العلاقة بين عناصر الجملة على أساس من نظرية العوامل التي أسهمت، بشكل واضح، في تكوين الإطار العام الذي قدمت من خلاله أشكال الجملة في العربية (حنفي،...).

وترتبط دراسة النحو العربي بالأسس المعينة كما أشار إليها تمام حسان في كتاب اللغة العربية معناها ومبناها، وهي أولاً: طائفة من المعانٍ النحوية العامة التي يسمونها معانٍ الجمل والأساليب، وثانياً: مجموعة من المعانٍ النحوية الخاصة أو معانٍ الأبواب المفردة كالفاعلية والمفعولية والإضافية وغيرها، وثالثاً: مجموعة من العلاقات التي تربط بين المعانٍ الخاصة حتى تكون صالحة عند تركيبها لبيان المراد منها، كعلاقة الإسناد، والتخصيص، والنسبة، والتبعة، وهي في الحقيقة قرائن معنوية. ورابعاً: ما يقدمه علم الصوتيات والصرف لعلم النحو قرائن صوتية أو صرفية كالحركات والحروف ومباني التقسيم ومباني القرائن اللفظية. وخامساً: القيم الخلافية أو المقابلات بين أحد أفراد كل عنصر مما سبق وبين بقية أفراده (قام حسان، ٢٠٠١م).

## التوظيف النحووي

ينطلق توظيف النحو من نتائج التطور والتجدد في النحو العربي، إذ يتعرض النحو العربي للتطور والتجدد في دراسته، فيدرس ليس لأجل ذاته، بل لأغراض خاصة أو علمية أخرى، مثل دراسة النحو للدراسات الإسلامية، أو لأغراض اتصالية، أو سياحية، أو غيرها. ويُعرف هذا النوع من دراسة النحو أيضاً بالنحو التطبيقي. (بيبية، ٢٠١٢م)

والتوظيف النحووي لا ينظر إليه على أنه علم نظري، بل هو منهج تدريس عملي، كما لا ينبغي أن يفهم على أنه تكديس لأشكال وقواعد منعزلة، قلت أو كثرت، بل إرشاد للاستعمال الصحيح وفهم اللغة ويقوم على أساس الوصف للغة المستعملة، وبهذا المعنى يتغير حسب الاستعمال. وكذلك، أن التوظيف النحووي يدلّ على مجموعة من العناصر المهمة لتفسير الكلام منها، والعلاقة بين المشاركين في التفاعل وسياق الكلام ووقت الحدث، كما أنه يعين على استعمال الألفاظ والجمل والعبارات استعمالاً صحيحاً سليماً (بيبية، ٢٠١٢م).

والمنهج الحديث للدرس اللغوي، يقدم مهمة النحو على أنه بحثٌ ليس فقط في خواص الجملة من كيفية تأليف كلماتها، و موقف كل كلمة فيها من الأخرى؛ بل في الواقع والسياقات من حيث الوظيفة. كما يعترف المنهج بالاستقراء، لا بالقياس، فيؤدي الاستقراء إلى الملاحظة العامة لما يستقرأ، ونتيجة ذلك تخفيفٌ كثيرٌ من حد الأقىسة التي فرضت سلطانها في دراسة النحو، مقابل الاستنباط الذي ينبغي أن يأخذ به التأليف المعاصر. ويهتم المنهج بالبحث في اللغة عن الشكل والوظيفة المستنبطة بالفعل لا المتخيلة في العقل (محمد عيد، ١٩٨٩م).

## تطور التوظيف النحووي

ينطلق تطور التوظيف النحووي من تيسير النحو وتجديده. ولكن، رأى الباحث أن الحديث عن التيسير والتجدد في النحو، فمن المستحسن الرجوع إلى الدراسة النحوية قديماً قبل الحديث عن تطور دراستها حديثاً، فاكتشف أكّها تكتمّ بالجانب الفلسفـي؛ مما جعل أبحاث النحو ودراساته تُبعـد شيئاً فشيئاً عن الغرض الذي تخدمـه، كما حدث هجرانٌ بين النحو واللغـة، فدارت الدراسات النحوـية حول نفسها تستقـي مادتها من الذهـن لا من اللـغـة، ومن الفلـسفة العـقلـية لا من الواقع، ومن الشواهد المتجمدة لا من بحوث ميدانية قوامـها الاستـقراء والمـتابـعة، ومن المصادر التي تعتمـد على القياس والافتراضـات لإخضـاع الأمـثلـة طـوعـاً أو كـرـهاً لا من ملاحظـة النـاطـقـين بالـلـغـة واستـعمـالـهم لها ومـتابـعة ذلك بالـدرـاسـات المـتطـورة (محمد عـيد، ١٩٨٩م).

تعرض النحو العربي إلى التيسير والتجدد لما رأاه النحـاة المـحدثـون للمـؤـلفـات النـحوـية الـقـديـمة؛ حيث إنـها تـُعـد مـعـقدـةً وعـسـيرـةً، فـيـعـذـرـ على الدـارـسـين -ـفيـ الزـمـنـ الـحـاضـرـ- الـاستـفادـةـ منهاـ لـماـ تـضـمـنـتهـ التـمـرـينـاتـ وـالـخـلـافـاتـ وـالـشـروحـاتـ الـتـيـ قدـ تـشـلـكـ فيـ جـدوـاـهـاـ منـ نـاحـيـةـ أـخـرىـ (حنـفيـ، ٢٠٠٠م). فـبـدـأـتـ مـحاـولةـ التـيسـيرـ بـظـهـورـ المـختـصـراتـ وـالـمـيسـراتـ الـكـثـيرـةـ فيـ النـحوـ،ـ مـثـلـ:ـ المـختـصـرـ الصـغـيرـ لـلـكـسـائـيـ،ـ وـمـختـصـرـ النـحوـ لـلـجـرمـيـ،ـ وـالتـيسـيرـ فيـ

اللغة والنحو لابن مقسم، وغيرها. وهذه استجابةً للرغبة الحقيقة لل المتعلمين والناطقين للغة أن يجدوا لديهم ما يمكنهم أن يفهموه ويستخدموه من مسائل النحو لخدمة اللغة بعيداً من التعقيد والاضطراب (محمد عيد، ١٩٨٩م).

والملاحظ كذلك، أُلْفَت الكتب المعاصرة العديدة في علم النحو معالجةً لهذه الصعوبات؛ إلا أن بعضها جاء مختصرًا، والآخر انطلق من منطلق تعليمي مبسط، فما زالت لا تشع حاجات الباحثين أو الدارسين المتقدمين. كما نبه إليه شوقي ضيف (١٩٩٣م): "ولعل في كل ما قدمت ما يوضح المنهج أو المسلك الذي أتبعه الأسلام في تيسير النحو على الناشئة وتعليمها لها تعليماً يسراً ويرفع العقاب والصعاب منه، فقد دأبوا منذ القرن الثاني الهجري إلى العصر الحديث يضعون في النحو مختصرات ومتوناً موجزةً يستخلصون فيها من مطولاً قواعده الأساسية".

وفي هذا العصر الحديث، جاءت الدعوة إلى تيسير النحو العربي وبتحديثه بشكل مركزي وأكثر وضوها، وقد اهتم إبراهيم مصطفى بهذه الدعوة والمحاولة، كما ورد قوله عند رمضان عبد الله (٢٠٠٠م): "أطمع إلى أن أغير منهج البحث اللغوي للغة العربية، وأن أرفع عن المتعلمين أثر هذا النحو وأبدلهم منه أصولاً سهلةً يسيرةً تقرره من العربية، وتحديثهم إلى حظ من الفقه بأساليبها".

ولذلك، أنشئت دار العلوم والجامعات المختلفة لخدمة اللغة وعلومها آتيةً بأمامط من التجديد في النحو؛ بتحديث تمثّل في تقريب النحو وتيسيره وتخلصه من الجدل اللغطي، وبتحديث تمثّل في اصطناع طرق التربية وسبل البيان والعرض، وبتحديث تمثّل في تغيير مناهج البحث النحوي وطرق رسم القواعد (أيوب، د.ت.). ويؤدي هذا التيسير إلى التدرج في التطبيق لأبواب النحو ووسائله تراعي مستويات متعددة للمتخصصين في اللغة، ثم المحتاجين إليها في حياتهم العلمية في الفروع الإنسانية الأخرى.

وهناك مبادئ أو أصول في دراسة حديثة في النحو العربي، وهي أولاً: النحو هو قانون تأليف الكلام وبيان ما يجب أن تكون عليه الكلمة في الجملة، والجملة مع الجملة حتى تنسق العبارة ويمكن أن تؤدي معناها، وثانياً: إن النحو المنشود يرتبط أشد الارتباط بنظرية النظم عند البرجاني، وحيث على الأخذ بها وبخاصة علم المعانى الذي فصلوه عن النحو فصلاً أزهق روح الفكرة وذهب بنورها، وثالثاً: إن الدرس النحوي يتضمن تبويهاً جديداً يجمع المعنى في إطاره ما كان مشتتاً، ومثل ذلك بالنفي والتوكيد، وغيرها (رمضان، ٢٠٠٠م).

ومن هذا المنطلق يرى الباحث أن دراسة النحو وربطه بالعلوم الأخرى يدخل من ضمن المحاولات المبذولة في تجديد تعلم النحو وتعلمه وتيسيرهما؛ لأنّ التوظيف النحوي قد تختلف من سياق إلى سياق آخر طبقاً للنظام العلمي المعين، وربط النحو العربي بالعلوم الأخرى يقدم تطبيقاً عملياً لهذا الفن.

إضافةً على ما سبق الذكر، لابد للنحو العربي أن تكون وظيفته تتفق مع الواقع والدراسات الأخرى لغوية وغير لغوية. ومهمة الباحث أن يعرف كيفية قيام العلاقات بين الكلمات في الجملة والسياق أو العرف أو الواقع في معرفة الوظائف النحوية. وفي هذا الصدد، نبه محمد عيد (١٩٨٩م) إلى أمرتين مهمتين، هما: الصيغة،

والموقع، كما في قوله: "ويفهم أداء الكلمات لوظيفتها النحوية من شيئين: أحدهما يختص بالكلمة وهو صيغتها، والآخر يختص بوجودها في الجملة وهو موقعها".

وبالنسبة إلى اهتمام النحاة بال نحو الوظيفي في العلوم الأخرى مثل القرآن الكريم، أو الحديث الشريف، أو الفقه؛ فهو وفقاً لمبدأ النحو العربي الذي يعده أنه أساس ضروري لكل دراسة العلوم العربية والإسلامية، نحو الدراسات الشرعية واللغوية والأدبية والإنسانية وغيرها (حنفي، ٢٠٠٠م)، ولذلك يجد الباحث المؤلفين الكثيرين حديثاً يأتون بالنصوص القرآنية ذات الصلة المباشرة بتلك العلوم أو الدراسات بغية الانتقال بالدارسين إلى القواعد المطبقّة على النصوص مع تقديم التدريبات التطبيقية على القواعد المدرّسة.

### تطبيقات التوظيف النحوي نموذجاً

كما تقدم الذكر، لا يظهر النحو العربي التراخي لأجل ذاته فقط، كما لا ينحصر في كتب اللغة فقط، بل تأتي مناقشته في الكتب غير اللغة مثل تفاسير القرآن وشرح الحديث وكتب الفقه والأدب وغيرها. ويدرس الباحث بعض الأمثلة الوظيفية الموجبة للنحو العربي من الدراسات والمؤلفات المتعلقة بشتى العلوم الإسلامية غير كتب اللغة العربية. وهذا العرض سيكون برهاناً على أداء النحو العربي وظيفته العلمية المتنوعة كما أفاد به العلماء الأجلاء. وتم ترتيب هذا البحث بدايةً من حروف المعاني، والمركبات، والجمل، وينتهي بالظواهر التركيبية.

وقد اختار الباحث موضوعات نحوية مؤثرة في الدلالة واللفظ، وبحث توظيفها، ودراستها، وتطبيقاتها في خارج الكتب اللغوية النحوية؛ بل خصّها بالكتب الشرعية، مثل: فتح الباري للعسقلاني، وكتاب النور في شرح التونية لعبد العزيز الثميني، ومحظوظات ابن تيمية، وغيرها.

#### أ) تطبيقات النحو الوظيفي من حروف المعاني

وردت حروف المعاني في الكتب الشرعية والعلمية غير اللغوية والنحوية، بل أنها قد تؤثر على دلالات الجملة وأحكامها. وتتنوع حروف المعاني في اللغة العربية إلى أنواع كثيرة، معظمها تؤدي وظائف نحوية لأغراض علمية، ولاسيما الأحكام الشرعية، ومنها حروف الجر، وحروف العطف وغيرها.

##### أولاً: حروف الجر

ومن حروف الجر التي تؤدي معاني وظيفية في الأحكام الشرعية، هي: (إلى)، و(الباء)، و(حتى)، و(اللام)، و(من)، وغيرها (السعدي، م.).

### ١) حرف الجر (إلى):

جاء هذا الحرف للدلالة على انتهاء الغاية الزمانية نحو ﴿ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ﴾ (البقرة: ١٨٧)، وانتهاء الغاية المكانية نحو ﴿فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَاقِقِ﴾ (المائدة: ٦)، ومعنى (مع) نحو ﴿مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ﴾ (الصف: ١٤). وقد اختلف النحاة فيما يتعلق بدخول ما بعد (إلى) على ما قبلها في قوله ﴿إِلَى الْمَرَاقِقِ﴾، ومنهم من يرى أنه يدخل مطلقاً، والبعض الآخر يرى أنه لا يدخل، وهناك رأي آخر كما رأه الأسنوي وهو إن كان من جنس ما قبله فيحتمل الدخول (الأسنوي، م.).

### ٢) حرف الجر (الباء):

يأتي هذا الحرف على وظيفة الإلصاق أو التبعيض في قضية مسح الرأس في الوضوء من قوله تعالى ﴿وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ﴾ (المائدة: ٦). وقد تكون للسببية، كما في قوله تعالى ﴿وَصَدِّهِمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا﴾ (النساء: ١٦٠)، كما تكون معنى (في) نحو قوله تعالى ﴿وَبِاللَّيْلِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ﴾ (الصافات: ١٣٨)، وغيرها.

### ٣) حرف الجر (اللام):

ورد (اللام) في الآيات القرآنية للدلالة على وظيفة الملك أو شبه الملك نحو ﴿وَعَلَى الْمَؤْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾ (البقرة: ٢٣٣)، أو وظيفة الاختصاص نحو ﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ﴾ (سورة التوبة: ٦٠)، أو معنى (عند) نحو ﴿فَطَلَّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ﴾ (الطلاق: ١).

### ٤) حرف الجر (من):

من وظيفة هذا الحرف البيان كما في قوله ﴿فَبَرَأَءَ مِثْلُ مَا قُتِلَ مِنَ النَّعَمِ﴾ (المائدة: ٩٥)، أو التعليل كقوله ﴿كُلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا مِنْ عَمَّ أُعِيدُوا فِيهَا﴾ (الحج: ٢٢)، أو التبعيض كما في قولك: "أخذت من الدراما".

## ثانياً: حروف العطف

ومن حروف العطف التي لها وظائف خاصة تتعلق بالأحكام الشرعية (الواو)، و(أو)، و(فاء)، و(ثم)، وغيرها (السعدي، ..م.).

### ١) حرف العطف (الواو):

من وظائف حرف (واو) العطف مطلق الجمع نحو ﴿فَانْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَشْئَ وَثُلَاثَ وَرْبَاعَ﴾ (النساء: ٣)، أو على الترتيب ﴿فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَاقِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ﴾ (المائدة: ٦). وقد تأتي أيضاً للتشريك، أي تشرك في الحكم بين المعطوف والمعطوف عليه.

## (٢) حرف العطف (أو):

من المعاني الوظيفية لهذا الحرف التخيير نحو ﴿فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ بِهِ أَدَّى مِنْ رَأْسِهِ فَقِدْيَةٌ مِنْ صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ﴾ (سورة البقرة: ١٩٦)، أو معنى (الواو) يعني وظيفة الجمع نحو ﴿لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فِرِضَةً﴾ (سورة البقرة: ٢٣٦)، أو الإباحة نحو ﴿مِنْ بَعْدِ وَصِبَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ﴾ (النساء: ١١)، أو التفصيل نحو ﴿أَنْ يُفَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْقَوْا مِنَ الْأَرْضِ﴾ (المائدة: ٣٣).

## (٣) حرف العطف (الفاء):

ورد هذا الحرف لوظيفة التعقيب نحو ﴿فَإِنْ فَاعُوا فِإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾ (سورة البقرة: ٢٢٦)، أو على الترتيب نحو ﴿فَإِذَا قَرأتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِدْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾ (سورة النحل: ٩٨).

## (٤) حرف العطف (ثُمٌ):

يأتي (ثُمٌ) لوظيفة الترتيب بهلة وبدون مهلة، كالقول في الوقف: "وقفت هذا على زيد ثم عمرو"، أو قال: "أوصيتك إلى زيد ثم عمرو".

## ب) تطبيقات النحو الوظيفي من المركبات

ذكرت المركبات النحوية في الكتب غير علوم اللغة العربية، ومنها ما تتعلق بدلالاتها في الأحكام الشرعية والعلوم الأخرى. وهذه المركبات، مثل: الإضافة، والنعت والمنعوت، والبدل وغيرها.

### أولاً: الإضافة

الإضافة هي إسناد الاسم إلى غيره، على تنزيل الثاني من الأول منزلة تنوينه أو ما يقوم مقام تنوينه (ابن هشام،..). ووردت المسائل التي تتعلق بها في كتب العلوم الشرعية، نحو حذف المضاف، كما في قوله ﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ﴾ (سورة البقرة: ١٧٣)، أي أكل الميتة. وهذا الحذف ضرب من المجاز في الكلام، أو الاختصار في الكلام (السعدي،..).

### ثانياً: النعت

النعت هو تابع مشتق أو مؤول به، يفيد تخصيص متبعه أو توضيحه أو مدحه، أو ذمه، أو تأكيده، أو الترحم عليه (ابن هشام،..). ووظيفته التخصيص مثلاً، نحو قوله تعالى ﴿وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَقْبُوضَةً ﴾ (سورة البقرة: ٢٨٣)، وهذه الآية تتعلق بأحكام الرهن. وقد دلت الصفة الواردة في الحديث (لا

يحل دم امرئ مسلم إلا بإحدى ثلات: الشيب الزاني، والنفس بالنفس، والتارك لدینه المفارق للجماعة) (رواية البخاري) على صفة مقيدة، وهي قوله (مسلم) لأنها قيد لموصوفها (امرئ) (سلمان: ٦٠٠ م).

### ثالثاً: البدل

البدل هو التابع المقصود وحده بالحكم ، المنسوب إلى متبعه بلا واسطة لفظية بينهما، وإنما يذكر المتبع تمهيدا له (المعروف،..م). ومن أمثلة الوظائف التي تتعلق بالبدل، دلالة (من) في قوله تعالى ﴿وَإِلَهُ عَلَى النَّاسِ حِجْرُ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا﴾ (سورة آل عمران: ٩٧)، فوظيفته خاصة، فهي دالة على اشتراط توافر الاستطاعة لوجوب الحج. وقد يأتي البدل أحياناً لجعل الجملتين، كما قوله "روجتك بنتي روجتك فاطمة" (الأسنوي،..م).

### الخاتمة

: كما سبق الذكر، لا يبقى النحو العربي لذاته، بل يتطور تطوراً جلياً يخدم العلوم الأخرى ولا سيما العلوم الشرعية. وهذا ينطلق من اهتمام النحاة المحدثين بتحديد النحو العربي وتيسيره، وتقديم النحو العربي بوصفه وسيلة وليس غاية؛ أي دراسة النحو ليست لأجل النحو ذاته، بل لخدمة العلوم الأخرى. فمن المقترن، الاهتمام بالجانب التوظيف النحوي من قبل المدرسين والباحثين في الدراسات والبحوث العلمية.

### المراجع

- أحمد شيخ، عبد السلام، (٢٠٠٦م). *اللغويات العامة: مدخل إسلامي و موضوعات مختارة*، كوالالمبور: مركز البحوث الجامعية الإسلامية العالمية بماليزيا.
- تمام، حسان، (٢٠٠١م). *اللغة العربية؛ معناها و مبنها*، الرباط: دار الثقافة، د.ط.
- \_\_\_\_\_، (١٩٨١م). *دراسة ابستمولوجية لأصول الفكر اللغوي العربي*، دار الثقافة، ط١.
- حسابة، عبد اللطيف، (٢٠٠٠م). *النحو والدلالة*، بيروت: دار الشروق، د.ط.
- حنفي، دوله، (٢٠٠٠م). *النحو العربي المتقدم لأغراض علمية*، سلانجور: ستل جلو (Stilglow)، ط١.
- \_\_\_\_\_، (٢٠٠٤م). *علم النحو المتقدم لأغراض علمية*، كوالالمبور: مطبعة الجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا، ط١.
- \_\_\_\_\_، ونور عزينا عبد الله، (٢٠١١م). *دراسات معجمية ولغوية تقابلية للدارسين في الجامعات الماليزية*، كوالالمبور: مطبعة الجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا، ط١.
- رمضان عبد الله، رمضان، (٢٠٠٠م). *من القضايا اللغوية والنحوية، إسكندرية*: مكتبة بستان المعرفة، د.ط.
- سلمان محمد سلمان، القضاة، (٢٠٠٦م). *القضايا النحوية في مخطوطات وكتب إعراب الحديث النبوى*، عمان: دار الكتاب الثقافي، د.ط، ٢٠٠٦ م ص ٢٨٢.

- شوقي، ضيف، (١٩٩٣م). *تيسير النحو التعليمي قديماً وحديثاً*، القاهرة: دار المعارف، ط. ٢.
- عبد الرزاق عبد الرحمن، السعدي، عبد الوهاب، زكريا، (٢٠٠٩م). *نظارات في أصول النحو العربي وأصول الفقه الإسلامي: دراسة عربية إسلامية تأصيلية*، كوالالمبور: مجلة الدراسات اللغوية والأدبية، العدد ١.
- علي، القاسمي، (١٩٩١م). *علم اللغة وصناعة المعجم*، الرياض: جامعة الملك سعود، ط. ٢.
- عليه، بيبة، (٢٠٠٩م). *الاتجاه الوظيفي في تدريس النحو العربي*، جامعة مستغانم -الجزائر: مجلة حوليات التراث، العدد ٩، (٢٠٠٩م). التاريخ: ١٣/١٠/٢٠١٣م، موقع مكتبتنا العربية، عنوان الموقع.
- محمد علي سلطاني، (٢٠١٠م). *الأدوات النحوية ومعانيها في القرآن الكريم*، دمشق: دار العصماء، ط١.
- محمد، عيد، (١٩٨٩م). *أصول النحو العربي في نظر النحاة ورأي ابن مضاء وضوء علم اللغة الحديث*، القاهرة: عالم الكتب، د.ط.
- نایف، معروف، (٢٠٠٢م). *قواعد النحو الوظيفي: دراسة وتطبيق*، بيروت: دار البيروت المحرسة، ط٣.

## BAB 15

### أهمية الدراسة البلاغية في فهم النصوص القرآنية

مریم بنت داود<sup>١</sup>

<sup>١</sup> الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنجرور

#### المقدمة

البلاغة وسالتنا معرفة ما في النصوص الأدبية من جمال و دراستها ليست في الواقع إلا دراسة للأدب. وكان التعبير القرآني يتميز بالخصوصية والتفرد عن غيره من مراتب السمو البلاغي عند العرب. فهو على طول امتداده وغزارة مادته جاء على أعلى درجات الفصاحة في مستوى درجته الفنية. وهو على الجملة وقع موقعها في البلاغة والبيان يخرج به عن كل ما جاء على لسان أظهر الأدباء فنا واسلوبنا.

كما عرفنا أن علم البلاغة يتكون من علوم ثلاثة هي المعانى والبيان والبدىع. وميدانه هو نظم الكلام الجمالي. وإدراك سمات الكلام البلبغ لا يتأنى إلا عن طريق الدروس والبحث والتأمل. ومن أجل هذا تبدو الحاجة إلى دراسة البلاغة. فهي تكشف للمتعلم عن العناصر البلاغية التي يستطيع بالتمرس بها والتدريب عليها أن يأتي بالكلام البلبغ.

إذن، دراسة علم البلاغة نقصد بها دراسة تحليلية عنيت بتكوين الذوق الأدبي وتربيته الذوق اللغوي تسير مع الباحث في تحليل النص حتى يصل إلى سر إبداع الكاتب أو سر من أسرار التعبير القرآني ودرجة امتياز كل منها كما نصل إلى معرفة خصائص النص الأدبي فيقف على موطن الحسن أو القبح في التعبير.

وهذا يعني أن دارس النصوص يجب عليه أولاً فهم قواعد اللغة العربية والمفردات المستخدمة ثم علم البلاغة. بناء على الواقع أعلاه يهدف تعليم البلاغة الأولى إلى تزويد الطلبة بالمهارات الالزمة لفهم المعرفة النظرية (علوم تركيب الأسلوب اللغوي) والمعرفة العملية (دراسة تحليلية) الواردة في النصوص العربية. ويهدف أيضاً لفهم معنى الواردة فيه، سواء كان المعنى الصريح (المعنى الأصلي) أو المعنى المضمنون (المعنى الزائدة). (عنيق، ٢٠٠٦).

ولفهم المعنى الصريح أو "المعنى الأصلي" من النص العربية يجب على الطالب أن يفهم ويسيطر علوم النحو والصرف والمفردات. ولفهم المعنى المضمن أو "المعنى الزائدة" وأسراره من النص يجب عليه أن يفهم ويسيطر علوم البلاغة.

## أولاً: أهمية دراسة البلاغة والغاية من دراستها

الطبيعي أن تعد البلاغة عنصراً أساسياً في دراسة إعجاز القرآن لأن علم البلاغة تألف لمعونة أسرار آيات القرآن ولكشف روعة أسلوبها. كما عرفنا إن علم البلاغة هي أن يجعل الدارس لكل مقام مقال ولكل حال مقتضاه، فيوجز حيث يحسن الإيجاز ويُطبّب حيث يجعل الإطناب ويؤكّد في موضع التوكيد ويقدم أو يؤخر إذا استدعي ذلك المقام وطلبه الحال، ويجعل لكل اعتبار ما يناسبه من القول، في عبارة فصيحة ومعنى مختار. ولدراسة علوم البلاغة أهمية كبيرة، ولها الغاية من درسها، منها:

- (أ) فهي ترشد الذوق وتحدى الموهبة الأدبية في نفس الدارس العربية.
- (ب) تبين نواحي الجمال الفني في الأدب وكشف أسرار هذا الجمال ومصدر تأثيره في النفس.
- (ج) وهي تبين لنا سر إعجاز القرآن الكريم من الفصاحة والبلاغة (خفاجي، ٢٠٠٩).

كما تقدم القول أن علم البلاغة ينقسم إلى ثلاثة علوم. أولاً، علم المعانٍ هو علم يعرف به أحوال اللفظ العربي التي بها يطابق مقتضى الحال. ثم المقصود من علم المعانٍ منحصر في ثمانية أبواب: أحوال الإسناد الخبري، أحوال المسند إليه، أحوال المسند، أحوال متعلقات الفعل، القصر، الإنشاء، الفصل والوصل، الإيجاز والإطناب والمساواة (خفاجي، ٢٠٠٩).

ووجه الحصر إن الكلام إما خبر أو إنشاء لأنه إما أن يكون لنسبته خارج تطابقته أو لا تطابقه. ينقسم الكلام إلى الخبر والإنشاء، ثم الخبر لابد له من إسناد ومسند إليه ومسند، ثم المسند قد يكون له متعلقات إذا كان فعلاً أو متصلة به كاسم الفاعل ونحوه، ثم الإسناد والتعلق كل واحد منها يكون إما بقصر أو بغير قصر. ثانياً، علم البيان هو علم يعرف به التعبير الجميل البليغ المؤثر الذي يصور المعنى تصويراً واضحاً من أقرب طريق هو البيان. وعناصر البيان البليغ هي الأسلوب والمعنى ووضوح الأداء وقوية التأثير. فالأسلوب هو طريقة تأليف الكلمات ونظمها لتؤدي المعنى المراد تصويره والإبانة عنه. والمعنى هو الفكرة التي يريد المتكلّم أو الدارس تصويرها وأدائها والترجمة عنها ليفهمها القارئ. ووضوح الأداء من أخص خصائص البيان. وقوية التأثير تقصد بما أن يترك الأسلوب أثراً في نفوس القارئ وأن يدفع من يقرؤه إلى الإيمان بما أمن به البليغ من فكرة أو عقيدة (خفاجي، ٢٠٠٩).

وتتلخص بحوث علم البيان في التشبيه والمجاز والكتابية. وسر هذا إن اللفظ المراد به لازم ما وضع له: إن قامت قرينة على عدم ارادة ما وضع له فمجاز، وإن فكتابية. ثم من المجاز ما يبني على التشبيه وهو الاستعارة التي كان أصلها التشبيه. فتعين دراسة التشبيه قبل بحث المجاز الذي من أقسامه الاستعارة المبنية على التشبيه. وأما الثالث فعلم البديع هو علم يعرف به وجوه تحسين الكلام بعد رعاية مطابقته لمقتضى الحال مع وضوح الدلالة على المعنى المراد. وعلم البديع ينقسم إلى محسنات لفظية ترجع إلى اللفظ وإلى محسنات معنوية

ترجع إلى المعنى. فالفرق بين القسمين إن المحسنات اللفظية راجعة إلى اللفظ، أما المعنوية فيرجع تحسينها إلى المعنى.

من أجل ذلك، إذا نظرنا إلى العناصر في علوم البلاغة الثلاثة وما يتعلق بها من العناصر الخارجية، مثلاً تاريخ اللغة العربية، تاريخ الأدب، النصوص الأدبية وغير ذلك، لوجدنا أن عناصر البلاغة كلها ترجع إلى العنصرين كماقال د. نبيل راغيب في كتابه، عناصر البلاغة الأدبية. وهو يقول: "تنقسم عناصر البلاغة الأدبية إلى العنصرين. أولاً، عناصر مرئية ملموسة يستطيع المتلقى العادى أن يرصدها؛ ثانياً، عناصر خفية غير مباشرة لا يستطيع سوى الناقد أو الدارس أو المتنوّق الخير أن يلقي عليها الأضواء التحليلية الفاحصة ليبين مدى نجاحها أو فشلها، مما يدل على شمولية البلاغة التي بدوها لا يمكن إبداع عمل أدبي بمعنى الكلمة." (راغيب، ٢٠٠٣).

وبعد أن يشرح أساس الحاجاج على هذا التقسيم هو يقول: "العناصر المرئية الملموسة للبلاغة هي تلك التي يدرسها التلاميذ والطلبة في حصص ومحاضرات النحو العربي التي يتعلمون فيها قواعد الصرف والبلاغة. فهي باب البلاغة العربية توجد ثلاثة علوم: علم المعانى وعلم البيان وعلم البديع. ويدرس علم المعانى أنواع الخبر وصيغ الإنشاء التي تتمثل في الأمر والنهي والاستفهام والتمني والنداء. ويدرس أيضاً الذكر والحدف والتقديم والتأخير والوصل والفصل والإيجاز والإطناب والمساواة. أما علم البيان فيدرس التشبيه والمجاز كما يتمثل في الاستعارة والمجاز المرسل والمجاز المركب والمجاز العقلي. أما علم البديع فيدرس المحسنات المعنوية كما تتمثل في التورية والطبقان والمقابلة والجمع والتفريق والتقسيم وتأكيد المدح بما يشبه الذم وحسن التعليل وأسلوب الحكم، كما يدرس المحسنات اللفظية كما تتمثل في الجنس والسجع والاقتباس."

"أما العناصر الخفية غير المباشرة في البلاغة فلا تكاد تختلف من لغة إلى أخرى، لأنها تشكل أساس أو جوهر البلاغة الأدبية منذ أن تبلورت كفن في التراث الأدبي الإنساني. وهي العناصر التي تفرق بين الأديب وغير الأديب، لأنها تشكل البنية الأساسية أو القوى الخفية الدافعة إلى إبداعه ولا يستطيع أن يوظفها غيره. وذلك على النقيض من العناصر المرئية الملموسة للبلاغة والتي يستخدمها كل من على دراية بها، حتى إذا لم يكن أدبياً وتتبدي في المقالات والخطابات المتبادلة والخطب والمرافعات القانونية ... إلخ. وتتمثل العناصر الخفية غير المباشرة في البلاغة في الفصول التي يتكون منها الإلهام والخيال والإيقاع والتقاليد والمحاكاة." (خفاجي، ٢٠٠٩).

## ثانياً: إعجاز القرآن الكريم في نظمته وأسلوبه

من أهم صور الإعجاز القرآني: تميز القرآن الكريم بأنه كتاب سماوي لا يأتيه الباطل من بين يديه ولا من خلفه. وإذا كانت معجزة كلنبي سابق على رسول الله صلى الله عليه وسلم مرتبطة بزمان حدوثها وحاجة أصحابها إليها فإن معجزة القرآن الكريم خالدة إلى يومنا هذا. فقد ارتبطت مثلاً معجزة عيسى عليه السلام بإحياء الموتى وذلك لما كان اليهود عليه من إنكار للروح والبعث. كما كانت معجزة موسى عليه السلام العصا التي أبطلت لدى قوم

موسى اعتقادهم في سحرة فرعون، كانت معجزات السابقين للرسالة الحمدية معجزات مادية تناسب فطرية العقول البشرية في مراحل نموها الأولى.

كانت معجزة الرسول صلی اللہ علیہ وسلم هي معجزة مادية وعقلية معا، فهي مادية بتفوق القرآن الكريم في أسلوبه وببلاغته على سائر ماعرفة العرب من فصاحة وبيان، وهي أيضاً معجزة عقلية تقدم البرهان العقلي والدليل المنطقي على وجود الله الواحد القهار بجانب ما في القرآن من دلائل صادقة في الأخبار عن الأمم الماضية وغيرها من الأمور التي لا يمكن أن يخبر بها بشر مهما كان على درجة كبيرة من العلم والمعرفة (الديري، ١٩٩٣).

إذاً فالمعجزة هي فعل خارق للعادة مقتنن بالتحدي سليم عن المعارضة وهي واحدة من معجزات الأنبياء الدالة على صدقهم صلوات الله عليهم وسلمت بالمعجزة لأن البشر يعجزون عن الإتيان بمثلها. ومعجزة النبي صلی اللہ علیہ وسلم ما أعجز به الخصم عند التحدي والهاء في معجزة للمبالغة والجمع معجزات. (مخلوف، ٢٠٠٩). ومن أهم الخصائص التي قال بها بعض العلماء عن إعجاز القرآن الكريم ما يلي:

(١) القول باهدایة وبأن القرآن الكريم سبيل إلى هداية البشر وإرشادهم والفصل بين الحق والضلal. وهذا القول أيضاً لا ينهض دليلاً على الإعجاز. لأن سائر الكتب السماوية كان هدفها أيضاً الهدایة والإرشاد ومع ذلك لم يقم بها تحدي أو معارضه كما حدث مع القرآن الكريم.

(٢) الإخبار عن الغيوب ويشهد بذلك الباقياني في كتابه إعجاز القرآن بأن الله وعد نبيه عليه الصلاة والسلام أنه سيظهر دينه على الأديان ومن أمثلة ذلك حينما انتصر الفرس على الروم (٦٦٦ م) واستولوا على آسيا الصغرى والعراق والشام ومصر فرح المشركون بانتصارهم وشتموا المسلمين وأنذروهم أنهم سيفلبونهم كما غالب الفرس الروم حينئذ نزل قوله تعالى: "آلم غالب الروم في أدنى الأرض وهم من بعد غالبهم سيفلبون في بضع سنين" سورة الروم آية ٤-١.

(٣) الإعجاز العلمي تتضمن الآيات الشريفة الكثير من الحقائق العلمية التي لم نعرف فيما مضى وما زال الإنسان إلى يومنا هذا يصل إليها بعلمه. وقد أخبرنا بها القرآن الكريم ومن ذلك قوله تعالى عن مراحل نمو الجنين وتطوره في بطن أمه مع ما أثبتته العلم الحديث من حقيقة هذه المراحل وأن العظام تخلق في الجنين قبل اللحم، وذلك في قوله تعالى: "ولقد خلقنا الإنسان من سلاله من طين. ثم جعلناه نطفة في قرار مكين. ثم خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة مضغة فخلقنا المضغة عظاما فكسومنا العظام لحما ثم أنشأنا خلقا آخر فتبارك الله أحسن الخالقين". سورة المؤمنون آية ١٢-١٤.

(٤) ومن الإعجاز أيضاً الإخبار عن أمم السابقين وأحوالهم كقصة آدم وحواء وقصة بني آدم ونوح وسفينته وإبراهيم عليه السلام وعيسى وموسى وعصاهم، وهذه القصص القرآنية أخبرنا بها القرآن الكريم ولم يكن لرسول الله النبي الأمي علم بها.

(٥) والسمة الأخيرة للإعجاز القرآني هي فصاحتته في نظمه وأسلوبه وتفوقه على أعلى مراتب الأدباء بلاغة. وقد أجمع العديد من العلماء على إعجاز القرآن الكريم في بلاغته ونظمه ودقة أحکامه وحسن تناقض ألفاظه ودلالتها على معانيها بوضعها في ترتيب مخصوص وعلى نسق خاص بجانب ما تضمنه هذا التعبير من روعة تصوير ودقة تعبير. والتعبير القرآني يتميز بالخصوصية والتفرد عن غيره من مراتب السمو البلاغي عند العرب فهو على طول امتداده وغزارة مادته جاء على أعلى درجات الفصاحة في مستوى درجته الفنية وهو على الجملة وقع موقعاً في البلاغة والبيان يخرج به عن كل ما جاء على لسان أظهر الأدباء فنا وأسلوباً. ومن أهم الكتب التي بحثت في الإعجاز البلاغي للقرآن الكريم هي: (أ) إعجاز القرآن لأبي بكر الباقلي، ت ٤٠٣ هـ. (ب) إعجاز القرآن لمصطفى صادق الرافعي (ج) التصوير الفني في القرآن (مخلف، ٢٠٠٩).

وليس الغرض بنظم الكلم أن تتوال ألفاظها في النطق بل أن تنسقت دلالتها وتلاقت معانيها على الوجه الذي اقتضاه العقل. إن الكلام إذا خلا من الخطأ والتعقيد ووافق الصواب فيما يتضمنه علم النحو فلم يكن قد اكتملت فيه البلاغة ولم يكف في الحكم عليه بالفضل والتقدم، وإنما ينظر إلى الكلام من حيث تكون فيه (أمور تدرك بالفکر اللطيفة ودقائق يوصل إليها بثاقب الفهم). أي أن الكلام البليغ لا بد أن يتحقق فيه – إلى جانب ذلك – اختيار أسلوب العرض المناسب الذي يتضمن من الخواص ما يكون مطابقاً للمعنى القائم بالنفس، بدءاً من اختيار الألفاظ التي هي أصلق بالمعنى وأكشف له، مروراً باختيار الصيغة لمطابقها بخواصها لدقائق جوانبه وخصوصيه، وانتهاء بإبرازه في الصورة المناسبة لما يتضمنه المقام ومن هنا كان اختلاف الأدباء في عرض المعاني والتعبير عنها وعرضها في صور متفاوتة في الحسن.

والقرآن الذي عجز العرب عن معارضته لم يخرج عن سنن كلامهم ألفاظاً وحروفًا تركيباً وأسلوباً ولكنه في اتساق حروفه وطلاؤه عباراته وحلاوة أسلوبه وجرس آياته ومراعاة مقتضيات الحال في ألوان البيان في الجمل الفعلية والاسمية ... وفي النفي والإثبات وفي الذكر والمحذف وفي التعريف والتنكير وفي التقديم والتأخير وفي الحقيقة والمحاجز وفي الإطناب والإيجاز وفي العموم والخصوص وفي الإطلاق والتقييد وفي النص .. وهلم جرا. ولكن القرآن في هذا ونظائره بلغ الذروة التي تعجز أمامها القدرة اللغوية لدى البشر (القطان، ١٩٧٣).

### ثالثاً: تدريس البلاغة وسيلة معرفة القيم البلاغية في النصوص والقرآن

أهم هذه الوسائل أن تعتمد الدراسات البلاغية على الآيات القرآنية والنصوص الأخرى من الأعمال الأدبية، وأن يعني أولاً بفهم هذه النصوص إما من الآيات القرآنية أو الأعمال الأدبية فهما دقيقاً، ثم يرد إليها البحث والنظر لاحتلاء ما تمتاز به من ألوان الجمال الفني وأثره في روعة الأسلوب وامتاع القارئ. إذن، الرابطة بين آيات

القرآن أو النصوص الأخرى والبلاغة رابطة وثيقة لاشتراكهما في الغاية الأولى وهي تكوين الذوق الأدبي والإعجاز القرآني في الأسلوب.

معروفاً أن موضوعات الطرق الخاصة بتدريس اللغة العربية يجب أن يلاحظ في تدريسها أنها مربطة بمناهج اللغة العربية في المدرسة أو الجامعة والكتب المقررة فيها والأمثلة والتطبيقات التي تتضمنها الدراسة حول مناهج المرحلة التي تدرس فيها.

لم تعد وظيفة المعلم مقصورة على التعليم أي توصيل العلم إلى المتعلم. ولكن وظيفته تعدد هذه الدائرة المحدودة إلى دائرة التربية. فالمعلم مرب أول، والتعليم بمعناه المحدود جزء من عملية التربية. لهذا، المعلم نائب عن الوالدين وموضع ثقتهما لأنهما قد وكلا إليه أمر تربية ابنهما فهو يقوم في المدرسة بوظيفة الوالدين وهو أيضاً نائب عن المجتمع الذي عهد إليه أن يربى للصغار من أبنائه حتى يصيروا مواطنين صالحين (عبد العال، د.ت.).

إن أهمية طريقة التدريس تتركز في كيفية استغلال محتوى المادة بشكل يمكن التلاميذ من الوصول إلى الهدف الذي ترمي إليه في دراسة مادة من المواد، ووجب المدرس أن يأخذ تلميذه من حيث المستوى الذي وصل إليه محاولاً أن يصل به إلى الهدف المنشود.

وإذا وجدت الطريقة وانعدمت المادة تعذر على المدرس أن يصل إلى غايته وإذا كانت المادة دسمة والطريقة ضعيفة لم يتحقق الهدف المنشود. فحسن الطريقة لا يعوض فقر المادة وغزاره المادة تصبح عديمة الجدوى إذا لم تصادف طريقة جيدة.

## الأسس العامة لتدريس البلاغة

هي أمور هامة يجدر بالمدرس أن يفطن إليها وأن يؤمن بها ليكون سبيلاً إلى درس البلاغة مهداً، ومن هذه الأساس:

أولاً، أن البلاغة فطرية في الكلام، نلمح صورها وألوانها في الأحاديث العامة بل في لغة الأطفال. وكل منا ينطق ويسمع في كل يوم عشرات من التراكيب، فيها التشبيه والاستعارة والكتابية وفيها الأمر والنهي والاستفهام خارجة عن أصول استعمالاتها وفيها القصر والحدف والتقديم وغير ذلك من ألوان البلاغة.

ثانياً، الأساس الثاني أن البلاغة فن أدبي ينضح الذوق ويدركي الحس، وليس من العلوم التي تشحذ الفكر أو تصقل العقل بإضافة جديد من المعلومات والحقائق. ومن هنا كانت صلتها بالأدب صلة نسب وثيقة.

ثالثاً، أن الطابع الغالب على درس البلاغة إنما هو الطابع الفني الوجداني. وهذا كان الجهد المبذول في هذا الدرس إنما هو النقد والمفاضلة بين تعبير وتعبير أو بين أديب وأديب. وهذا الجهد ينتهي دائماً إلى أحکام أدبية وهي أحکام فنية تقضي بالطبع أو الجمال وليس أحکاماً عقلية تقضي بالخطأ أو الصواب (عبد العال، د.ت.).

## تدریس البلاغة بين القديم والحديث

المقصود بالقديم لا يشير الى القرون الأولى التي نشأت فيها البلاغة، ولكنه يقتصر في بحث أسلوب تدریس البلاغة على التعليم المدرسي في العصر الحديث، وهذا التعليم طبقتان: طريقة المدرسة القديمة وطريقة المدرسة الحديثة. وكل مدرسة طابعها ومنهجها وأسلوبها. أما طابع المدرسة القديمة فهو:

- تمزيق وحدة البلاغة وجعلها علوماً ثلاثة تعرف بعلوم المعانى والبيان والبدىع. ومن الغريب أن دراسة المعانى كانت تسبق دراسة البيان والبدىع. وهذا يعارض القاعدة التربوية التي تقضى بالانتقال من السهل إلى الصعب، ولا شك أن المعانى أصعب العلوم الثلاثة.
- تدریس البلاغة فيعزلة عن الأدب وتحاذ الأمثلة من الجمل المقتصبة المبتورة والعبارات المتكلفة المصنوعة.
- زيادة الاهتمام بالبحوث النظرية والفلسفات العميقة من التعريف والتقاسم والضوابط. وذلك في الدراسة والامتحانات أيضاً.

وقد أدت هذه الدراسة إلى إخفاق البلاغة وقصورها عن تحقيق غاياتها من تكوين الذوق الأدبي في الطالب إغرائهم بتتبع الآثار الأدبية وتبيان جمالها وكشف أسرار هذا الجمال. أما طابع المدرسة الحديثة فهو:

- أن البلاغة وحدة متكاملة ليس بينها فواصل ولكنها في مجموعها بحوث في مقومات الجمال الأدبي وأسراره الفنية.
- القضاء على العزلة التي كانت بين درس الأدب ودرس البلاغة وجعل البلاغة جزءاً من الدراسات الأدبية التي يؤديها النص.
- تخففت الدراسة والمناهج الحديثة من المصطلحات البلاغية وقل الاحتفال بالتقاسم والتعريف في إجراء الاستعارات ونحو ذلك.
- الاهتمام في درس البلاغة بتكوين الذوق الأدبي وإنضاج الحاسة الفنية.

## طريقة تدریس البلاغة لفهم القيم البلاغية في القرآن

البلاغة في هذا البحث وسالتنا لمعرفة ما في النصوص من آيات القرآن والأعمال الأدبية من جمالها، ودراستها ليست في الواقع إلا دراسة لقيم الأدب في القرآن والنصوص الأخرى. لو رجعنا إلى بدء ظهور دراستها لوجدنا أنها كانت دراسة تحليل عنيت بتكوين الذوق الأدبي وتربيته الذوق اللغوي، تسير مع الباحث في تحليله حتى يصل إلى سر القرآن كما نصل إلى معرفة خصائص الشعر والنشر، فيقف على موطن إعجاز القرآن في التعبير. وفي ضوء هذا كانت دراسة البلاغة.

إن دراسة البلاغة دراسة منطقية عقلية لا تفي في تكوين الذوق الأدبي والإحساس الروحي وكذلك لا تساعده في تذوق كلام القرآن تذوقا يمكن الدارس من معرفة إعجاز كلامه الفني البليغ. لذلك يجبربط البلاغة بالقرآن وإعجاز القرآن لأن إدراكها يقوم على أساس من التذوق والحس.

ولننشر معرفة هذه الأوجه البلاغية على التلاميذ ينبغي شرح النصوص من آيات القرآن بطريقة تؤدي إلى فهم معانيها فيما يؤدي إلى تذوق ما فيها من جمال وما تحتويه من مزايا أدبية. فنجاح درس البلاغة يتوقف على معرفة التلاميذ الصور البلاغية، ولا يقاس هذا النجاح بمقدار ما حفظه التلاميذ من المصطلحات والقواعد التي تشرح الأوجه البلاغية، ولكن بتطبيق مفاهيم القواعد البلاغية لتحليل آيات القرآن من حيث أسلوبها والمضمون البلاغية فيها.

### التمرينات في تطوير فهم البلاغية القرآنية

لا تتحقق دروس البلاغة الغرض منها إلا إذا من الطالب عليها تربينا كافيا ولكي تكون التمرينات جيدة مثمرة يجب فيها ما يأتي: (١) أن تدور حول عبارات أو نصوص أدبية كاملة من الآيات القرآنية لا جمل مصنوعة. (٢) أن يكون الغرض من التمرين اختبار الذوق والحس الفني والتعجب في روعة الأسلوب القرآنية، لا الإلام بقواعد البلاغة. (٣) أن يbedo فيها الجدة والطرافة والبعد عن الصيغ المألوفة في التمرينات القديمة.

### نموذج لتدريس صورة بلاغية في آيات القرآن

سورة الفاتحة مكية وآياتها سبع بالإجماع وتسمى الفاتحة لافتتاح القرآن الكريم بها. إنها أول القرآن في الترتيب لا في النزول، وهي على قصرها تشتمل معان القرآن وممقاصده بالإجمال تشتمل على العقيدة والعبادة والتشريع. هذه هي السورة: "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ。 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ。 الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ。 مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ。 إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِنُ。 اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ。 صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ。"

#### ■ بحث اللغة في سورة الفاتحة

{رب العالمين} {الرب} هو مشتق من التربية: ربٌّ يربِّ تربية. والرب يطلق على المالك والمصلح والمعبد والسيد المطاع. {العالمين} ملحق لجمع المذكر السالم ومفرده العالم وهو يشمل: الإنس والجن والملائكة والشياطين وغيرهم من المخلوقات.

{الرحمن الرحيم} صفتان مشتقتان من "الرحمة" {فالرحمن} على وزن "فعلان" صيغة مبالغة في كثرة الشيء وعظمته كغضبان وسکران {الرحيم} على وزن "فعيل" بمعنى دائم الرحمة لأن صيغة "فعيل" تستعمل في الصفات الدائمة ككريم وجميل.

## ■ بحث البلاغة في سورة الفاتحة

{الحمد} الجملة خبرية لفظا إنشائية معنىً أي قولوا (الحمد لله).

{إياك نعبد وإياك نستعين} تقديم المفعول به يفيد القصر أي لا نعبد إلا إياك.

قال في البحر المحيط: وفي هذه السورة أنواع من الفصاحة والبلاغة نذكر بعضها: (١) حسن الافتتاح والمطلع (٢) المبالغة في الثناء لإفادة "الإ" الاستغراق (٣) تلوين الخطاب إذ صيغته "الخبر" ومعنى "الأمر" أي قولوا "الحمد لله" (٤) الاختصاص في قوله "الله" (٥) الإلتفات في {إياك نعبد وإياك نستعين} من الغيبة إلى الخطاب (٦) التصريح بعد الإبهام {الصراط المستقيم} ثم فسره بقوله "صراط الذين أنعمت عليهم" (٧) حذف "صراط" من قوله {غير المغضوب عليهم} تقديره (غير صراط المغضوب عليهم) وغير صراط الضالين (٨) السجع في قوله {الرحمن الرحيم—الصراط المستقيم} وقوله {نستعين—الضالين}.

{إياك نعبد وإياك نستعين} وردت الصيغة بلفظ الجمع ولم يقل (إياك أعبد وإياك أستعين) للاعتراف بقصور العبد عن الوقوف في باب ملك الملوك.

{الذين أنعمت عليهم} نسب الإنعام إلى الله مباشرة ولم ينسب إليه "الإضلal" و "الغضب"، فلم يقل (الذين غضبـتـ عليهمـ والـذـينـ أـضـلـلـتـهـمـ)، وذلك لتعليم العباد "الأدب مع الله تعالى". فالشـرـ لا يـنـسـبـ إـلـىـ اللهـ تـعـالـىـ أـدـبـاـ وإنـ كـانـ مـنـهـ تـقـدـيرـاـ "الـخـيـرـ كـلـهـ بـيـدـيـكـ وـالـشـرـ لـاـ يـنـسـبـ إـلـيـكـ".

### الخلاصة

البلاغة مرجعها الاحتزاز عن الخطأ في تأدية المعنى المراد. وإلا لربما أدى المعنى المراد بلفظ فصيح غير مطابق لمقتضى الحال فلا يكون بلينا؛ وإلى تمييز الكلام الفصيح من غيره. وإلا لربما أورد الكلام المطابق لمقتضى الحال بلفظ غير فصيح فلا يكون أيضا بلينا لوجوب وجود الفصاحة في البلاغة. علم المعانـي هو ما يحتـرـزـ بهـ عنـ الخطـاءـ فيـ تـأـديـةـ المعـنىـ المرـادـ؛ـ وـمـاـ يـحـتـرـزـ بهـ عـنـ التـعـقـيدـ المعـنـويـ هوـ عـلـمـ الـبـيـانـ.ـ وـأـمـاـ تـوـابـعـ الـبـلـاغـةـ فـهـوـ عـلـمـ الـبـدـيـعـ الـذـىـ يـعـرـفـ بـهـ وـجـوهـ التـحـسـينـ.

وختاماً أن يكون هذا البحث موفقا، مع ملاحظة أن الباحث لا يريد بما ذكره في هذا البحث أن يتحكم في حرية المدرس في تدريس البلاغة وإعجاز القرآن. لكل مدرس حرية في اختيار ما يحلو له من طرق التدريس التي تتواءم حال تلاميذه، ولكن الأهم لا بد على المدرس أن يقرأ كثيرا علوم البلاغة وتطبيقاتها في تحليل أنواع النصوص وعلى الأخص نص القرآن إلى أن يتطور فينتقل من دور المعلم القارئ إلى دور المتدوّق. والله ولي التوفيق.

## المراجع

- الجرجاني، عبد القاهر، (د.ت). دلائل الإعجاز والرسالة الشافية وأسرار البلاغة، دار المكتبة: بيروت.
- الديري، مكارم محمود، (١٩٩٣). الروافد الأدبية في عصر صدر الإسلام، القاهرة: جامعة الأزهر كلية الدراسات الإسلامية والعربية.
- المرشدي، محمد أحمد وإخوانه، (٢٠٠٩). الأدب و النصوص والبلاغة، القاهرة: دار المعارف.
- خفاجي، محمد عبد المنعم و د. عبد العزيز شرف، (٢٠٠٩). نحو بلاغة جديدة، بيروت: مكتبة غريب.
- راغيب، نبيل، (٢٠٠٣). عناصر البلاغة الأدبية، بيروت: دار الكتب.
- عتيق، عبد العزيز، (٢٠٠٦). علم المعانى، القاهرة: دار الآفاق الغربية.
- عبد العال، عبد المنعم سيد، (٢٠١٠). طرق تدريس اللغة العربية، القاهرة: مكتبة غريب.
- مخلف، عبد الرؤوف، (٢٠٠٩). الباقلانى وكتابه إعجاز القرآن، بيروت: منشورات دار مكتبة الحياة.
- القطان، مناع، (١٩٧٣). مباحث في علوم القرآن، بيروت: منشورات العصر الحديث.
- الهاشمي، عابد توفيق، (١٩٨٣). المرجحه العملي لمدرس اللغة العربية، بيروت: مؤسسة الرسالة.

## BAB 16

### TERJEMAHAN AYAT BERUNSUR *HADHF AL-JUMLAH* DALAM *SŪRAH YĀSĪN*

Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>1</sup>, Md Noor Hussin<sup>1</sup>, Muhammad Daoh<sup>2</sup>, Ahmad Redzaudin Ghazali<sup>1</sup>, Mohd Rofian Ismail<sup>1</sup>, Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>1</sup>, Salman Zainal Abidin<sup>1</sup> & Sri Andayani Mahdi Yusuf<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup> Universiti Selangor (UNISEL)

<sup>3</sup> Institute Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

#### Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran al-Karim yang unik dan terpelihara keasliannya serta merupakan bahasa pilihan Allah. Antara ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam bahasa Arab ialah elipsis atau *al-Hadhf* atau pengguguran. Pemahaman al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam Nusantara khususnya masyarakat Islam di Malaysia amat bergantung kepada terjemahan yang bermutu yang mampu menyampaikan maksud yang tersirat sebagaimana dikehendaki Allah SWT Maha Pencipta. Justeru penterjemahan al-Quran memerlukan kepada pengetahuan yang mendalam tentang ilmu-ilmu berkaitan Tafsir al-Quran, bahasa Arab dan bahasa Melayu (bahasa sasar). Usaha ini dianggap mulia kerana ia memberi sumbangan yang besar dalam memberi pemahaman tentang maksud ayat-ayat al-Quran kepada masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab.

Penterjemahan al-Quran telah mula berkembang sejak zaman Rasulullah SAW apabila risalah Islam mula tersebar keluar Semanjung Tanah Arab. Perkembangan ini selaras dengan ajaran Islam yang bersifar universal dan sejagat. Penterjemahan al-Quran di Malaysia berkembang dengan pesat selari keperluan masyarakat dalam memahami al-Quran yang makin terserlah kerana adanya kesedaran agama yang kian bertambah. Tambahan pula kedudukan Islam sebagai agama rasmi telah menyemarakkan lagi perkembangan Islam di negara ini seterusnya melonjakkan lagi perkembangan terjemahan al-Quran.

Dalam konteks pertumbuhan penterjemahan al-Quran di Malaysia, penghargaan harus diberikan kepada ulama Aceh, Syeikh al-Rauf al-Singkeli (m. 1693). Karyanya, *Turjuman al-Mustafid* menjadi indikator pencapaian bagi usaha awal ini apabila murid beliau, Syeikh Abdul Malik yang dikenali sebagai Tok Pulau Manis (m.1736) menyalin dan mengajarkan kitab tersebut di Malaysia pada abad 18M. Tahun 1929 kemunculan *Tafsir Nūr al-Ihsān* oleh Muhammad Saīd bin ‘Umar (m.1932) menjadi titik perubahan bagi sejarah tafsir di negara ini kerana usaha beliau ini dijejaki oleh beberapa ulama lain yang menterjemah kitab-kitab tafsir bahasa Arab ke bahasa Melayu atau menulis tafsir dalam bahasa Melayu (Haziyah, 2016).

Bagaimanapun penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu di Malaysia menghadapi beberapa cabaran antaranya kepakaran penterjemah dalam menterjemah ayat-ayat al-Quran yang memerlukan penguasaan ilmu Tafsir al-Quran, Ulum al-Quran, Bahasa Arab merangkumi ilmu Balaghah dan Bahasa Melayu selain penguasaan metodologi terjemahan yang berkesan. Sehubungan itu kajian ini akan cuba menganalisis terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Jumlah* dalam Surah Yasin berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran dengan menggunakan metod kajian teks. Kajian ini bersifat analitikal kerana mengaplikasi analisis semantik bagi meninjau kesahihan makna *Hadhf al-Jumlah* yang diberikan oleh penterjemah.

Antara tujuan analisis tersebut adalah untuk melihat dengan lebih dekat pendekatan penterjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Jumlah* yang digunakan oleh penterjemah.

## Pengenalan *Hadhf*(Elipsis)

*Al-Hadhf* atau dalam bahasa Melayu adalah elipsis merupakan satu uslub atau gaya bahasa yang melibatkan lafaz dan makna dalam sesuatu ayat. Perkataan *al-Hadhf* secara etimologinya berasal daripada perkataan “حذف” yang dapat dinterpretasi sebagai penghapusan atau pengguguran. Secara terminologi, perkataan *al-Hadhf* dalam ilmu tatabahasa Arab bermakna pengguguran. Dari sudut ilmu Balaghah, *al-Hadhf* membawa maksud menjatuhkan atau menggugurkan sesuatu struktur bahasa sama ada banyak ataupun sedikit. Kewujudan *al-Hadhf* merujuk kepada pengguguran huruf atau lafaz atau ayat yang tidak akan merosakkan makna sesuatu ayat secara keseluruhannya dengan alasan-alasan tertentu. *al-Hadhf* adalah salah satu daripada sejumlah besar kaedah dalam sistem tatabahasa Arab. Secara umum, *al-Hadhf* ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, tarkib dan ayat dengan syarat terdapat dilalah (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra’iy, 1998). Hal ini berlaku dengan tujuan tertentu. Tujuan yang dikaitkan dengan *al-Hadhf* ini mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu retorik Arab. Antara tujuan penggunaan *al-Hadhf* adalah untuk menunjukkan perkara yang positif seperti meringkaskan, memberi peringatan, meringankan, memuliakan serta memberi maksud umum dalam pertuturan atau penulisan. Namun begitu, terdapat juga penggunaan *al-Hadhf* yang membawa maksud lain, iaitu untuk tujuan sindiran atau penghinaan (Abū Shādiy, 1992).

## Pandangan Ulama' Berkaitan *al-Hadhf* Dalam Al-Quran

Terdapat beberapa pendapat yang bersetuju dengan kewujudan *al-Hadhf* pada ayat khususnya ayat-ayat al-Quran. Pada era mutakhir ini, antara individu yang menghasilkan buku tentang *al-Hadhf* ialah Abu Shadiy (1992), al-Samirra’iy (1998) dan Fayyūd (1998). Namun begitu, terdapat juga sarjana lain yang menolak kewujudan *al-Hadhf* khususnya dalam al-Quran. Antara sarjana tersebut ialah Faḍl Ḥasan ‘Abbas yang menjelaskan pendiriannya terhadap *al-Hadhf* di dalam bukunya, *Laṭā’if al-Mannan wa Rawā’i al-Bayān fī Nafy al-Ziyādah wa al-Hadhf fī al-Qur’ān* (2010). Menurut Faḍl Ḥasan ‘Abbas, al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan dalam keadaan sempurna dan tidak terdapat sebarang pengguguran di dalam al-Quran sama ada satu huruf, perkataan, tarkib mahupun ayat. Menurut Tammam Hassan (1994) pula, apabila membicarakan *Uslub al-Hadhf*, ia tidak boleh difahami bahawa *al-Hadhf* hanya berlaku apabila salah satu unsur dalam ayat digugurkan, tetapi sebenarnya *al-Hadhf* merupakan satu uslub bahasa yang membezakan antara sistem atau kaedah bahasa dengan keperluan sesuatu ayat yang perlu bersesuaian dengan konteks tertentu. Oleh itu, ada kalanya sesuatu unsur bahasa itu dinyatakan dalam ayat dan ada kalanya digugurkan daripada ayat.

## Analisis Terjemahan Dan Perbincangan

Penulisan ini memfokuskan kajian berkaitan terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Jumlah* dalam Surah Yasin berpandukan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Semua terjemahan yang menjelaskan ungkapan yang merupakan *Hadhf al-Jumlah* akan dihitamkan. Penulis akan meletakkan garisan di bawah terjemahan yang tidak menjelaskan *Hadhf al-Jumlah*. Berikut adalah analisis terjemahan ayat-ayat berkaitan dan perbincangan dapatan.

a) *Hadhf AlJumlah Al-Shartiyah*

i) SurahYasin (36): 24

إِنِّي إِذَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya:

Sesungguhnya aku (**kalau melakukan syirik**) tentulah aku pada ketika itu berada dalam kesesatan yang nyata.

Pada ayat ini terdapat *Jumlah al-Shart* yang dihadhafkan. Taqdirnya:

”إِنِّي إِذَا لَمْ أَعْبُدِ الَّذِي فَطَرَنِي لَكُنْتُ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ“ (MD Noor 2006).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *Jumlah al-Shart* yang dihadhafkan di dalam kurungan (**kalau melakukan syirik**). Di sini juga dapat diperhatikan bahawa penterjemah cuba mengungkapkan *Jumlah al-Shart* yang digugurkan secara maknawi kerana *Jumlah al-Shart* yang digugurkan ialah “*إِنِّي*” *إِذَا لَمْ أَعْبُدِ الَّذِي فَطَرَنِي*”. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma’naviyyah.

ii) SurahYasin (36): 77

أَوْلَمْ يَرَ الإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ حَصِيمٌ مُّبِينٌ

Maksudnya:

Tidakkah manusia itu melihat dan Mengetabui, Bahawa Kami telah menciptakan Dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (**setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya**) maka Dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah Yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang Yang mati).

Pada ayat ini terdapat *Jumlah al-Shart* yang dihadhafkan. Taqdirnya: ”*إِذَا أَتَمْنَا خَلْقَهُ وَجَعَلْنَاهُ قَوِيًّا فَهُوَ حَصِيمٌ مُّبِينٌ*” ( MD Noor 2006).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *Jumlah al-Shart* yang dihadhafkan didalam kurungan (**setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya**). Di sini juga dapat diperhatikan bahawa penterjemah cuba mengungkapkan *Jumlah al-Shart* yang dihadhafkan secara maknawi kerana *Jumlah al-Syarat* yang digugurkan ialah ”*إِذَا أَتَمْنَا خَلْقَهُ وَجَعَلْنَاهُ قَوِيًّا*“. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma’naviyyah. Selain itu dapat dilihat penterjemah cuba mengjelaskan ayat ”*فَهُوَ حَصِيمٌ مُّبِينٌ*“ dengan ungkapan di dalam kurungan (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati),

b) *Hadhf Jawāb Al-Shart*

i) SurahYasin (36): 19

قالوا طَائِرُكُمْ مَعَكُمْ ۝ أَئِنْ دُّجَّلْتُمْ ۝ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Maksudnya:

Rasul-rasul itu menjawab: "Nahas dan malang kamu itu adalah disebabkan (kekufuran) Yang ada pada kamu. Patutkah kerana kamu diberi peringatan dan nasihat pengajaran (**maka kamu mengancam Kami Dengan apa Yang kamu katakan itu?**)? (kamu bukanlah orang-orang Yang mahu insaf) babkan kamu adalah kaum pelampau".

Pada ayat ini terdapat *Jawāb al-Shārṭ* yang dihadhafkan. Taqdirnya: "أَئِنْ ذَكَرْتُمْ تَطْيِيرَمْ" berdasarkan kepada ayat sebelumnya "قَالُوا إِنَا تَطْيِيرُنَا بِكُمْ". Sibawaih menjelaskan jika *Shārṭ* dan *Istifhām* berkumpul maka yang dijawab adalah *istifhām* dan *Jawāb al-Shārṭ* dibuang. Berdasarkan kaidah ini, Sibawaih mentaqdirkan *Jawāb al-Shārṭ* dengan "تطيرون" (al-Zarkashi 1931).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *Jumlah Jawāb al-Shārṭ* yang dihadhafkan di dalam kurungan (**maka kamu mengancam Kami Dengan apa Yang kamu katakan itu**). Di sini juga dapat diperhatikan bahawa penterjemah cuba mengungkapkan *Jumlah Jawāb al-Shārṭ* yang dihadhafkan secara maknawi kerana *Jumlah Jawāb al-Shārṭ* yang digugurkan ialah "تطييرم" bermaksud kamu merasa nahas dan malang. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma'naviyah. Bagaimanapun dapat diperhatikan bahawa *Jumlah Jawāb al-Shārṭ* yang dijelmakan agak melincong dari maksud asal iaitu "تطييرم". Selain itu dapat dilihat penterjemah cuba menjelaskan ayat "بَلْ" "أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ" dengan ungkapan di dalam kurungan (kamu bukanlah orang-orang yang mahu insaf).

ii) Surah Yasin (36): 45

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اتَّقُوا مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya:

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "berjaga-jagalah kamu akan apa yang ada di hadapan kamu (dari urusan-urusan hidup di dunia ini), dan apa yang ada di belakang kamu (dari huru-hara dan balasan akhirat), supaya kamu beroleh rahmat", (**Mereka tidak mengindahkannya**).

Pada ayat ini terdapat *Jawāb al-Shārṭ* yang dihadhafkan. Taqdirnya: "وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اتَّقُوا" "أَعْرَضُوا". Ini menunjukkan bahawa apa yang disampaikan/dikatakan kepada mereka adalah sesuatu yang sangat besar mengenai dahsyatnya siksa bagi mereka yang berpaling dan tidak mengindahkan seruan tersebut. Berikutnya ayat 46 menjelaskan bahawa mereka adalah orang-orang yang selalu berpaling meskipun Allah telah mendatangkan tanda-tanda kekuasaan-Nya kepada mereka (Al-Sayuti 1998).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *Jumlah Jawāb al-Shārṭ* yang dihadhafkan di dalam kurungan (**Mereka tidak mengindahkannya**). Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma'naviyah kerana penterjemah cuba menjelmakan sesuatu yang digugurkan. Selain itu dapat dilihat

penterjemah cuba mengjelaskan ayat “**مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ**” dengan ungkapan di dalam kurungan (dari urusan-urusan hidup di dunia ini). Demikian juga penterjemah cuba mengjelaskan ayat “**مَا خَلْفُكُمْ**” dengan ungkapan di dalam kurungan (dari huru-hara dan balasan akhirat).

c) *Hadhf Jumlah al-Istifham*

- i) Surah Yasin (36): 26

قَالَ ادْخُلُوا جَنَّةً ۖ يَا لَيْتَ قَوْمِي يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

(Setelah ia mati) lalu dikatakan kepadanya: "Masuklah ke dalam Syurga". Ia berkata; "Alangkah baiknya kalau kaumku mengetahui.

Ungkapan "قال يا ليت قومي يعلمون" merupakan *Jumlah Jawab al-Istifham* tanpa *al-Istifham*.

Dibuang *al-Istifham* "ماذا قال عند دخوله الجنة؟" (MD Noor 2006).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan *Jumlah al-Istifham* yang. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

- ii) Surah Yasin (36): 21

أَتَبْعَثُ مَنْ لَا يَسْأَلُكُمْ أَجْرًا وَهُمْ مُهْتَدُونَ

Maksudnya:

"Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang mandapat hidayah petunjuk".

Ungkapan "وَهُمْ مُهْتَدُونَ" merupakan *Jumlah Jawab al-Istifham* tanpa *al-Istifham*. Dibuang *al-Istifham* "ماذا بال من لا بسؤال الأجر في الدعوة؟" (MD Noor 2006).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan *Jumlah al-Istifham*. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

d) *Hadhf Jawab Istifham*

- i) Surah Yasin (36): 45

أَلَا يَخْذُلُ مِنْ دُونِهِ آلَهَةٌ إِنْ يُرِدُنَ الرَّحْمَنُ بِضُرٍّ لَا تُغْنِ عَيْنِ شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا وَلَا يُنْقَذُونَ

Maksudnya:

Patutkah Aku menyembah beberapa Tuhan Yang lain dari Allah? (sudah tentu tidak patut, kerana) jika Allah Yang Maha Pemurah hendak menimpakan daku Dengan sesuatu bahaya, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafaat kepadaku, dan mereka juga tidak dapat menyelamatkan daku.

Ungkapan “أَتَخْذُ مِنْ دُونِهِ أَلْهَةً” merupakan *Jumlah al-Istifham* tanpa *Jawāb al-Istifham*. Dibuang *jawāb al-Istifham*. “لَا يَنْبَغِي عَلَيْ إِخْتَادُ أَلْهَةً مِنْ دُونِ اللَّهِ” (MD Noor 2006).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *Jumlah Jawāb al-Istifham* yang dihadhafkan di dalam kurungan (sudah tentu tidak patut, kerana). Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma’naviyah kerana penterjemah cuba menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

## Kesimpulan

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa penterjemah menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *Hadhf al-Jumlah* yang datang dalam bentuk *Jumlah al-Shart*, *Jawāb al-Shart*, dan *Jawāb al-Istifham* dengan menjelmakan *jumlah* yang dihadhafkan di dalam kurungan. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma’naviyah kerana penterjemah cuba menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

Selain itu dapat disimpulkan juga bahawa penterjemah menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *Hadhf al-Jumlah* yang datang dalam bentuk *Jumlah al-Istifham* dengan tidak menjelmakan *Jumlah al-Istifham*. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan atau sesuatu yang tersirat.

Dari sudut yang lain dapat diperhatikan bahawa *Jumlah Jawāb al-Shart* yang dijelmakan pada ayat 45 iaitu (**maka kamu mengancam Kami Dengan apa yang kamu katakan itu**) agak melincong dari maksud asal iaitu “*تطير عن*”.

Secara umum dapat dirumuskan bahawa Teknik eksplisitasi elemen *Hadhf al-Jumlah* yang terkandung di dalam ayat al-Quran secara sisipan didapati sesuai dan dapat mengatasi salah faham, keliru serta manipulasi makna-makna implisit khususnya *Hadhf al-Jumlah*.

Selain itu, kesalahan penterjemah menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *Hadhf al-Jumlah* yang datang dalam bentuk *Jumlah al-Istifham* dengan tidak menjelmakan *Jumlah al-Istifham* demikian juga kesalahan terjemahan *Hadhf al-Jumlah* pada *Jumlah Jawāb al-Shart* yang dijelmakan pada ayat 45 iaitu (**maka kamu mengancam Kami Dengan apa yang kamu katakan itu**) mungkin tidak disengajakan. Ia dapat diperbetulkan jika pandangan mufassir muktabar dirujuk semula.

Diharap kajian ini dapat menjelaskan kepentingan terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Jumlah* dalam al-Quran khususnya Surah Yasin selain menjadi asas kepada kajian lanjutan merangkumi kajian teks dan kajian lapangan.

## Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran* (Cet. ke-22). Kuala Lumpur: Darul Fikir.  
Abū Shādiy, Mustafā ‘Abd al-Salām Muḥammad. (1992). *al- Hadhf al-balāghiy fī al-Qur’ān al-karīm*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Qur’ān li al-Tab‘ wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

- Fadl Ḥasan ‘Abbas. (2010). *Latā’if al-mannan wa rawā’iḥ al-bayān fī nafy al-ziyādah wa al-hadīf fī al-Qur’ān*. ‘Amman: Dar al-Nafā’is li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Fayyūd, Basyuni ‘Abd al-Fattah. (1998). *Ilm al-bayān: dirāsah tablīyyah li masā’il al-bayān*. al-Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Haziyah Hussin. (2016). *The emergence of Qur’anic exegesis in Malaysia*. In The Malay-Indonesian World Context and Interpretation, ed. Majid Daneshgar, Peter G. Riddell and Andrew Rippin, 137-174. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- MD Noor Hussin. (2006). *Al-Zāhirah al-hadīf fī sūratay hud wa yāsin dirāsah naḥwīyyah wa balāghīyyah*. Tesis Master, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Quraish Shihab. (2013). *Kaidah Tafsir: Syarat, Ketentuan, dan Aturan yang Patut Anda Ketahui dalam Memahami Ayat-ayat al-Qur’ān*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Al-Samirra’iy, Faḍil Ṣāliḥ. (1998). *Al-Ta’bir al-Qur’āniy*. ‘Amman : Dar ‘Ammār.
- al-Sayūṭiy, Jalāl al-Dīn Abd al-Rahmān bin Abī Bakr. (1998). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Tammam Ḥassan. (1994). *al-Lughah al-‘Arabiyyah : Ma‘nāhā wa Mabnāhā*. Al-Maghrib: Dar al-Thaqāfah.
- Al-Zarkasyī Muḥammad bin Bahadir bin Abdullah. (1931). *Al-Burbān fī ‘ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Ma’rifah.

## BAB 17

### PENTERJEMAHAN ELEMEN FIGURATIF BAGI ISTILAH SUFI “WARID” DALAM KITAB AL-HIKAM IBN ‘ATA’ILLAH AL-SAKANDARIY

Adnan Mat Ali<sup>1</sup>, Husni Abdullah<sup>1</sup> & Saifulah Samsudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pengenalan

Kitab Hikam Ibn 'Atha'illah al-Sakandariy merupakan sebuah kitab pada hakikatnya mengandungi tema-tema yang dipetik daripada kitab al-Qur'an serta al-Sunnah al-Nabawiyah. Lafaz-lafaz petikan al-Hikam disusun dan dipaparkan dengan begitu indah dan ringkas oleh Ibn 'Atha'illah. Beliau memaparkan susunan al-Hikam tersebut dalam bentuk yang amat menarik perhatian para pengkaji sehingga berjaya menarik ramai para cerdik pandai serta alim ulamak dari serata pelusuk dunia samada daripada generasi lampau mahupun moden untuk menyelongkar, menggali permata serta khazanah yang terkandung di dalamnya dan juga penterjemah. Antara penterjemah yang menyumbang dalam memperkayakan lagi karya terjemahan kitab al-Hikam ialah H.Salim Bahreisy. Justeru, Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti apakah kaedah penterjemahan yang digunakan oleh H.Salim Bahreisy bagi kalimah “warid” yang terkandung di dalam al-Hikam. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk analisis kandungan teks. Korpus kajian yang ditumpukan ialah terhadap istilah sufi yang hanya memfokuskan kepada perkataan “warid” sahaja berbanding isitihal-isitihal sufi yang lain. Hasil kajian mendapati bahawa perkataan tersebut diterjemahkan tidak menunjukkan maksudnya yang sebenar seperti yang terdapat di dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan.

Sejarah Semenanjung Tanah Melayu telah menunjukkan bahawa gerakan penterjemahan Arab-Melayu turut mempengaruhi perkembangan tamadun dan peradaban manusia di sekitar kawasan ini, khususnya apabila ia menerima dakwah dan ajaran Islam. Gerakan penterjemahan kitab-kitab daripada Arab ke dalam bahasa Melayu bermula sejak kurun ke-15 Masihi lagi, khususnya apabila kerajaan Acheh mengambil alih peranan kota Melaka sebagai pusat penyebaran Islam dan tamadun Melayu di Nusantara (Abdullah Ishak, 1990). Sejarah turut menunjukkan bahawa kitab pertama yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah pada kurun ke-15 Masihi ketika Sultan Alaudin Riayat Shah iaitu Sultan Melaka yang ke-6, memerintahkan salah seorang menterinya agar menterjemahkan salah satu kitab daripada Goa ke dalam bahasa Melayu (Abdullah Ishak, 1990).

Kegiatan penterjemahan ini selalunya dilakukan oleh para pengarang dari alam Melayu yang mendalamai ilmu di negara Arab itu sendiri, terutama di Mekah al-Mukarramah (Rosni Wazir, 2010). Para alim ulama yang menyebarkan ajaran Islam dan bahasa Arab melalui penterjemahan beberapa kitab utama berbahasa Arab ke bahasa Melayu telah muncul, antaranya Shaykh Hamzah al-Fansuri, Shaykh Shamsuddin al-Sumaterai, Shaykh Abdul Rauf al-Fansuri, Shaykh Yusuf Makasar, Shaykh Abdul Samad al-Falimbani, Shaykh Muhammad Nafis al-Banjari dan Shaykh Daud bin Abdullah al-Fathani. Teks-teks terjemahan yang menjadi fokus para penterjemah sebahagian besarnya melibatkan karya-karya terkenal dalam bidang Fikah, Akidah, Tasawuf, Tafsir al-Quran dan ilmu al-Hadith. Antara kitab-kitab terawal yang diterjemah ialah kitab ‘Al-Aqa'id li al-Nasafi’, ‘Hidayat al-Salikin’, ‘Bulugh al-Maram’, ‘Minhaj al-'Abidin’ dan ‘Matla' al-Badrayn’ (Majdi Ibrahim, 2009).

Penterjemahan kitab-kitab agama ini berdasarkan realiti semasa masih lagi merupakan satu aktiviti yang diberikan fokus utama oleh para penterjemah di Malaysia. Penambahan karya

penterjemahan berorientasikan bidang pengajian Islam di pasaran menjadi bukti hakikat ini. Buku-buku terjemahan seperti *Pendidikan Awal Kanak-Kanak dalam Islam* yang merupakan terjemahan kitab ‘*Tarbiyyat al-Awlad*’ pada tahun 2000, kitab *Fiqh Ma’zhab Syafie* yang merupakan terjemahan kitab ‘*Al-Fiqh al-Manhaji*’ pada tahun 2005 dan ‘*Aku dan al-Ikhwan al-Muslimin*’ yang merupakan terjemahan kitab ‘*Ana wa al-Ikhwan al-Muslimun*’ pada tahun 2011 merupakan antara buku-buku yang menjadi tumpuan para pembaca. Bahkan beberapa buku seperti *Jangan Bersedih* yang merupakan terjemahan kitab ‘*Laa Tahzan*’ yang ditulis oleh Dr. ‘Aaid al-Qarni telah mendapat sambutan yang amat baik sehingga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa orang penterjemah yang berbeza-beza.

Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus kepada para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu Tasawuf. Sebagai contoh, kitab Tasawuf yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penterjemah di Malaysia mahupun di Indonesia ialah kitab ‘*Al-Hikam*’ yang ditulis oleh Taj al-Din Abu al-Fadhl Ahmad bin Muhammad bin Abd al-Karim bin Atha’illah al-Sakandari al-Shazuli atau lebih dikenali dengan nama Ibn Atha’illah al-Sakandari. Terdapat juga kitab Tasawuf yang berorientasikan al-Hadith seperti ‘*Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*’ yang disusun oleh al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi yang mendapat perhatian para penterjemah Arab-Melayu seperti Shaykh Sharif bin Daud al-Bankali serta turut diterjemah dan diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

buku-buku ini tidak dapat dinafikan adalah satu usaha yang amat penting. Namun realitinya menurut Muhammad Bukhari Lubis (1993), kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa usaha penterjemahan begini daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, lebih-lebih lagi terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab, sungguh jauh dari memuaskan. Beliau turut menyatakan bahawa berdasarkan perangkaan yang telah dibuat jumlah hasil terjemahan Arab-Melayu hanyalah 720 judul buku sahaja dalam jangka masa Ogos 1957 sehingga April 1992 dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya disiplin ilmu-ilmu agama. Perangkaan ini amat kecil kerana ia tidak mencerminkan kesungguhan usaha menterjemah yang sebenar-benarnya.

Kajian penterjemahan secara teoritis di Malaysia, khususnya penterjemahan Arab-Melayu jarang dilakukan. Ramai penterjemah Arab-Melayu hanya terlibat dalam amali penterjemahan sahaja. Hal ini terbukti dengan terbitnya ratusan judul karya dan buku agama versi terjemahan dalam bidang Syariah, Tauhid, Tasawuf, Falsafah dan sebagainya (Muhammad Bukhari Lubis 1993). Namun satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah penekanan terhadap aktiviti penterjemahan berasaskan teori dan metod yang khusus. Keperluan berteori dalam bidang penterjemahan wajar dianggap agenda yang dapat membawa penterjemahan sebagai bidang yang berwibawa (Norwati Yusof 2005). Di sebalik aktiviti penterjemahan ini, terdapat beberapa isu penting termasuklah isu ketepatan terjemahan yang berkait rapat dengan metodologi terjemahan yang diterima pakai. Di samping keperluan menguasai bahasa asal dengan baik, aspek penguasaan ilmu berkaitan bidang yang diterjemahkan juga turut menjadi salah satu isu yang penting.

## Latar Belakang Kitab al-Hikam

Menurut al-Mu’jam al-Wasit (1972) dari segi bahasa perkataan hikam adalah merupakan kata jamak kepada perkataan hikmah yang mempunyai beberapa pengertian. Perkataan “*al-hikmah*” disebut sebanyak 19 kali di dalam al-Quran adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kata kerja *hakama*. Menurut al-Mu’jam al-Wasit, kata “*al-hikmah*” adalah kata terbitan hasil daripada kata kerja *hakama*. Kata terbitan perkataan “*al-hikmah*” yang diertikan sebagai keadilan, ilmu pengetahuan, dan kebijaksanaan. Perkataan “*al-hikmah*” adalah kata tunggal (*mufrad*). Manakala jamaknya adalah “*al-hikam*”.

Manakala dari segi istilahnya pula, perkataan “*al-hikmah*” diisyaratkan kepada perkataan yang sedikit tetapi mempunyai kandungan makna yang besar seperitimana definisi berikut:

الحكمة قول موجز صائب الفكرة رائع التعبير يتضمن معنى مسلما به يهدف إلى الخير والصواب وهي تصدر عن ثقافة أو خبرة أو تجربة.

Maksudnya:

“Kata-kata hikmat adalah kata-kata yang ringkas, mengandungi idea yang tepat, diungkapkan dengan ungkapan yang menarik, mengandungi makna yang baik dan bermatlamatkan sesuatu yang baik dan betul. Ia lahir daripada sesuatu pengetahuan kebudayaan yang tertentu ataupun sesuatu pengalaman dalam kehidupan manusia” (Ahmad Muhammad Saqr, 1990).

Menurut (Othman Napiah, 1992) kitab al-Hikam al-‘Ata’iyyah merupakan sebuah karya dakwah yang mengandungi nilai-nilai tasawuf yang amat tinggi. Kitab ini merupakan dasar kepada ajaran tasawuf Syeikh Ibn ‘Ata’illah al-Sakandari dan peraturan serta ketetapan tarekat al-Syadziliyyah . Justeru, walaupun beliau dianggap mahir dalam ilmu syariat dan juga amat memahami ilmu kesusastraan dan kesenian bahasa, namun ketokohan beliau dilihat lebih menonjol dalam bidang pendidikan ilmu tasawuf.

Menurut (Sulaiman Ibrahim, 2005), isi kandungan kitab al-Hikam al-‘Ata’iyyah membincarkan tentang beberapa persoalan pokok dalam ilmu tasawuf iaitu persoalan hakikat ketuhanan, etika sufi dan beberapa panduan serta kaedah penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*). Persoalan-persoalan utama yang disentuh berhubung hakikat ketuhanan banyak tertumpu kepada hubungan intim yang seharusnya berlaku antara manusia dan Allah, makrifat Allah, tahap-tahap golongan yang mencari makrifat Allah dan lain-lain. Sementara persoalan etika sufi, isu-isu pembersihan jiwa dan nafsu (*tazkiyat al-nafs*) pula difokuskan kepada kepentingan seorang hamba yang *salik* untuk menyucikan nafsunya daripada kekotoran dosa dan maksiat, pemurnian akhlak daripada akhlak tercela kepada akhlak terpuji, membincarkan keajaiban-keajaiban hati dan nafsu, persoalan zikir dan ‘uzlah yang menjadi wasilah utama ke arah (*tazkiyat al-nafs*) dan lain-lain. Kitab ini juga membahaskan tentang munajat ketuhanan yang banyak menyentuh hati yang termuat dalam bahagian ketiga dalam kitab al-Hikam al-‘Ata’iyyah (Sulaiman Ibrahim, 2005). Secara umumnya kandungan kitab tersebut merangkumi beberapa aspek teori dan pemikiran yang sebahagiannya berbentuk sufi, falsafah, fiqh dan masalah ilmu.

## Elemen Figuratif

Dalam Kamus Dewan edisi keempat, figuratif menunjukkan makna (perkataan, rangkai kata, dan sebagainya) yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, atau bersifat kiasan atau lambang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Menurut (Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan, 2008)pula bahasa figuratif adalah bahasa kiasan, iaitu bahasa yang mempunyai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya.

Dalam konteks kajian ini, elemen figuratif (*majazi*) bermaksud istilah-istilah sufi dalam kitab al-Hikam yang mengandungi gaya bahasa berbentuk ungkapan–ungkapan yang maknanya berlainan daripada makna yang sebenar. Antara gaya bahasa dalam ungkapan yang terdapat di dalam kitab al-Hikam antaranya *isti’arab*, *kinayah* dan *majaż mursal* dan lain-lain elemen lagi yang didapati di dalam kitab al-Hikam.

## Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah ataupun strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah iaitu H.Salim Bahreisy untuk menterjemah al-Hikam. Korpus bagi kajian ini adalah daripada kitab terjemahan H.Salim Bahreisy yang berjudul Terjemahan al-Hikam. Kajian ini hanya memfokuskan kepada satu istilah sufi sahaja yang mempunyai unsur bahasa figuratif iaitu perkataan “warid”. Pengkaji akan mengeluarkan perkataan “warid” daripada al-hikam berserta terjemahannya oleh H.Salim Bahreisy. Seterusnya pengkaji akan memastikan perkataan yang dikeluarkan itu menepati istilah sufi dengan merujuk kepada kamus sufi yang berjudul al-Mu’jam al-Sufiy karangan doktor Abdul Mun’im al-Hafniy. Setelah itu pengkaji juga akan merujuk perkataan sufi yang dimaksudkan melalui Kamus Besar Arab Melayu Dewan untuk mengenalpasti makna bagi perkataan sufi tersebut. Di akhirnya pengkaji akan memadankan terjemahan istilah sufi “warid” yang diterjemahkan oleh oleh H.Salim Bahreisy dengan kaedah atau strategi penterjemahan Larson bagi mengenalpasti kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dalam penterjemahan isitilah sufi dalam al-Hikam. Pengkaji juga membuat tinjauan terhadap terjemahan al-Hikam oleh Syaikh Malik Abdullah melalui buku terjemahannya yang berjudul Syarah Hikam Tok Pulau Manis bagi memastikan padanan terjemahan itu menepati sepertimana yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Di antara metode yang akan digunakan dalam kajian ini adalah analisis kontrastif, analisis Larson dan analisis konteks.

### Analisis Kontrastif

Menurut (Ananiy, 2005) Istilah analisis kontrastif merujuk kepada kajian yang dilakukan terhadap dua bahasa bertujuan untuk memerhatikan aspek perbezaan dan juga persamaan di antara kedua-duanya khususnya dari aspek struktur ayat ataupun susunan ayat. Seperti yang dinyatakan oleh (Palumbo, 2009) analisis kontrastif merupakan satu jenis analisis dalam kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa asing, yang pada kebiasaannya bertujuan untuk membuat tinjauan terhadap kes yang berkaitan dengan gangguan yang berlaku atau yang berpotensi untuk berlakunya sebarang gangguan antara bahasa. (Maheram Ahmad, 2008) menyebut bahawa kajian yang berbentuk konstrastif boleh diterima pakai dalam bidang penterjemahan selama mana ianya melibatkan kajian antara dua bahasa yang berbeza.

### Analisis Larson

(Midred L. Larson, 1984) dalam bukunya bertajuk Meaning Based Translation: A Guide To Cross Language Equivalence. Dalam bukunya Larson telah membincangkan cara menterjemah metafora dan simili dengan menggunakan strategi-strategi menterjemah seperti di bawah ini.

- a) Menterjemah dengan mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber.
- b) Menukar bahasa sumber kepada bentuk simili dalam bahasa Sasaran.
- c) Menukar bahasa sumber ke bahasa Sasaran yang mempunyai makna yang sama.
- d) Mengelakkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.
- e) Menterjemah tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber.
- f) Tidak diterjemahkan atau pelepasan.

### Analisis Kontek dan Linguistik

Menurut (Reiss, 2011) beliau berpendapat bahawa banyak aspek yang boleh diambil kira dalam proses kritikan terhadap terjemahan. Di antara aspek yang terlibat dalam proses tersebut ialah yang melibatkan komponen linguistik seperti semantik, leksikal, tatabahasa dan juga stilistik. Menurut beliau lagi, terdapat aspek lain yang bukan linguistik yang turut menjadi aspek penentu

merangkumi faktor audiens, tempat, masa, penutur dan juga keadaan yang hampir.

Seperti yang disebutkan oleh (Kamaruddin Husin, 1995) bahawa kepentingan terhadap keperihalan peristiwa bahasa (contextual features) serta ciri-ciri linguistik yang terdapat dalam teks, khususnya bagi pengkaji yang menjalankan kajian yang berkaitan dengan aspek laras bahasa.

Menurut (al-Qaradawiy, 2006) bahawa kamus turut memainkan peranan yang penting dalam memahami sesuatu teks khususnya teks al-Hadith. Beliau juga turut menyatakan bahawa dengan mengguna pakai pendekatan bahasa sahaja tidak mencukupi untuk memberikan kefahaman yang sebenar, khususnya bagi menghadapi realiti umat Islam yang pelbagai yang wujud pada zaman ini.

(al-Sibaa'iy, 2010) turut menyatakan bahawa yang menjadi kayu ukur dalam menentukan kesahihan penerimaan sesuatu teks ialah aspek bahasa. Beliau menyatakan lagi bahawa dalam menentukan kesahihan sesuatu matan al-Hadith yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W hendaklah secara asasnya bersandarkan kepada leksikal yang tidak bercanggah dengan prinsip kefasihan bahasa Arab.

Justeru, pengkaji akan membuat penelitian dalam kajian ini berdasarkan metodologi penterjemahan elemen figuratif daripada terhadap korpus kajian melalui metode analisis yang telah dinyatakan di atas.

#### Istilah Sufi : *Warid*

Bil. Hikam	Al-Hikam	H.Salim Bahreisy (HSB)	Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD)	Mu'jam Sufiy (MS)	Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM)
62	أورد عليك إنما الوارد لنكون به عليه واردا	Sesungguhnya Tuhan memberikan kepadamu warid (iaitu ilmu pengertian atau perasaan dalam hati, sehingga mengenal dan merasa benar-benar akan kebesaran kurnia rahmat Allah), hanya semata-mata supaya kau mendekati dan masuk ke hadirat Allah.	Jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.	Suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib	Hanya sesungguhnya Haq Taala mendatangkan kepadamu warid berupa segala makrifat rabbaniah hanya semata-mata supaya anda mendekati dan masuk ke hadiratNya dengan warid itu.
63	أورد عليك الوارد ، ليسلمك من الأغيار يد وليحررك من رق	Allah memberikan kepadamu warid itu semata-mata untuk menyelamatkan engkau dari	Jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam	Suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak	Sesungguhnya Haq Taala mendatangkan warid kepada anda semata-mata untuk menyelamatkan anda daripada

	الآثار	cengkaman benda-benda, dan membebaskan dari perbudakan segala sesuatu selain Allah.	ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.	sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib	cengkaman benda-beda (untuk kepentingan dunia dan nafsu syahwat), dan membebaskan anda daripada diperhambakan oleh segala sesuatu selainNya.
64	لِيَخْرُجَكُ الْوَارِد مِنْ سَجْنٍ وَجُودُكُ إِلَى فَضَاءٍ شَهُودُكُ	Allah memberikan kepadamu warid (kurnianya) supaya engkau keluar/terlepas dari kurungan bentuk kejadian dan sifat-sifatmu, ke alam luar yang berupa makrifat mengenal kebesaran kekuasaan dan kurnia Tuhanmu.	Jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.	Suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib	Haq Taala mendatangkan warid kepada anda supaya dapat mengeluarkan anda daripada kurungan penjara adanya anda ke medan syuhudmu (pandangan mata hatimu).
77	إِذَا رأَيْتَ عَبْدًا أَقَامَهُ اللَّهُ تَعَالَى بِوُجُودِ الْأَوْرَادِ وَأَدَمَهُ عَلَيْهَا مَعِ طُولِ الْإِمْدادِ فَلَا تَسْتَحْقِرْنَ مَا مِنْ مُوْلَاهُ لَأَنَّكُ لَمْ تَرِ عَلَيْهِ سِيمَا الْعَارِفِينَ وَلَا بَحْجَةَ الْحَبِيبِينَ فَلَوْ لَا وَارِدٌ مَا كَانَ وَرَدٌ	Tidak akan meremehkan wirid, kecuali orang yang bodoh (sangat tolol). Kurnia Allah (warid) terdapat di akhirat, tetapi wirid akan habis dengan habisnya dunia. Dan sebaik-baik (seutama-utama) yang harus diperhatikan oleh seseorang iaitu yang tidak kunjung habis, wirid itu sebagai perintah Allah kepadamu, sedang warid (kurnia) itulah hajat keperluanmu dari	Jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.	Suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib	Tidak akan meremehkan wirid, kecuali orang yang bodoh (sangat tolol). Warid (tibanya suatu perkara kedatangan dalam perasaan hati sebagai kurnia Allah Taala) akan ditemui di akhirat.

		Allah. Maka di manakah letak bandingan antara perintah Allah kepadamu dengan pengharapanmu dari Tuhan.			
122	لا يستحرر الورد إلا جهول، الوارد يوجد في الدار الآخرة، والورد ينطوي بانطواء هذه الدار وأولى ما يعتني به ما لا يخف وجوده، الورد هو طالبه منك والوارد أنت تطلب منه، وأين ما هو طالبه منك مما هو مطلبك منه.	Jika kau melihat seorang yang ditetapkan oleh Allah dalam menjaga wiridnya, dan sampai lama tidak juga menerima kurnia (keistimewaan) dari Allah, maka jangan kau remehkan pemberian Tuhan kepadanya, kerana belum terlihat padanya tanda orang arif, atau keindahan orang cinta pada Allah, sebab sekiranya tidak ada warid (kurnia Allah), maka tidak mungkin adanya warid.	Jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.	Suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib	Apabila anda melihat seorang hamba ditempatkan oleh Allah Taala dalam melakukan wirid-wirid iaitu dengan mentertibkan segala amal pada setiap waktu dan halnya dan dikekalkannya oleh Allah Taala ke atasnya dengan pertolonganNya yang terus menerus seperti meluaskan rezekinya, maka janganlah anda meremehkan apa yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepadanya, lantaran anda belum melihat tanda-tanda orang arif padanya, atau keindahan orang yang mencintai Allah Taala. Seandainya tidak ada warid ilahi yang datang dalam hatinya, maka tidak mungkin adanya wirid.
229	الوارد يأتي من حضرة قهار لأجل ذلك لا يصادمه شيء	Warid (kurnia iman dari Tuhan) itu memang datangnya dari yang menang dan mengalahkan segala yang lainnya, kerana	Jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh,	Suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja	Warid (suatu kedatangan atau kedapatan dalam perasaan hati) itu datang daripada Hadrat Tuhan yang Qahhar (Hadrat Zat yang kuasa

	<p>إِلَّا دَمْعَهُ "بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فِي دَمْعَهِ إِنَّا هُوَ "زَاهِقٌ"</p>	<p>itu bila warid tiba, maka tiada sesuatu berhadapan padanya melainkan dimusnahkannya.</p> <p>Ayat: Tetapi Kami melemparkan itu hak di atas yang batil, maka melenyapkannya, maka tetaplah batil itu musnah (hancur)</p>	<p>muncung hidungnya, import.</p>	<p>dalam bentuk sesuatu yang ghaib</p>	<p>memaksakan kehendak), yakni datangnya daripada yang menang, maka kerana itulah bila warid tiba, tidak ada sesuatu yang boleh mengalahkannya bila berhadapan dengannya melainkan dimusnahkannya. Sebagaimana firman Allah Taala: “Bahkan Kami sentiasa mengarahkan yang benar menentang yang salah (palsu), lalu ia menghancurkannya, maka dengan serta merta hilang lenyaplah dia”.</p>
--	--	---	-----------------------------------	--	--

## Analisis

Sampel 1

إِنَّمَا أُورِدُ عَلَيْكَ الْوَارِدُ لِتَكُونَ بِهِ عَلَيْهِ وَارِداً

(Hikmah:62)

Teks terjemahan:

*Sesungguhnya Tuhan memberikan kepadamu warid (iaitu ilmu pengertian atau perasaan dalam hati, sehingga mengenal dan merasa benar-benar akan kebesaran kurnia rahmat Allah), hanya semata-mata supaya kau mendekat dan masuk ke hadirat Allah. (H.Salim Bahreisy, 2001)*

### Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *warid*. Perkataan ini membawa maksud ‘jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahan dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *warid* tersebut merujuk kepada maksud ‘*warid* berupa segala makrifat rabbaniyah’ (SHTPM, 2012). Perkataan *warid* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* yang mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

### Sampel 2

أورد عليك الوارد ، ليتسلّمك من يد الأغيار وليحررك من رق الآثار

(Hikmah:63)

Teks terjemahan:

*Allah memberikan kepadamu **warid** itu semata-mata untuk menyelamatkan engkau dari cengkaman benda-benda, dan membebaskan dari perbudakan segala sesuatu selain Allah. (H.Salim Bahreisy, 2001)*

### Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *warid*. Perkataan ini membawa maksud ‘jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah tidak merujuk kepada apa-apa yang dimaksudkan oleh perkataan ‘*warid*’ (SHTPM, 2012). Perkataan *warid* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* yang Menterjemah dengan mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati tiada terjemahan yang dikemukakan oleh HSB, namun begitu terjemahan tersebut masih lagi menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

### Sampel 3

ليخرجك من سجن وجودك إلى فضاء شهودك أورد عليك الوارد

(Hikmah:64)

Teks terjemahan:

*Allah memberikan kepadamu **warid (kurnianya)** supaya engkau keluar/terlepas dari kurungan bentuk kejadian dan sifat-sifatmu, kea lam luar yang berupa makrifat mengenal kebesaran kekuasaan dan kurnia Tuhanmu. (H.Salim Bahreisy, 2001)*

### Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *warid*. Perkataan ini membawa maksud ‘jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah tidak menyatakan maksud bagi perkataan *warid*. (SHTPM, 2012). Perkataan *warid* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* yang mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

#### Sampel 4

إِذَا رَأَيْتَ عَبْدًا أَقَامَهُ اللَّهُ تَعَالَى بِوْجُودِ الْأَوْرَادِ وَأَدَمَهُ عَلَيْهَا مَعَ طُولِ الْإِمْدَادِ فَلَا تَسْتَحْقُرْنَ مَا مَنَعَ  
بَحْجَةُ الْمُحْبِينَ فَلَوْ لَا وَارَدٌ مَا كَانَ وَرَدٌ مُولَّاً لَأَنَّكَ لَمْ تَرْ عَلَيْهِ سِيمَا الْعَارِفِينَ وَلَا

(Hikmah:77)

Teks terjemahan:

*Jika kau melihat seorang yang ditetapkan oleh Allah dalam menjaga wiridnya, dan sampai lama tidak juga menerima kurnia (keistimewaan) dari Allah, maka jangan kau remehkan pemberian Tuhan kepadanya, kerana belum terlihat padanya tanda orang arif, atau keindahan orang cinta pada Allah, sebab sekiranya tidak ada warid (**kurnia Allah**), maka tidak mungkin adanya warid. (H.Salim Bahreisy, 2001)*

#### Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *warid*. Perkataan ini membawa maksud ‘jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut perkataan *warid* tanpa merujuk kepada apa-apa maksud terjemahan (SHTPM, 2012). Perkataan *warid* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* yang mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

#### Sampel 5

لَا يَسْتَحْقِرُ الْوَرَدُ إِلَّا جَهُولٌ، الْوَارَدُ يَوْجِدُ فِي الدَّارِ الْآخِرَةِ، وَالْوَرَدُ يَنْطَوِيُّ بِانْطَوَاءِ هَذِهِ الدَّارِ وَأَوْلَى مَا يَعْتَنِيُ بِهِ مَا  
لَا يَخْلُفُ وَجْهَهُ، الْوَرَدُ هُوَ طَالِبُهُ مِنْكَ وَالْوَارَدُ أَنْتَ تَطْلُبُهُ مِنْهُ، وَأَيْنَ مَا هُوَ طَالِبُهُ مِنْكَ مَا هُوَ مَطْلُوبُكَ مِنْهُ.

(Hikmah:122)

Teks terjemahan:

*Tidak akan meremehkan wirid, kecuali orang yang bodoh (sangat tolol). **Kurnia Allah (warid)** terdapat di akhirat, tetapi wirid akan habis dengan habisnya dunia. Dan sebaik-baik (sentama-utama) yang harus diperhatikan oleh seseorang iaitu yang tidak kunjung habis, wirid itu sebagai perintah Allah kepadamu, sedang **warid (kurnia)** itulah hajat keperluanmu dari Allah. Maka di manakah letak bandingan antara perintah Allah kepadamu dengan pengharapanmu dari Tuhan. (H.Salim Bahreisy, 2001)*

#### Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *warid*. Perkataan ini membawa maksud ‘jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahar dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu perkara yang datang dalam

hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib' (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *warid* tersebut merujuk kepada maksud 'tibanya suatu perkara kedatangan dalam perasaan hati sebagai kurnia Allah Taala' (SHTPM, 2012). Perkataan *warid* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* yang mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

#### Sampel 6

الوارد يأْتِي من حضرة قهار لِأَجْل ذلك لا يصادمه شيء إِلا دمغه "بل نقذف بالحق على الباطل

"فيدمغه فإذا هو زاهق"

(Hikmah: 229)

Teks terjemahan:

**Warid (kurnia iman dari Tuhan)** itu memang datangnya dari yang menang dan mengalahkan segala yang lainnya, kerana itu bila warid tiba, maka tiada sesuatu berhadapan padanya melainkan dimusnahkannya. Ayat: Tetapi Kami melemparkan itu bak di atas yang batil, maka melenyapkannya, maka tetaplah batil itu musnah (hancur) (H.Salim Bahreisy, 2001)

#### Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *warid*. Perkataan ini membawa maksud 'jalan, yang berani, yang handal, pengambil air, nama salah satu bahan dalam ilmu Arudh, muncung hidungnya, import.' (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna 'suatu perkara yang datang dalam hati seseorang hamba secara tidak sengaja dalam bentuk sesuatu yang ghaib' (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *warid* tersebut merujuk kepada maksud 'suatu kedatangan atau kedapatan dalam perasaan hati' (SHTPM, 2012). Perkataan *warid* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* yang mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

## Rumusan

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa perkataan *warid* terdapat di dalam enam hikmah yang berbeza dalam kitab Terjemahan al-Hikam yang diterjemah oleh H.Salim Bahreisy. Berdasarkan konteks ayat pengkaji mendapati bahawa semua perkataan *warid* yang disebut di dalam Hikmah tidak meunjukkan atau memberikan maknanya yang sebenar seperti mana maksud perkataan tersebut di dalam Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. Sebaliknya ia menunjukkan makna yang berbentuk figuratif ataupun majazi.

## Rujukan

- Abdullah Ishak. (1990). *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Ananiy, Muhammad. (2005). *Nazariyyat al-Tarjamat al-Hadithat: Madkhal Ila Mabbath Dirasat al-Tarjamat*. Kaherah: al-Syarikat al-Misriyyat al-'Alamiyyat Li al-Nasyr.
- Bahreisy, H. Salim. (2001) *Terjemahan al-Hikam, Pendekatan Pengabdian Pada Khalig*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Kamaruddin Hussin. (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan*. Edisi Empat. (2007). Cet. 2. Kuala Lumpr: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Arab-Melayu* Dewan. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maheram Ahmad. (2008). *Permasalahan Terjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majdi Ibrahim. (2009). *Al-Tarjamat bayn al-'Arabiyyat wa al-Malayuviyyat: al-Nazariyyat wa al-Mabadi*. IIUM Press.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1993). *Menerjemahkan Idiom Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu: Beberapa Pengalaman*. Kertas Kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu. Anjuran UKM dan DBP. Kuala Lumpur.
- Al-Mu'jam al-Sufiy*. (1997). Kaherah: Dar al-Rasyad.
- Al-Mu'jam al-Wasit*. (1972). Istanbul: al-Maktabat al-Islamiyyat.
- Norwati Md. Yusof. (2005). *Teori Terjemahan: Keperluan Berteori dalam KOnteks Terjemahan di Malaysia*. Dalam: Terjemahan dan Penggobalan Ilmu. PTS Profesional Publishing.
- Othman Napiah. (1992). *Ajaran-Ajaran Tasawwuf Ibn 'Ata'illah al-Iskandari Yang Penting Dalam Kitabnya al-Hikam*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Palumbo, Giuseppe. (2009). *Key Terms in Transtaltion Studies*. London: Continuum International Publishing Group.
- Al-Qaradawiy, Yusof. (2006). *Kayf Nata'amal Ma'a al-Sunnat al-Nabawiyyat*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Reiss, Katharina. (2011). *Kritikan Terjemahan: Potensi dan Batasan*. Penterjemah: Noor Ida Ramli. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Rosni Waazir. (2010). *Metodologi Terjemahan Kitab Hadith 40 Oleh Mustafa Abdul Rahman dan Asbiran Yaacob*. Dalam: Jurnal Pengajian Islam, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan & Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Saqar, Ahmad Muhammad. (1990). *Al-Adwa' Fi al-Lughat al-'Arabiyyah*. Kaherah: Nahdat Misr Li al-Tiba'at Wa al-Nasr Wa al-Tawzi'.
- Al-Siba'iyy, Mustafa. (2010). *Al-Sunnat wa Makamatuba fi al-Tasyri' al-Islamiy*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Sulaiman Ibrahim. (2005). *Manhaj Dakwah al-Syayk Ibn 'Ata'Allah al-Sakandary dan Pengaruhnya di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Syaykh Malik Abdullah. (2012). *Syarah Hikam Tok Pulau Manis*. Johor: Perniagaan Jahabersa.

## BAB 18

### IMEJ PARA PEMIMPIN BANI UMAYYAH DARI SISI PUSSI *AL-NAQA'ID*

Saifulah Samsudin<sup>1</sup>, Abdul Manan Yusof<sup>1</sup> & Adnan Mat Ali<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pengenalan

Puisi pada era Bani Umayyah berkembang dengan pesat selaras dengan perubahan gaya hidup masyarakat pada waktu tersebut samada dalam bidang politik, sosial, ekonomi dan kesenian. Salah satu genre puisi yang mengalami perubahan ialah puisi celaan (*al-Hija*). Situasi sesuatu masyarakat sentiasa mendapat perhatian para saterawan dalam hasil karya mereka sehingga dikatakan bahawa sastera merupakan cermin kepada masyarakat (Mustafa Nasif). Ini berkmakna sesuatu hasil seni bina itu secara tidak langsung terkesan dengan situasi masyarakat itu membentuk sebahagian dari isi kandungan sesuatu hasil seni tersebut. Mustafa Nasir menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan situasi masyarakat ini ialah rangkuman setiap perkara yang berkaitan dengan manusia dan apa yang menjadi kepentingan hidup mereka (Mustafa Nasif)..

#### Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti bentuk imej para pemimpin Bani Umayyah yang terdapat dalam antologi puisi *al-Naqa'id* milik Jarir, al-Farazdaq dan al-Akhtal.

#### Pendekatan Kajian

Kajian ini menerima pakai teknik analisis kandungan tidak ketara. Analisis kandungan tidak ketara merupakan satu teknik penyelidikan yang memerlukan penyelidik agar membaca, meneliti, dan mentafsirkan teks tersebut mengikut tema kajiannya. Dengan itu, teks-teks puisi yang terdapat dalam antologi puisi yang dipilih diteliti satu persatu bagi mencari maklumat berkaitan aspek skop kajian untuk dianalisis. Dalam kajian linguistik, pendekatan analisis kandungan ini dikenali sebagai kajian korpus.

Kajian ringkas ini akan memberikan tumpuan kepada dua korpus utama iaitu antologi pusi:

1. *Naqa'id Jarir wa al-Akhtal* yang disusun oleh Abu Tammam al-Ta'I, terbitan 1922.
2. *Naqa'id Jarir wa al-Farazdaq* susunan Anthony Ashley Bevan yang diterbitkan oleh syarikat percetakan Dar Sadir.

## Politik Pada Zaman Bani Umayyah

Pembentukan kerajaan Bani Umayyah bermula pada tahun 41 Hijrah selepas kematian Khalifah al-Rasyid yang keempat iaitu sayyidina Ali RAH dan berakhir pada tahun 132 Hijrah (Umar Farrukh: 1989) Nama kerajaan ini merujuk kepada Umayyah bin Abdul Syams, salah seorang pemuka Quraisy yang terkenal pada zaman Jahiliyyah (Ahmad al-Syalabi. 1984)

Berlaku beberapa peristiwa sebelum terbentuknya kerajaan ini, seperti peristiwa pembunuhan Sayyidina Uthman bin al-Affan, majlis al-tahkim serta pembunuhan Sayyidina Ali bin Abi Talib RAH menjadikan senario kehidupan masyarakat Bani Umayyah khususnya dari aspek politik tidak stabil. Landskap politik dengan pelbagai aliran seperti al-Umawiyun, Syiah, al-Khawarij dan al-Zubayriyun menjadikan perebutan kepada kepimpinan politik agak rancak.

Pertempuran dan perebutan ini bukan hanya di sekitar krisis fizikal sahaja bahkan turut melibatkan dimensi fikrah dan kesenian. Lantaran itu genre puisi turut dijadikan platform untuk saling menyerang antara satu sama lain. Antara genre puisi yang menjadi pilihan ialah pusi al-Naqa'id.

## Perkembangan Puisi *al-Naqa'id*

### Definisi:

Perkataan *al-Naqa'id* (النَّقَائِضُ) merupakan kata jamak bagi *naqidah* (نقيضة) yang memberikan beberapa makna antaranya: meruntuhkan jika disandarkan kepada bangunan, melerikan simpulan, mengingkari janji dan menolak kata-kata orang lain (Ibn Manzur. 1968). Dari segi istilah, pusi *al-Naqa'id* ialah puisi yang disampaikan oleh seseorang penyair untuk mencela seseorang penyair dan kabilahnya lantas penyair yang dicela akan menjawab Kembali celaan tersebut dengan puisi yang mempunyai *wazn* dan *qafiyah* yang sama dengan penyair pertama (Abdul Qadir Qatt). Keunikan puisi ini terserah bukan sahaja pada ciri struktural puisi bahkan turut merangkumi aspek makna, apabila penyair kedua menggunakan kebanggaan penyair pertama terhadap kabilah dan keluarganya kepada sumber celaan dan ejekan.

### Ciri-ciri Puisi *al-Naqa'id*:

Puisi *al-Naqaid* mempunyai beberapa ciri utama:

#### 1. Kesatuan tema

Iaitu persamaan tema puisi penyair yang kedua dengan puisi penyair pertama samada tema banggan (*al-fakhr*), celaan (*al-bija*), politik (*al-siyasah*) ratapan (*al-rista*) atau (*al-nasib*) (Ihsan al-Nas.1964)

#### 2. kesatuan struktur

Kedua-dua puisi menggunakan *bahr* (metre khusus yang digunakan oleh penyair untuk menyusun bait puisi), *qafiyah* (huruf terakhir dalam satu bait puisi sehingga huruf bertanda sukun sebelumnya serta huruf yang berbaris sebelum sukun) dan huruf *rawi* (huruf terakhir dalam satu *qafiyah*).

#### 3. Teknik pengolahan isi

Para penyair sering menggunakan pendekatan berdasarkan pidato dan logik untuk menjawab setiap celaan penyair lawan berdasarkan dalil dan hujah yang kuat. Pendekatan ini dalam mematikan hujah lawan menyamai teknik berfikir yang sering diguna pakai oleh para sarjana dari disiplin ilmu mantiq, falsafah, ilmu kalam dan fiqh dalam perbahasan ilmiah mereka (Muhammad Abdul Qadir Ahmad. 1982).

## Para Penyair puisi al-Naqa'id

Terdapat tiga tokoh penyair yang terkenal melibatkan diri dalam kancang pertembungan puisi al-Naqa'id ini:

### 1. Jarir

Beliau adalah Jarir bin Atiyyah bin Huzaifah al-Khatafi (al-Dinuri) yang berasal daripada kabilah Tamim dan Kulayb. Keluarga Jarir ramai yang melibatkan diri dalam aktiviti penternakan kambing (Shawqi Dayf. 164-165). Tiada rekod yang menyatakan tarikh kelahirannya namun pengkaji berbeza pandangan tentang tahun kematiannya. Menurut al-Asfahani beliau meninggal dunia pada tahun 114 Hijrah.

Jarir terlibat dalam kancang konflik antara para penyair ketika mula mempertahankan maruah kabilahnya daripada celaan penyair bani Salit iaitu Ghassan al-Saliti. Beliau turut menjadi salah seorang penyair yang mempertahankan kerajaan Bani Umayyah (al-Asfahani). Terdapat banyak bait beliau yang menunjukkan kenyataan ini.

### 2. al-Farazdaq

Nama beliau adalah Hammam bin Ghalib bin Sa'sa'ah (Ibn Qutaybah) berasal daripada kabilah Bani Tamim dan al-Mujashi'. Gelaran al-farazdaq diberikan kepada beliau kerana kebengisan wajahnya (Shawqi Dayf). Berbanding Jarir, sejarah keluarga al-Farazdaq dipenuhi dengan keagungan dan kemasyhuran. Ini membuatkan beliau sering menyebut-nyebut keagungan tersebut dalam puisinya.

Riwayat menunjukkan kehidupan al-Farazdaq dipenuhi dengan kepoyaan dengan kecenderungan beliau kepada arak dan majlis hiburan (Syakir Fahham.1988). Cara hidup ini merupakan cara hidup sebahagian para penyair pad zaman tersebut. Namun berdasarkan kepada puisi al-Farazdaq serta beberapa riwayat menunjukkan bahawa beliau Kembali kepada kehidupan beragama di akhir hayat beliau (al-Asfahani).

### 3. Al-Akhtal

Nama beliau ialah Ghiyath bin Gauth dari Bani Taghib (Ibn Qutaybah) yang merupakan salah satu daripada kabilah yang membentuk bangsa Arab Rabi'ah (Umar Farrukh). Kebanyakan kabilah ini beragama Nasrani. Al-Akhtal terkenal dengan keberanian dan kepetahan berbicara. Beliau tidak menyembunyikan agamanya di hadapan khalayak bahkan sentiasa memakai salib di leher walau semasa bertemu dengan para khalifah (Lewis Shico). Beliau kekal dengan agamanya sehingga ke akhir hayatnya.

## Imej (*al-Surah*) di Sisi Pengkritik Sastera

Isu imej/gambaran atau di dalam istilah disiplin ilmu *al-naqd al-adabiy* (kritikan sastera) merupakan salah satu isu yang mendapat perhatian para pengkritik sastera. Jika dilihat kepada kritikan sastera klasik (*al-naqd al-qadim*) mereka telah mengkhususkan bahagian khas membincangkan tentang topik ini khususnya dalam membincangkan hubungan di antara imej (*al-surah*) dan isi kandungan (*al-madmun*). Para pengkaji seperti al-Jahiz dan Ibn Rashiq telah membincangkan hubungan antara kedua-duanya serta aspek yang mana memainkan peranan yang lebih penting dalam penilaian kualiti sesuatu hasil seni.

### 1. *Al-Surah* Dari Segi Bahasa

Kamus Dewan (2016) menerangkan imej sebagai gambaran, cerminan atau bayangan. Dalam bahasa Arab, imej/gambaran atau *al-surah* berasal dari kata kerja صور (*sawwara*) yang bererti: menggambarkannya dengan gambaran yang teliti, sementara kata nama *surah* pula membawa erti 'benda yang digambarkan' (al-Khalil al-Nahwi. 1991).

## 2. al-Surah Dari Segi Istilah

Para pengkaji sastera Arab telah memberikan beberapa definisi terhadap istilah ini, antaranya:

a. Al-Surah ialah sesuatu benda yang sama dan menyerupai objek yang asal, samada berbentuk penjasadan seperti ukiran atau lukisan atau ia berbentuk khayalan seperti khayalan seorang seniman di dalam penulisannya. al-Surah di sisi seorang seniman akan wujud dalam bentuk *tashbih* atau *istiarah* yang dipanggil dengan nama *al-surah al-bayanyyah* (al-Tunji. 1993). Definisi yang diberikan oleh Muhammad al-Tunji ini lebih menerangkan konsep umum bagi *al-surah*. al-Tunji kemudian mendatangkan definisi lain dengan mengkhususkan definisi tersebut kepada *al-surah al-adabiyah* ataupun gambaran sastera. Beliau menyatakan bahawa *al-surah al-adabiyah* itu ialah apa yang digambarkan oleh akal para sasterawan dengan menggunakan lafaz sebagaimana berus lukisan digunakan untuk melakarkan gambar dan ia turut dipengaruhi oleh emosi seniman samada gembira atau sedih.

Al-Tunji turut menyatakan bahawa *al-surah al-adabiyah* ini berkait rapat dengan *al-surah al-balaghyyah* yang menjadi salah satu elemen penting baginya di mana para seniman akan cuba menggunakan *al-surah al-balaghyyah* yang berteraskan ilmu *al-maani*, *ilmu al-bayan* dan *al-badi* untuk mencantikkan lagi *al-surah al-adabiyah* pada karyanya .

b. Muhammad bin Abdul Mun'im al-Khafaji (1995) berpandangan bahawa *al-surah* merupakan rangka bagi sesuatu teks sastera dan ia merupakan lawan bagi *al-madmum* (isi kandungan). Beliau turut menyatakan bahawa *al-surah* merangkumi *al-uslub* dan khayalan yang mewarnai perasaan. Dari definisi ini jelaslah bahawa *al-surah* merupakan rangka luar bagi sesuatu hasil sastera dan ia lebih hampir kepada definisi terhadap *al-surah al-balaghyyah* yang diberikan oleh Muhammad al-Tunji.

c. *Al-Surah* adalah gambaran terhadap pengalaman dalam bentuk pemikiran.

Melalui definisi ini dapat disimpulkan bahawa para pengkaji telah memberikan pengertian yang pelbagai terhadap istilah gambaran atau *al-surah*, tetapi di dalam kajian ini penulis akan mengkaji teks puisi *al-naqa'id* berdasarkan konsep *al-surah al-adabiyah* yang diberikan oleh Muhammad al-Tunji.

## Analisis

Politik merupakan antara gambaran utama yang terdapat dalam puisi *al-naqa'id* pada zaman Bani Umayyah. Jika dilihat dalam *naqa'id* Jarir dan al-Akhtal kita akan dapati gambaran ini lebih kelihatan berbanding *naqa'id* Jarir dan al-Farazdaq.<sup>426</sup> Ini kerana *naqa'id* Jarir dan al-Farazdaq bermula dengan faktor *'asabiyah* dan ekonomi. Manakala *naqa'id* Jarir dan al-Akhtal pula berpunca dari faktor politik iaitu melalui usaha Bishr Bin Marwan yang melagakan kedua-dua penyair. Dari sudut idea politik pula al-Akhtal menjadi pengikut Bani Umayyah yang setia. Sementara Jarir pula, walaupun menyokong Bani Umayyah namun sokongannya terhadap parti al-Dhubayriyyin menjadikannya dalam kondisi yang bertentangan dengan al-Akhtal. Kajian ini akan cuba menyingkap imej para pemimpin Bani Umayyah yang terdapat dalam puisi *al-naqa'id*.

### Imej para khalifah Bani Umayyah

Khalifah Bani Umayyah digambarkan dengan imej seperti berikut:

#### 1. Pemimpin yang Adil

Keadilan merupakan ciri utama yang perlu dimiliki oleh mana-mana pihak yang memerintah. Para penyair *al-naqa'id* sering menyebut beberapa orang khalifah Bani Umayyah seperti Abdul-

Malik bin Marwan, Hisham dan Sulaiman bin Abdul-Malik. Penyair al-naqa'id menggambarkan corak pemerintahan khalifah-khalifah tersebut dipenuhi dengan keadilan. al-Farazdaq menggambarkan pemerintahan Hisham bin Abdul Malik, katanya (A.A Bevan. Hlm: 1013):

**فجاء بسنة العمررين فيها شفاء للصدور من القسام**

Maksudnya:

1. *Dia telah datang dengan sunnah dua 'Umar (Abu Bakr dan 'Umar) padanya penawar bagi dada yang kesakitan.*

Al-Farazdaq menggambarkan pendekatan pemerintahan Hisham menyamai pendekatan dua orang khalifah al-rasyidin iaitu Abu Bakar dan Umar RAH. Kedua-dua khalifah tersebut diperakukan oleh umat Islam sebagai pemerintah yang adil dan direhui. Maka Hisham juga disifatkan sebagai pemerintah yang punya ciri yang sama. Kata al-Farazdaq lagi (A.A Bevan. Hlm: 1013):

**رأيتك قد ملأت الأرض عدلاً وضوءاً وهي مسلبة الظلم  
رأيت الظلم لما قمت جذت عراه بشفرتي ذكر حسام**

Maksudnya:

- 1- *Aku libat engkau telah memenuhi dunia ini dengan keadilan dan cahaya, sedangkan ia dilitupi kegelapan.*
2. *Aku melihat kegelapan hancur ketika mana engkau bangun dengan dua ketajaman pedang yang memotong.*

Imej khalifah Hisyam digambarkan sebagai khalifah yang menjalankan pemerintahan penuh keadilan di samping mempunyai sifat keberanian. Pujian-pujian ini diteruskan lagi dalam bait-bait yang seterusnya. Al-Farazdaq berkata (A.A Bevan. Hlm: 347):

**جعلت لأهل الأرض عدلاً ورحمةً وببرءاً لآثار الجروح الكوالم**

Maksudnya:

1. *Engkau dijadikan sebagai keadilan, kerabmatan dan penyembuh bagi setiap kecederaan penduduk di muka bumi,*

Penyair menggambarkan Hisyam sebagai pemimpin yang bukan hanya punya imej adil bahkan turut membawa rahmat serta menjadi penyelesaian bagi permasalahan manusia.

2. **Pemimpin Yang Absah**

Keabsahan lantikan para khalifah Bani Umayyah sering dinyatakan oleh para penyair puisi al-naqaid. Keabsahan ini digambarkan melalui dua aspek iaitu aspek keagamaan dan aspek sokongan rakyat. al-Akhtal mempertahankan hak Bani Umayyah ke atas jawatan khalifah dengan menyatakan bahawa jawatan itu adalah milik mereka yang mana kenyataan ini diakui sejak dahulu dan ia bukanlah satu perkara yang baharu. Katanya (Abu Tammam. 1922):

**ملوك وحكام وأصحاب نجدة  
أهلوا من شهر الحرام فأصبحوا  
إذا شوغبوا كانوا عليها ذوي شغب  
موالي ملك لا طريف ولا غريب**

Maksudnya:

1. Raja-raja, para pemerintah dan pemilik kerajaan, jika mereka diserang mereka akan menentang,
2. Mereka miliknya pada bulan haram maka mereka menjadi tuan punya kekuasaan bukan kerana kekerasan.

Bait-bait ini ditujukan kepada Abdul Malik bin Marwan. Pada pandangan al-Akhtal khalifah tersebut dilantik tanpa sebarang bantahan kerana kelayakan yang ada padanya. Allah SWT telah memberikan jawatan itu kepadanya kerana kelayakannya, walaupun musuh-musuh seperti kabilah Qays serta para pendokong gerakan al-Zubayriyun menentang dan menolak perlantikan itu. Al-Akhtal berkata (Abu Tammam. 1922):

فلم ترى عيني ملك مثل ما رأيته      أتاك بلا طعن الرماح الضراب

Bermaksud:

*Mataku tidak pernah melihat kekuasaan sebagaimana yang aku lihat sekarang, ia datang kepadamu tanpa tusukan panah dan libasan pedang.*

al-Akhtal menjelaskan lagi bahawa keabsahan lantikan ini dating daripada Allah SWT sambil mencela musuh-musuh yang menentang pemerintahan keluarga tersebut. Penyair berkata (Abu Tammam. 1922. Hlm: 106):

وقد جعل الله الخلافة منهم لأبيض لا عاري الخوان ولا جدب  
ولكن أراك الله موضع حقها على رغم أعداء و صدادة كذب

Maksudnya:

1. Allah telah menjadikan khalifah di kalangan mereka, kerana kesucian bukan kerana ketiadaan bidangan dan tidak pula kerana kekeringan.
2. Akan tetapi Allah mendapatimu sebagai tempat haknya, walau dengan keengganinan musuh dan penentangan dusta.

Jarir juga turut menyatakan pendirian politiknya seraya menyifatkan pemerintahan Abdul Malik bin Marwan berdasarkan petunjuk dan keredaan tuhan. Beliau berkata (Abu Tammam. 1922):

و الله ليس لما قضى تبديل  
أمر تضيق به الصدور جليل  
فالملك أفيح والعطاء جزيل      الله طوّق الخلافة و الهدى  
تعلوا الرجال اذا النجي أضجهم  
ولى المكارم و الخلافة أهلها

Maksudnya:

1. Allah telah pagarkanmu dengan khilafah dan petunjuk, dan Allah tiada sebarang pengganti bagi apa yang telah Dia tetapkan
2. Dia mengangkat kaum lelaki ketika kaum mengangkat mereka, urusan yang menyesakkan dada amat besar.
3. Dia telah berikan khilafah dan kemuliaan kepada ahlinya, maka (sudah tentu) kekuasaan lebih luas dan pemberian lebih banyak.

Dalam bait-bait ini khalifah digambarkan sebagai pemimpin yang ditentukan oleh Allah SWT seraya menyifatkan tampuk khilafah serta kemulian akhlak telah diberikan kepada insan yang paling tepat. Manakala al-Farazdaq juga menggunakan pendekatan yang sama dengan menggambarkan imej Abdul Malik bin Marwan sebagai khalifah yang telah mendapat keredaan Allah SWT, katanya (A.A Bevan. Hlm: 1013):

بأعواد الخلافة والسلام مظلة عليه من الغمام	رآك الله أولى الناس طرا اذا ما سار في أرض تراها
---	--

Maksudnya:

1. *Allah melihatmu insan yang paling sesuai dengan tampuk khalifah dan kesejahteraan.*
2. *Jika dia berjalan di bumi kan lihat bumi dilindungi, di atasnya awan.*

Pemilihan Abdul Malik sebagai khalifah mendapat keredaan Allah SWT. Gambaran keredaan ini diberikan oleh penyair kepada khalifah tersebut melalui bentuk karamah lindungan awan yang diberikan kepadanya. Beliau turut menggambarkan Sulaiman bin Abdul malik dengan katanya (A.A Bevan. Hlm: 1014):

لكم يا أمير المؤمنين واسعدنا وأصلحت ما كان الخبيبان أفسدا	أرى الطير بالحجاج تجري أيامنا رجعت لبيت الله عهد نبيه
--	--

Maksudnya:

1. *Aku melihat burung terbang ke kanan berhampiran al-Hajjaj, untuk kamu wahai Amir al-Mukminin dan Saad.*
2. *Engkau telah kembalikan kepada baitullah sebagaimana waktu Nabi-Nya, dan engkau telah elokkan apa yang telah dimusnahkan oleh dua penipu.*

Dalam bait-bait puisi di atas penyair menyatakan bahawa Sulaiman dibangkitkan untuk menyelamatkan manusia. Beliau dikuatkan dengan pembantu seperti al-Hajjaj dan Saad. Ini terbukti apabila beliau mengembalikan binaan asal Kaabah yang telah diubah oleh Abdullah bin al-Zubair selepas berlaku kerosakan padanya.

Imej khalifah Hisham digambarkan oleh al-Farazdaq sebagai khalifah yang mewarisi khilafah dengan hak sehingga disamakan keadaan itu seperti perutusan nabi SAW. Beliau berkata (A.A Bevan. Hlm: 345):

على فترة والناس مثل البهائم عن ابني مناف عبد شمس و هاشم	كما بعث الله النبي محمدا ورثتم قناعة الملك غير كلالة
--	---

Maksudnya:

1. *Sebagaimana Allah membangkitkan Nabi Muhammad pada suatu ketika dan manusia seperti binatang melata,*
2. *Engkau mewarisi kekuatan, tanpa sebarang kelemahan, daripada dua orang anak Manaf, Abd Shams dan Hashim.*

Ketiga-tiga penyair ini menggambarkan para khalifah dalam puisi *Naqaid* mereka dengan imej khalifah yang memperolehi keabsahan hak pemerintahan daripada sisi agama dan keredaan rakyat. Ini sekali gus menafikan dakwaan-dakwaan para penentang Bani Umayyah seperti kelompok al-Zubayriyun dan Syiah yang turut menginginkan kerusi pemerintahan.

### 3. Imej Dermawan

Imej pemimpin Bani Umayyah yang sering memberikan bantuan dan pemberian kepada rakyat turut dilakarkan oleh para penyair al-naqaid dalam puisi mereka. al-Farazdaq menggambarkan khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dengan membayangkan perjalanan seekor unta yang dinaiki menuju kepada khalifah tersebut (A.A Bevan. Hlm: 345):

إِلَى الْمُؤْمِنِ الْفَكَاكِ كُلَّ مَقِيدٍ يَدَاهُ وَمَلْقِي السَّقْلِ عَقْلُ غَارِمٍ  
بِكَفَينِ بِيَضَايْنِ فِي رَاحِتِيهِمَا حَيَا كُلَّ شَيْءٍ بِالْغَيْوَسِ السَّواحِمِ  
وَجَارِيَهُ وَالْمَظْلُومُ لِلَّهِ صَائِمٌ بَخِيرٌ يَدِي مِنْ كَانَ بَعْدَ مُحَمَّدَ

Maksudnya:

1. Kepada orang yang amanah, yang membebaskan setiap orang yang tangannya terikat, dan mencampakkan setiap beban dari setiap orang yang berbutang,
2. Dengan dua tapak tangan yang putih, dalam tapak kedua-duanya dia berikan setiap benda dengan pemberian yang banyak.
3. Dengan sebaik-baik dua tangan selepas Muhammad, dua jirannya serta yang diżalimi yang menahan diri kerana Allah.

Dalam bait-bait ini penyair menyifatkan pemerintahan yang dijalankan oleh Sulaiman bin Abdul Malik adalah pemerintahan yang pemurah. Dia menolong orang yang memerlukan dan dia adalah sebaik-baik pemerintah selepas Nabi, Abu Bakar, Umar, dan Uthman. RAH. Penyair al-Akhtal juga telah memuji khalifah Abdul Malik bin Marwan dengan menggambarkannya sebagai khalifah yang pemurah. Beliau berkata (Abu Tammam. 1922. Hlm: 151):

إِلَى إِمَامٍ تَغَادَيْنَا نَوَافِلَهُ أَظْفَرَهُ اللَّهُ فَلِيَهُنَا لَهُ الظَّفَرُ  
الخَائِضُ الْغَمْرُ وَالْمَيْمُونُ طَائِرٌ خَلِيفَةُ اللَّهِ يَسْتَسْقِي بِهِ الْمَطَرُ  
وَالْمَسْتَرُ بِهِ أَمْرُ الْجَمِيعِ فَمَا فِي عَهْدِهِ بَعْدَ تَوْكِيدٍ لَهُ غَرَارٌ

Maksudnya:

1. Kepada Imam yang melimpahkan kami dengan kebaikan-kebaikannya, Allah telah memenangkannya, maka sediakanlah baginya kemenangan
2. Orang yang menyelam lautan dan dinanti, dia adalah khalifah Allah, diberi bekalan air hujan
3. Dan orang yang meneruskan urusan orang ramai, tiada pada zamannya sebarang penipuan selepas pengakuhannya.

Khalifah digambarkan sebagai seorang pemimpin yang sering melimpahkan kebaikan kepada rakyat. Pemilihannya dibuat oleh Allah SWT di samping sifat berani yang dimiliki menjadikan pemerintahannya jauh daripada sebarang penipuan.

## Imej Pemimpin Lantikan Kerajaan Bani Umayyah

Para penyair *al-naqā'id* bukan hanya menggambarkan para khalifah Bani Umayyah dalam puisi mereka tetapi turut menggambarkan imej gabenor-gabenor kerajaan tersebut. Berikut imej beberapa para pembesar Bani Umayyah:

### 1. Imej Dermawan

Imej dermawan tidak hanya berlegar sekitar imej para khalifah sahaja bahkan turut mewarnai imej pembesar lantikan kerajaan itu. Antara pembesar yang disebut para penyair al-Naqaid ialah

Khalid bin Abdullah al-Qasri<sup>458</sup>. Beliau merupakan salah seorang gabenor yang memerintah Iraq (Kufah dan Basrah) semasa zaman pemerintahan Hisham bin Abdul Malik (al-Zahabi. 1982) al-Farazdaq memuji beliau sambil berkata (A.A Bevan. Hlm: 981):

على الناس رزقا من كثير الروافد بمثل الروابي المزبدات الحواشد تجده عن الاسلام من خير زائد	ألم ترى كفي خالد قد أفادنا أسأل له النهر المبارك فارتدى فرد خالدا مثل الذي في يمينه
--	---

Maksudnya:

1. *Tidakkah engkau libat dua tapak tangan Khalid telah memberi faedah kepada manusia rezeki yang begitu banyak.*
2. *Ia mengalirkan baginya sungai yang berkat maka ia tercampak seperti gelombang ombak yang berbuuh yang terpercik.*
3. *Maka tambahlah kepada Khalid seperti yang terdapat di kanannya engkau akan dapati dia mempunyai kebaikan yang bertambah untuk Islam.*

al-Farazdaq menggambarkan Khalid al-Qasri sebagai seorang pemberi yang dermawan kepada rakyatnya. Pemberian beliau kepada rakyat terlalu banyak hingga dianalogikan seperti buih yang terpercik daripada gelombang ombak. Beliau turut berdoa agar kebaikan Khalid terus bertambah.

Manakala al-Akhtal menggambarkan corak pemerintahan Khalid bin Abdullah al-Asid seraya memujinya (Abu Tammam. 1922. Hlm: 57-59):

فنعم الفتى يرجى ونعم المآل وكفاك غيث للصعاليك ثبات رحى كانت قدימה ترزل	إلى خالد حتى أنخن بخالد أخالد مأواكم حل واسع هو القائد الميمون والمبتغى به
--	--

Maksudnya:

1. *Kepada Khalifah sehinggalah ia (unta) duduk di sisi Khalid, maka dia adalah sebaik-baik pemuda dan sebaik-baik yang diharapkan.*
2. *Wahai Khalid tempatmu bagi sesiapa yang datang luas, dan memadaimu pertolongan yang berterusan bagi fakir-fakir*
3. *Dialah ketua yang diberkati dan diharapkan, tetapi ketuanan sedangkan dahulu ia tergongcang.*

Khalid digambarkan sebagai pemimpin yang baik, memberikan pertolongan kepada yang memerlukan terutama fakir miskin. Kosakata حل واسع (tempat yang luas) serta غيث (hujan) perlambangan yang mengisyaratkan imej dermawan beliau. Pemerintahan menjadi tenteram dan aman di bawah pengendaliannya yang mana sebelumnya berlaku huru-hara.

## 2. Imej Keberanian

Salah satu ciri yang sering digambarkan kepada pembesar kerajaan Bani Umayyah ialah sifat berani yang menjadi salah satu sifat penting bagi mana-mana pemimpin. Jarir menggambarkan Khalid bin Abdullah al-Qasri dengan imej ini seraya berkata (A.A Bevan. Hlm: 986-987):

وإن ابن عبد الله قد عرفت له  
وابلي أمير المؤمنين أمانة  
وإذا ما أراد الناس منه ظلامه

مواطن لا تخزيه عند المشاهد  
وابلاه صدقها في الأمور الشدائ  
أبي الضيم واستعصى على كل قائد

Maksudnya:

1. Dan sesungguhnya Ibn Abdullah (Khalid) dikenali di tempat-tempat yang tidak memalukannya semasa pertempuran
  2. Dan Amir al-Mukminin telah diberikan amanah, dan dia diuji dengan kebenaran semasa keadaan yang tegang
  3. Ketika mana manusia mahukannya secara zalim, dia mengingkari kezaliman, dan dia engkar kepada semua panglima

Dalam bait-bait ini, Jarir menggambarkan Khalid al-Qasri sebagai seorang yang berani. Ini digambarkan melalui kehadiran Khalid dalam siri-siri pertempuran yang banyak, dengan penuh keberanian serta ketika menolak sebarang kezaliman. Jarir turut memuji seorang lagi pembesar Bani Umayyah iaitu Hilal bin Ahwaz al-Mazini yang merupakan seorang panglima tentera pada zaman Yazid bin abdul Malik. Jarir berkata (A.A Bevan. Hlm: 993-994):

فلم تبقي منهم راية يرفعونها  
وأطافت نيران النفاق وأهلها

Maksudnya:

1. Engkau tidak biarkan bersama mereka satu panji pun yang mampu mereka angkat, dan engkau tidak biarkan bagi keluarga al-Muhallab walau seorang askar.
  2. Dan engkau telah padamkan api nifaq serta ahlinya, sesungguhnya mereka telah bersegera untuk menyalakannya.

Jarir memuji Hilal kerana sumbangannya menewaskan Bani Muhallab dalam perang Qandabil (al-Balazuri. 1996) sehingga tidak ada seorang pun dari kabilah itu yang mampu untuk berperang kembali. Penyair turut menyatakan keberanian gabenor itu untuk kembali memerangi mereka jika kabilah itu membuat usaha untuk menentang kembali.

### 3. Imej Keagamaan

Keabsahan lantikan dari sisi agama turut diberikan kepada imej para gabenor Bani Umayyah. Jarir menyifatkan Hilal bin Ahwaz al-Mazini sebagai seorang pemimpin pemberian tuhan. Beliau berkata (A.A Bevan. Hlm: 993-994):

1

فإن لأنصار الخليفة ناصرا  
فذو العرش أعطانا على الكره والرضا  
عزيز اذا طاغ طغى و تجرا  
إمام الهدى اذا الحكمة المتخيرا

Maksudnya:

1. Sesungguhnya bagi para penolong khalifah pembantu yang hebat, jika pelampau batas melawan dan cuba menentang.
2. Tuhan telah berikan kami secara paksa dan keredaan seorang pemimpin hidayat punya hikmah yang terpilih.

Jarir menggambarkan perlantikan Hilal sebagai pemberian daripada tuhan pemilik Arasy. Pemimpin yang terpilih ini digambarkan sebagai pemimpin yang punya petunjuk serta kebijaksanaan. Jarir juga turut menggambarkan Khalid bin Abdullah al-Qasri, katanya (A.A Bevan. Hlm: 986-987):

طبيا شفي أدواءهم مثل خالد	لقد كان داء بالعراق فما لقوا
ورأفة مهدي الى الحق قاصد	شفاهم بحلم خالط الدين بالتني
بمستنصر في الدين زين المساجد	فإن أمير المؤمنين حباكم

Maksudnya:

1. Terdapat penyakit di Iraq, mereka tidak jumpa seorang tabib menyembuh penyakit mereka seperti Khalid
2. Dia menyembuhkan mereka dengan kelembutan yang bercampur agama dengan ketakwaan, dan kelembutan yang membawa kepada kebenaran
3. Sesungguhnya Amir al-Mukminin telah kurniakan kamu dengan orang yang berfikir dengan agama, penyeri masjid-masjid

Selain menyamakan Khalid seperti tabib yang merawar penyakit, Jarir turut menyebut beberapa sifat yang dimiliki oleh Khalid seperti takwa, fikir agama serta sering menghadiri masjid. Kesemua sifat ini mengukuhkan keterampilan Khalid sebagai seorang pemimpin yang punya jiwa agama.

#### 4. Imej Keturunan Mulia

Aspek kemulian keturunan turut menjadi aspek imej para pegawai kerajaan Bani Umayyah. Al-Akhtal menggambarkan Khalid bin Abdullah al-Qasri (Abu Tammam. 1922. Hlm: 58):

وكافاك الا نائلا حين تسائل	أبا عودك المعجم الا صلاة
تناه وأقصر بعض ما كنت تفعل	ألا أيها الساعي ليدرك خالدا
موازنه أو حامل ما يحمل	فهل أنت ان مد المدى لك خالد
حديث شاك القوم فيه وأول	أبا لك أن تستطيعه أو تثاله

Maksudnya:

1. Keturunanmu amat kukuh (setelah ia diuji), bagimu banggaan menjadi pemberian ketika diminta.
2. Wahai orang yang cuba untuk menyeraingi Khalid, berundur dan kurangkanlah apa yang kau cuba lakukan.
3. Adaakah engkau, jika Khalid memeberikan ruang, menyamainya atau mengangkat apa diberi angkat?

4. Engkau tidak mampu untuk menyamainya, iaitu kemuliaan yang kaum itu dan mereka yang terdahulu telah mendahuluimu padanya

Penyair mencabar golongan yang tidak senang dengan Khalid agar cuba untuk menyainginya walaupun mereka nescaya tidak mampu untuk menyainginya kerana kemuliaannya dan keluarganya. Katanya lagi (Abu Tammam. 1922. Hlm: 59):

<p>يُجْبِهِ هَشَامٌ لِلْفَعَالِ وَنَوْفِلُ مِنَ الْخَيْفَةِ الْمَنْجَاهُ وَالْمُتَحَوِّلُ بِمُسْتَرْغٍ بَاتَتْ عَزَّالِيهِ تَسْحُلُ</p>	<p>أُمِيَّةُ وَالْعَاصِيُّ وَإِنْ يَدْعُ خَالِدٌ أُولَئِكَ عَيْنُ الْمَاءِ فِيهِمْ وَعِنْهُمْ سَقَى اللَّهُ أَرْضًا خَالِدًا خَيْرًا أَهْلَهَا</p>
---	--

Maksudnya:

1. Umayyah (*Hisham bin al-Mughirah*) dan *al-Asi* (*al-Asi bin Umayyah*) dan kalaular Khalid memanggil nescaya kemuliaan dan pemberian akan menjawabnya kerana kemuliaan
2. Merekalah mata air, pada mereka terdapat perlindungan dan penyelamat daripada ketakutan.
3. Allah telah mengairi bumi dan Khalid sebaik-baik ahlinya, dengan aliran air yang kekal terpancar.

Dalam bait-bait di atas penyair memuliakan keturunan Khalid di mana mereka disifatkan sebagai mata air yang memberikan bekalan berterusan kepada orang ramai serta menjadi tempat berlindung bagi mereka yang ketakutan.

### Dapatan Kajian

Imej para pemerintah Bani umayyah terdapat dalam puisi-puisi al-naqaid milik Jarir, al-Farazdaq dan al-Akhtal yang merangkumi para khalifah, gabenor serta panglima tentera. Gambaran para pemimpin ini merangkumi ciri keadilan dalam pemerintahan khususnya para khalifah. Imej pemimpin yang absah turut ditekankan oleh penyair merangkumi keabsahan dari dimensi keagamaan serta dimensi keredaan rakyat. Sebahagian khalifah turut digambarkan dengan imej pemurah dan dermawan kepada rakyat. Pegawai lantikan Kerajaan Bani Umayyah turut digambarkan dengan beberapa imej lain seperti keberanian, punya keperibadian agama serta mempunyai nasab keturunan yang hebat dan mulia.

Imej para pemerintah ini tidak dipengaruhi oleh ciri *al-naqaid* yang berteraskan celaan dan penghinaan, bahkan imej mereka disebut pada konteks pujian dan sanjungan. Ini mewujudkan situasi yang kontradik dengan ciri puisi al-Naaid itu sendiri yang bersendikan celaan dan perseteruan. Namun, objektif sebahagian pujian kepada pegawai lantikan kerajaan Bani Umayyah ini dibuat dengan tujuan pujuhan agar tidak menyebelahi penyair lawan yang turut memuji pegawai yang sama.

Batasan perseteruan di antara para penyair al-Naqaid ini tidak melangkaui perseteruan politik di mana imej-imej ini menunjukkan para penyair mempunyai pendirian dan kecenderungan politik yang sama iaitu sokongan kepada kerajaan Bani Umayyah. Dalam bait-bait puisi yang dianalisa jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga penyair *al-naqa'id* mempunyai pendirian politik berhaluan kanan lebih-lebih lagi al-Akhtal yang jelas menonjol berbanding Jarir dan al-Farazdaq. Ini terbukti apabila mereka menggambarkan kerajaan yang memerintah dengan gambaran yang baik dan tidak mempunyai kecacatan.

## Rujukan

- Abdul Qadir Qatt. (1976). *Fi al-Shi'r al-Islami wa al-Umawi*. Beirut. Dar al-Nahdah al-Arabiyyah
- Abu Tammam al-Ta'I. (1922). *Naqa'id Jarir wa al-Akhtal*.
- Ahmad al-Shalabi. (1984). *Mausu'at al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. Cet. Ke 7. Qaherah. Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah
- Anthony Ashley bee van. (t.th). *Naqa'id Jarir wa al-Farażdaq*. Beirut. Dar Sadir.
- Antoun Salhani. (1922). *Naqa'id Jarir wa al-Akhtal*. Beirut. Dar al-Mashriq
- Al-Asfahani, Ali bin Husain. (1992). *Al-Aghani*. Cet. Ke 2. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Balazuri, Ahmad bin Yahya. (1996). *Ansab al-Ashraf*. Jilid ke 8. Beirut. Dar al-Fikr
- Al-Dinuri, Abdullah bin Muslim bin Qutaybah. (t.th). *al-Shi'r wa al-Shu'ara'*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ibn Manzur, Jamaludin Muhammad bin Mukarram. (1968). *Lisan al-Arab*. Dar Sadir
- Ihsan al-Nas. (t.th). *al-Asabiyah al-Qabaliyyah wa Atharuha fi al-Shi'r al-Umawi*. Dar al-Yaqazah al-Arabiyyah.
- Kamus Dewan. Edisi ke Empat. (2016). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khafaji, Muhammad Abdul Mun'im. (1995). *Madaris al-Naqd al-Hadis*. Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Al-Khalil al-Nahwi. (1991). *al-Mu'jam al-Arabi al-Muyassar*. Tunis. Larus.
- Lewis Shico. (t.th). *al-Syu'ara' al-Nasraniyyah ba'da al-Islam*. Cet. Ke 4. Beirut. Dar al-Mashriq
- Muhammad al-Tunji. (1993). *Al-mu'jam al-Mufassal fi al-Adab*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Muhammad Abdul Qadir Ahmad. (1982). *Dirasat fi Adab wa Nusus al-Asr al-Umawi*. Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Mustafa Nasif. (t.th). *Dirasat al-Adab al-Arabi*. Qaherah. Al-Dar al-Qaumiyyah li al-Tabaah wa al-Nashr
- Shakir al-Fahham. (1988). *al-Farażdaq*. Dimashq. Dar al-Fikr.
- Shawqi Dayf. (t.th). *al-Asr al-Islami*. Cet. Ke 6. Qaherah. Dar al-Maarif
- Shawqi Dayf. (t.th). *al-Shi'r wa al-Ghina' fi al-Madinah wa Makkah li Asr Bani Umayyah* Cet. Ke 5. Qaherah. Dar al-Maarif
- Shawqi Dayf. (1970). *al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Shi'r al-Umawi*. Mesir. Dar al-Ma'arif
- Umar Farrukh. (1989). *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Cet. Ke 3. Beirut. Dar al-Ilm li al-Malayin
- Al-Yafi, Naim. (1982). *Muqaddimat li Dirasat al-Surah al-Fanniyyah*. Dimashq. Wizarah al-Thaqafah
- Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad bin Othman. (1982). *Siyar A'lam al-Nubala'*. *al-Sirah al-Nabawiyah-al-Sirah al-Khulafa'* al-Rasyidin. Mu'assasah al-Risalah.

## BAB 19

### قصة سيدنا يوسف عليه السلام بين الأدبين العربي والملايوi: دراسة مقارنة

روسما بنت دين<sup>1</sup>، عدلي بن يعقوب<sup>2</sup> & محمد أنوار بن أحمد<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Matrikulasi Pahang KMPH

<sup>2</sup>International Islamic University Malaysia IIUM

#### المقدمة

بالإضافة إلى المخطوطات العربية، يُظهر اكتشاف العديد من المخطوطات الملايوية لقصة النبي يوسف في شبه جزيرة ماليزيا أن هذه القصة تهم الكثيرين، من بينها ثلاثة مخطوطات من المجموعة الكاملة لمكتبة ماليزيا الوطنية، وهي MKM ١٣٧٥ و MKM ٣٩٧١ و MS ٧٧٦. (علي أحمد ١٩٩٩)، بالإضافة إلى المخطوطات، تُروى قصة النبي يوسف بالتفصيل في كتب قصص الأنبياء مثل ‘سورة الأنبياء’ التي نشرها مجمع اللغة والكتاب الماليزي، و‘قصص الأنبياء’ المكتوبة بالجاوى الصادرة عن دار المعارف بيانج، ولا تزال كتابة قصة النبي يوسف دراستها لأنها أكمل قصة رواها القرآن لتعلمها البشرية جماء (أحمد شكري يوسف، ٢٠١٥).

أجريت هذه الدراسة المقارنة للكشف أوجه الاتفاق والاختلاف بين المخطوطتين العربية والملايوية وهما ‘حكاية النبي يوسف’ و ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’. كتب محمد لاباي ‘حكاية النبي يوسف’ في عام ١٨٠٢، ولا تزال هذه المخطوطة الجاوية مخزنة في المكتبة البريطانية وترجمتها إلى الخط الجاوي بواسطة أرشاد مختار (أرشاد مختار، ٢٠١٨)، بينما كتب ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’ سراج الدين أبي حفص عمر بن إبراهيم بن عمر الأنصاري الأوسي، هذه المخطوطة هي أكمل سرد لقصة النبي يوسف منذ بداية حلمه حتى تحقق، والجوانب الأدبية التي ستتم مقارنتها من خلال هاتين المخطوطتين هي الشخصية، والحبكة، والبيئة المكانية، والأسلوب واللغة.

#### مناهج البحث العلمي

ستكون كل من المخطوطة العربية ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’ والملايوية ‘حكاية النبي يوسف’ المصادرتين الرئيسيتين لهذه الدراسة المقارنة للأدب، وجوانب المقارنة هي أوجه الاتفاق والاختلاف في الشخصيات، والحبكة، والبيئة المكانية، والأسلوب واللغة، ستستخدم هذه الدراسة المنهج الوصفي من خلال دراسة المخطوطتين المختارتين، وكتب التفسير للعلماء القدامى والمعاصرين، والكتب والبحوث ذات الصلة، بالإضافة إلى ذلك،

سوف تستخدم الباحثة المنهج التحليلي في مناقشة وتحليل الآراء المتعلقة بهذا الموضوع. كما تم استخدام منهج المقارنة لأن هذه الدراسة تضمنت مقارنة بين الأدبين العربية والملايوية.

## الشخصيات

الشخصيات هي ممثل في عمل أدبي أو فني (Kamus Dewan, 2015) الشخصيات الرئيسية في كلتا المخطوطتين هي النبي يوسف، ويهودا أو يهودا وهو الأخ الأكبر لسيدنا يوسف، والتاجر مالك، وزليخا وزوجها الملقب بالعزيز (القرآن: ١٢:٣٠).

توصف شخصية النبي يوسف بالصبر والتسامح (القرآن: ٩٢:١٢)، واجه اختباراً تلو الآخر منذ الطفولة حتى البلوغ بصبر وهدوء، بعد حلمه برؤيا أحد عشر نجماً، كان إخوته يغارون منه، واتفقوا على رمييه في بئر لإبعاده عن والدهم الذي اعتقادوا أنه يحبه أكثر منهم (القرآن: ٨:١٢).

يعيش يوسف لاحقاً عبد لزوج زليخا في مصر، ثم أغوتته زليخا، وكان أكثر استعداداً للسجن من تلبية رغبات زليخا، فُرجّ في السجن رغم براءته (القرآن: ٣٥:١٢). وكانت براعته في تفسير الأحلام وسيلة لإفراجه من السجن، وقدر الله له الصعود إلى العرش في النهاية، وجمع شمل الأسرة في مصر (القرآن: ١٠٠:١٢) وكان صبوراً في كل الابتلاءات. إلا أن 'حكاية النبي يوسف' وصفه بأنه شخص متعرّج عندهما رأى وجهه في المرأة؛ لأن وجهه كان وسيماً جداً ثم قال في قلبه: "لا أحد يستطيع دفع ثمني إذا بعث." بسبب هذه الخاطرة، ألقى به إخوته في بئر واضطرب إلى الخضوع للابتلاءات في حياته (أرشاد مختار، ٢٠١٨).

يهودا هو شخصية الأخ الأكبر للنبي يوسف في كلا المخطوطتين، على الرغم من أنه ورد في 'حكاية النبي يوسف'، أن الأخ الأكبر للنبي يوسف كان اسمه يشهود أو تشهود في بداية القصة، ولكن في نهاية القصة، وضع المؤلف اسم يهودا لشقيق يوسف الأكبر الذي تامر وإخوته - باستثناء بنiamin - لإبعاد يوسف عن والدهم بدافع الغيرة، لأن والدهم يحب يوسف أكثر منهم، وبعد أن أخذوا إذن يعقوب لاصطحاب يوسف للعب معهم، قاموا بضرب يوسف حتى كاد أن يموت، ثم أشفق يهودا على يوسف ودافع عنه، واقتصر أخيراً إلقاء يوسف في البئر، قدم هذا الاقتراح حتى لا يقتلوا يوسف بأيديهم بل تركوه يموت من الجوع والعطش. ظهر دور يهودا مرة أخرى عندما اقترح على إخوته تحرير بنiamin بالقوة لأنهم لم ينجحوا في إقناع ملك مصر بإطلاق سراحه بعد اتهامه بالسرقة في مصر، كانوا يستخدمون قوتهم الخاصة لمقاتلة الملك والمصريين من أجل تحرير بنiamin، كلا المخطوطتان يذكر أنهم إذا صرخوا فإن شعرهم سيقف مثل الإبر، فصل 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' قوتهم فذكر أن صرخاتهم تسبب في موت الذين يسمعونها وتتجهض النساء، ومع ذلك، أحبّت محاولتهم من قبل ابن الملك

المسمى إفراطيم، توضح المخطوطتان مرة أخرى دور يهودا عندما رفض العودة إلى كنعان خجلاً من والده دون إحضار بنiamين معهم (القرآن: ١٢: ٨٠) ، تحكي المخطوطة العربية الدور الأخير ليهودا وهو إعادة قميص يوسف من مصر إلى كنعان دليلاً ليعقوب على أن يوسف لا يزال على قيد الحياة، وأن عينه التي أعميت لفترة طويلة بسبب الحزن على فقدانه ستشفى. وأما المخطوطة الملابية فلا يلعب هذا الدور بل قام سيدنا يوسف بإرسال أمين صندوقه المسمى بـ كابيري بإعادة القميص.

وأما مالك فكان تاجراً يسافر كثيراً من كنعان إلى مصر من أجل تجارتة، اسم مالك في 'حكاية نبي يوسف' هو مالك بن دعوار واسمها في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' مالك بن زعر الخزاعي، الاسم الكامل مختلف قليلاً لكن الأدوار هي نفسها، أخذ مالك يوسف معه إلى مصر وباعه لزوج زليخا بشمن باهظ، لكنه ندم بعد ذلك وأراد سحب اتفاقية البيع والشراء التي تم توقيعها، رفض زوج زليخا طلب مالك، فضلّ 'حكاية نبي يوسف' عن شخصية مالك عندما يذكر أنه رأى في منامه جوهرة تسقط من السماء وتدخل كمه اليمني وتخرج من كمه اليسرى، فُسر الرؤيا بأنه سيحظى بصبي يجعله ثرياً ويحصل على ولد حليم، هذا الحلم لم يرد ذكره في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام'، كما لم يرد ذكر شخصية مالك في القرآن.

وأما زليخا، فتم تقديمها في 'حكاية نبي يوسف' على أنها ابنة الملك تيماس، كانت تحلم برؤية رجل يدعى أنه زوجها، دفعها الحلم إلى القرب من الجنون، ثم أخبر الرجل أنه ملك مصر وأن اسمه يوسف، فقدم الملك تيماس على الفور لطلب يد ملك مصر. ومع ذلك، في يوم زفاف زليخا على ملك مصر، فوجئت عندما تبين لها أن ملك مصر الذي أمامه ليس بيوفوس، فحزنت وأرادت الانتحار لو لم تنهها نديتها. لم يرد ذكر هذه الحادثة في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام'. كلا المخطوطتين ترويان فرحة زليخا عندما اشتري زوجها يوسف من مالك التاجر، لقد اعتنى جيداً بيوفوس حتى أنه عندما صار شاباً، انجدبت إلى جماله وأغنته، وأن يوسف رفض الامتثال لرغباتها، سُجن في النهاية، لكن في نهاية القصة، تزوجا وأنجبت طفلين. ورد ذكر شخصية زليخا في سورة يوسف دون ذكر اسمها (القرآن: ١٢: ٢٣)، والاحتفال الذي أقامته (القرآن: ١٢: ٣١) وسجين يوسف في الآية (القرآن: ١٢: ٣١-٣٢). تنتهي شخصيتها بإقرارها بالذنب (القرآن: ١٢: ٥١-٥٣).

ويصور زوج زليخا في المخطوطتين على أنه الشخص الذي اشتري يوسف من مالك التاجر بسعر مرتفع للغاية، وهو الذي اتفق مع زليخا على سجن يوسف، لكن الفارق الملحوظ بين المخطوطتين هو أن زوج زليخا في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' هو رئيس وزراء مصر الذي يُلقب منصبه بالعزيز واسمها قطافر، وليس هو ملك مصر لأن ملك مصر في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' يُلقب بالملك (الحالدي، ١٩٩٨)، وكان اسمه الريان بن الوليد، وأن يوسف نجح في تفسير حلمه؛ أطلق سراحه من السجن، بينما زوج زليخا في

‘حكاية النبي يوسف’ هو ملك مصر واسمه عزيز، وهذا يعني أن الملك عزيز في ‘حكاية النبي يوسف’ لعب دورين هما رئيس وزراء مصر بالإضافة إلى دور ملك مصر الذي اشتري يوسف وتسبب في سجنه، ثم كان أيضًا صاحب الحلم الذي فسره يوسف وبسببه أطلق سراحه في النهاية من السجن. تلاحظ الباحثة أن شخصية الملك ورئيس الوزراء التي تواافق القرآن هي التي ورد ذكرها في ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’، لأن ملك مصر يلقب بالملك، بينما كان يُلقب رئيس وزرائها بالعزيز (الخالدي، ١٩٩٨)، فقط أسماء الشخصيات لم يحددتها القرآن لأن الاسم لم يكن هدف الرواية القرآنية.

## الحبكة

الحبكة هي القصة في الروايات والأفلام والدراما وما إلى ذلك (Kamus Dewan, 2015) ، تقدم الحبكة ما حدث ولماذا حدث، كلا المخطوطتان تعرضان قصة النبي يوسف حسب التسلسل الزمني للأحداث كما رواها القرآن، صراع الإخوة الذي بدأ من رؤيا سيدنا يوسف وجميع الابتلاءات التي مر بها تم ذكرها واحدًا تلو الآخر في المخطوطتين دون إهمال أحدهما، لا يوجد سوى عدد قليل من الإضافات للأحداث في ‘حكاية النبي يوسف’ ليست في ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’، والعكس صحيح.

مثال على ذلك أحلام يوسف التي جعلت إخوته يحسدونه، ‘حكاية النبي يوسف’ تصور فقط حلم يوسف برؤيه أحد عشر نجماً وقمراً وشمساً، وبسبب هذا الحلم حسده إخوته، وقد فسر يعقوب الحلم بأن يوسف سيكون مسيطراً على إخوته جميعاً، وقد سمعت والدة يهودا هذا التفسير ثم نقلته لأطفالها مما جعلهم جميعاً يحسدون يوسف، أما في ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’، فهناك ثلاثة أحلام منفصلة هي سبب الحسد.

يصف ‘حكاية النبي يوسف’ إرهاق مالك بن دعوار في محاولته بيع يوسف، وأخيراً تيقن أن الشخص الأكثر استحقاقاً وقدرة على شراء يوسف هو ملك مصر فقط، أي الملك عزيز، في البداية، طلب مالك من كل من أراد أن يرى وسام يوسف أن يدفع ديناراً واحداً، كان رفع السعر يوماً بعد يوم، لكن لم يكن أحد على استعداد لشراء يوسف لأنه كان وسيطاً جداً مثل الملائكة، أخيراً قرر مالك بيع يوسف ملك مصر، لم يرد ذكر هذه الحلقة في ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’.

وبالمثل، فإن إغراء زليخا ليوسف الذي حدث عندما كان زوجها يصطاد في الغابة —ومعه يوسف— لم يرد ذكره أيضاً في ‘زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام’، يقال إن زليخا انتهت الفرصة لإغواء يوسف عندما عاد يوسف إلى القصر ليأخذ قوس الملك الذي نسيه، استغلت زليخا هذه الفرصة لتحقيق حلمها بالزواج من يوسف قبل أن تتزوج الملك عزيز.

يمكن أيضًا ملاحظة الاختلاف في حادثة سجن يوسف بين المخطوطتين، ففي 'حكاية نبي يوسف'، أن يوسف نجح في الهروب من إغراء زليخا وسارع إلى الغابة ليسلم قوس الملك. وفي ذلك المساء عندما عاد زوجها من الصيد، اتّهمت يوسف بمحاولة إغرائهما، دافع يوسف الاتهام عن نفسه، واستشهاد طفلًا، دفاع عنده الطفل. عرف أهل مصر بهذه الحادثة المخجلة فقامت زليخا ببناء بيت بني من مرآة، ودعت صديقاتها من زوجات الوزراء للحضور، وأعدت لهم سكيناً وليموناً. أصابت أصابعهن بالجرح دون قصد أثناء تقطيع الليمون حين رأين جمال يوسف في بيت المرأة. بلغت القضية الملك فقرر سجن يوسف.

على عكس ذلك فإن 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام'، تروي فشل زليخا في إغواء يوسف لأنها صادفت زوجها عزيز قطافير عند الباب أثناء مطاردة يوسف، عندما أصبحت هذه القصة حديث النساء المصرية، أصبحت زليخا بالحرج وأقامت حفلًا لأدى إلى نزيف أصابع النساء المصرية، بسبب فشلها المستمر في محاولتها إغواء يوسف، اقترح زليخا أخيرًا على زوجها سجن يوسف، اقترح عزيز قطافير أن تقابل زليخا بملك مصر – الريان بن الوليد – لطلب الإذن بحبس يوسف في سجن الحكومة، كان هذا الاقتراح يجعل من الصعب على زليخا إطلاق سراح يوسف تعسفياً في المستقبل القريب.

تروى ذروة قصة حبس يوسف في السجن بعد ثبوت براءته في المخطوطتين، وكذلك قصة اثنين من صاحبيه السجينين اللذين قضىَا على يوسف أحلامهما لتفسيرها، أطلق سراح أحدهم وعمل ساقياً للملك، وحكم على آخر بالإعدام (الطبرى، ١٩٩٨).

الأحداث التي أدت إلى إطلاق سراح يوسف من السجن وتعيينه في نهاية المطاف أقوى رجل في مصر لها أيضًا العديد من أوجه الاتفاق والاختلاف، تروي كلا المخطوطتان نجاح يوسف في تفسير حلم الملك، مما أدى في النهاية إلى موافقة الملك على إطلاق سراحه. فقد نسي الملك حلمه في 'حكاية نبي يوسف'، وطلب من جميع الوزراء أن يخبروه بحلمه، فعرض عليه ساقيه – كان صاحب يوسف في السجن – اسم يوسف باعتباره الشخص الأكثر تأهيلاً لتنفيذ طلب الملك. فأرسله الملك ليطلق سراحه بأمر من الملك، واشترط يوسف أنه يجب إطلاق سراح جميع السجناء أيضًا، ومنع أي شخص من نشر خبر إطلاق سراحه من السجن. بعد استيفاء الشروط، تم خروج يوسف من السجن بعزمها واحترام، عندما قابل الملك؛ طلب الملك منه أن يروي له حلمه الذي نسيه مع تفسيره، كان الملك مسروراً جداً بالتفسير الذي ذكره؛ فعين يوسف على الفور ملكاً.

يختلف 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' تمامًا إذ يظهر فشل الوزراء في تفسير حلم الملك، ثم قيام ساقي الملك بالذهاب إلى يوسف في السجن لطلب تفسير الحلم، اقترح يوسف حلًا للمشكلة الموصوفة في الحلم، وقدم الاقتراح إلى الملك، ووافق الملك على إطلاق سراح يوسف، لكن يوسف اشترط على الملك التحقيق في

حالة النساء اللواتي أصبحت بإصبعهن قبل بضع سنوات، وكان التحقيق قد برأ يوسف، وعُين يوسف ليحل محله ملگاً لمدة أربعة عشر عاماً، في غضون ذلك تم عزل زوج زليخا عزيز قطايفير، كما تم تسليم جميع سلطاته إلى يوسف.

بعد ذلك أصبح حلم يوسف حقيقة واقعة، وبينما تولى يوسف منصب حكم مصر، كان هناك موسم خصب لمدة سبع سنوات، أعقبه جفاف ضرب أيضاً البلدان المجاورة، بما في ذلك كنعان، بسبب هذا في سفر إخوة يوسف إلى مصر للحصول على الإمدادات الغذائية لأن مصر فقط هي التي تدخر الغذاء، كانت مصر مستعدة للجفاف طوال فترة حكم النبي يوسف (الشعراوي، ١٩٩١).

كلا المخطوطتان ترويان رحلة إخوة يوسف الثالثة إلى مصر لإطلاق سراح بنiamين الذي تم القبض عليه بتهمة السرقة، وأخيراً عُرف يوسف نفسه لإخوته وندموا على ما فعلوا وطلبو منه العفو. ولكن الفرق بين المخطوطتين أن ‘حكاية النبي يوسف’ تذكر أئمهم وافقوا أخيراً على دعوة أبيهم يعقوب إلى مصر فأرسل يوسف أمين صندوقه -اسمه كابيري- لمرافقته يعقوب وبقية عائلته في رحلته إلى مصر، بينما تذكر ‘زهر الكمام’ في قصة يوسف عليه السلام’ أن يوسف أرسل القميص إلى أخيه بواسطة أخيه الأكبر يهودا، ثم رجع جميع إخوته إلى كنعان وهاجروا إلى مصر مع يعقوب، لذلك تحققت رؤيا يوسف عندما سجد له كل من إخوته الذين مثلوا الكواكب الأحد عشر .

### البيئة المكانية

البيئة المكانية تعمل في إعداد توفير جو للأحداث والأشخاص الموجودين في القصة، المخطوطتان هما أوجه اتفاق كثيرة عند اختيار خلفية الدولة الشرق الأوسط في قصة النبي يوسف، وهي خلفية المكان الفعلي الذي تدور فيه هذه القصة، حيث عاش يعقوب وعائلته في كنعان بفلسطين، وهي قرية كان معظم الناس يرعون فيها الماشية، بما في ذلك عائلة يعقوب، وكان البئر الذي ألقى فيها يوسف موجود على طريق المسافرين إلى مصر، بعد وصوله إلى مصر وبيعه لزوج زليخا، تلقى يوسف معاملة حسنة من الزوجين في قصرهما، على الرغم من أن يوسف كان عبداً عرانياً، إلا أن المعاملة التي تلقاها كانت مختلفة عن تلك التي تلقاها العبيد الآخرون، ثم انتقل يوسف إلى السجن لعدة سنوات ثم اعتلى العرش الملكي. وهناك اختلاف بسيط بين المخطوطتين عندما تحتوي ‘حكاية النبي يوسف’ على تفاصيل عن قصة ملك القدس، وهي ولاية تقع بين كنعان ومصر وكانت قافلة مالك بن دعور يمر بهذه الولاية في طريقها إلى مصر تحمل بضاعتها لأجل التجارة، حاول ملك القدس خطف يوسف لكنه فشل.

وعلى الرغم من أن 'حكاية نبي يوسف'، تصور بيئة دولة الشرق الأوسط، إلا أنها تحاول تقرير قصة يوسف من قلوب السكان المحليين في الأرخبيل الملايوi، حيث يذكر المؤلف الطعام الذي يقدمه يوسف لإخوته أيام القحط هو الأرز، في حين أن الغذاء الأساسي لأهل الشرق الأوسط هو القمح كما ورد في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام'. ربما يحدث هذا التبديل من القمح إلى الأرز في 'حكاية نبي يوسف' لتقرير قصة يوسف من السكان المحليين. وينطبق الشيء نفسه على الحيوان الذي يُئْتَهُم بأكل يوسف في 'حكاية نبي يوسف' وهو غر لأنه يستهير في الأرخبيل الملايوi بحيوان شرير يلتقط البشر، بخلاف الذئب الذي يعيش بعيداً عن الناس ويأكل البهائم ويفتك بالناس أحياناً كما هو مذكور في 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام'.

## الأسلوب واللغة

اتفق المخطوطتان في اقتباسهما آيات قرآنية خلال حديثهما عن قصته عليه السلام للاستشهاد، اختلفت اللغة والأسلوب بين الأدباء في أن 'حكاية نبي يوسف' -وفقاً لعنوان المخطوطة-، يجلب النمط الكلاسيكي للغة الماليزية مثل Arkian, syahdan, alkisah تستخدم هذه الكلمات أيضاً في انتقالات المشهد، على سبيل المثال، بعد أن روى الكاتب حزن يعقوب على فقدان يوسف، يلتجأ الكاتب إلى قصة مالك بن دعوار بدء فصل جديد بقوله: alkisah تعالوا إلى قصة مالك بن دعوار، بصرف النظر عن ذلك، فإن هناك تأثيراً للهجات المحلية مثل tahuk التي تعني رمي، و depa التي تعني هم و bini التي غالباً ما تستخدم في شمال شبه الجزيرة ماليزيا معنى زوجة، هناك أيضاً بعض الكلمات العربية مثل khanjar (خنجر)، kandil (قنديل)، fadihat (فضيحة)، masyghul (مشغول)، بل توجد حوارات عربية مثل حديث يوسف لأمه: "Ya ummaha Ya Rahil."، يا أمها يا Rahil، وإجابة والدته: "Hai anakku dan buah hatiku dan tangkai hatiku! Ya Habibi wa qurruatu aini."، يا حبيبي وقرة عيني (محمد لا باي، ٢٠١٨).

وأما 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' فقد قدم مؤلفه قصة سيدنا يوسف باللغة العربية الفصحى، وبأسلوب ميسّر، ليس فيه ألفاظ صعبة للمبالغة في التعبير، إلا أنه استعمل لفظاً فارسياً وحيداً وهو القيصر أي الوزير، استعمله المؤلف لشبيع اللفظ، وامتاز هذا الكتاب أيضاً بترتيب القصة على مجالس لتكون لمن طالعها كالأنيس المجالس، بدأ المؤلف كل مجلس بخطبة كاملة شاملة لأي القرآن وتفسيرها والأحاديث والأشعار، والحكايات، والأخبار.

## تأثير القرآن في الأدبين العربي والملايو

يلاحظ هذا التأثير أولاً في اتفاق أحداث القصة الرئيسية في الأدبين بأحداث قصة سيدنا يوسف في القرآن من بداية انفاله عن أبيه وجميع ابنتهاته وشغف زليخا له وسجنه وتوليه قيادة مصر حتى يجمع الله بينه وبين أسرته. ولكن 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام'، قام بتفصيل بعض تلك الأحداث، وعلى سبيل المثال : الإجراءات التي قامت بها زليخا في حبس يوسف في السجن حيث أتت الملك الريان لستاذنه في حبسه فأذن لها، ثم أمرت الحدادين ليصنعوا قياداً محكماً "فقيدوه وحملوه على الأكتاف وانطلقا به إلى السجن." (زهر الكمام : ٢٠٣) كما فصل في شوق زليخا له وبكائها وانتاجها من الليل حتى الصباح وجداً عليه.

وثانياً، استشهاد كل من الأدبين بالآيات القرآنية خلال سردهما للقصة. قد استشهد 'حكاية نبي يوسف' بالآيات القرآنية ست مرات، في حين استشهد 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' بها بأكمل سورة يوسف تقريباً، بل فسر عدداً من الكلمات مثل كلمات آتية: ﴿وَهَمٌ﴾، و﴿بُرْهَن﴾ (القرآن: ١٢: ٢٤)، وفضل في الكلام عن تزكية النفس عندما مدح سيدنا يوسف نفسه بين يدي الملك في قوله : ﴿إِنِّي حَفِظْتُ عَلَيْمَ﴾ (القرآن: ١٢: ٥٥). فالأدب العربي أكثر استشهاداً بالآيات القرآنية واستدلالاً بها من الأدب الملايو في سرد هذه القصة.

وثالثاً ، تأثر القرآن واضح في استخدام الخط، حيث يكتب 'حكاية نبي يوسف' الملايو بالخط الجاوي، وهو خط مأخوذ من كتابات العرب الذين وصلوا إلى الأرخبيل الملايو مع ظهور الإسلام، وهو نفس الخط في كتابة القرآن. في الأصل كان للخط الجاوي دور مهم في نشر المعرفة وخاصة المعرفة الدينية، وقد تم اعتماده على نطاق واسع وسيلة للاتصال من قبل الملايوين، سواء بين أفراد المجتمع أو الغرباء (شاكيلا أحمد، ٢٠١١).

كما أن كلا الأدبين يتأثران بالقرآن في مراجعتهما لأقوال المفسرين وآرائهم. وعلى سبيل المثال، أورد 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' كثيراً من كلام ابن عباس ومجاهد في شرحه لآيات القرآن. كما استخلصت 'حكاية نبي يوسف' الكثير من المعلومات المتوفرة في تفسير ابن كثير، وتفسير الطبرى المشهورين في الأرخبيل الملايو. فمراجعة كل من مؤلف 'زهر الكمام في قصة يوسف عليه السلام' و'حكاية نبي يوسف' إلى كتب التفسير وعلمائه تدل على ثأرها بالقرآن وعلومه في عملية كتابة قصة سيدنا يوسف عليه السلام. فأصبح القرآن المنبع الأساسي لهذه القصة وكلام العلماء وأقوالهم المرجع المهم للأدبين في سردهما لقصص القرآن وخاصة قصة يوسف عليه السلام.

## المراجع

ابن كثير، تفسير ابن كثير. (٢٠٠٨). تحقيق: صلاح عبد الفتاح الخالدي. عمان: دار الفاروق. ج٤، ص ١٨٦٤.

أبو حفص، سراج الدين عمر بن إبراهيم بن عمر الأنصاري الأوسي. (٢٠٠٣). زهر الکمام في قصة سيدنا يوسف عليه السلام. بيروت: دار الكتب العلمية.

الخالدي، صلاح عبد الفتاح. القصص القرآني. (١٩٩٨). دمشق: دار القلم.

الشعراوي، محمد متولي. تفسير الشعراوي. (١٩٩١). مصر: أخبار اليوم. ج ١١، ص ٦٩٩٧.

الطبرى، محمد بن جرير. تفسير الطبرى جامع البيان عن تأويل آى القرآن. (١٩٩٨). بيروت: دار الشامية. ج ٤، ص ٤٥٥.

### المصادر والمراجع الأجنبية

Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn.Bhd..

Ali Ahmad. (1999). *Kisah-Kisah Nabi Yusuf Dalam Kesusastraan Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur

Arsyad Mokhtar. (2018). *Hikayat Nabi Yusuf*. Buku Fixi Sdn.Bhd.

Kamus Dewan. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Syakila Ahmad, Othman Hussain, Rafiuddin Afkari, Mohd Hisyam, Mikdar Rusdi. (2011). *Tulisan Jawi Sebagai Warisan Peradaban Bangsa: Analisa Dari Aspek Cabaran Semasa* October 2011 Conference: World Congress For Islamic History And Civilization: Academy Of Islamic Studies, University Of Malaya.

### الشبكة العنكبوتية

Ahmad Shukri Yusoff. (2015). [Https://Www.Bharian.Com.My/Bhplus-Old/2015/10/87554/Hikmah-Al-Quran-Kisah-Dalam-Al-Quran-Sumber-Motivasi](https://Www.Bharian.Com.My/Bhplus-Old/2015/10/87554/Hikmah-Al-Quran-Kisah-Dalam-Al-Quran-Sumber-Motivasi)

## BAB 20

### SISTEM PEREKRUTAN PASUKAN JANISSARI DALAM KETENTERAAN UTHMANIYYAH

Ezad Azraai Jamsari<sup>1,\*</sup>, Suhaimi Sidek<sup>2</sup>, Zamri Ab Rahman<sup>3</sup>, Adibah Sulaiman<sup>4</sup>  
& Mohamad Zulfazllee Abul Hassan Ashari<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Agama, Kapal Diraja (KD) Pelandok, Tentera Laut Diraja Malaysia

<sup>3</sup> Kor Agama Angkatan Tentera, Angkatan Tentera Malaysia

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

\* Pengarang Koresponden

#### Pengenalan

Istilah Janissari diambil daripada bahasa Turki terkandung daripada dua suku kata, iaitu *yeni* dan *ceri*. *Yeni* membawa maksud *baharu*, manakala *ceri* memberi pengertian tentera. Adapun dalam bahasa Arab, Janissari ditulis dengan nama *al-inkishariyyah* yang membawa makna perajurit baharu atau tentera baharu (al-Muhami 1981: 56). Sementara itu, istilah *yeni ceri* dalam bahasa latin ditulis sebagai Janissary (Creasy 1878: 14). Menyingkap sejarah ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah sebelum penubuhan angkatan tetap, pada awalnya ia terdiri daripada pasukan berkuda dalam kalangan sukarelawan *ghazi* (pejuang agama). Hal tersebut ditanggapi oleh Uyar dan Erickson (2009 :12-13) serta Pears (1923: 660) yang melaporkan bahawa pada awal penubuhan Kerajaan Uthmaniyyah, struktur ketenteraannya terdiri daripada tentera berkuda yang berperang secara nomad atau secara tradisi. Walau bagaimanapun, kehandalan mereka menunggang kuda telah memberi kelebihan bagi pasukan Uthmaniyyah untuk memenangi setiap pertempuran. Senjata utama mereka pada ketika itu ialah pedang pendek dan juga penggunaan panah serta busur.

Urus tadbir ketenteraan dan pengurusan organisasi ketenteraan masih belum bersistematis, iaitu mengekalkan sistem nomad yang diwarisi daripada Kerajaan Saljuq. Keanggotaan mereka terdiri daripada pelbagai kabilah dan suku kaum seperti Qayi, Tekke, Ärsari, Sarik, Yomut, Chowdur, Ogurjali dan Yemreli (Clark 1998: 8-9). Setelah kejatuhan Kerajaan Saljuq, kabilah Turki telah membentuk imarat atau kerajaan kecil seperti Kerajaan Karamid, Germain dan Hamid, termasuk Kerajaan Uthmaniyyah (Taqqush 2017: 23-24). Apabila berlaku peperangan, kumpulan ini akan berkumpul membentuk ketumbukan angkatan tentera dan setelah peperangan tamat, mereka kembali meneruskan aktiviti harian sebagai peladang. Menurut Ihsanoğlu (1999: 8-9), suku kabilah Uthman walaupun kerajaan paling kecil pada awalnya dalam kalangan kerajaan Turkmen, namun ia mendominasi kerajaan-kerajaan kecil di sekitar Anatolia. Ini susulan semangat jihad yang dilaungkan dalam setiap siri peperangan.

#### Sejarah Penubuhan Tentera Janissari

Kejayaan besar dicapai oleh Uthman berserta tenteranya ialah ketika mengalahkan pasukan Byzantium dalam usaha Byzantium untuk menuntut kembali bandar Iznik yang merupakan kota suci bagi kerajaannya. Pertempuran tersebut berlaku di kawasan Bapheus (Koyun-Hisar) pada tahun 1301M. Kemenangan dalam pertempuran tersebut, menaikkan prestij kabilah Uthman dalam kalangan kabilah yang lain, bahkan kemudiannya dapat menyatukan daerah-daerah di Bursa. Oleh itu, setiap kali seruan perang dipalu, mereka berduyun-duyun menyahut panggilan jihad dan bergabung dengan ketumbukan tentera kabilah Uthman *ghazi* (McGilchrist 1856: 18; Inalcik 2002: 15).

Sepanjang pemerintahan Uthman *ghazi*, beliau berjaya menguasai Laut Hitam, yang merupakan kawasan strategik Empayar Byzantium. Begitu juga beberapa buah wilayah di Anatolia dapat dikepung seperti Bursa, Nicomedia dan Iznik. Namun, menurut Oztuna (1988: 92-93), percubaan untuk menawan sepenuhnya kota-kota tersebut tidak berjaya, walaupun diusahakan selama beberapa tahun kerana kekangan persenjataan dan kekurangan anggota untuk memusnahkan kubu serta benteng yang kukuh. Justeru, untuk merealisasikan hasrat tersebut, sebuah pasukan tempur yang kuat diperlukan bagi melaksanakan misi. Ketika Orkhan ibn Uthman menaiki takhta pada tahun 1326M, beliau menyedari betapa penting untuk menembusi sistem pertahanan kota Byzantium yang perlu dilaksanakan oleh sebuah pasukan tempur dalam kalangan tentera pejalan kaki. Ini kerana pasukan tersebut dapat menggalas tanggungjawab untuk memusnahkan dan menawan kubu-kubu yang selama ini menjadi penghalang kepada tentera Uthmaniyyah.

Menurut Brockelman (2001: 414), Orkhan telah menerima nasihat dan pandangan serta usul yang dilontarkan oleh Candarli Kara Halil Paşa supaya menubuhkan pasukan *yaya* (pejalan kaki) yang dapat menguatkan tentera pejalan kaki, selain membantu ketumbukan *musellem* (tentera berkuda). Hal yang sama turut ditegaskan oleh Nicolle (1995: 4-5) bahawa pada peringkat awal tentera pejalan kaki terdiri daripada kalangan Muslim dan juga Kristian yang bertujuan untuk menggempur serta memusnahkan benteng dan kubu-kubu musuh. Dengan membawa masuk tentera baharu ditubuhkan ini, beberapa bandar penting dan utama berjaya ditawan.

Wilayah utama yang dapat ditawan oleh Orkhan ialah Bursa pada tahun 1327M, Iznik pada tahun 1330M, sementara bandar Izmir (Pergamon) dapat dikuasai pada tahun 1336M. Ketiga-tiga wilayah tersebut merupakan kota yang berada dalam wilayah Anatolia (Lane-Poole 1893: 25). Walau bagaimanapun, Orkhan merasakan perlu melakukan transformasi terhadap tentera pejalan kaki. Ia berikutnya pembaharuan yang dilakukan belum mencapai sebuah pasukan tempur yang benar-benar efektif dan kredibiliti. Kekangan ini menyebabkan berlaku ketempangan dalam meneruskan perluasan wilayah Islam, selain sistem pertahanan wilayah diancam oleh musuh, khususnya daripada tentera Tatar, tentera Salib serta kabilah Turks yang memusuhi Kerajaan Uthmaniyyah.

Pun begitu, para sejarawan berbeza pandangan dalam menentukan tarikh dan era pemerintahan sebenar penubuhan Janissari. Sebahagian mereka berpendapat Janissari ditubuhkan semasa pemerintahan Orkhan, manakala sebahagian yang lain berpandangan ketika pemerintahan Murad I. Kecenderungan menyatakan Orkhan ialah pengasas tentera Janissari, berikutnya banyak perubahan dalam pentadbiran semasa pemerintahannya. Pembaharuan dalam pentadbiran Orkhan, antaranya ialah menubuhkan jawatan perdana menteri, menteri pertahanan dan gabenor, selain memperkenalkan mata wang perak, menubuhkan institusi pendidikan, institusi masjid, pusat perdagangan serta organisasi tentera yang lebih berstruktur dan bersistematis (Cantermir 1734: 25; al-Muhami 1981: 122). Atas sumbangan tersebut, sebahagian sejarawan menganggap Orkhan merupakan pengasas Kerajaan Uthmaniyyah (Yaghi 1997: 35).

Hal tersebut turut didukung oleh Ma'ashi (2008: 2) yang menegaskan susulan kejayaan tentera Orkhan menguasai wilayah Balkan di bahagian Eropah, lalu idea pembentukan untuk memantapkan pasukan tempur dilaksanakan pada era pemerintahannya. Ini berikutnya kejayaan tenteranya di bawah komander Sulayman Pasa menyeberangi Selat Bosphorus dan memasuki wilayah Edirne (Adrianople). Kejayaan ini ialah hasil kerjasama antara Orkhan dengan John V Cantacuzenus yang merupakan pewaris takhta Byzantium. Hubungan diplomatik antara pemimpin Byzantium bermula setelah beliau memberikan bantuan kepada Cantacuzenus menentang saudaranya dalam perebutan kuasa. Begitu juga pada tahun 1352M, sekali lagi kejayaan tentera Orkhan di bawah komander Sulayman Pasa membantu Cantacuzenus menentang Serbia dan Bulgaria (Inalcik 1973: 9). Sementara itu, pada tahun 1354M, teluk Darnalles yang menghubungkan Anatolia dengan Balkan turut dikuasai dan beliau juga berjaya menundukkan kota Tzympe (Özok-Gundoğan 2016: 2).

Manakala sejarawan yang berpendapat Janissari diasaskan oleh Murad I, antaranya seperti Ibn Abi Surur (1995: 22) dan Uyar dan Jerickson (2009: 18) yang menggarap bahawa Janissari dibentuk selepas beliau berjaya menawan kota Erdine pada tahun 1362M. Berikutnya kejayaan beliau menawan kota Erdine, Murad I telah mengistiharkan kota tersebut sebagai ibu negeri pemerintahannya menggantikan Bursa yang berada di dalam wilayah Anatolia (Asia Kecil). Setelah banyak wilayah di Eropah dapat dimerdekakan, ramai dalam kalangan tawanan perang beragama Kristian dijadikan hamba dan seterusnya diserapkan sebagai tentera baharu dalam Kerajaan Uthmaniyyah.

Menurut Taqqush (2017: 35), titik perbezaan dalam menentukan pengasas awal penubuhan Janissari ialah kerana kedudukan Candarli Kara Halil Paşa yang berkhidmat dalam dua era pemerintahan Orkhan dan juga Murad I. Beliau ialah penasihat yang bertanggungjawab dalam mengusulkan supaya tawanan perang dalam kalangan anak muda Kristian diserapkan dalam organisasi tentera. Pandangan yang memihak kepada Murad I sebagai pengasas kepada penubuhan tentera Janissari pula berdasarkan wilayah Balkan seperti Tharachia, Gallipoli dan juga Edirne dapat dikuasai sepenuhnya pada era pemerintahan beliau. Adapun semasa pemerintahan Orkhan, wilayah tersebut tidak berada di bawah kekuasaannya, sebaliknya Orkhan sekadar memberi bantuan ketenteraan kepada Kaisar Byzantium dalam menyekat kemaraan tentera Serbia dan Bulgaria.

Walau bagaimanapun, apabila dicermati pendapat yang menyatakan tentera Janissari diasaskan oleh Orkhan, kajian mendapati sumber daripada Ibn Batuta boleh dijadikan asas untuk menobatkan beliau sebagai pengasas pembentukan Janissari. Hal tersebut dilaporkan oleh Fleet (2011: 314) bahawa Ibn Batuta telah menggambarkan susuk peribadi Orkhan dalam penulisannya sebagai seorang sultan dan pemimpin tentera yang hebat. Beliau memimpin ketumbukan angkatan tentera yang besar dan bertanggungjawab menawan kota Bursa dan Iznik, iaitu dua buah kota yang tidak berjaya ditawan ketika era pemerintahan Uthman *ghazi*. Sementara Kaylani (2012: 12) turut memerihalkan bahawa Orkhan telah meletakkan batu asas dalam penubuhan Janissari, manakala sistemnya diperkemas pada era pemerintahan Murad I setelah kejayaan beliau menawan kota Erdine.

Berdasarkan naratif yang dijelaskan di atas, sumber periwayatan sejarah penubuhan Janissari datangnya daripada versi Idrisi, sebagaimana diperihal oleh Palmer (1953: 468-470) bahawa versi tersebut muncul sekitar tahun 1500M atau 1510M melalui arahan Bayazid II. Arahan tersebut dikeluarkan oleh Bayazid II yang menghendaki agar sejarah Kerajaan Uthmaniyyah diterima dan dimanfaatkan oleh sejarawan Arab dan juga Parsi. Idris Bidlisi ialah sejarawan kelahiran Parsi yang berkhidmat pada era pemerintahan Bayazid II yang mengarahkan agar sejarah lapan pemerintah Uthmaniyyah yang awal turut dicatatkan. Versi Idrisi ini membicarakan tentang penubuhan Janissari dikelaskan kepada dua bahagian. Bahagian pertama melaporkan Janissari ditubuhkan di bawah pemerintahan Orkhan, manakala bahagian kedua di bawah pemerintahan Murad I.

Setelah menelusuri inti bicara kedua-dua perbahasan ini, kajian mendapati kedua-duanya mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Pada bahagian pertama tidak disebut tarikh pembentukan Janissari. Kronologi penceritaan bermula dengan penubuhan *yaya* dalam kalangan rakyat Turki, namun akibat pelanggaran disiplin oleh mereka, Candarli Kara Halil Paşa ditugaskan untuk merekrut anggota-anggota baharu dalam kalangan bukan Islam. Peranan Candarli Kara Halil Paşa menurut Taqqush (2017: 35), berperanan sebagai penasihat dalam dua era pemerintahan Orkhan dan juga Murad I yang memberi pemahaman, sama ada usul penubuhan Janissari dibuat pada era Orkhan ataupun Murad I. Adapun, pada bahagian kedua versi Idrisi tidak pula menyebut penubuhan Janissari oleh Murad I. Ia sekadar mengutarakan hukum dalam Islam yang membolehkan tawanan perang dijadikan sebagai harta rampasan. Justeru, riwayat dikemukakan oleh versi Idris ialah antara sumber utama dalam menentukan pengasas pembentukan Janissari.

## Sistem Perekutan Pasukan Janissari

Dalam mana-mana organisasi ketenteraan, pengurusan kerjaya memainkan peranan utama dalam memastikan sesbuah organisasi dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan. Justeru, untuk menghasilkan aliran kerjaya yang menghasilkan *best man for the right job*, pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah bertanggungjawab menentukan sistem pengambilan perajurit Janissari dirancang secara teliti dan telus. Menurut Akgündüs dan Öztürk (2008: 71-72), sistem perekutan Janissari terbahagi kepada dua sumber untuk melahirkan anggota dan juga pegawai dalam tentera Kerajaan Uthmaniyyah. Hal yang sama turut disentuh oleh Veinstein (2013: 121-122) yang menyatakan bahawa pada abad ke-14M dan ke-15M, keanggotaan tentera Janissari diserap ke dalam Kerajaan Uthmaniyyah berdasarkan sistem pengambilan sebagaimana penghuraian di bawah:

### Aliran Kerjaya *Pençik Oğlan*

*Pençik Oğlan* ialah terminologi dari bahasa Parsi. *Pençik* dalam bahasa Arab ialah *khums*, yang bermaksud satu perlima. Sementara *oğlan* menurut *Kamus Bahasa Turki* (t.th.: 34) dan Underhill (1972: 87) membawa pengertian budak. Istilah ini digunakan apabila merujuk sistem yang digubal untuk pengambilan tentera Janissari menurut undang-undang ditetapkan syarak. Para ulama berselisih pendapat mengenai status tawanan perang untuk dijadikan hamba. Sebahagian ulama menyatakan status tawanan perang sebagai hamba tidak dibenarkan oleh syarak. Namun sebahagian yang lainnya berpandangan sebaliknya. Hal ini telah dilaporkan oleh al-Dimyati (2010: 919) serta Ekram dan Suharno (2005: 75) melalui garapan mereka bahawa tawanan perang yang dijadikan sebagai hamba adalah dibenarkan dalam syariat Islam, iaitu satu daripada lima bahagian merupakan bahagian untuk kemaslahatan kerajaan manakala, selebihnya adalah untuk tentera-tentera Islam.

Dalam undang-undang harta *ghanimah*, keharusan pemimpin menguruskan tawanan perang mengikut urutan adalah seperti berikut, iaitu (1) dibunuh jika tawanan membawa musibah besar kepada kerajaan; (2) memeterai perjanjian supaya mereka akur kepada undang-undang kerajaan Islam; (3) membayar tebusan sebagai syarat pembebasan; dan (4) menjadikan mereka sebagai hamba untuk berkhidmat demi kepentingan Islam. Dalam mazhab Shafi'i juga menyatakan keharusan tawanan perang dalam kalangan orang kafir diambil sebagai hamba. Ia bergantung pada budi bicara pemimpin berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Qur'an Surah Muhammad, ayat 4, yang mafhumnya: "Apabila kamu bertemu dengan orang kafir (di medan perang), pukullah batang leher mereka Selanjutnya apabila kamu telah mengalahkan mereka, tawanlah mereka, dan setelah itu kamu boleh membebaskan mereka atau menerima tebusan sampai perang selesai".

Berdasarkan ayat di atas, al-Jaza'iri (1964: 279) melaporkan bahawa para ulama berbeza pendapat berkenaan tawanan perang daripada golongan kafir. Menerusi pemahaman ayat tersebut, menurut jumhur ulama, syarak telah memberi keluasan hukum kepada pemimpin untuk membuat pilihan, sama ada membebaskan tahanan tanpa tebusan, menerima tebusan seperti harta, senjata ataupun pertukaran tahanan, bahkan boleh dijadikan tawanan sebagai hamba untuk kemaslahatan wilayah Islam. Oleh itu, demi kemaslahatan dan kebaikan ummah, Orkhan telah menerima cadangan untuk menjadikan tawanan perang sebagai *ghanimah* (harta rampasan perang) dan diletakkan dibawah *istirqa'* (hamba) yang berkhidmat dan memberi manfaat untuk kerajaan.

Kajian mendapati, antara sumber yang memerihalkan urutan sejarah perekutan dalam kalangan tawanan perang untuk dijadikan tentera atau dengan istilah *acemi oğlan* (perajurit) ialah daripada laporan Çelebi (1834, 2:106) bahawa selepas pembukaan kota Makkah, sahabat Nabi Muhammad SAW seperti Abu Sufyan al-Harb, 'Ikrimah ibn Abi Jahl, Abu Quhafah dan 'Abd Allah ibn Abu Surkh dan ramai lagi dalam kalangan penduduk Makkah telah memeluk Islam. Adapun golongan yang enggan menerima Islam telah membuat permohonan agar tidak dibunuh tetapi rela menyerahkan harta dan anak-anak mereka untuk dipenjarakan.

Sungguhpun Rasulullah SAW bersetuju dengan permintaan tersebut, namun Baginda mengambil pendekatan dengan memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Çelebi (1834)

turut menambah dengan hujahnya bahawa ia merupakan perekrutan tawanan perang yang pertama dalam Islam selepas pembukaan kota Makkah. Oleh yang demikian, pada era pemerintahan Orkhan, hal yang sama turut dilakukan dalam proses merekrut tawanan perang dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Orkhan membawa ratusan tawanan perang dan menyerahkan kepada Haç Bektash untuk diberi pendidikan dan juga latihan. Walau bagaimanapun mereka akan diserahkan kembali kepada kerajaan apabila berlaku peperangan. Perajurit-perajurit atau *acemi oğlan* yang telah mendapat latihan ini dikenali dengan panggilan Janissari ataupun Tentera Baharu.

Aliran kerjaya *pencik oğlan* menurut Akgündus dan Öztürk (2008: 71-72) ialah satu sistem pengambilan tentera dalam kalangan tawanan perang terdiri dalam kalangan pemuda Kristian yang mempunyai kekuatan fizikal dan juga sihat tubuh badan. Mereka dilatih menjadi tentera profesional melalui latihan intensif di *acemi ocağı* (akademi tentera) yang berpusat di Gallipoli. Atas perkhidmatan yang diberikan, mereka mendapat kemudahan asas seperti gaji, tempat tinggal dan pakaian. Adapun rakyat tempatan daripada wilayah yang tunduk di bawah pemerintahan Islam, dikenakan cukai atau *jizyah* sebagai imbalan terhadap keselamatan mereka tinggal dalam sebuah wilayah Islam. Setelah sistem ini beroperasi selama beberapa dekad, perubahan besar berlaku dalam proses pengambilan Tentera Baharu dalam aliran kerjaya Janissari. Sistem baharu yang diperkenalkan bagi menggantikan *pencik oğlan* dikenali sebagai *devşirme* (Veinstein 2013: 123).

### **Aliran Kerjaya *Devşirme***

Pelaksanaan sistem *devşirme* dalam merekrut penganut Kristian menjadi hamba kepada sultan telah menjadi polemik besar terhadap Kerajaan Uthmaniyyah. Sistem ini menyebabkan Kerajaan Uthmaniyyah mendapat kecaman daripada sebahagian masyarakat Kristian. Para Orientalis pula turut mengambil kesempatan dan melemparkan persepsi buruk ke atas sistem ini dengan menuduh pemerintah telah mewujudkan undang-undang memaksa anak-anak seawal usia lapan tahun dikerah untuk berkhidmat, sama ada di istana, menjadi tentera ataupun memasuki perkhidmatan dalam kerajaan.

Catatan Brockelmann (1960: 414) menyatakan dasar perluasan wilayah sehingga menjangkau ke bahagian Eropah memberi idea kepada pemerintah menggubal undang-undang yang memaksa penduduk Kristian menyerahkan anak-anak mereka untuk diserapkan dalam tentera Kerajaan Uthmaniyyah, selain dipaksa memeluk agama Islam. Begitu juga komentar yang dibuat oleh Creasy (1878: 14) yang menggambarkan kehidupan anak-anak dalam kalangan orang Kristian telah diragut daripada keluarganya tanpa kerelaan mereka. Beliau mengungkapkan kata-kata seperti berikut:

*The Christian children, who were to be trained as Janissaries, were usually chosen at a tender age. They were torn from their parents, trained to renounce the faith in which they were born and baptized, and to profess the creed of Mohammed.*

Namun, kajian mendapati sistem *devşirme* merupakan undang-undang yang memelihara kebijakan anak-anak Kristian, khususnya apabila bapa mereka terbunu di medan peperangan. Bahkan, sistem ini diperkenalkan bertujuan untuk memenuhi perjawatan anggota tentera dalam kerajaan, berikutan dasar perluasan wilayah dan penawanan kota-kota wilayah bukan Islam. Hal ini memberi keuntungan kepada anak-anak bukan Islam yang akan mendapat pekerjaan tetap apabila meningkat dewasa, lebih-lebih lagi bilangan mereka semakin ramai. Tohmahan yang mengatakan anak-anak Kristian dipaksa untuk menyertai Janissari dengan mudah tertolak dengan kewujudan beberapa sumber mengesahkan mereka yang memasuki perkhidmatan ini memperoleh kedudukan penting dalam jabatan dan pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah. Selain itu, ia juga menjimatkan kos sara hidup dalam kalangan keluarga Kristian kerana mereka akan dikecualikan daripada membayar *jizyah* atau cukai kepada kerajaan (Akgündus & Öztürk 2008: 71-74).

Hal tersebut ditanggapi oleh Yilmaz (2015: 902) dengan menerangkan bahawa sistem *dervîşîme* telah menawarkan tempat istimewa dalam hierarki Kerajaan Uthmaniyyah sehingga menjadi satu profesion yang menguntungkan. Beliau menukilkan kata-katanya seperti berikut:

*In reality, we see varied and different forms and practices of “becoming a dervîşîme” in Ottoman society, as will be outlined in this article. The dervîşîme status involved multiple layers: some could become high-level bureaucrats in the Ottoman administration, or turn into successful soldiers who were promoted to high offices in the janissary army. Alternatively, some might end up becoming heavy-duty workers in state workshops such as gunpowder workshops, or workers in the Arsenal - the possibilities were endless.*

Justeru, ramai dalam kalangan ibu bapa mendaftarkan nama anak-anak mereka untuk menyertai tentera elit Janissari. Adapun mereka yang menikmati sistem ini hanyalah dari wilayah Rumelia, iaitu meliputi Bulgaria, Albania, Bosnia dan Arman. Sementara orang Yahudi dan Muslim tidak tertakluk kepada sistem *dervîşîme* yang diperkenalkan ini (Mahmud 2002: 425). Kajian juga mendapati, pemerintah Kerajaan Uthmaniyyah tidak memperlakukan masyarakat Kristian sebagai rakyat ‘kelas kedua’ sebagaimana yang diamalkan oleh Kerajaan Rom terhadap tawanan perang mereka.

Ini dibuktikan dengan pelantikan dengan peringkat tertinggi dalam kabinet kerajaan termasuk perdana menteri daripada alumni *dervîşîme* dan juga Janissari. Misalnya, Lutfi Pasha (1488-1563M), seorang Kristian yang dilahir di Albania telah dilantik menjawat jawatan perdana menteri pada tahun 1539M hingga 1541M. Pada era pemerintahan Muhammad II, ramai lantikan jawatan menteri dalam kerajaan terdiri daripada mereka yang direkrut melalui sistem *dervîşîme* (Murgescu & Berkay 2009: 57). Ini ialah sebahagian bukti jelas bagi mengesahkan sistem *dervîşîme* bukanlah satu undang-undang yang melanggar tatasusila kemanusiaan sebagaimana digambarkan oleh golongan orientalis.

Kalangan para sejarawan turut berbeza pandangan dalam menentukan bilakah permulaan sistem ini dikuatkuaskan. Menurut Akgündüs dan Öztürk (2008: 73), sistem ini digubal selepas kekalahan Bayazid I dalam perang Ankara pada tahun 1402M. Ini berikutan antara tahun 1403M hingga 1413M, perang saudara berlaku dalam kalangan putera Bayazid I. Justeru, dalam tempoh tersebut, misi menawan dan menguasai wilayah Balkan terhenti sementara waktu sehingga tiada lagi sumber harta rampasan daripada tawanan perang untuk berkhidmat kepada wilayah sebagaimana yang dilaporkan juga menerusi pemerihalan Yilmaz (2011: 27).

Uniknya, sistem ketenteraan yang dibentuk pada awal penubuhan Kerajaan Uthmaniyyah mempunyai penstrukturran organisasi bersistematis. Justeru, tidak hairan kerajaan ini berjaya menguasai tiga benua dalam masa 250 tahun, iaitu sebahagian Eropah, Afrika dan Asia. Dan, dasar pemodenan serta transformasi ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah pula mendahului Kerajaan Eropah. Namun setelah pihak Barat menyedari kelemahan dalam sistem pertahanan dan kemajuan teknologi mereka, akhirnya mereka mula menyusun strategi untuk bangkit selepas kejatuhan kota Konstantinopel pada tahun 1453M.

Di bawah sistem *dervîşîme*, evolusi ketenteraan berlaku dengan penubuhan kor-kor atau pasukan lain berdasarkan ketukangan dan kemahiran masing-masing. Janissari ialah tentera tetap pertama ditubuhkan melalui sistem ini dan kejayaan Janissari dalam mendepani situasi perang telah mencetus perubahan dalam angkatan tentera Kerajaan Uthmaniyyah. Kewujudan kor-kor tersebut ialah proses transformasi ke arah menjadikan tentera Kerajaan Uthmaniyyah sebagai sebuah angkatan tentera yang berwibawa dan seimbang. Untuk bergerak pantas, formasi terdiri daripada pelbagai kor digabungkan untuk membentuk ketumbukan angkatan tentera yang kuat. Dan, kewujudan Janissari ialah permulaan atau teras kepada angkatan tetap dalam kerajaan ini serta lebih utama dalam melakukan penyerbuan ke kawasan musuh (Uyar & Jerickson 2009: 37).

Natijah daripada sistem *dervîşîme* diperkenalkan, struktur organisasi angkatan tetap telah dibentuk melalui organisasi *kapikulu* yang memiliki keupayaan tempur secara gabungan dalam atur gerak ketumbukan tentera Kerajaan Uthmaniyyah. Dalam menghadapi situasi perang semakin mencabar dan canggih, organisasi yang fleksibel dan anjal berserta kemajuan teknologi

persenjataan perlu diselaraskan secara bersama. Oleh kerana itu, organisasi *kapikulu* dizahirkan dalam sistem ketenteraan kerajaan ini sebagaimana kupasan selanjutnya di bawah.

## Kesimpulan

Sejarah ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah amat menarik untuk diteliti kerana ia bermula hanya sebuah kerajaan kecil dalam kalangan kabilah Turki yang mendiami wilayah di Asia Kecil, kemudiannya muncul sebagai sebuah kuasa besar yang berjaya menguasai tiga benua. Faktor kekuatan kerajaan ini ialah kerana kepimpinannya saling berhubungan antara satu sama lain serta dasar pemerintah mengangkat tinggi para ilmuwan agama bagi mencorakkan pemerintahan berpaksikan syariat Islam. Antara ijithad ulama yang menunjukkan kewibawaan kerajaan ini ialah menetapkan keharusan menjadikan tawanan perang sebagai sumber untuk memberi manfaat kepada kerajaan. Berbeza dengan tawanan perang yang dilayan seperti hamba abdi oleh kerajaan-kerajaan Eropah di bawah maharaja Kristian, sebaliknya tawanan perang Kerajaan Uthmaniyyah diberi layanan yang istimewa dan ramai dalam kalangan mereka memegang beberapa jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan.

Pengalaman berhadapan dengan kuasa besar dunia ketika itu seperti Kerajaan Mongol, Byzantium dan Saljuq memberi kelebihan kepada Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengadaptasi kemahiran bertempur dan membangunkan sistem ketenteraan yang lebih baik. Penubuhan Janissari untuk mendepani ‘kekuatan tempur’ barisan hadapan dan menajamkan lagi rantai pertahanan strategik Kerajaan Uthmaniyyah adalah langkah yang amat tepat pada masanya. Dengan semangat juang berbekalkan kemahiran taktikal di medan juang, penubuhan Janissari amat berbaloi selaras dengan pembangunan ‘kekuatan tempur’, iaitu pengetahuan bertempur, semangat bertempur dan kemampuan bertempur. Justeru, ketiga-tiga komponen ini berjaya diadun secara bersama untuk melahirkan mesin penggempur yang digeruni musuh. Dengan demikian, pemerian sistem perekrutan pasukan Janissari dalam ketenteraan Uthmaniyyah ini diperihalkan secara holistik merangkumi sistem pengambilan aliran kerjaya *Pençik Oğlan* dan juga aliran kerjaya *Dervîrme*. Bab ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Kumpulan Penyelidikan Sejarah Ketenteraan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (GUP-2019-027).

## Rujukan

- Akgündus, Ahmed & Öztürk, Said. (2008). *al-Dawlah al-Uthmaniyyah al-Majbulah*. Istanbul: Waqf al-Buhuth al-Uthmaniyyah.
- Brockelmann, C. (1960). *History of the Islamic People*. Terj. Carmichael, J. & Perlman, M. London: Routledge & Kegan Paul.
- Cantemir, D. (1734). *The History of the Growth and Decay of the Ottoman Empire*. Terj. Tindal, N. London: James, John & Paul Knapton.
- Çelebi, E. (1834). *Narrative of Travels in Europe Asia and Africa in the Seventeenth Century*. Terj. Hammer, J.V. London: The Oriental Translation Fund.
- Clark, L. (1998). *Turkmen Reference Grammar*. Wiesbaden: Harrassowitz Verlag.
- Creasy, E.S. (1878). *History of the Ottoman Turks-The Ottoman Turks from Beginning of this Empire to the Present Time*. New York: Henry Holt and Company.
- al-Dimiyati, Abu ‘Ammar Yasir ibn Ahmad. (2010). *al-Khulasah al-Fiqhiyyah ‘ala Madhab al-Sadah al-Shafi’iyyah*. t.t.p.: al-Ghuraba’.
- Ekram Pawiropuro & Suharno. (2005). Perbandingan hukum Islam dan hukum humaniter internasional dalam perakuan dan perlindungan terhadap tawanan perang di Irak. *Jurnal Civics* 2(2): 68-86.
- Fleet, K. (2011). The rise of the Ottoman. Dlm. Fierro, M. (pnyt.). *The New Cambridge History of Islam*, hlm. 313-331. Jil. 2. The Western Islamic World Eleventh to Eighteenth Centuries. Cambridge: Cambridge University Press.

- Ibn Abi Surur, Muhammad Abu Surur al-Bakri al-Siddiqi. (1995). *al-Minah al-Rahmaniyyah fi al-Dawlah al-Uthmaniyyah*. Tahqiq. Sabbagh, Layla. Dimashq: Dar al-Basha'ir.
- Ihsanoğlu, E. (1999). *al-Dawlah al-Uthmaniyyah Tarikh wa Hadarah*. Terj. Sa'dawi, Salih. Istanbul: Markaz al-Ibhath li al-Tarikh wa al-Funun wa al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Inalcik, H. (1973). *The Ottoman Empire the Classical Age 1330-1600*. London: Phoenix Press.
- Inalcik, H. (2002). *Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah min al-Nushu' ila al-Inhidar*. Terj. al-'Arna'ut, Muhammad. Bayrut: Dar al-Masdar al-Islami.
- al-Jaza'iri, Abu Bakr Jabir. (1964). *Minhaj Muslim: Kitab 'Aqa'id wa Adab wa Akhlaq wa Tbadat wa Mufamat*. al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Kamus Bahasa Turki. (t.th.). Yogyakarta: Indonesia.
- Kaylani, Muhammad Sayyid. (2012). *al-Dawlah al-Uthmaniyyah min al-juz' al-thani min kitab al-futuhat al-Islamiyyah*. Tesis Sarjana. Kulliyat al-Adab, Jami'at al-Qahirah.
- Lane-Poole, S. (1893). *The Story of Turkey*. New York: Press of G.P. Putnam's Sons.
- Ma'ashi, Jamilah. (2008). *al-Inkishariyyah wa al-mujtama' Beyalik Qastantiniyyah fi nihayat al-'ahd al-Uthmani*. Tesis Dr. Fal. Kulliyat al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-'Ulum al-Ijtima'iyyah. Jami'at Mentouri Constantine.
- Mahmud, Sayyid Muhammad al-Sayyid. (2002). *Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah: al-Nasha'ah al-Izdihar*. al-Qahirah: Maktabat al-Adab.
- McGilchrist, J. (1856). *A History of the Turks from the Earliest Period to the Present Time*. London: James Blackwood.
- al-Muhami, Muhammad Farid Bay. (1981). *Tarikh al-Dawlah al-'Aliyyah al-Uthmaniyyah*. Tahqiq. Hiqqi, Ihsan. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Murgescu, B. & Berkay, H. (pnyt.). (2009). The institutions of the Ottoman Empire. Dlm. *The Ottoman Empire*, hlm. 49-66. Thessaloniki: Center for Democracy and Reconciliation in Southeast Europe.
- Nicolle, D. (1995). *The Janissaries*. Sunt. Johnson, L. London: Reeds International Ltd.
- Özok-Gundoğan, N. (2016). Ottoman Empire. Dlm. MacKenzie, J.M. (pnyt.). *The Encyclopedia of Empire*, hlm. 1-14. Turkey: John Wiley & Sons Ltd.
- Oztuna, Y. (1988). *Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah*. Terj. Salman, 'Adnan Mahmud. Istanbul: Mu'assasat Faysal li al-Tamwil.
- Palmer, J.A.B. (1953). The origin of the Janissaries. *Bulletin of the John Rylands Library* 35(2): 448-481.
- Pears, E. (1923). The Ottoman Turks to the fall of Constantinople. Dlm. Bury, J.B., Tanner J.R., Previte-Orton, C.W. & Brooke, Z.N. (pnyt.). *The Cambridge Medieval History*, hlm. 653-700. Jil. 5. Cambridge: The Cambridge University Press.
- Taqqush, Muhammad Suhayl. (2017). *Tarikh al-Uthmaniyyun min Qiyam al-Dawlah ila al-Inqilab 'ala al-Khilafah*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Underhill, R. (1972). Turkish participles. *Linguistic Inquiry* 3(1): 87-99.
- Uyar, M. & Erickson, E.J. (2009). *A Military History of the Ottomans*. California: Praeger Security International.
- Veinstein, G. (2013). On the Ottoman Janissaries (fourteenth-nineteenth centuries). Dlm. Zürcher E.J. (pnyt.). *Fighting for a Living*. hlm. 118-134. t.tp.: Amsterdam University Press.
- Yaghi, Isma'il Ahmad. (1996). *al-Dawlah al-Uthmaniyyah fi al-Tarikh al-Islam al-Hadith*. Riyad: Maktabat al-'Abikan.
- Yilmaz, G. (2011). The economic and social roles of Janissaries in a 17<sup>th</sup> century Ottoman city: The case of Istanbul. Tesis Tesis Dr. Fal. Institute of Islamic Studies, Montreal Institute of Islamic McGill University.
- Yilmaz, G. (2015). The Devshirme system and the levied children of Bursa in 1603-4 A.D. Dlm. Belada, A. (pnyt.). *Bulletin Dört Ayda Bir Cikar*, hlm. 837-930. Ankara: Baski, ÜÇ S Basım Ltd. Şti.

## BAB 21

### PERTIKAIAN PERMOHONAN CERAI TALAK TANPA PERSETUJUAN BERSAMA: PENYELESAIANNYA MENURUT UNDANG-UNDANG

Zanariah Dimon<sup>1</sup>, Zaini Yusnita Mat Jusoh<sup>1</sup>, Sharifah Hana Abdul Rahman<sup>1</sup>  
& Nurhidayah Azahari<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### Pengenalan

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam rumah tangga. Walau bagaimanapun, hubungan suami isteri dalam mengharungi alam rumah tangga tidak selalunya indah. Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang perkahwinan sehingga adakalanya terpaksa berakhir dengan perceraian. Walau bagaimanapun, perceraian merupakan langkah yang terakhir apabila sesuatu perkahwinan itu gagal diselamatkan setelah melalui beberapa proses pemulihian bagi tujuan mencari perdamaian. Perceraian berasal dari perkataan talaq dalam Bahasa Arab. Talaq bermaksud melepaskan atau meleraikan ikatan (Wahbah al Zuhaili, 1985). Talaq juga boleh ditakrifkan sebagai menghilangkan ikatan pernikahan atau mengurangi pelepasan ikatannya. (Al-Jaziri, t.t). Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, terdapat banyak peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendapatkan perceraian sekiranya krisis rumah tangga tidak dapat diselesaikan sama ada menerusi kuasa talak oleh suami atau melalui perintah hakim.

Walau apa pun bentuk perceraian bagi melepaskan ikatan perkahwinan antara suami isteri, ia seharusnya dilakukan mengikut lunas undang-undang. Perceraian mestilah secara berhikmah dan berhemah tanpa meninggalkan permusuhan yang berpanjangan di antara suami isteri tersebut. Terdapat banyak jenis peruntukan perceraian dalam undang-undang sama ada dalam bentuk lafadz talak daripada suami seperti talak biasa dan tebus talak atau perintah mahkamah seperti fasakh dan cerai taklik. Sebagai contohnya, peruntukan permohonan perceraian di bawah seksyen 47, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor), 2003 (EUKIS, 2003) atau lebih sinonim dengan cerai talak biasa adalah salah satu daripada peruntukan perceraian yang terdapat dalam undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia.

Permohonan perceraian di bawah seksyen 47 boleh dituntut apabila sudah tidak wujud persefahaman di antara suami isteri dan sering berlaku *syiqaq* atau pertikaian di antara mereka. Menurut Mariam Abd. Majid (2017), kebanyakannya *syiqaq* dalam perkahwinan sehingga berlakunya perceraian berpunca daripada kegagalan pasangan suami isteri memahami tanggungjawab dan mengabaikan tanggungjawab. Langkah terakhir bagi menyelesaikan pertikaian tersebut adalah melalui perceraian selepas usaha-usaha mencari perdamaian seperti melalui kaunseling atau runding cara kekeluargaan gagal dicapai. Walau bagaimanapun, permohonan perceraian di bawah seksyen ini memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri untuk bercerai walaupun ia melibatkan lafadz talak daripada suami. Mahkamah Syariah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak sekiranya ada satu pihak yang tidak bersetuju untuk bercerai. Jadi, dalam situasi ini akan wujud pertikaian atau *syiqaq* kerana satu pihak berhasrat untuk meneruskan perceraian sedangkan satu pihak lagi terutama di pihak suami tidak bersetuju untuk bercerai dan enggan melafazkan talak.

Secara literal, *syiqaq* memberi maksud permusuhan di antara dua atau lebih golongan (Ibnu Manzur (t.t). Ia melibatkan perkelahian, pertembahan dan perpecahan di antara dua pihak mengenai sesuatu isu (Al-Qurtubi, 1964). Dalam konteks perkahwinan, *syiqaq* melibatkan konflik yang wujud daripada keburukan kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Menurut undang-undang pula, *syiqaq* adalah pertelingkahan di antara suami isteri yang kritis dan apabila iaanya dikemukakan di mahkamah dan jika Hakim berpuas hati wujudnya *syiqaq*, maka Hakim akan memerintahkan prosiding diteruskan ke Majlis Tahkim (Azliza binti Abu Hanipah, 1999). Oleh itu, *syiqaq* adalah suatu perkelahian yang berlaku secara berterusan dan berpanjangan di antara suami isteri sehingga walaupun apabila ada satu pihak mengusulkan penyelesaian melalui perceraian, satu pihak yang lain tetap tidak dengan bersetuju dengan alasan-alasan yang tersendiri. Istilah *syiqaq* sinonim digunakan dalam kaedah penyelesaian pertikaian Tahkim dan berkait rapat dengan proses Hakam.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan penyelesaian mengenai isu-isu pertikaian daripada permohonan perceraian talak biasa yang tidak dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua pihak dari aspek undang-undang keluarga Islam. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data menerusi analisis dokumen-dokumen yang diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel, statut serta laporan kes dari jurnal. Jelas bahawa penyelesaian dari aspek undang-undang ini adalah sangat penting bagi memastikan kemaslahatan berterusan dan mengelakkan kemudaratan (*darar*) berpanjangan kepada pihak-pihak yang bertikai.

## **Permohonan Perceraian Menurut Undang-Undang**

Hukum syarak telah menetapkan bahawa kuasa menjatuhkan talak adalah pada suami. Walaupun perceraian adalah sesuatu yang dibenci dalam Islam, tetapi dalam keadaan tertentu dan atas alasan tertentu, ia dibenarkan oleh hukum syarak. Perceraian mestilah berlaku dalam sebaik-baik keadaan dan tidak mendatangkan *darar syarie* kepada mana-mana pihak. Dari sudut perundungan, banyak kaedah penyelesaian dalam menangani krisis rumah tangga sama ada mendapatkan nasihat orang yang dipercayai, menghadiri kaunseling atau menggunakan orang tengah sebagai penimbang tara dalam usaha mengelakkan perceraian (Zanariah Dimon, et al, 2018). Sekiranya tiada kata sepakat diambil dan mereka berpendapat bahawa langkah penyelesaian yang terbaik adalah dengan bercerai, maka pasangan boleh mengemukakan permohonan perceraian di Mahkamah Syariah.

Permohonan perceraian pada asasnya adalah merujuk kepada permohonan cerai talak biasa di bawah seksyen 47 akta/enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. IA lebih dikenali sebagai cerai talak atau cerai biasa. Perceraian di bawah seksyen ini adalah kaedah perceraian yang sangat efektif dan dapat memelihara aib kedua-dua pihak suami isteri. Proses perceraian tidak menjadi masalah sekiranya suami dan isteri sama-sama ke Mahkamah Syariah dan suami bersetuju melafazkan cerai di hadapan isteri dengan kebenaran Hakim Syarie. Walau bagaimanapun, permasalahan timbul apabila suami tidak setuju untuk bercerai dan enggan melafazkan talak. Justeru, undang-undang keluarga Islam telah menetapkan peraturan dan kaedah tertentu bagi membolehkan perceraian secara lafadz talak ini berlaku secara hikmah dan tidak menimbulkan kemudaratan kepada pihak-pihak.

## **Perceraian dengan Persetujuan Bersama**

Perceraian dengan persetujuan bersama bermaksud seorang suami atau isteri membuat permohonan kepada mahkamah dengan mengisi borang-borang tertentu untuk bercerai sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk berbuat demikian dan gagal mencapai persefahaman untuk meneruskan perkahwinan. Borang tersebut perlu diserahkan kepada Mahkamah Syariah

dengan disertai akuan berkanun (surat sumpah) dengan memenuhi perkara yang berikut: i. butir-butir perkahwinan, nama anak, umur anak (hasil daripada perkahwinan); ii. perkahwinan itu didaftarkan di bawah Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam dan salah satu pihak bermastautin dalam Negeri di bawah Enakmen tersebut; iii. butir-butir mengenai apa-apa perbicaraan terdahulu mengenai hal ehwal suami isteri, jika ada; iv. pernyataan mengenai sebab-sebab hendak bercerai; v. pernyataan sama ada langkah-langkah perdamaian telah diambil; vi. syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah, tempat tinggal isteri dan anak-anak hasil daripada perkahwinan, penjagaan anak dan pembahagian apa-apa aset; dan vii. butir-butir perintah yang diminta.

Bagi negeri Selangor, seksyen 47 EUKIS, 2003 telah memperuntukkan mengenai permohonan perceraian secara talak biasa. Pihak yang memohon perceraian perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 47 (1) Enakmen yang sama. Mahkamah selepas menerima permohonan tersebut akan menghantar saman kepada pihak satu lagi untuk hadir ke mahkamah bagi membolehkan mahkamah menyiasat sama ada pihak tersebut bersetuju atau tidak untuk bercerai berdasarkan kepada Seksyen 47(2) Enakmen yang sama. Apabila pihak yang satu lagi itu bersetuju untuk bercerai dan setelah Mahkamah menyiasat dan berpuas hati bahawa perkahwinan tersebut gagal dipulihkan, maka Mahkamah akan menasihatkan suami untuk melafazkan talaq menurut Seksyen 47(3) Enakmen yang sama. Seksyen 47(4) Enakmen yang sama pula memperuntukkan, setelah perlafazan talak, maka mahkamah perlu merekodkan dan dihantar kepada Pendaftar.

Peruntukan di atas dengan jelas menyatakan bahawa perceraian mesti dilakukan di hadapan Hakim Syarie bagi memastikan perceraian yang berlaku atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh hukum syarak dan kebijakan pihak-pihak dapat ditentukan di bawah pengawasan mahkamah. Setelah kedua-dua pihak bersetuju untuk bercerai, mahkamah akan memberikan suami melafazkan talak tersebut. Prosedur perceraian ini tidak menghapuskan hak suami untuk melafazkan talak tetapi lafadz itu hendaklah dilafazkan dengan pengawasan pihak mahkamah. Keharusan perceraian melalui talak oleh suami itu mestilah berlaku dalam keadaan yang dibenarkan dan terdapat alasan-asalan yang diiktiraf oleh hukum syarak. Ia bagi mengelakkan daripada berlakunya penganiayaan terhadap pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut (Najibah Mohd Zin et al., 2007).

Dari segi prosedur, perceraian jenis ini, adalah perceraian yang paling efektif dalam memelihara aib kedua-dua pihak dibandingkan dengan jenis-jenis perceraian yang lain dalam undang-undang. Perceraian ini lebih mudah, cepat dan efisien kerana tidak melibatkan prosedur yang panjang dan keterlibatan saksi. Ini kerana persetujuan dua belah pihak telah memudahkan proses cerai dan lafadz talak gugur dengan mudah tanpa permohonan penangguhan yang memakan masa lama sebelum ini (Osman Lisut dan Rozdan Mazalan 2019).

Di Selangor, prosiding perceraian talak biasa dengan persetujuan bersama ini telah dibuat secara *fast track* oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) sejak tahun 2015 sebagai usaha untuk mengurangkan kerentak birokrasi dalam pengendalian kes-kes cerai yang difaikkan atas persetujuan bersama suami dan isteri yang sebelum ini mengambil masa sehingga 90 hari untuk diselesaikan. Melalui proses kerja ini, kes pasangan suami isteri yang telah bersetuju untuk bercerai akan diselesaikan dalam tempoh 6 jam daripada masa pemfailan kes dan mereka akan menerima Perintah bertulis bermeterai mahkamah dalam tempoh masa tersebut untuk dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam Selangor bagi tujuan pengeluaran Sijil Cerai. Proses *fast track* ini ternyata telah menjimatkan masa dan kos pihak yang terlibat dan memberi peluang kepada mereka untuk memulakan hidup baharu secara damai tanpa perlu bermusuhan antara satu sama lain, sebagaimana yang biasa berlaku kesan daripada perbicaraan kes yang panjang di mahkamah. (Majlis Agama Islam Selangor, 2019)

## Perceraian Tanpa Persetujuan Bersama

Asas kepada perceraian menurut undang-undang adalah kebenaran mahkamah walaupun ia melibatkan kuasa talak oleh suami. Ia perlu melalui proses dan kaedah yang ditentukan menurut peruntukan undang-undang keluarga Islam di peringkat negeri. Sekiranya lafaz talak suami berlaku di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah, maka pengesahan lafaz tersebut perlu dilakukan di mahkamah bagi menentukan kesahan perceraian dari segi hukum syarak dan undang-undang. Walau bagaimanapun, dalam permohonan kes-kes perceraian yang dibuat di mahkamah, adakalanya terdapat pertikaian di antara pihak-pihak tersebut. Ada kes isteri mengemukakan permohonan perceraian secara talak biasa di bawah seksyen 47, tetapi suaminya enggan melafazkan talak dengan alasan yang tertentu.

Oleh itu, dalam kes-kes permohonan talak atau cerai biasa, jika terdapat salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai melalui persetujuan bersama, Mahkamah tidak boleh membenarkan suami untuk melafazkan talak sama ada pihak yang tidak bersetuju itu adalah isteri atau suami sendiri. Walaupun kuasa talak diberi kepada suami oleh hukum syarak, tetapi undang-undang telah menghadkan kuasa suami itu bagi tujuan kemasalahatan dan mengelakkan kemudaratan kepada pihak-pihak (Najibah Mohd Zin et al., 2007). Menurut peruntukan undang-undang di Selangor dalam seksyen 47 EUKIS, 2003, jika mahkamah mendapati bahawa pihak yang satu lagi itu tidak bersetuju untuk bercerai dengan alasan yang tersendiri sedangkan satu pihak lagi bersetuju untuk bercerai, maka Mahkamah Syariah akan menangguhkan prosiding perceraian tersebut dan memerintahkan suatu prosiding lain bagi mencapai perdamaian di antara keduanya sama ada hidup bersama semula sebagai suami isteri atau bercerai.

## Penyelesaian Pertikaian Perceraian Tanpa Persetujuan Bersama

Sekiranya pertikaian ataupun *syiqaq* terus berlaku dalam kes-kes permohonan perceraian talak biasa di Mahkamah Syariah atau pun pihak-pihak tidak dapat menyelesaikan kes perceraian tersebut dengan cara yang baik, maka menurut undang-undang terdapat dua kaedah penyelesaian yang akan disyorkan kepada pihak-pihak tersebut. Penyelesaian tersebut adalah melalui peranan orang tengah atau penimbang tara iaitu melalui penubuhan Jawatankuasa Pendamai dan perlantikan Hakam.

## Jawatankuasa Pendamai

Jawatankuasa pendamai merupakan satu jawatankuasa yang diarahkan dibentuk oleh pihak Mahkamah Syariah bagi membantu pasangan suami isteri yang salah satu daripada mereka tidak bersetuju untuk bercerai walaupun sebelah pihak lagi bertekad untuk bercerai dan telah memfailkan perceraian di mahkamah melalui permohonan cerai talak atau cerai biasa menurut seksyen 47 enakmen undang-undang keluarga Islam. Peranan Jawatankuasa Pendamai adalah untuk cuba mendamaikan suami isteri yang hendak bercerai tetapi masih ada harapan untuk berdamai. Sekiranya suami tidak bersetuju dengan perceraian tersebut dan suami hadir ke Mahkamah Syariah semasa prosiding kes, maka Mahkamah boleh mengarahkan suatu Jawatankuasa Pendamai dilantik bagi mewakili pihak-pihak. Seksyen 47(5) EUKIS (2003) memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah jika terdapat kemungkinan pihak-pihak itu boleh berdamai semula, maka Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak melalui proses perdamaian bagi tujuan merungkai konflik atau *syiqaq* yang wujud iaitu di peringkat Jawatankuasa Pendamai.

Jawatankuasa pendamai ini merupakan salah satu daripada alternatif dalam usaha menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dalam sesebuah rumah tangga. Jawatankuasa pendamai ini ditubuhkan apabila salah satu pihak tidak bersetuju terhadap perceraian atau jika mahkamah berpendapat ada kemungkinan berlaku perdamaian semula di antara pihak-pihak itu,

mahkamah akan melantik suatu jawatankuasa pendamai dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa itu. Jawatankuasa tersebut berperanan mendamaikan suami isteri apabila mereka gagal menyelesaikan masalah tanpa campur tangan orang luar (Haliza A. Shukor, et al 2012).

Menurut undang-undang, keanggotaan Jawatankuasa Pendamai adalah terdiri daripada seorang pegawai agama Islam sebagai pengerusi, seorang wakil suami dan seorang wakil isteri. Di peringkat jawatankuasa pendamai ini, keutamaan diberi kepada saudara dan ahli keluarga terdekat yang mengetahui mengenai permasalahan suami isteri tersebut. Wakil-wakil mereka hendaklah berusaha berbincang dan berusaha mencapai perdamaian dalam tempoh enam bulan dari tarikh jawatankuasa ini dibentuk atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut arahan mahkamah. Jika mahkamah tidak bersetuju atau jika mahkamah tidak berpuas hati tentang cara jawatankuasa menjalankan perdamaian itu, ia boleh memecat jawatankuasa dan melantik yang baru. (Seksyen 47 (5), EUKIS, 2003).

Semasa sesi perdamaian dijalankan, Jawatankuasa Pendamai boleh memanggil dan memberi peluang kepada suami isteri untuk menyatakan pendapat dan memanggil wakil untuk mendapatkan pandangan dan siasatan lanjut. Walau bagaimanapun, peguambela pihak-pihak tersebut tidak dibenarkan menghadiri sesi ini kerana ia adalah sesi yang eksklusif di antara pihak-pihak, wakil pihak-pihak dan pengerusi sahaja (Seksyen 47(12) EUKIS, 2003). Sekiranya pihak-pihak berjaya didamaikan, maka permohonan perceraian ini boleh ditarik balik. Tetapi sekiranya, Jawatankuasa Pendamai telah menyempurnakan tugasnya tetapi masih gagal mendamaikan pasangan tersebut untuk hidup semula sebagai suami isteri, maka mahkamah hendaklah menasihati suami itu supaya melafazkan satu talak di hadapan mahkamah. Namun, sekiranya suami enggan menceraikan isterinya, maka mahkamah akan merujuk kes tersebut kepada hakam untuk tindakan seterusnya (Najibah Mohd Zin et al., 2007).

Walaupun begitu, hakikatnya pelaksanaan Jawatankuasa Pendamai tidak dipraktikkan keseluruhannya oleh Mahkamah Syariah seluruh Malaysia namun ia masih wajar dan relevan dilaksanakan demi memberi ruang kepada pihak-pihak untuk menyelesaikan *syiqaq* yang wujud secara damai khususnya berkaitan perceraian tanpa persetujuan bersama (Nur Saufi Solihin). Masih banyak mahkamah sebenarnya yang tidak menggunakan pakai kaedah ini bagi menyelesaikan *syiqaq* yang wujud di dalam rumah tangga pihak-pihak. Ini kerana pasangan biasanya telah mengikuti sesi kaunseling atau runding cara kekeluargaan di peringkat Jabatan Agama Islam. Walaupun begitu, dalam konteks permohonan biasa tanpa persetujuan bersama, impak Jawatankuasa Pendamai ini sangat besar kerana melibatkan wakil-wakil dari kalangan keluarga suami dan isteri tersebut bagi membantu perbincangan dan mendapatkan perdamaian dalam tempoh masa panjang sehingga 6 bulan sebelum pihak-pihak dapat membuat keputusan.

## Hakam

Secara umumnya, Hakam adalah penimbang tara yang akan berfungsi apabila berlaku *syiqaq* yang berpanjangan dalam hubungan perkahwinan di antara suami isteri. Peranan Hakam adalah untuk mengenal pasti dan merungkai *syiqaq* yang berlaku di antara suami dan isteri dalam perkahwinan (Mahmud Saedon Awang Othman, 2000). Proses Hakam adalah diharuskan dalam syarak berdasarkan firman Allah SWT melalui Surah An-Nisa ayat 35:

وَإِنْ خَفَتْ مِثْقَالُ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ  
وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِضْلِيجًا يُوَقِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنْ  
Maksu

اللَّهُ كَانَ عَلَيْمًا خَبِيرًا

"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka (suami isteri) maka lantiklah hakam untuk mendamaikan mereka iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua hakam itu dengan ikhlas bertujuan hendak mendamaikan nescya Allah akan menjadikan kedua suami isteri berpakaat baik. sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya;

Secara literal, hakam bermaksud sebagai orang tengah, pendamai atau wasit (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Hakam dikenali sebagai arbitrasi atau timbang tara dan boleh diertikan sebagai memberi kuasa menjatuhkan sesuatu hukuman kepada seseorang. Manakala dari sudut istilah iaitu satu proses pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang atau hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara pihak-pihak berlandaskan hukum syarak (Mohd Hafifi Hassim, et. al, 2019). Menurut istilah undang-undang pula, Hakam ertinya seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian (*shiqaq*) antara suami dan isteri (Kaedah-kaedah Hakam Selangor, 2014). Orang yang dilantik oleh pihak-pihak bagi mengadili pertikaian tersebut dinamakan sebagai Hakam atau Muhakkam. Manakala majlis atau pertemuan yang diadakan itu dinamakan sebagai Majlis Tahkim.

Hakam diperuntukkan dengan jelas di bawah Seksyen 48 enakmen-enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. Pelantikan hakam dibuat setelah mahkamah berpuas hati perkelahian sentiasa berlaku antara pihak-pihak dalam tempoh perkahwinan tersebut selepas selesai urusan perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal atau menemui jalan buntu (Hammad Mohd Dahalan et al., 2017). Lebih khusus lagi, Hakam juga akan dilantik oleh mahkamah sekiranya berlaku pertikaian dalam kes permohonan perceraian di bawah seksyen 47 iaitu perceraian talak biasa apabila gagal mencapai persetujuan kedua-dua pihak untuk bercerai.

Menurut seksyen 48(1) EUKIS, 2003 memperuntukkan jika Mahkamah Syariah berpuas hati bahawa perkelahian (*syiqaq*) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah boleh melantik mengikut hukum syarak, dua orang penimbang tara atau Hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan. Semasa prosiding perbincangan atau majlis tahkim berlangsung, hakam kedua-dua pihak tertakluk kepada arahan mahkamah dan mestilah menjalankan penimbang taraan itu mengikut hukum syarak.

Keanggotaan Majlis Tahkim terdiri daripada seorang hakam daripada pihak suami dan seorang hakam daripada pihak isteri yang dilantik oleh Mahkamah Syariah daripada kalangan saudara-mara terdekat kepada bagi pihak suami dan isteri yang mempunyai makluman dan pengetahuan mengenai isu dan konflik rumah tangga pihak-pihak tersebut (seksyen 48 (2), EUKIS, 2003). Hakam suami dan hakam isteri itu hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal pihak-pihak masing-masing dalam menjalankan peranan mereka sebagai penimbang tara sepanjang sesi Majlis Tahkim.

Malah, Hakam suami boleh diberi kuasa melafazkan talak bagi pihak suami. Sesi perbincangan menerusi Hakam ini juga tertakluk kepada arahan mahkamah dan hendaklah mengikut hukum syarak (seksyen 48 (5), EUKIS, 2003). Jika Hakam berpendapat pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian kerana sebab lain, mahkamah boleh melantik Hakam yang lain untuk proses yang sama. Jika Hakam di pihak suami enggan melafazkan cerai tetapi meminta perceraian dibuat secara tebus talak dan Hakam isteri bersetuju, mahkamah juga boleh mengarahkan perceraian tersebut dilakukan secara tebus talak. Kesemua prosiding ini termasuk Hakam akan mengambil masa lebih kurang enam bulan hingga setahun untuk selesai sekiranya pihak-pihak memberikan kerjasama yang baik dan suami hadir ke mahkamah.

Di Selangor, pengendalian proses hakam ini adalah berdasarkan Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang telah digubal bagi menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 48, EUKIS, 2013 tersebut. Daripada kaedah tersebut, dapat difahami bahawa di Selangor terdapat 3 pihak yang boleh dilantik sebagai hakam iaitu sama ada dari kalangan (a)

saudara karib suami dan isteri yang memenuhi kelayakan di bawah subkaerah 8(1) dan (2); (b) anggota Panel Hakam yang dilantik di bawah kaerah 6; atau (c) mana-mana Pegawai Syariah atau Pegawai Hal Ehwal Islam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Negeri atau mana-mana Pegawai Majlis yang mahir dalam bidang kekeluargaan dan Hukum Syarak. Oleh itu, terdapat dua peringkat proses hakam di Selangor iaitu peringkat pertama melibatkan hakam daripada kalangan ahli keluarga pihak-pihak yang bertikai. Apabila Hakam peringkat pertama gagal, mahkamah akan meneruskan prosiding seterusnya dengan lantikan hakam peringkat kedua. Hakam peringkat kedua ini adalah terdiri daripada pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan mempunyai kuasa penuh untuk membuat keputusan mengikut kaerah yang dibenarkan. Pada ketika ini, pihak suami maupun isteri tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan melainkan kuasa hakam yang akan menentukan hala tuju perkahwinan mereka (<https://hakammahkamahsyariah.blogspot.com/2019/01/>)

Bersesuaian dengan kuasa Hakam menurut syarak, maka fungsi Hakam secara umumnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaerah 9, Kaerah-kaerah Hakam (Negeri Selangor) 2014 adalah untuk menamatkan *shiqaq* antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan atau memisahkan kedua-duanya dengan talak atau khuluk. Amalan di Selangor dalam menentukan jenis perceraian yang boleh dicadangkan oleh hakam-hakam tersebut kepada pihak-pihak yang diwakili jika kedua-dua Hakam berpuas hati bahawa perdamaian gagal dicapai oleh kedua-dua pihak, mereka hendaklah menentukan pihak yang menjadi punca kepada berlakunya *shiqaq* itu. Jika *shiqaq* itu (a) didapati berpunca daripada suami atau kedua-dua suami dan isteri, kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talak; (b) didapati berpunca daripada isteri, kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khuluk dan kadar *'iwadh* hendaklah diputuskan oleh Hakam; (c) tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh suami, maka kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talak; atau (d) tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh isteri, maka kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khuluk dan kadar *'iwadh* hendaklah diputuskan oleh Hakam (Kaerah 12, Kaerah-kaerah Hakam (Negeri Selangor) 2014).

Contoh aplikasi cerai hakam sebagai penyelesaian kepada pertikaian dalam proses perceraian dapat dilihat dalam kes seorang selebriti, Sharnaaz Ahmad dan isterinya yang juga ahli perniagaan, Noor Nabila disabitkan sah bercerai pada 9 Julai 2020 secara hakam di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan. Terdahulu, pasangan itu gagal mencari kesepakatan dalam proses Jawatankuasa Pendamai yang diperintahkan oleh mahkamah menerusi seksyen 47(5) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Oleh itu, mahkamah menerusi Seksyen 48 Akta yang sama mempunyai kuasa melantik dalam kalangan saudara-mara terdekat kedua-dua pihak iaitu dua penimbang tara (hakam) yang mempunyai maklumat berkaitan isu rumah tangga pemohon dan defendant. Hakam kedua-dua pihak tersebut telah mencapai kesepakatan untuk memutuskan perceraian bagi pihak pasangan tersebut setelah usaha-usaha untuk berbaik semula gagal dicapai (*bbonline*. 2020).

## Implikasi Kuasa Hakam dalam Undang-Undang

Oleh kerana perceraian yang diputuskan oleh hakam adalah merupakan talaq *ba'in sugra*, maka, implikasinya adalah rujuk tidak terpakai kepada suami dan isteri tersebut. Keputusan perceraian oleh hakam juga tidak boleh dirayu, bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Rayuan hanya boleh dibuat apabila terdapat kecacatan dari sudut prosiding sahaja. Kaerah hakam ini juga akan meringankan bebanan yang ditanggung oleh isteri dalam pertikaian seperti penjimatan kos prosiding (Mumtazah et al., 2020)

Kesan keputusan yang diputuskan oleh Hakam menurut Syarak adalah sah jika berlaku kesepakatan di antara dua Hakam yang dilantik mewakili suami dan isteri, namun jika berbeza pandangan dalam membuat keputusan, maka keputusan tersebut tidak boleh diambil. Kesan

Hakam lain hendaklah dilantik oleh Hakim untuk mengkaji mengenai *syiqaq* suami isteri dan keputusan hendaklah dipersetujui sebulat suara untuk membolehkan keputusan itu berkuat kuasa kepada pasangan suami isteri tersebut secara muktamad. Menurut hukum syarak, perceraian melalui Hakam adalah dikategori sebagai talaq *Bai'in Sugra* dan tidak boleh dirujuk semula (Mohd. Saleh Haji Ahmad, 2005).

Seterusnya, kesan kuasa Hakam dari sudut perundangan, jika kedua-dua pihak suami isteri bersetuju mengenai perlantikan Hakam tersebut, maka keputusan yang diputuskan oleh Hakam tersebut adalah mengikat pihak-pihak, bersifat muktamad dan tidak boleh dirayu melainkan jika ada kecacatan di dalam prosiding (Nur Khalidah Dahlan, et al, 2017). Rujuk juga tidak terpakai kepada suami dan isteri yang telah diceraikan secara Hakam (Alyasak Berhan, et al, 2016). Bukti dalam Kaedah 18 di bawah Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang menyatakan bahawa perceraian yang diputuskan dalam Majlis Tahkim adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

### Perbezaan Kuasa Jawatankuasa Pendamai dan Hakam

Pada dasarnya kes yang dirujuk kepada Jawatankuasa Pendamai dan Hakam adalah terdiri daripada permohonan perceraian yang tidak mendapat persetujuan salah satu pihak atau kes-kes yang difikirkan masih ada ruang untuk didamaikan sebelum keputusan bercerai diambil. Jawatankuasa Pendamai dan Hakam diberi kuasa untuk menyiasat kes tersebut dan memberi nasihat yang berkaitan supaya pasangan tersebut boleh kembali hidup sebagai suami isteri. Walau bagaimanapun, jika usaha mereka gagal mereka bolehlah mengemukakan cadangan mereka kepada Mahkamah supaya dipisahkan pasangan dengan cara yang baik. Matlamat utama pelantikan Jawatankuasa Pendamai dan Hakam adalah untuk mencuba sedaya mungkin mengekalkan sesebuah rumah tangga selagi usaha-usaha perdamaian melalui sesi penimbang taraan dapat dicapai. Sekiranya tidak, maka jalan akhirnya adalah melalui kuasa perceraian yang ada pada Hakam.

Namun, terdapat perbezaan di antara Jawatankuasa Pendamai dan Hakam. Jadual 1 berikut menunjukkan perbezaan tersebut:

Jadual 1: Perbezaan Jawatankuasa Pendamai dan Hakam Menurut Undang-undang

Perkara	Jawatankuasa Pendamai	Hakam
Keanggotaan	Anggota Jawatankuasa Pendamai tidak dihadkan kepada wakil bagi suami dan isteri sahaja bahkan ia boleh melebihi daripada dua orang	Hakam mestilah terdiri daripada dua orang iaitu seorang mewakili suami dan seorang lagi mewakili isteri.
Asas pelantikan	Jawatankuasa Pendamai dilantik apabila salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian atau pihak Mahkamah berpendapat bahawa kemungkinan yang munasabah untuk pasangan tersebut berdamai.	Hakam berperanan menyelesaikan <i>shiqaq</i> yang berlaku dalam kalangan pasangan suami isteri sama ada dalam perkahwinan atau proses perceraian.

Tempoh	Tempoh perlantikan Jawatankuasa Pendamai antara tiga hingga enam bulan sahaja.	Tempoh perlantikan Hakam antara enam bulan sehingga setahun atau sehingga mencapai perdamaian.
Kuasa	Jawatankuasa Pendamai hanya berkuasa untuk melaporkan cadangan tetapi Mahkamah yang membuat tindakan	Hakam diberi kuasa sepenuhnya untuk membuat keputusan sama ada untuk melafazkan talak atau menerima tebus talak jika ia merupakan wakil bagi suami. Manakala wakil bagi isteri berkuasa untuk menerima talak dan membayar tebus talak.

Sumber: Peruntukan Seksyen 47 dan 48 EUKIS, 2003 serta Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

Berdasarkan kepadauraian dalam jadual di atas, ternyata Jawatankuasa Pendamai dan Hakam cuma berbeza daripada segi peruntukan undang-undang yang tertulis. Jawatankuasa Pendamai dikhkususkan untuk kes-kes yang melibatkan perceraian tanpa persetujuan bersama dalam peruntukan seksyen 47 manakala Hakam lebih luas peranannya meliputi syiqaq atau perkelahian di antara pihak-pihak suami dan isteri dalam perkahwinan atau proses perceraian. Walau bagaimanapun, peranannya secara umum adalah untuk menyelesaikan krisis yang berlaku antara suami isteri. Pelantikan Hakam adalah kesinambungan daripada pelantikan Jawatankuasa Pendamai yang tidak dapat mencapai matlamatnya dalam mendamaikan pasangan yang menghadapi krisis.

## Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan Mahkamah Syariah akan melantik Jawatankuasa Pendamai bagi mencapai persetujuan atau perdamaian kedua-dua pihak tersebut sama ada untuk kembali hidup sebagai suami isteri atau meneruskan perceraian. Sekiranya Jawatankuasa Pendamai gagal untuk mencapai perdamaian atau persetujuan untuk bercerai dalam tempoh yang ditetapkan, mahkamah akan memerintahkan kedua-dua pihak melantik hakam atau orang tengah sebagai penimbang tara bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku sehingga perdamaian dicapai sama ada bersetuju bercerai atau menarik balik kes. Hakam sebagai penimbang tara mempunyai kuasa yang lebih besar daripada Jawatankuasa Pendamai iaitu sehingga boleh menentukan keputusan bagi pihak-pihak yang diwakili sekiranya mencapai kesepakatan bersama. Secara keseluruhannya, penyelesaian dari aspek undang-undang dengan menggunakan orang tengah atau penimbang tara ini adalah sangat sesuai dan berkesan bagi memastikan kemaslahatan berterusan dan mengelakkan *darar yarie* berpanjangan kepada pihak-pihak yang bertikai.

## Penghargaan

Kertas kerja ini adalah hasil daripada kajian yang dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (GPIK) 2020 iaitu bagi kategori Geran Penyelidikan Intensif (GPI).

## Rujukan

- Abdul Karim Zaydan. (1983). *Nizam Al-Qadha fi Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Baghdad: Matb'ah al-Ma'ani
- Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal
- Al-Jaziri, Abdurrahman. (t.t), *al-Fiqh ala al-Madzahib al-Arba'ah*, Juz 3, Beirut : Dar al-Qalam
- Al-Qurtubi, Muhammad. (1964). *Al-Jami'li Abkam Al-Quran: Tafsir Al-Qurtubi*. Jil 2, Al-Kaherah : Dar Al-Mesriyyah.
- Alyasak Berhan & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2016). Pengetahuan Masyarakat Islam Terhadap Perceraian Luar Mahkamah Di Daerah Tampin, Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol. 4. 1-20
- Che Latifah Hj Ismail. (2005). Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan di Mahkamah Syariah Perlis. *Jurnal Intelek*. Vol. 3 No. 1. 95-105
- Fatin Farhana Ariffin. (2020). Noor Nabila enggan ulangi kesilapan. *bbonline*. Ogos 8, 2020. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/08/719140/noor-nabila-enggan-ulangi-kesilapan>. Retrieved July 26th. 2021.
- Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim & Intan Nadia Ghulam Khan (2012). Krisis Rumah Tangga : Punca-punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-undang USIM*. 67- 86
- Hammad Mohamad Dahalan & Mohamad Azlan Yahya. (2017). Hakam Dalam Mahkamah Syariah : Analisis Pelaksanaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia. *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*. 246-255.
- Ibnu Manzur. (2005). *Lisan al-'Arab*. Jil 12. Beirut: Dar Sadir.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS). <https://www.jakess.gov.my/index.php/ms/perkhidmatan/perkhidmatan-utama/hakam>. Retrieved 24th July 2021.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (2000). Tahkim (Timbangtara dalam Islam). *Jurnal Undang-undang IKIM*. Vol. 4 No 2 July-Dis 2000. 18-30
- Mariam Abd Majid & Mohd Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017). Trend Dan Faktor Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor Dari Tahun 2011 Hingga 2015. *Al-Iryad : Journal Of Islamic And Contemporary Issue*, Vol 2, No.2, Disember. 40-53
- Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Norazla Ab Wahab, Nurhafizah Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad. (2019). Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol 6, No. 2. 1-14
- Mohd Saleh Haji Ahmad. (2005). Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam: Tumpuan Kepada Konsep Tahkim. *Risalah Abkam*. Intel Multimedia And Publication
- Muhd Fauzi Muhamad. (2003). *Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab*. Ed. 2. Semenyih: Synergymate Sdn. Bhd.
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor & Siti Amalina Ahmad Khairuddin. (2020). Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor, *International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20)*, 9 & 10 Disember, Centre of Graduate Studies, UNISEL, 182-184
- Muslem, Siti Aminah Abd Samat. (2018). Mekanisme Majelis Tahkim Dalam Penyelesaian Sengketa Rumah Tangga (Analisis Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 2

- Tahun 2003, Seksyen 48 Tentang Penambahan Kaedah-kaedah Hakam Di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Selangor, Malaysia). *Media Syari'ah*. Vol 20, No.1, 76-93
- Najibah Mohd Zin. (2007). *Perveraian dalam Undang-undang Keluarga Islam*. *Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nur Khalidah Dahlan, Mohd Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid & Noor Inayah Yaakub. (2017). Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dari Sudut Syariah Di Malaysia, *Journal Of Nusantara Studies (JONUS)*. Vol 2(1). 86-98
- Nur Saufi Solihin Binti Hassan. (t.t). Kewajaran Penubuhan Jawatankuasa Pendamai. [http://syariah.johor.gov.my/wp-content/uploads/2018/03/JK\\_Pendamai.pdf](http://syariah.johor.gov.my/wp-content/uploads/2018/03/JK_Pendamai.pdf). Retrieved July 25th. 2021
- Osman Lisut dan Rozdan Mazalan. (2019). 90 peratus kes cerai diselesaikan lebih cepat. *bhonline*. bhnews@bh.com.my. April 15, 2019. Retrieved Julai 24th. 2021
- Portal rasmi Majlis Agama Islam Selangor. (2019). <https://www.mais.gov.my/pengumuman-kaunter-khas/> Retrieved July 25th, 2021
- Wahbah al-Zuhaili, (1989). *al-Fiqh Islami wa Adillatuh*, cet. Ke-3, Juz 7. Dar al-Fikr
- Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad Md. Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh & Nur Zulfah Md. Abd Salam, (2018), Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga : Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor, *e-Prosiding International Conference On Islamiyyat Studies*. 287-293

Rujukan Statut:

- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003  
Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

## BAB 22

### PERTIKAIAN PIHAK-PIHAK TERHADAP KEPUTUSAN HAKAM DALAM KONTEKS PERSELISIHAN KEKELUARGAAN

Sharifah Hana Abd Rahman<sup>1</sup>, Zanariah Dimon<sup>1</sup>, Zaini Yusnita Mat Jusoh<sup>1</sup>, & Nurhidayah Azahari<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### Pengenalan

Hakam atau timbangtara mempunyai sejarah panjang yang berakar umbi semenjak daripada zaman pra-Islam. Timbangtara juga lebih menjadi pilihan berbanding penyelesaian dalam mahkamah dalam perundangan Islam (Aseel Al-Ramahi, 2008).

Penyelesaian pertikaian di kalangan masyarakat Arab adalah berpandukan kepada prinsip kepentingan kolektif sesebuah keluarga, suku, masyarakat dan negara. Sejarah Islam dan suku Arab meletakkan kepentingan bersama sebagai prinsip tertinggi dalam hierarki nilai dalam penyelesaian pertikaian dan urusan kehidupan seharian. Konsep memelihara hubungan dan memulihkan keharmonian adalah tanggungjawab seluruh anggota keluarga dan juga pihak ketiga, sama ada dengan memainkan peranan sebagai seorang hakim (qadi), penimbang tara (hakam) atau pendamai. Oleh itu, kepentingan kolektif dan sulu (penyelesaian damai) adalah intipati dari setiap sistem penyelesaian pertikaian dalam Islam demi menjaga hubungan kekeluargaan, persaudaraan, dan masyarakat. (Aseel Al-Ramahi, 2008).

Menurut kamus al-Munjid, tahkim juga bermaksud mengangkat seseorang sebagai pendamai. Sedangkan Salam Madkur menyatakan dalam kitab Al-Qadha Fil Islam bahawa tahkim secara terminologi bermaksud mengangkat seseorang atau lebih sebagai pendamai oleh dua orang atau lebih yang bersengketa bagi menyelesaikan perselisihan secara damai. Namun, pada hari ini istilah tahkim boleh juga diterjemahkan sebagai arbitrasi atau timbang tara, dan orang yang bertindak sebagai pelaksananya dikenali sebagai arbiter atau hakam.(Zaenal Arifin, 2006)

Menurut Hasbi Ash Shiddieqy (1997) hakam bermaksud menyerahkan diri atau urusan kepada seseorang yang dianggap kompeten menyelesaikan sesuatu dengan menyenangkan kedua belah pihak. Penyelesaian pertikaian tersebut dilakukan di luar sistem mahkamah. Manakala, orang yang dilantik untuk menyelesaikan pertikaian disebut hakam atau muhakkam. Namun begitu, persoalan timbul mengenai keharusan pihak-pihak untuk mempertikaikan keputusan yang telah dicapai dan diputuskan selepas menjalani prosedur tahkim. Sama ada keputusan hakam bersifat muktamad dan tiada lagi ruang untuk rayuan atau sebaliknya.

#### Metodologi

Kajian ini merupakan suatu kajian yang menggunakan kaedah kualitatif menggunakan kaedah perpustakaan dengan menganalisis dokumen bagi mendapatkan data kajian dari bahan ilmiah seperti buku, artikel dan laporan kes-kes yang terdapat dari mahkamah. Selain itu, tinjauan awal juga telah dilakukan bagi mendapatkan idea secara umum mengenai persoalan yang sedang dikaji. Analisa dokumen dijalankan ke atas dokumentasi, laporan dan kes-kes mahkamah yang relevan.

## Fungsi dan Kedudukan Hakam Dalam Islam

Tahkim secara literal bermaksud melantik seseorang sebagai orang tengah atau pengantara bagi sesuatu pertikaian. Definisi ini selaras dengan maksud tahkim dari segi istilah yang bermaksud lantikan secara sukarela oleh dua pihak yang bertikai akan seseorang yang dipercayai oleh mereka untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka (Abd al-Karim Zaydan, 2000)

Justifikasi dan keharusan lantikan hakam jelas dilihat dalam surah al-Nisa' (4) ayat 35:

وَإِنْ خَفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعِثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ  
وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنْ  
اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

٢٥

Yang bermaksud:

“Dan jika kamu bimbangkan ada pertikaian antara keduanya (suami dan isteri) maka kirimkanlah seorang hakam dari keluarga pihak lelaki dan seorang hakam dari keluarga pihak perempuan. Jika kedua-dua orang hakam itu bermaksud mengadakan perdamaian, nescaya Allah akan memberikan taufiq kepada suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.

Menurut Abu Yusuf, kedudukan tahkim adalah lebih rendah daripada kedudukan hakim dalam sistem keadilan mahkamah. Ini kerana, kerana hakim berhak untuk memeriksa dan menyoal pihak-pihak di mana bidang kuasa ini tidak terdapat pada seorang hakam. Selain daripada itu hukum yang diberikan oleh hakam hanya terpakai ke atas pihak-pihak bertikai sahaja manakala keputusan hakim terpakai walaupun tidak diterima oleh pihak-pihak lain yang bersangkutan.

Diriwayatkan oleh An-Nasa'i bahawa Abu Syuraih menerangkan kepada Rasulullah saw bahawa kaumnya telah berselisih dalam sesuatu perkara. Lalu mereka datang kepadanya, dan dia pun memutuskan perkara mereka. Keputusan itu diterima oleh kedua belah pihak. Mendengar itu, Nabi Muhammad saw. bersabda: “Alangkah baiknya”. Demikian pula riwayat menyatakan bahawa Rasulullah saw telah menerima keputusan Sa'ad bin Mu'az terhadap Bani Quraidzah tatkala orang-orang Yahudi sepakat dan rela menerima tahkim daripada Sa'ad ke atas mereka.

Dari Syuraih ibnu Hani' dari ayahnya (Hani') meriwayatkan bahawasanya pada suatu hari ayahku datang pada Rasulullah saw; Rasulullah saw telah mendengar kaum Hani' memanggil Hani' dengan sebutan Abul Hakam. Maka Rasulullah bertanya padanya: "Sesungguhnya Allah Ta'ala disebut dengan sebutan Al-Hakam sebab segala hukum diserahkan pada-Nya; tetapi mengapa kamu dipanggil juga dengan nama Abul Hakam?" Jawab ayah: "Kerana bila terjadi perselisihan di antara kaumku, maka mereka meminta aku yang memutuskan perselisihan mereka. Setelah aku memutuskan di antara mereka, maka masing-masing dari mereka puas dengan keputusanku." Sabda beliau: "Alangkah baiknya apa yang kamu putuskan, tapi siapa nama anakmu?" Jawab ayah: "Mereka bernama Syuraih, Abdullah dan Muslim." Tanya beliau: "Siapa yang terbesar?" Jawab ayah: "Syuraih", Sabda beliau: "Kalau begitu panggilanmu dengan nama Abu Syuraih". Setelah itu ayah dipanggil dengan nama itu, dinisbatkan nama anaknya yang terbesar." (Sunan al-Nasa'i - Koleksi 1 - No. 5232)

Para fuqaha menetapkan bahawa seorang hakam hendaklah seseorang yang mempunyai sifat hakim, iaitu dapat mendatangkan kesaksian sama ada lelaki atau perempuan, dan benar-benar mempunyai keahlian ketika membuat keputusan. Hendaklah perkara yang ditahkimkan kepadanya adalah perkara-perkara yang tidak masuk dalam bidang jenayah dan qisas. Ini kerana dalam bidang ini, pihak berkuasa adalah pihak yang berkewajipan melaksanakannya dan juga kerana hukum yang diputuskan oleh hakam tidak melibatkan orang-orang lain. Berdasarkan fakta ini, maka tahkim hanya dapat dilaksanakan dalam segala permasalahan ijtihadiyah seperti talak, nikah, kafalah dan jual beli.

Terdapat perbezaan pandangan mengenai sejauh mana keputusan hakam mengikat pihak-pihak. Abu Hanifah, Syafi'i dan Ahmad bin Hanbal berpendapat bahawa keputusan yang diberikan oleh hakam harus dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak-pihak, meskipun pihak-pihak boleh menolak tahkim sebelum hakam mengeluarkan sebarang keputusan. Terdapat juga pandangan lain bahawa keputusan yang diberikan oleh hakam itu tidak wajib dipatuhi oleh pihak yang bertikai.

Apabila pihak yang bertikai sudah diputuskan perkaranya oleh seorang hakam, kemudian mengajukan lagi pertikaian itu kepada hakam lain dan diberikan keputusan yang berlawanan dengan yang pertama disebabkan hakam tersebut tidak mengetahui adanya keputusan sebelumnya, maka perkara itu harus diselesaikan oleh hakim, dan hakim hendaklah mentanfizkan hukum yang sesuai dengan pendapatnya. Hakim juga boleh membatalkan keputusan itu sekiranya berbeza pandangan. Kedudukan tahkim dibanding dengan qadha' berada pada tingkat yang lebih rendah. Tambahan pula, tahkim ini terjadi atas kesepakatan secara sukarela oleh pihak-pihak yang bersengketa. Maka, keputusan seorang hakam boleh diterima oleh pihak-pihak, dan boleh juga dipertikaikan dan ditolak. Berbeda dengan keputusan qadha', bersetuju atau tidak bersetuju dengan keputusan qadha' tersebut, ia harus diterima dan ditaati oleh pihak-pihak. (Adeng Septi Irawan, 2020).

## Hakam Dalam Sistem Mahkamah Syariah di Malaysia

Menurut Cohen (1921), kaedah timbang tara (arbitration) menyediakan alternatif kepada penyelesaian pertikaian dan ia amat diperlukan kerana dengan terdapat kekurangan dalam prosedur undang-undang dan peraturan yang digubal oleh kerajaan.

Di Malaysia, khususnya di Negeri Selangor, proses Timbang Tara oleh Hakam diperuntukkan dengan jelas di bawah Seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Peruntukan Seksyen 48 (5) menyatakan Hakam hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh, jika kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah, dan jika demikian halnya, Mahkamah hendaklah merekodkan lafadz satu talaq itu, dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Manakala Seksyen 48 (6) pula menyatakan jika Hakam berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh kerana sesuatu sebab, Mahkamah hendaklah melantik Hakam lain dan hendaklah memberi kepada mereka kuasa untuk memerintahkan perceraian dan hendaklah, jika mereka berbuat demikian, merekodkan perintah itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Prosedur hakam telah dijelaskan secara terperinci dalam Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2006 yang merangkumi pelantikan dan tanggungjawab hakam. Di negeri Selangor, hakam merupakan satu bentuk kaedah baharu yang diperkenalkan sebagai

salah satu alternatif kepada penyelesaian pertikaian suami isteri. Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 digubal bagi mengawal selia perjalanan prosiding dan perlaksanaan majlis tahlkim di Negeri Selangor. Kaedah Hakam ini juga merupakan kaedah yang bertujuan memperkasakan fungsi hakam, mempercepatkan penyelesaian prosiding kes perceraian di Mahkamah Syariah serta menjelaskan pelaksanaan prosiding hakam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (Syukran Yusof, 2018)

## Bidangkuasa Hakam Ke Atas Pihak-pihak

Di dalam Kitab Al Mughni, Ibnu Qudamah menerangkan bahawa hukum yang ditetapkan oleh hakam berlaku dalam semua perkara kecuali dalam perkara berkaitan nikah, li'an, qazaf dan qisas. Manakala, pengikut-pengikut asy-Syafi'i pula mempunyai dua pendapat dalam masalah ini. Ibnu Farhun dalam Kitab Al Tabshirah mengatakan bahawa keputusan hakam itu berlaku dalam perkara berkaitan kehartaan namun tidak boleh diaplikasi dalam isu berkaitan jenayah, li'an, qisas, qazaf, talak atau menentukan keturunan. Pihak-pihak yang mentahkimkan itu boleh menolak keputusan hakam dengan syarat penolakan berlaku sebelum hakam itu menetapkan keputusannya. Ini kerana, secara hakiki hakam dianggap sebagai pihak yang dituruti oleh kedua belah pihak. Oleh sebab itu mereka boleh memakzulkan (memecat) hakamnya sebelum hakam itu menjatuhkan hukuman. Tetapi apabila hakam sudah membuat keputusannya, maka keputusannya itu dianggap muktamad dan tidak lagi boleh dibatalkan.

Sebagian ulama berpendapat, bahawa tidak perlu adanya kerelaan dari kedua belah pihak sampai pada ketika melaksanakan hukum. Apabila kedua-duanya telah mengemukakan keterangan mereka masing-masing pada seorang hakam, kemudian salah seorang ingin menarik kembali pentahkimnya sebelum memutuskan hukum maka hakam itu dapat terus memutuskan hukum dan sah hukumnya.

Menurut Pendapat Sahnun, masing-masing pihak dapat menarik pentahkimannya, selagi belum terdapat keputusan. Menurut pendapat dalam mazhab Maliki tidak disyaratkan terus-menerus adanya kerelaan dari kedua belah pihak sehinggalah diberikan keputusan. Tetapi apabila kedua-duanya menarik pentahkimannya sebelum keputusan atau hukum ditetapkan maka penarikan itu dibenarkan dan muhakkam tidak lagi layak memutuskan perkara tersebut. Hakam boleh mendengar keterangan saksi dan dapat pula memutuskan perkara dengan nukul, juga dengan ikrar, karena itu sesuai dengan ketentuan syarak.

Apabila pihak yang dikalahkan mengingkari ikrar padahal keterangan sudah cukup, kemudian dia mengajukan perkaranya kepada hakim, maka hakim boleh menerima apa yang telah ditetapkan oleh hakam selagi mana pihak bertikai itu masih dalam keadaan mentahkimkan diri sehinggalah selepas dia tidak berhak lagi memutuskan perkara, maka barulah hakim tidak lagi harus mendengar atau merujuk pandangan hakam itu.

Tahkim didefinisikan dalam prinsip Syariah sebagai 'dua pihak memilih hakim untuk menyelesaikan pertikaian dan tuntutan mereka'. Secara tradisinya, perbezaan antara timbang tara dan penyelesaian pertikaian secara formal melalui badan kehakiman adalah apabila pihak-pihak memilih sendiri penimbang tara dan ... pihak-pihak itu sendiri mesti secara sukarela menerima dan mematuhi keputusan penimbang tara tersebut. Seperti hakim, penimbang tara dalam Islam juga berkuasa memaksakan keputusannya ke atas pihak-pihak berdasarkan hujah dan pembuktian yang dikemukakan di hadapannya berdasarkan prinsip-prinsip hukum syarak (Mahassini, 1992).

## Kesan Keputusan Hakam ke Atas Pihak-pihak

Keputusan hakam adalah berdasarkan kerelaan kedua pihak yang bertikai dan bersetuju untuk penyelesaian secara hakam. Atas alasan inilah maka keputusan hakam hendaklah dilaksanakan oleh mereka yang dijatuhkan hukuman ke atasnya secara sukarela. (Muhammad Amin Ibn Abidin, 1979). Manakala, menurut 'Abd al-Karim Zaydan (2000) jika pihak-pihak tidak bersedia mematuhi keputusan yang dibuat oleh hakam, maka terserahlah kepada pihak mahkamah untuk menguatkuasakannya.

Timbang tara, dalam Islam, berbeza dengan sulu dalam tiga aspek: iaitu, pertama, pada sulu terdapat penyelesaian dan ia dapat dicapai antara pihak-pihak dengan atau tanpa penglibatan orang lain, sedangkan dalam timbang tara pelantikan pihak ketiga adalah sangat diperlukan. Namun, pihak yang bersengketa dalam prosedur sulu juga memiliki pilihan untuk menggunakan penimbang tara untuk berusaha mencapai penyelesaian.

Oleh itu, timbang tara boleh menjadi satu daripada kaedah sulu. Kedua, perjanjian sulu tidak mengikat melainkan ia berlaku di hadapan hakim, sedangkan timbang tara, menurut majoriti ahli fuqaha, bersifat mengikat tanpa campur tangan mahkamah. Dan ketiga, sulu hanya boleh digunakan jika perselisihan telah terjadi, iaitu sulu tidak dapat menangani calon perselisihan, sedangkan timbang tara dapat menangani perselisihan yang ada dan yang mungkin terjadi.

Contoh penggunaan timbang tara pada zaman Rasulullah saw adalah klausa dalam Perjanjian Madinah, perjanjian pertama dimasuki oleh masyarakat Islam, yang ditandatangani pada tahun 622 Masihi antara Muslim, bukan Muslim, Arab dan Yahudi yang meminta perselisihan diselesaikan dengan kaedah timbang tara. (Cunningham et al, 1993)

Mazhab fiqh Sunni mendapati keputusan hakam itu mengikat seperti mana sebuah kontrak atau menyamai dengan keputusan mahkamah. Walaupun kedudukan hakam mungkin lebih lemah jika dibandingkan dengan penghakiman, menurut beberapa mazhab fiqh, ini bukanlah alasan bagi pihak-pihak untuk tidak mengikutinya menurut peraturan syarak. Oleh itu, kedudukan hakam dan keputusannya adalah mengikat dengan cara yang sama seperti mana sebuah kontrak.

Ini bertepatan dengan firman Allah swt dalam surah an-Nahl ayat 91:

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَنَ بَعْدَ  
تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا  
تَفْعَلُونَ

Yang bermaksud:

“dan tepatilah janji dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu melanggar sumpah, setelah diikrarkan, sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai saksimu (terhadap sumpah itu). Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.”

Keputusan hakam adalah muktamad namun tidak boleh dilaksanakan secara perundungan. Ini merupakan sebuah pandangan yang kukuh mengenai hakikat sesebuah undang-undang adat yang kemudiannya diterapkan sebagai salah satu prinsip dalam Islam. (Hamidullah, 1937). Hakikatnya, Schacht (1964) merujuk kepada hakam dalam situasi seperti 'penggubal

undang-undang, pengarang yang berwibawa kebiasaan undang-undang norma atau sunnah.' (Schacht, 1964) Objektif utama pihak ketiga selaku hakam dalam pertikaian adalah untuk mendamaikan dan menjaga keharmonian. Para penimbang tara yang dilantik akan melaksanakan dan melakukan sedaya upaya untuk meyakinkan pihak-pihak yang berseteru untuk mencapai perdamaian. (A. El-Tayib, 1983)

Sebuah laporan dalam *Musannaf al-San'ani* dikaitkan dengan Umar bin al-Khattab, pada zaman kekhalifahan Islam yang kedua, dengan tegas mengkritik penghakiman: 'Hapus pihak yang berselisih pertikaian sehingga mereka bersahabat antara satu sama lain (*yastalatu*); sesungguhnya penghakiman benar-benar membawa kepada dendam. Molla Khusrew (w. 885/1480), pengarang *Durar al-Hukkām fi Sharḥ Ghurar al-Aḥkām*, sebuah risalah hukum yang penting bagi para sarjana dan hakim sejak abad kelima belas, menyatakan dalam pengantaranya mengenai babnya mengenai penghakiman bahawa ia mengikuti bab sulu kerana '[*Adjudication*] diperlukan [hanya] apabila tidak ada masalah antara dua pengadu.' Walau bagaimanapun, penimbang tara atau hakim tidak boleh menolak pihak-pihak jika mereka tidak dapat di damaikan. Ini ditangani oleh Umar bin al-Khattab yang dilaporkan telah mengarahkan surat-suratnya kepadanya wakil-wakil di berbagai bahagian Empayar Muslim: 'Dan usahakanlah perdamaian selagi penghakiman tidak dapat dilihat.'

Keputusan yang diberikan oleh hakam harus dilaksanakan oleh pihak-pihak, menurut Ahmad dan Abu Hanifah serta menurut suatu riwayat dari asy Syafi'i. Tetapi menurut riwayat yang lain hukum yang diberikan oleh hakam itu tidak wajib dituruti oleh pihak-pihak. (Adeng Septi Irawan, S.H., 2020). Apabila seorang hakam telah membuat keputusan, kemudian pihak-pihak mengajukan perkara yang sama kepada hakam lain, lalu hakam yang lain ini memberikan keputusan pula dengan tidak mengetahui adanya keputusan yang pertama, maka apabila urusan itu diajukan pada hakim, hendaklah hakim menerapkan hukum yang sesuai dengan pendapatnya. Apabila suatu perkara sudah diputuskan oleh seorang hakam, kemudian diajukan kepada hakim, maka hakim boleh membenarkan keputusan itu jika sesuai dengan pandangannya. Dan hakim juga membatalkan keputusannya sekiranya mempunyai pandangan berbeza. (Adeng Septi Irawan, S.H., 2020)

Manakala aplikasi hakam di Malaysia, menurut pandangan Mumtazah Narowi et al (2020), oleh kerana perceraian yang diputuskan oleh hakam adalah merupakan talaq ba'in sughra, maka, implikasinya adalah rujuk tidak terpakai kepada suami dan isteri tersebut. Keputusan perceraian oleh hakam juga tidak boleh dirayu, bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Malah, rayuan hanya boleh dibuat apabila terdapat kecacatan dari sudut prosiding sahaja.

## Kesimpulan

Konsep hakam dalam Islam yang bersifat kolektif dan mendamaikan nyata jauh berbeza dengan budaya individualistik di Barat khususnya dalam resolusi pertikaian. Malah, model timbang tara di peringkat antarabangsa adalah berbeza berbanding norma-norma penyelesaian pertikaian yang dianjurkan dalam Islam. Persetujuan untuk melantik hakam oleh kedua-dua pihak bertikai dianggap sebagai sebuah janji atau akad dalam perundangan Islam. Janji ini termasuklah janji untuk mematuhi sebarang keputusan yang ditetapkan yang dilantik sendiri secara sukarela oleh pihak-pihak. Oleh itu, secara umum pihak-pihak tidak boleh mempertikaikan keputusan yang telah ditetapkan kecuali terdapat bukti-bukti kecacatan dari sudut prosedur yang boleh menyebabkan keputusan yang ditetapkan oleh hakam sebagai tidak sah dan batal.

## Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan. (2000). *Nizām al-Qadha fi al-Syariah al-Islamiyah*, cet 3, Beirut: Muassasah al-Risalah h.247.
- Adeng Septi Irawan (2020) S.H. Hakim Pratama pada Pengadilan Agama Sukamara, Kalteng. *Manajemen Sengketa Lembaga Syariah di Indonesia*, Mahkamah Agung Republik Indonesia, <<https://pa-sukamara.go.id/berita/artikel/448-lembaga-al-tahkim-dalam-konteks-hukum-peradilan-islam-di-indonesia-sebuah-kajian#ftn4>>
- Al-Imam Sahnun ibn Sa'īd al-Tanukhi .(1323). *al-Mudawamah al-Kubra*. Beirut: Dar Sadir, 229
- Aseel Al-Ramahi, (2008). *Sulh: A Crucial Part of Islamic Arbitration*, LSE Law, Society and Economy Working Papers. Law Department. London School of Economics and Political Science.
- Cohen. J. H. (1921). *The Law of Commercial Arbitration and the New York Statute*, 31 Yale L.J. 147-160.
- El-Tayib. (1983). 'The Ode (*Qasidah*)', in *The Cambridge History of Arabic Literature: Arabic literature to the End of the Umayyad Period*. Cambridge: Cambridge University Press.
- H. Mahassini. (1992). *General Principles of Islamic Law relating to International commercial arbitration*. 3(1) The ICC International Court of Arbitration Bulletin, Special Supplement, 21, 23.
- J. Schacht (1964). *An Introduction To Islamic Law*. Oxford: The Clarendon Press, 8.
- M. Hamidullah. (1937). *Administration of Justice in Early Islam*'. 11 Islamic Culture 163
- Muhammad Amin Ibn Abidin (1979). *Hasyiyah rad Al-Muhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar* j.5 (t.t.p) dar al-Fikr, h. 429
- Muhammad Hasby Ash Shiddieqy. (1997). *Peradilan dan Hukum Acara Islam*, Semarang: PT Pustaka Rizki Putra. hal. 81
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor, dan Siti Amalina Ahmad Khairundin. (2020). *Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*. International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20) 9 & 10 December 2020. Center for Graduate Studies, UNISEL.
- R. B. Cunningham & Y. K. Sarayrah. (1993). *Wasta: The Hidden Forces in Middle Eastern Society*. London: Praeger, 1.
- Sunan al-Nasa'i - Koleksi 1 - No. 5232
- Syukran Yusof. (2018). "Prosiding Hakam Mengikut Hukum Syarak", bertempat di Dewan Muktamar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor pada 20 Oktober 2018 bersamaan 11 Safar 1440H.
- The Medjella of Legal Provisions, s.76.
- Zaenal Arifin. (2006). "Arbitrase Dalam Perspektif Hukum Islam", dimuat dalam Majalah Himmah vol. VII no. 18 Januari -April 2006, hal.. 67-68

## BAB 23

### التأمين الإسلامي التكافلي في دولة الإمارات العربية المتحدة: (تجربة قانونية تطبيقية)

أحمد محمد سعيد الخلفاوي<sup>١</sup>

<sup>١</sup>جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

#### المقدمة

التأمين الإسلامي التكافلي في دولة الإمارات العربية المتحدة يعتبر مكوناً أساسياً في القطاع المالي، ومكملاً للنظام المصرفي؛ فالتأمين الإسلامي التكافلي يعبر عن مبدأ المشاركة في تحمل الأثار الناجمة عن المخاطر، وعلى سبيل التخصيص فإنّ التأمين التكافلي يقوم على فكرة التعاون بين مجموعة من الأفراد المعرضين لنفس المخاطر، فالتأمين الإسلامي التكافلي يعد صاحب رسالة أخلاقية ومنافساً حقيقياً في قطاع التأمين، وذلك كون هذا التأمين يستند إلى أحكام و مبادئ الشريعة الإسلامية الغراء، فهذا التأمين سواء كان على الأشخاص أو تأمين على الأشياء، منه تأمين تتفق أحكامه مع مقاصد الشريعة الإسلامية، درج على تسميته بالتأمين التكافلي أو التعاوني أو التبادلي، و هذا التأمين له ضوابط و شروطه و الذي بدورها لا يكون التأمين إسلامياً و يعد رافداً جديداً لتحقيق النمو والتميز والابتكار.

وعليه تسعى الدراسة إلى إزالة الالتباس والاشتباه في التفرقة بين التأمين التجاري والتأمين التكافلي وأثار كل منهما على الاقتصاد دولة الإمارات العربية المتحدة وإبراز الجوانب الإيجابية للتأمين التكافلي ومدى فائدته على المجتمع والاقتصاد؛ وحيث أن دولة الإمارات كانت من أول الدول التي استهدفت التأمين التكافلي وقامت بإدخاله في نظام التأمين لديها لإشباع حاجات السوق الداخلي، وتوفير الأنواع الأخرى من التأمين فقد قامت بتأسيس العديد من شركات التأمين والتي تقدم التأمين التكافلي على غرار شركات التأمين الأخرى والتي تعمل في التأمين التجاري، وقامت الدولة بتوسيع الفكرة للاستعداد أن تكون عاصمة الاقتصاد الإسلامي في منطقة الشرق الأوسط.

وعليه فإن الدراسة تتناول مفهوم عقد التأمين التكافلي وتعريفه لغة واصطلاحاً باعتباره عقداً قانونياً، وبيان التنظيم التشريعي له والقوانين التي تحكمه، وتوضيح التكيف الشرعي للتأمين التكافلي، وأنواع عقود شركات التأمين التكافلي، وتأثير الحاجة التشريعية على التأمين التكافلي كنظام قانوني، مع إظهار كافة المعوقات و التحديات التشريعية، كما تتناول الدراسة بالتفصيل خصائص عقد التأمين

التكافلي من حيث أنه عقد احتمالي، أو عقد إذعان أو أنه عقد رضائي ملزم لطرفيه أو أنه عقد معاوضة من عقود حسن النية، كما تتناول تميز عقد التأمين التكافلي عن التأمين التجاري في دولة الإمارات وفق القانون الإماراتي مع سرد الأدلة الشرعية للتأمين التكافلي والتأمين التجاري في ضوء مقاصد الشريعة الإسلامية، وتوضيح الفروق بين عقد التأمين التكافلي وعقد التأمين التجاري، وكيفية تكوين عقد التأمين التكافلي وأطرافه (المستأمن وصندوق التكافل، والعلاقة بين المؤمن (الشركة) وصندوق التكافل، وكذلك علاقة بين المؤمن "الشركة" وصندوق التكافل لإدارة العمليات التأمينية والاستثمار الأموال وقيمة مبلغ التأمين "القسط".

وتتناول أيضاً الشخصية الاعتبارية لجماعة المشتركين" لغة واصطلاحاً" وفي الفقه الإسلامي، وخصائص الشخصية الاعتبارية في صندوق حملة الوثائق باعتبارها شخصية مستقلة، وبين الدراسة هيئات التأمين التكافلي ومواصفات الهيئة حسب القانون في دولة الإمارات، ولجنة الرقابة الشرعية وحقوق المشتركين وأنواع التأمين التكافلي حسب القانون في دولة الإمارات والمبادئ التي يستند عليها وبيان مراحل إبرام العقد بدءاً بالطلب ومذكرة التغطية ووثيقة التأمين وملحق وثيقة التأمين التكافلي وبيان الآثار المترتبة عليه وكيفية انقضاؤه والآثار المترتبة على ذلك سواء على الجانب الاقتصادي أو الاجتماعي أو الشرعي والقانوني سواء حسب المدة المحددة له أو قبلها أو في حالة قيام شركة التأمين التكافلي بإنهاء العقد.

### أهمية الدراسة و الغاية من دراستها

تكمّن أهمية موضوع التأمين الإسلامي التكافلي في أنه يستمدّ أهميته من جوانبه الفنية والقانونية والشرعية والاقتصادية من أهمية التأمين في الوقت الحاضر؛ لاتصاله بكافة مظاهر الحياة اليومية، وحيث أنه موضع اهتمام علماء الشريعة من حيث بيان حكم التعامل به، ومن حيث وضع الضوابط الشرعية اللازمـة لجواز التعامل به، وحيث أن انتشار شركـات التأمين الإسلامية في شـئـى أقطـارـ العالمـ الإـسـلامـيـ، وازـديـادـ حـجمـ رؤـوسـ أـموـالـهاـ وازـديـادـ حـجمـ أـعـمـالـهاـ وـمـاـ لـاـ شـكـ فـيـهـ أـنـ مـوـضـوـعـ الـبـحـثـ مـوـضـوـعـ دـقـيقـ، يـشـرـيـ طـالـبـ الـعـلـمـ وـيـنـمـيـ مـلـكـةـ الـاجـتـهـادـ.

حيث تسعى الدراسة إلى تناول عقد التأمين التكافلي ضمن منظومة التأمين، مركزاً على الارتباط الوظيفي بين عقد التأمين التكافلي ومنظومة التأمين بشكل عام في دولة الإمارات، وكيفية تطبيق قواعد ومتطلبات حوكمة الشركات الصادرة عن مجلس الخدمات المالية الإسلامية وهيئة المحاسبة والمراجعة للمؤسسات المالية في التأمين التكافلي.

حيث يتطلب بيان أحكام التأمين التكافلي، وما مدى ملائمة تطبيق قواعد ومتطلبات حوكمة الشركات الصادرة عن مجلس الخدمات المالية الإسلامية وهيئة المحاسبة والمراجعة للمؤسسات المالية في التأمين التكافلي ، كما أنه يتطلب بيان أوجه الشبه والاختلاف بين التأمين الإسلامي التكافلي والتأمين التجاري.

حيث تهدف الدراسة إلى:

- ١ - الوقوف على مضمون التأمين الإسلامي التكافلي والمدف المنشود منه،
- ٢ - وتناول الجوانب الفقهية ومقارنتها بالقانون الوضعي،
- ٣ - وبيان الفروق الجوهرية بين النموذج الإسلامي والنماذج الوضعي،
- ٤ - والوقوف على تأثير التأمين التكافلي الإسلامي الاقتصادي في دولة الإمارات العربية المتحدة.

### خلاصة الدراسة

نظراً لغياب التشريع المنظم لأحكام التأمين التكافلي كان سبباً في اختياري لهذا الموضوع، وهو ما دفعني إلى التأمل في الأركان والأسس والشروط الخاصة المتعلقة بهذا الموضوع، والبحث فيها من الزاوية الشرعية، لعلي أترك أثراً يستفاد منه في المستقبل. على الرغم من اتفاق اجتهاد علماء المسلمين على أن التأمين التكافلي هو البديل الشرعي عن التأمين التجاري، إلا أن الحاجة الفكرية للفقه الإسلامي تدعو إلى مزيد من التقصي حول فوائد التأمين الإسلامي التكافلي .

### المراجع

القرآن الكريم.

ابن منظور، محمد بن مكرم بن على أبو الفضل جمال الدين الأنصاري الرويفي الإفريقي، (د.ت).  
لسان العرب ، دمشق: دار ابن كثير.

أبو سليمان، عبدالوهاب إبراهيم، (١٩٩٩م). عقد الإيجارة مصدر من مصادر التمويل الإسلامي (دراسة فقهية مقارنة)، إصدارات البنك الإسلامي للتنمية المعهد الإسلامي للبحوث والتدريب.

أبو العباس شهاب الدين أحمد بن إدريس بن عبد الرحمن المالكي الشهير بالقرافي، (د.ت). ال بيروق في أنواع الفروق ، بيروت: عالم الكتب.

أحمد، عثمان بابكر، (٢٠٩٧م). قطاع التأمين في جمهورية السودان، جدة: إصدارات بنك التنمية الإسلامية.

البخاري، محمد بن إسماعيل بن إبراهيم، (٢٠٠٢م). صحيح البخاري، دمشق: دار ابن كثير.

حسني، عباس، (١٩٨٧م). عقد التأمين في الفقه الإسلامي والقانون المقارن، القاهرة: مكتبة وهبة للطباعة و النشر.

السمان، سوزان زهير السمان والقططاني، سارة، (٢٠١٨م). قاعدة لا ضرر ولا ضرار، مجلة الشريعة والدراسات الإسلامية، جامعة الكويت.

الشيرازي، أبو اسحاق إبراهيم بن علي بن يوسف، (د.ت). المهدب في فقة الإمام الشافعي، بيروت: دار الكتب العلمية.

عثمان، عبدالحليم أحمد محمد، (٢٠٠٨م).. فقه المسلمين في عقود التأمين، القاهرة: دار العلم والإيمان للنشر والتوزيع.

عليان، شوكت، (١٩٨١م). التأمين في الشريعة الإسلامية، الرياض: دار الرشيد.

الفنجري، محمد شوقي، (١٩٩٢م). الإسلام والتأمين، بيروت: دار الشروق.

النيسابوري، مسلم بن الحجاج بن مسلم القشيري، (٢٠٠٠م). صحيح مسلم بشرح النووي النيسابوري، الرياض: وزارة الشؤون الإسلامية والدعوة والإرشاد السعودية.

Dekatung Penghargaan  
Kepada



# ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB & KETAMADUNAN

Buku Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab Dan Ketamadunan Siri (2) 2021 merupakan himpunan artikel ilmiah terpilih daripada pembentangan dalam seminar anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang dikenali sebagai Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS) 2021 secara dalam talian untuk kali kedua. Penulisan buku ini pula merangkumi pelbagai isu dan cabaran dari aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kemahiran bahasa Arab, leksikal, sintaksis, balaghah, terjemahan, dan diakhiri dengan isu-isu budibicara hakam, dan pelaksanaan undang-undang mahkamah Syariah, serta insurans takaful Islam. Secara umumnya, istilah Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan yang digunakan dalam buku ini merangkumi semua bidang yang berkaitan dengan kajian pengajian bahasa dan linguistik Arab, dan kajian ilmu ketamadunan Islam secara holistik tanpa sempadan dari perspektif karyawan tempatan dan antarabangsa. Semoga sumbangan mereka dalam penyelidikan boleh menjadi pencetus idea kepada para pelajar, tenaga pengajar, sarjana, pengkaji dan ilmuwan dalam usaha mendepani isu dan cabaran semasa, menerokai idea baharu dan menyebarluaskan ilmu Islam secara nyata atau maya.

e ISBN 978-967-2808-10-7



9 789672 808107



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
جامعة إسلامية دولية سلاغور  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

FACULTY OF ISLAMIC AND CIVILIZATION STUDIES  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR